



ISLAM MEKAR BERSAMA MALAYSIA MADANI

TRANSFORMASI AL-FALAH HAL EHWAL AGAMA (2023-2025)



PENERBIT
KIM

لَقَدْ كَانَ لِسَبَإٍ فِي مَسْكِنِهِمْ ءَايَةٌ ^{وَصَلَّى} جَنَّتَانِ عَنْ يَمِينٍ
وَشِمَالٍ ^{صَلَّى} كُلُوا مِنْ رِزْقِ رَبِّكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ ^ج بَلَدَةٌ
طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ ﴿١٥﴾

Surah Saba' 34:15

Sesungguhnya, bagi kaum Saba' ada tanda (kekuasaan Tuhan) di tempat tinggal mereka, iaitu dua buah kebun di sebelah kanan dan di sebelah kiri. (Lalu dikatakan kepada mereka): "Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadaNya; (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun".



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-0044-36-1

Cetakan pertama 2025

© Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini yang boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Jenis Font : Helvetica Neue

Saiz Font : 10pt

Rekabentuk kulit dan reka letak : Mohd Hasrul bin Said

Penerbit IKIM

No. 2, Langgak Tunku off Jalan Tuanku Abdul Halim

50480 Kuala Lumpur, MALAYSIA

Tel: 03-6204 6200 / 6204 6250

Faks: 03-6204 6252

Penyunting Naskhah:

Mastura binti Mohd Zain

Mohd A'sim bin Ismail

Dicetak di Malaysia oleh:

Percetakan Salam Sdn. Bhd.

No.81 & 81A, Jalan KPK 1/8,

Kawasan Perindustrian Kundang Jaya,

48020, Rawang, Selangor Darul Ehsan.

ISLAM MEKAR

BERSAMA MALAYSIA MADANI

TRANSFORMASI AL-FALAH HAL EHWAL AGAMA (2023-2025)



KUALA LUMPUR • 2025

SEKAPUR SIRIH

السَّالَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT dan tahniah – *alf mabruk* – diucapkan kepada Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) atas penerbitan buku *Islam Mekar Bersama Malaysia MADANI*. Penerbitan buku ini amat ditunggu-tunggu terutama bagi membuktikan bahawa Kerajaan MADANI sentiasa komited terhadap agenda mengangkat ummah dan meninggikan syiar Islam di Malaysia.

Pencapaian-pencapaian transformatif lagi bermakna yang dirakam dalam buku ini mencakupi pelbagai tema dan tajuk, memenuhi maksud dan cita-cita pengisian kerangka Malaysia MADANI sepanjang tiga tahun lalu. Pendekatan syumul yang ditekankan menerusi falsafah pembangunan MADANI yang berteraskan nilai-nilai unggul sejagat mesti diterjemahkan dengan hikmah dalam segenap sektor kemasyarakatan dan kenegaraan.

Dalam konteks ini, peranan agensi Hal Ehwal Agama amat penting bagi mengawasi dan menggerakkan sektor agama di negara kita. Menerusi perancangan Pelan Transformasi Al-Falah yang dibangunkan, dimensi kemampunan pentadbiran, inovasi pengurusan serta kreativiti pelaksanaan yang diterapkan berjaya merangkum seluruh kepentingan dalam struktur dan sumber pembangunan hal ehwal Islam yang dinamik di negara kita.

Namun, tidak boleh mudah berpuas hati. Tekad dan semangat islah dan tajdid berterusan mesti diterapkan dalam kalangan warga agensi Hal Ehwal Islam bagi menjana kemajuan baharu dalam agenda pembangunan ummah pada masa hadapan. Cita-cita membina Kharya Ummah merupakan komitmen agama dan tamadun yang mesti kita jayakan dengan tulus dan istiqamah sepanjang hayat dan zaman.

Saya yakin warga agensi Hal Ehwal Agama berkemampuan menjayakan cita-cita besar ummah ini sekiranya kita saling berganding bahu dan meningkatkan kesatuan fikrah dan amal (*wahdah al-fikr wa al-amal*).

Semoga buku ini menjadi rujukan dan panduan bukan sahaja dalam sektor agama, malah turut diedar ke institusi pendidikan serta sektor perkhidmatan awam. Saya mengucapkan tahniah kepada semua yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini. Semoga segala sumbangan dan amal baik semua diterima sebagai amal jariah berpanjangan di sisi Allah SWT.

Anwar Ibrahim
Perdana Menteri



SEULAS PINANG

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, saya bersyukur dan teruja meneliti buku *Islam Mekar Bersama Malaysia MADANI* ini. Dalam ketetapan yang singkat semasa Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) (JPM-HEA) yang saya pengerusikan, hasil gandingan semua pihak di Agensi Hal Ehwal Agama, akhirnya karya ini diterbitkan.

Ketetapan terhadap penerbitannya adalah bagi membolehkan umat Islam secara khusus dan rakyat Malaysia secara umum memahami pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan agensi-agensi Hal Ehwal Agama dalam merealisasikan aspirasi Malaysia MADANI yang dicetus dan digagaskan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Aspirasi luhur itu akan menjadi lebih bermakna sekiranya dijayakan secara sistematik dan berstruktur menerusi perancangan kerja yang teratur.

Sehubungan itu, pada awal kepimpinan saya, Pelan Transformasi Hal Ehwal Agama Menuju Malaysia MADANI (Al-Falah) 2023–2027 dibangunkan pada peringkat JPM-HEA. Pelan yang telah disepakati dan dimuafakati bersama itu telah menjadi kerangka kerja warga agensi Hal Ehwal Agama dalam menjayakan cita-cita negara.

Sepanjang tiga tahun lalu, semua warga agensi telah bertungkus lumus dan berganding bahu menjayakan Transformasi Al-Falah. Natiujahnya jelas terzahir dalam pelbagai inisiatif, ikhtiar, pencapaian serta manfaatnya yang dinikmati umat Islam dan rakyat Malaysia.

Sebahagian besar pencapaian utama Transformasi Al-Falah telah dihipunkan secara ilmiah, berstruktur dan disertai visual yang menarik, menggunakan gaya bahasa yang mudah difahami, tertib serta bermutu tinggi. Saya berharap semua pihak tidak melepaskan peluang untuk menelaah kandungan ini yang sarat dengan fakta dan inspirasi bermakna. Saya dapati isi kandungannya amat mendorong kita semua untuk terus tekun dan gigih menjayakan Malaysia sebagai Negara MADANI, seterusnya memacu kegemilangan Tamadun *Khayra Ummah*.

Akhir sekali, setinggi-tinggi penghargaan kepada Ketua-ketua agensi Hal Ehwal Agama yang telah mendokong projek ini dari segenap segi. Juga kepada Dr. Muhamad Razak bin Idris, Setiausaha Politik saya dan Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) yang telah menyunting karya ini dan mengemudi pengurusan penerbitannya. Tidak dilupakan juga seluruh anggota sidang redaksi serta para pengarang yang telah mencurahkan masa, tenaga dan komitmen demi memastikan karya ini dapat diterbitkan dengan sebaiknya. Atas segala sumbangan yang dicurahkan, saya akhiri dengan ucapan penuh penghargaan—*jazākumulLāh khayra kathīra*.

Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Mohktar
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)



SEPATAH DUA KATA

السَّالَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Buku Islam Mekar Bersama Malaysia MADANI ini bertujuan memberikan kefahaman kepada rakyat Malaysia tentang gerakan transformasi hal ehwal Islam yang telah dilaksanakan dengan jayanya di bawah kepimpinan YB Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) (JPM-HEA), sepanjang tahun 2023–2025. Ketetapan bagi pelaksanaan penulisan buku ini telah disepakati dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi JPM-HEA, dan diharap dapat menjadi sumber rujukan serta panduan kepada semua pihak yang ingin mendalami usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh agensi-agensi Hal Ehwal Agama dalam merealisasikan gagasan Malaysia MADANI sepanjang tiga tahun yang lalu.

Kami berasa amat bertuah kerana telah diberi amanah oleh YB Menteri untuk mengemudi projek penerbitan buku yang penting dan begitu bermakna ini. Bagi melancarkan proses penerbitannya, sebuah Jawatankuasa Khas Penerbitan telah ditubuhkan dan diurussetiakan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Wakil-wakil daripada semua agensi Hal Ehwal Agama telah berganding bahu menyediakan input, foto serta maklumat yang sahih berpandukan garis besar kandungan yang telah ditetapkan. Sebuah pasukan sidang redaksi turut dibentuk di peringkat IKIM, dan para pengarang telah dilantik mengikut tugas bab masing-masing. Proses penyuntingan serta reka bentuk buku ini dilaksanakan dengan teliti bagi memastikan hasil akhir yang terbit mencapai mutu dan matlamat yang diharapkan.

Buku ini diharap menjadi sumber rujukan paling berwibawa bagi rakyat Malaysia dalam memahami usaha dan gerak kerja pembangunan ummah yang telah dilaksanakan oleh JPM-HEA sepanjang tiga tahun kebelakangan ini. Semoga buku ini dapat menambah keyakinan semua pihak terhadap komitmen Kerajaan MADANI dalam mengangkat martabat syiar Islam dan memperkukuh kecemerlangan ummah masa kini.

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penghasilan karya ini, khususnya urusetia penerbitan yang telah bekerja dengan penuh dedikasi dan ketelitian. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada ketua-ketua agensi Hal Ehwal Agama atas sokongan padu mereka dalam menampung kos penyediaan manuskrip serta percetakan buku ini.

Dr. Muhamad Razak bin Idris

Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil

Ketua Editor

ISI KANDUNGAN

vi **SEKAPUR SIREH**
YAB PERDANA MENTERI

vii **SEULAS PINANG**
YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

viii **SEPATAH DUA KATA**
KETUA EDITOR

2 BAB 1
TRANSFORMASI AL-FALAH JAYAKAN ASPIRASI MALAYSIA MADANI

14 BAB 2
KECEMERLANGAN AGENSI HAL EHWAL ISLAM

34 BAB 3
PENGHAYATAN ISLAM SYUMUL

64 BAB 4
KEUNGGULAN PERUNDANGAN SYARIAH

88 BAB 5
KELESTARIAN EKONOMI UMMAH

108 BAB 6
KESEJAHTERAAN SOSIAL UMMAH


130 BAB 7
AGENDA KEMANUSIAAN DAN PERPADUAN UMAT

140 BAB 8
KEHARMONIAN TAMADUN INSAN

158 BAB 9
**JALAN KE HADAPAN
MENUJU KHAYRA UMMAH**

BAB 1

TRANSFORMASI AL-FALAH JAYAKAN ASPIRASI MALAYSIA MADANI



TRANSFORMASI AL-FALAH JAYAKAN ASPIRASI MALAYSIA MADANI

Era baharu Malaysia MADANI di bawah kepimpinan YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim menandakan titik tolak penting dalam pembinaan negara bangsa yang berteraskan nilai kemanusiaan, keadilan dan ihsan. Seiring dengan hasrat ini, Pelan Transformasi Hal Ehwal Agama Menuju Malaysia MADANI (Al-Falah) 2023–2027 diperkenalkan oleh Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) (JPM-HEA) sebagai usaha menyeluruh untuk menyatukan hala tuju, memperkukuh kesatuan fikrah dan memperkemas pengurusan hal ehwal Islam di peringkat nasional. Pelan ini menjadi dokumen induk yang memacu strategi dan tindakan seluruh warga Agensi Hal Ehwal Agama bagi menjayakan aspirasi Membangun Malaysia MADANI yang digagaskan oleh YAB Perdana Menteri dalam memastikan Islam terus mekar, subur dan terzahir sebagai sumber kekuatan spiritual, sosial dan pembangunan negara bangsa yang sejahtera.

MALAYSIA MADANI: VISI DAN KERANGKA DASAR PEMBANGUNAN NEGARA

Pada 24 November 2022, Dato' Seri Anwar Ibrahim telah mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri ke-10 di hadapan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. Beliau telah dipilih untuk mengetuai sebuah kerajaan perpaduan yang terdiri daripada gabungan parti-parti politik yang telah memenangi Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15.

Pada 19 Januari 2023, YAB Perdana Menteri telah menyampaikan amanat “Membangun Malaysia MADANI” bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Dalam majlis tersebut juga, buku *Membangun Negara MADANI—Visi dan Kerangka Dasar Reformasi* karya YAB Perdana Menteri turut diluncurkan dan diterbitkan oleh Institut Darul Ehsan (cetakan keempat, April 2023). Karya ini merupakan sebuah pengembangan idea dalam versi bahasa Melayu berasaskan buku *SCRIPT For a Better Malaysia—An Empowering Vision and Policy Framework for Action* (Anwar Ibrahim, IDE & The Center for Postnormal



Dato' Seri Anwar Ibrahim menandatangani warkah pelantikan sebagai Perdana Menteri ke-10.

Policy & Future Studies, 2022) yang juga diluncurkan oleh YAB Perdana Menteri di Kuala Lumpur pada 2 Oktober 2022.

Amanat “Membangun Malaysia MADANI” oleh YAB Perdana Menteri kini menjadi sumber falsafah dan aspirasi pembinaan negara Malaysia untuk fasa seterusnya. Karya *Membangun Negara MADANI* sarat dengan pedoman pemikiran, pendekatan sepadu dalam pembangunan serta nilai-nilai unggul sebuah negara yang mesti diterjemahkan dan direalisasikan dalam segenap spektrum kehidupan dan peradaban masyarakat dan negara tercinta. Malah, karya ini turut mengemukakan kerangka dasar pembinaan negara mencakupi aspek politik, ekonomi dan sosial yang bersifat mampan, dinamik dan progresif demi mempersiapkan rakyat dan negara berhadapan dengan situasi dunia dan masa depannya yang tidak menentu terutama dalam era baharu yang dikenali sebagai “pasca normal” (*post-normal times*).

Ketika menyampaikan amanat Membangun Malaysia MADANI, YAB Perdana Menteri menyatakan:

Kita telah menelusuri perjalanan yang cukup jauh dan getir dalam usaha membina negara bangsa. Sejak tanah air kita menuntut kemerdekaan daripada cengkaman penjajah, di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, kita mudik ke hadapan membangun anak watan melalui pelbagai dasar dan polisi yang diperkenalkan.


Hari ini, dengan mandat yang jelas, keabsahan yang teguh, didukung oleh majoriti yang cukup besar ahli-ahli Dewan Rakyat yang mengangkat Kerajaan Perpaduan, Alhamdulillah, kita akan membawakan sebuah hala tuju baharu yang akan memandu seluruh jentera kerajaan serta rakyat Malaysia.



YAB Perdana Menteri menyampaikan amanat Membangun Malaysia MADANI di PICC.



Buku Membangun Malaysia MADANI.



Buku Script for a Better Malaysia.

Malaysia MADANI akan menjadi satu gagasan baharu yang memeta hala tuju Malaysia menuju sebuah negara bangsa yang maju dan sejahtera. Atas semangat itu, kejutuan hasrat dan kesungguhan azam, maka saya ingin membawa gagasan baharu Malaysia MADANI ini sebagai mantra yang akan kita dukung bersama.

(Anwar Ibrahim, ms 207)

Aspirasi Malaysia MADANI yang digagaskan YAB Perdana Menteri menjadi sumber rujukan dan panduan pada segenap peringkat golongan masyarakat terutama para intelektual, pemimpin komuniti serta penjawat awam. Amanat tersebut hakikatnya juga memang dinanti-nanti oleh kerana faktor persekitaran politik yang tidak menentu sejak beberapa tahun sebelumnya telah memberikan kesan langsung terhadap ketahanan pentadbiran negara. Peralihan kepemimpinan negara dalam tempoh yang singkat sebelum ini ternyata telah mengganggu kelancaran urusan pentadbiran serta kemajuan rakyat. Tambahan pula, negara baru sahaja melepasi fasa cabaran ancaman penyakit COVID-19 yang menular di seluruh dunia. Situasi dan cabaran ini telah menimbulkan kebimbangan dan perasaan ketidaktentuan dalam kalangan rakyat tentang nasib hidup mereka serta kedudukan negara pada masa hadapan.

Sesungguhnya, amanat Membangun Malaysia MADANI yang dikemukakan oleh YAB Perdana Menteri telah mengembalikan semula keyakinan rakyat terhadap kedudukan negara yang kini telah berada di landasan yang jelas dan kukuh serta masa hadapan mereka akan terus terjamin dan diperkasakan. Jentera pentadbiran serta seluruh sumber kekuatan akan digembeng secara telus, adil dan saksama demi membina negara bangsa Malaysia yang progresif.

Dalam bukunya, Dato' Seri Anwar Ibrahim menjelaskan visi kepemimpinan beliau menerusi agenda Malaysia MADANI seperti yang berikut:

6 Nilai Teras Malaysia MADANI



KEMAMPANAN

Mutu hidup seimbang berdasarkan citra Malaysia yang unik berasaskan ilmu pengetahuan dan kearifan tempatan.



KESEJAHTERAAN

Kesejahteraan ekonomi, sosial dan kelestarian alam melalui budaya ilmu dan kepelbagaian pandangan.



DAYA CIPTA

Pembaharuan dan pengupayaan modal insan bagi menjelmakan daya cipta manusia.



HORMAT

Perilaku budi bahasa kepada kekayaan tradisi, merayakan kemajmukan dan meraikan perbezaan pandangan dunia.



KEYAKINAN

Menghidupkan harapan terhadap perubahan seiring sikap amanah melakukan perubahan ke arah kebaikan.



IHSAN

Belas ihsan akan nasib semua pihak melalui tindakan pemberdayaan kemanusiaan.

Untuk membangun tanah air yang lebih mampan dan makmur berteraskan ruh daya cipta, nilai hormat, keyakinan dan ihsan, di mana keterangkuman dan kesaksamaan menjadi teras utamanya—yakni sebuah masyarakat Malaysia yang adil.

(ms. 27, 2023)

Oleh itu, bagi menjayakan matlamat tersebut, beliau menegaskan bahawa:

Sewajarnya harus ada tekad untuk mengubah persepsi yang jumud terhadap rakyat Malaysia. Daripada sebuah bangsa yang terkongkong pemikirannya atau sekadar menjadi pendengar dan pengikut setia, kepada suatu bangsa yang berperanan aktif mencorak dan menentukan masa hadapan kita dan anak cucu. Tanggungjawab ini milik kita bersama, dan jika digalas dengan semangat Reformasi yang sebenar kita mampu menegakkan keadilan, kesaksamaan dan kesejahteraan yang kita dambakan selama ini.

(ms 10, 2023)

Membangun Malaysia MADANI sesungguhnya merupakan aspirasi unggul kepemimpinan negara bagi memacu kecemerlangan bangsa dan kegemilangan negara di pentas peradaban hari ini. Berasaskan semangat reformasi dan bertunjangkan jiwa *islah* dan *tajdid* ummah bertujuan mengangkat darjat, martabat dan *harakat* rakyat dan bangsa ke mercu kejayaan, aspirasi Malaysia MADANI menjadi sumber pendorong idea dan cita-cita sekalian rakyat demi maruah mereka di pentas dunia. Warga bermaruah dan dihormati dari perspektif kerangka MADANI ialah warga yang mampu menegakkan nilai-nilai unggul kemanusiaan yang sejagat dalam segenap dimensi kehidupannya.

Dalam konteks ini, Dato' Seri Anwar Ibrahim menghuraikan bahawa:

Kerangka MADANI merupakan suatu ikhtiar yang bersepadu dan holistik: keenam-enam komponennya tidak berfungsi secara berasingan. Ada hubungan kesalingan yang rapat antara setiap komponen. Sementara ketergantungan mereka terhadap satu sama lain menjadikan segala dasar yang digubal menjadi lebih manusiawi,

AGENSI-AGENSI DI BAWAH JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL ISLAM)



Jabatan Kemajuan Islam
Malaysia (JAKIM)



Jabatan Kehakiman Syariah
Malaysia (JKSM)



Jabatan Wakaf, Zakat dan
Haji (JAWHAR)



Majlis Agama Islam Wilayah
Persekutuan (MAIWP)



Jabatan Mufti Wilayah
Persekutuan (JMWP)



Jabatan Agama Islam Wilayah
Persekutuan (JAWI)



Mahkamah Syariah Wilayah
Persekutuan (MSWP)



Jabatan Pendakwaan Syariah
Wilayah Persekutuan (JaPenSWP)



Lembaga Tabung Haji (TH)



Institut Kefahaman Islam
Malaysia (IKIM)



TV AlHijrah



Yayasan Dakwah Islamiah
Malaysia (YADIM)



Yayasan Pembangunan
Ekonomi Islam Malaysia
(YAPEIM)



Yayasan Waqaf Malaysia
(YWM)

yang sentiasa ditambahbaik menerusi musyawarah dan maklum balas rakyat. Justeru secara kolektifnya, kerangka ini akan meletakkan asas untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang madani, maju, terampil dan terangkum.

(ms.25. 2023)

Sesungguhnya aspirasi Malaysia MADANI merupakan impian kenegaraan yang mesti didukung dan dijayakan oleh segenap lapisan masyarakat. Seluruh rakyat hendaklah berganding bahu bagi merealisasikan wawasan luhur agenda memartabatkan bangsa dan negara yang dihormati di pentas peradaban dunia hari ini dan pada masa hadapan.

PELAN TRANSFORMASI AL-FALAH: MELONJAKKAN AGENDA ISLAM DALAM ERA MALAYSIA MADANI

Amanat Membangun Malaysia MADANI yang digagaskan oleh YAB Perdana Menteri telah disambut oleh seluruh warga JPM-HEA. Rentetan itu, YB Menteri di JPM-HEA, Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Mokhtar telah mengarahkan pembentukan satu Jawatankuasa Khas melibatkan semua wakil agensi di bawah JPM-HEA agar meneliti amanat serta kandungan buku *Membangun Negara MADANI* untuk dihayati oleh segenap warga JPM-HEA. Jawatankuasa Khas itu juga dikehendaki memperincikan falsafah, pendekatan dan program yang sesuai berpandukan kerangka MADANI agar gagasan dan aspirasi Malaysia MADANI dapat diterjemahkan dan dijayakan secepat mungkin pada peringkat agensi-agensi bawah JPM-HEA.

Setelah melalui beberapa siri perbincangan dan bengkel pemerincian, Jawatankuasa Khas yang dibentuk telah mencadangkan sebuah pelan perancangan gerak kerja yang dinamakan Pelan Transformasi Hal Ehwal Agama Menuju Malaysia MADANI (Al-Falah) 2023–2027 atau juga dikenali Pelan Transformasi Al-Falah.

Pembangunan Pelan Transformasi Al-Falah ini dilaksanakan bertujuan menjayakan agenda pembaharuan dan pembangunan ummah sejajar aspirasi Membangun Malaysia MADANI oleh YAB Perdana Menteri. Pelan Transformasi Al-Falah juga digubal berdasarkan falsafah dan semangat “Bersama Mencapai Kejayaan” (*hayya ala al-falah*) yang menjadi moto harian fardu solat. Pelan ini mengandungi inisiatif dan panduan pentadbiran serta gerak kerja JPM-HEA yang akan dilaksanakan menerusi agensi-agensinya. Pelan Transformasi Al-Falah juga menjadi landasan hala tuju dan kesatuan fikrah serta amal kepada semua warga agensi JPM-HEA sepanjang 2023–2027.

Pelan Transformasi Al-Falah dirangka dan dihasilkan selari dengan perubahan semasa dasar Kerajaan dan pendekatan baharu melibatkan Malaysia MADANI, Maqasid Syariah, Agenda Pembangunan Mampan 2030, Pelan Anti Rasuah Nasional serta dasar-dasar lain yang berkaitan. Perkara ini penting bagi memastikan penyelarasan dan kesinambungan yang holistik dan berkesan ke arah mengoptimumkan keberhasilan program. Pelan Transformasi Al-Falah, JPM-HEA ini telah dilancarkan secara rasmi oleh YB Menteri JPM-HEA pada 31 Januari 2023. Dalam perutusannya, Dato’ Setia Dr. Hj. Mohd Naim bin Mokhtar telah memetik kata-kata Saidina Ali r.a. yang pernah berpesan, “Kebatilan yang terancang mampu mengalahkan kebenaran yang tidak terancang”.

Oleh itu, menurut beliau pesanan ini mengingatkan perihal kepentingan merancang hala tuju dan menggubal strategi demi memastikan peningkatan kualiti perkhidmatan hal ehwal Islam yang berterusan. Sejak negara mencapai kemerdekaan pada 1957 hingga kini, landskap pengurusan hal ehwal Islam telah mengalami pelbagai perubahan pada peringkat Persekutuan dan Negeri seiring dengan cabaran dalaman dan luaran yang dihadapi. Terkin, Pelan Transformasi Al-Falah telah dihasilkan sebagai dokumen induk yang merangkumi perancangan utama kesemua agensi bagi tempoh lima tahun (2023–2027).



YB Menteri di JPM-HEA, Dato’ Setia Dr. Hj. Mohd Naim bin Mokhtar menyampaikan amanat dan ucapan peluncuran Pelan Transformasi Al-Falah.

Sehubungan itu, Dato’ Setia Dr. Hj. Mohd Na’im bin Mokhtar menjelaskan bahawa objektif terpenting Pelan Transformasi Al-Falah adalah seperti yang berikut:

- a) Menggariskan teras-teras strategik untuk dicapai oleh JPM-HEA pada tahun 2023–2027;
- b) Membentuk kesatuan fikrah, gerak kerja dan nilai-nilai bersama dalam kalangan seluruh kepimpinan agensi dan warga kerja JPM-HEA dalam menjayakan pelan transformasi yang disepakati bersama; dan
- c) Memandu penglibatan dan sokongan umat Islam pada segenap peringkat dalam menjayakan visi kesejahteraan Malaysia MADANI.



Pelan Transformasi Al-Falah

5 TERAS & 10 FOKUS

01

PENTADBIRAN ISLAM MAMPAN

Fokus 1: Pengislahan Dasar & Tadbir Urus Institusi Islam

Fokus 2: Pemantapan Penyelidikan dan Persuratan Islam

02

KESEJAHTERAAN INSAN

Fokus 3: Kemampuan Ekonomi dan Kebajikan Sosial Islam

Fokus 4: Pengukuhan Perpaduan Ummah dan Keharmonian Tamadun

03

KEMULIAAN SYARIAH

Fokus 5: Memartabatkan Perundangan & Kehakiman Islam

Fokus 6: Penghayatan Nilai Masyarakat MADANI

04

KEPIMPINAN BERDAYA CIPTA

Fokus 7: Pengukuhan Kepimpinan Generasi Muda dan Komuniti.

Fokus 8: Pemeraksanaan Media dan Kesenian Islam

05

KEHORMATAN INSTITUSI ISLAM

Fokus 9: Kesungguhan Pendidikan Islam dan Dakwah Berhikmah.

Fokus 10: Pemodenan Prasarana Institusi Islam

Pelan Transformasi Al-Falah menggariskan Lima Teras yang menjadi sasaran induk perancangan gerak kerja ke arah melonjakkan agenda Islam dalam era Malaysia MADANI iaitu seperti yang berikut:



Dalam ucapannya semasa melancarkan Pelan Transformasi Al-Falah, Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Mokhtar menjelaskan bahawa Teras Pentadbiran Islam Mampuan berpandukan dua fokus, iaitu: pengislahan dasar tadbir urus institusi Islam; dan pemantapan penyelidikan dan persuratan Islam. Manakala, Teras Kesejahteraan Insan pula tertumpu kepada kemampuan ekonomi dan kebajikan sosial Islam serta pengukuhan perpaduan ummah dan keharmonian tamadun. Teras Kemuliaan Syariah pula tertumpu kepada usaha memartabatkan perundangan dan kehakiman Islam serta penghayatan nilai masyarakat MADANI. Bagi Teras Kepimpinan Berdaya Cipta fokusnya adalah terhadap pengukuhan kepimpinan generasi muda dan komuniti serta pemeraksanaan kesenian Islam. Akhir sekali, Teras Kehormatan Institusi Islam memberikan tumpuan terhadap keunggulan pendidikan Islam dan dakwah berhikmah serta cakna kepada usaha pemodenan prasarana institusi Islam termasuk institusi sekolah agama, pondok, tahfiz dan kelas agama fardu ain.

Sehubungan itu, Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Mokhtar menggesa seluruh warga di JPM-HEA agar meningkatkan usaha dan kefahaman ke arah menjayakan agenda Membangun Malaysia MADANI menerusi pelaksanaan secara teliti setiap perancangan yang dirangka menerusi Pelan Transformasi Al-Falah. Berdasarkan perancangan sepanjang lima tahun pelan ini, ia akan memperoleh 11 keberhasilan utama berpanduan 21 strategi yang dirangka dan mencakupi 31 program induk. Pencapaian terhadap sasaran-sasaran yang disusun tersebut dijangka menjadi pencetus dan pendorong yang menggerakkan dimensi transformasi atau pembaharuan terhadap pemikiran, sistem, budaya, sikap dan kepimpinan institusi hal ehwal Islam secara bersepadu dan menyeluruh seterusnya meningkatkan kualiti perkhidmatan dan penyampaian kepada rakyat, pembangunan syiar Islam yang utuh, kecekapan organisasi serta kesejahteraan ilmu, pendidikan dan kebajikan sosial ummah.

Pelan Transformasi Al-Falah yang digubah selaras dengan Rancangan Malaysia dan dasar sedia ada negara ke arah membina kegemilangan tamadun ummah menuju Malaysia MADANI yang dokumen ini menjadi rujukan kepada organisasi pengurusan hal ehwal Islam demi melaksanakan fungsi masing-masing secara sistematik dan berkesan berdasarkan strategi dan pelan tindakan olaahan bersama.

Selari dengan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan yang jelas termaktub dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan, Agensi Hal Agama Islam merupakan komponen yang teramat penting untuk menjaga martabat agama Islam dan umatnya. Dengan latar belakang dan fungsi setiap 14 agensi yang berbeza, Pelan Transformasi Al-Falah yang dibangunkan ini akan menjadikan agensi-agensi agama lebih efisien dan bergerak secara sinergi ke arah pencapaian visi utama JPM-HEA iaitu peneraju pengurusan hal ehwal Islam demi kesejahteraan dan pembangunan ummah.

Demi memastikan keberkesanan pelaksanaan Pelan Transformasi Al-Falah, Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Mokhtar menggesa seluruh warga Agensi Hal Ehwal

Agama agar menghayati **Lima Nilai Al-Falah** iaitu **Ilmu, Integriti, Itqan, Istiqamah** dan **Ikhlās**. Penghayatan kelima-lima nilai akan mampu meningkatkan kualiti serta membangunkan warga JPM-HEA yang berintegriti dan bertakwa dalam pelaksanaan amanah yang ditugaskan ke arah menjayakan visi dan misi Malaysia MADANI.

Dalam rangka untuk memastikan Pelan Transformasi Al-Falah dapat direalisasikan mengikut jadual yang dirancang, JPM-HEA akan bekerjasama dengan semua pihak meliputi Sektor Awam (Kementerian dan Jabatan Persekutuan; Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri; Majlis dan Jabatan Agama Islam Negeri dan Jabatan Mufti Negeri), Sektor Swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan, Badan Berkanun, Syarikat Berkaitan Kerajaan, Universiti Awam dan Swasta serta Agensi dan Organisasi Islam Peringkat Serantau dan Antarabangsa. Menerusi kerjasama dan penglibatan segenap peringkat masyarakat, Pelan Transformasi Al-Falah akan menjadi landasan yang kukuh ke arah melonjakkan agenda Islam yang syumul dalam era Malaysia MADANI.

AGENDA ISLAM MEKAR DI BUMI MALAYSIA: NARATIF TRANSFORMASI KEYAKINAN MENCAPAI MERCU KECEMERLANGAN UMMAH

Sesungguhnya cita-cita pembinaan Malaysia sebagai Negara MADANI yang maju, makmur dan sejahtera menuntut komitmen semua pihak termasuk daripada kalangan rakyat yang terlibat dalam sektor keagamaan. Dalam konteks ini, JPM-HEA merupakan antara istituti utama pada peringkat kerajaan yang memainkan peranan penting mengemudi kepimpinan dan gerak kerja hal ehwal Islam ke arah mencapai peningkatan, pembaikan dan pembaharuan atau transformasi menuju *al-Falah* iaitu kecemerlangan ummah.

Matlamat terakhir daripada segala usaha dan inisiatif Transformasi Al-Falah adalah bagi memastikan agenda Islam terus Mekar di Malaysia. Kerangka MADANI seperti digagaskan oleh YAB Perdana Menteri yang menekankan

pembinaan negara MADANI berteraskan enam nilai unggul yang sejagat merupakan sebuah ruang dan medan yang luas bagi menggerakkan kecemerlangan peradaban ummah seterusnya memastikan penghayatan Islam yang subur dalam kalangan rakyat meliputi segenap dimensi kehidupan.

Menurut Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Mokhtar, Pelan Transformasi Al-Falah merupakan sebuah penumpuan minda dan tindakan yang bermatlamat memastikan kehidupan beragama dan penghayatan Islam sentiasa mekar di bumi Malaysia. Dalam hubungan ini, YB Menteri JPM-HEA ketika menyampaikan Amanat Tahun 2025 kepada warga Agensi Hal Ehwal Agama pada 23 Januari 2025 di Masjid Putrajaya telah menganjurkan kempen "Islam Mekar di Bumi Malaysia" digerakkan di seluruh negara. Ini kerana, menurut Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Mokhtar:

Tema Islam Mekar di Bumi Malaysia ini diangkat kerana ia mengandungi mesej yang jelas tentang peranan dan tanggungjawab semua warga kerja agensi terhadap cita-cita bersama kita ke arah mendaulatkan kedudukan agama Islam di negara kita yang tercinta ini.



Dalam erti kata yang lain, sepanjang tempoh amanah yang telah diberikan kepada kita semua ini, marilah kita bersama-sama berganding bahu mengisi ruang-ruang yang wujud dan terbuka luas di negara kita hari ini dengan usaha dan ikhtiar bersungguh-sungguh meningkatkan kemajuan dan kecemerlangan ummah dalam segenap segi kehidupan mereka.

Ruang-ruang yang luas dan subur yang terbentang di negara kita hari ini adalah sebuah nikmat dan anugerah terbesar yang dikurniakan Allah SWT kepada kita umat Islam di Malaysia yang mesti kita syukuri setinggi-tingginya. Persekitaran kehidupan beragama yang aman dan harmoni serta disusuli dengan dukungan kepimpinan negara tanpa berbelah bahagi terhadap agenda pembangunan hal ehwal Islam merupakan sebuah anugerah terbesar kepada umat Islam di negara ini.

Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Mokhtar juga menyeru warga Agensi Hal Ehwal Agama agar menghargai pelbagai ruang dan kemudahan yang wujud di negara kita bagi tujuan meningkatkan kecemerlangan ummah. Hal ini merupakan suatu nikmat yang mesti disyukuri jika dibandingkan dengan sesetengah negara Islam yang lain. Beliau menyatakan bahawa;

Sekiranya situasi ini kita bandingkan dengan persekitaran dan halangan yang sedang dihadapi oleh ramai saudara seagama kita di sebahagian negara Islam, perkara ini tentu akan menginsafkan kita. Dalam keadaan kita dikurniakan nikmat ruang dan persekitaran yang melimpah ruah, rakan-rakan kita di Palestin, Sudan dan Syria sebagai contoh sedang berdepan dengan pelbagai cabaran yang menuntut kesabaran dan kecekalan yang tinggi. Manakala di sesetengah negara di Eropah, umat Islam masih berdepan dengan cabaran Islamofobia yang menghambat kehidupan mereka.

Menerusi tema Islam Mekar di Bumi Malaysia, kita ingin mengajak seluruh warga kerja agensi meningkatkan usaha, berganding bahu bekerjasama dan menumpukan fokus bagi menjayakan usaha meninggikan syiar Islam seterusnya meningkatkan kemajuan ummah.

Marilah bersama-sama menyuburkan kegiatan dakwah, meningkatkan budi dan akhlak masyarakat seterusnya membela sebahagian umat Islam yang masih terpinggir dalam pelbagai bidang kehidupan.

Sesungguhnya, kempen dan naratif Islam Mekar di Bumi Malaysia juga diharap akan dapat menyuntik suatu transformasi keyakinan dalam jiwa dan minda rakyat agar tidak terpengaruh dengan dakwaan bahawa iaitu kehidupan beragama di Malaysia kini dalam situasi tercabar dan terancam.

Dalam hubungan ini, Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Mokhtar menyatakan rasa sedih apabila terdapat sesetengah pihak yang sengaja menimbulkan naratif yang tersasar dengan mengatakan bahawa kedudukan agama Islam dan masa depan ummah di negara kita dalam keadaan terancam serta tiada pembelaan. Beliau menegaskan bahawa:

Sesungguhnya naratif ini adalah satu bentuk dakyah yang amat menyeleweng yang sengaja ditimbulkan bertujuan bagi menimbulkan keraguan dan perpecahan dalam kalangan umat Islam di negara kita. Oleh itu, saya ingin menyeru seluruh warga agensi agar tidak terpengaruh dengan naratif yang dibina berasaskan motif dan kepentingan kelompok yang sempit. Dalam masa yang sama, menjadi tanggungjawab kita untuk menjelaskan kekeliruan yang ditimbulkan oleh sesetengah pihak tersebut. Saya amat berharap, tema Islam Mekar di Bumi Malaysia ini akan menjadi satu kempen kesedaran baru dalam kalangan umat Islam di negara kita seterusnya membina keyakinan iaitu hakikat kedudukan agama Islam dan kemajuan ummah terus mekar dan subur di negara.

Agenda melonjakkan kecemerlangan ummah demi memastikan Islam Mekar di Bumi Malaysia merupakan sebuah perjuangan menyeluruh yang menuntut komitmen, penglibatan dan pengorbanan semua pihak.

Dalam hubungan ini, peranan sektor agama terutama JPM-HEA amat besar dan penting. Ini kerana masih banyak isu dan cabaran yang mesti ditangani secara tersusun dan rapi dalam segenap aspek dan bidang pembangunan dan kecemerlangan ummah.

Dalam rangka mengisi agenda Islam Mekar di Bumi Malaysia, Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Mokhtar juga menggariskan lima tonggak kerja yang wajar ditumpukan oleh warga Agensi Hal Ehwat Agama iaitu seperti yang berikut:



Kelima-lima tonggak ini menjadi tema kerja yang perlu dijadikan panduan oleh warga Agensi Hal Ehwat Agama dalam sebarang perancangan dan pelaksanaan aktiviti yang pelbagai. Pengisian kelima-lima tema kerja tersebut diyakini tidak sahaja mengisi agenda Islam Mekar di Bumi Malaysia malah memperteguhkan lagi kecemerlangan ummah pada masa hadapan.

Pengisian terhadap agenda Islam Mekar di Bumi Malaysia juga menuntut seluruh Agensi Hal Ehwat Agama menangani pelbagai isu dan cabaran semasa dalam bidang pembangunan hal ehwal Islam di negara kita hari ini. Antara isu yang wajar diberikan perhatian adalah seperti yang berikut:

a) **Pemeriksaan Pendidikan Agama**

Pemeriksaan Pendidikan Agama mencakupi aspek penyelarasan dan penyeragaman KAFA, pengadaptasian perubahan teknologi dalam sektor pendidikan Islam, peningkatan keupayaan sistem pelajaran dan pendidikan agama Islam merangkumi pondok tahfiz, sekolah agama negeri (SAN), Sekolah agama rakyat (SAR) serta program KAFA.

b) Pengurusan Teknologi dan Pendigitalan Maklumat

Ia meliputi program transformasi digital dan revolusi industri yang semakin berkembang, pencegahan penyebaran maklumat palsu dan budaya serta kegemaran menimbulkan kontroversi dalam kehidupan sosial;

c) Pengukuhan Pengurusan Pentadbiran Perundangan Islam

Ini termasuk langkah pemerkasaan bidang kuasa mahkamah Syariah yang terhad dan penyeragaman perundangan syariah;

d) Pemerkasaan Institusi Keluarga, Sosial dan Masyarakat

Cabaran ini meliputi aspek perluasan peranan masjid sebagai pusat komuniti dan kecemerlangan ummah, pemantapan kompetensi dan kepakaran khusus, pembudayaan kerja berpanduan data, peningkatan profesionalisme pendakwah dan kemahiran mengurus yang berterusan;

e) Peningkatan Kerjasama Strategik dengan Pihak Berkepentingan

Sektor agama dituntut untuk meningkatkan kolaborasi dengan agensi-agensi kerajaan / badan berkanun dalam pelaksanaan agenda keislaman dalam pelbagai bidang yang diteroka; dan

f) Kebersamaan Masyarakat Islam Serantau

Cabaran ini memerlukan penglibatan bersama sektor agama dalam pembangunan sosioekonomi umat

Islam pada peringkat antarabangsa, meningkatkan pengeluaran produk dan perkhidmatan halal tempatan oleh pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana serta pembangunan ekonomi asnaf.

KESIMPULAN

Cabaran besar dalam sektor pembangunan hal ehwal Islam merupakan sebuah tanggungjawab berat yang mesti ditanggung bersama-sama. Namun, cabaran besar ini pasti menjadi ringan dan lancar sekiranya semua pihak dapat bergandingan secara saksama, berganding bahu sebagai sebuah pasukan yang padu berasaskan semangat dan kepentingan menjayakan kecemerlangan ummah.

Kerangka Membangun Malaysia MADANI yang digagaskan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim, merupakan sebuah ruang dan medan terbaik yang mesti difahami oleh umat Islam dalam agenda memperkasakan kecemerlangan ummah dalam era baharu hari ini.

Menerusi Pelan Transformasi Al-Falah, Agensi Hal Ehwal Agama di JPM-HEA telah dipersiapkan dengan panduan dan gerak kerja bagi mengukuhkan kesatuan fikrah dan amal, meningkatkan penyelarasan, kualiti perkhidmatan dan budaya kebersamaan yang saling bergandingan bagi menjayakan misi mencapai matlamat memastikan Islam terus Mekar dan Subur di Bumi Malaysia dalam era Malaysia MADANI.



BAB 2

KECEMERLANGAN AGENSI HAL EHWAL ISLAM



KECEMERLANGAN AGENSI HAL EHWAL ISLAM

Sepanjang tahun 2023–2027, Agensi Hal Ehwal Agama di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah memperoleh pelbagai anugerah dan pengiktirafan serta berjaya membangunkan sejumlah inovasi perkhidmatan kepada umat Islam di Malaysia. Pencapaian ini amat membanggakan kerana telah berjaya menzahirkan kecemerlangan agensi-agensi dalam merealisasikan matlamat Pelan Transformasi Al-Falah menerusi pendekatan pengislahan pentadbiran dan pengurusan hal ehwal Islam. Kecemerlangan ini sesungguhnya memberi sumbangan bermakna terhadap cita-cita Membangun Malaysia MADANI yang dihasratkan oleh kerajaan terutama dari aspek mengukuhkan nilai kemampanan dalam tatakelola pembangunan negara.

PENGIKTIRAFAN DAN ANUGERAH

Dimensi kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) (JPM-HEA) yang dicapai oleh Agensi-Ageni Hal Ehwal Agama dapat dilihat dalam bidang-bidang berikut:

1. Peneraju Ekosistem Halal No. 1 Dunia

Malaysia sekali lagi melakar sejarah gemilang apabila dinobatkan sebagai negara nombor satu dalam ekonomi Islam global bagi tahun 2024–2025 menurut *State of the Global Islamic Economy (SGIE) Report* terbitan Dinar Standard. Kejayaan ini menandakan tahun ke-11 berturut-turut Malaysia mengekalkan kedudukan teratas, mendahului 14 negara lain termasuk Arab Saudi, Indonesia, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Bahrain. Pengiktirafan berprestij ini membuktikan komitmen serta keberkesanan usaha Malaysia dalam membangunkan ekosistem ekonomi Islam yang menyeluruh, khususnya dalam bidang pensijilan halal, kewangan Islam serta pelancongan mesra Muslim.

Menurut laporan SGIE, kecemerlangan Malaysia banyak digerakkan oleh sistem pensijilan halal negara yang diterajui JAKIM. Logo Halal Malaysia kini menjadi lambang integriti dan kualiti bertaraf dunia, hasil pengiktirafan meluas pada peringkat antarabangsa. Setakat ini, JAKIM telah mengiktiraf 92 badan pensijilan halal luar negara daripada 47 buah negara, menjadikan Malaysia peneraju utama dalam menetapkan standard halal global. Lebih membanggakan, pada tahun lalu JAKIM memperluas pengiktirafan kepada lima lagi badan pensijilan halal luar negara, termasuk dari rantau Amerika Selatan dan Asia, sekali gus membuka peluang pasaran halal yang lebih luas pada peringkat antarabangsa.

Kedudukan Malaysia sebagai peneraju global turut diperkukuh melalui ekosistem halal yang komprehensif, berstruktur dan berdaya tahan, selaras dengan syarat kepatuhan syariah serta standard antarabangsa seperti *International Organization for Standardization (ISO)* dan *Hazard Analysis and Critical Control Points (HACCP)*. Transformasi JAKIM melalui pendigitalan perkhidmatan, termasuk e-Cert dan MyHALALINGREDIENTS di bawah



Imbas QR untuk laporan penuh SGIE.

Leading Countries

The top five countries remain unchanged from the previous year, with Malaysia retaining its leading position for the 11th consecutive year. Bangladesh and Pakistan are the biggest movers in the top 15, with Bangladesh entering back into the top 15 for the first time since 2019/20. Singapore and Iran have moved out of the top 10 but remain in the top 15.

MALAYSIA

Malaysia has held its grip on the top position in the Global Islamic Economy Indicator. Malaysia achieved a first-place ranking across all sectors except modest fashion, where it placed second.

Malaysia's Department of Islamic Development (JAKIM) continues to spur the development of the Islamic economy in the country as well as globally through its collaboration and recognition of other halal bodies. In the last year, it recognized five additional foreign halal bodies from South America and Asia. Also in policy development, Bank Negara published an exposure draft of Islamic banking prudential guidelines, covering authorization, governance, and operational requirements to assist conventional banks with their shariah banking offerings. The Islamic Tourism Centre (ITC) and the Malaysian Budget and Business Hotel Association (MHBHA) signed an MoU to support the Association's members in obtaining the Muslim-Friendly Tourism and Hospitality Assurance and Recognition from ITC.

Malaysia ranks second-highest among OIC member countries in the Innovation sub-indicator. Digitalization and technological advancement are key priorities for Malaysia. AEON Bank, the first digital Islamic Bank in Malaysia, was launched in 2024. Malaysia is among the fastest-growing e-commerce markets, with a year-on-year growth rate of 8%. Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) has launched the Digital Tourism Innovation Lab to advance digital transformation in Malaysia's tourism sector.

Investment activity has been steady with 23 transactions reported for Malaysia. China will make investments worth four billion Malaysian ringgits in the halal industry.

SAUDI ARABIA

Saudi Arabia retains the second position in the overall GIEI ranking for the fourth consecutive year. Saudi Arabia ranked among the top 10 in all sectors except modest clothing, ranking second in Islamic Finance and third in Muslim-friendly travel.

Saudi Arabia saw a 24% year-on-year increase in Islamic finance assets. The country also saw significant sukuk activity and several significant sukuk issuances, including a US\$ 3 billion issuance by Aramco.

Saudi Arabia recorded 18 Islamic economy-related investment transactions, the third-highest among OIC member states. The Fintech platform, Tawana, attained unicorn status after it reached a US\$ 1 billion valuation after securing US\$ 340 million in a Series C equity funding round. The travel sector also saw US\$ 80 million in investments, mostly focused on the religious tourism sector. Saudi Arabia, through its Public Investment Fund and subsidiaries, is accelerating its tourism and cultural development by launching heritage-inspired entertainment ventures, investing in sustainable regional projects, building hotels and stadiums for its 2030 World Cup bid, and expanding mid-market tourism – all while surpassing its Vision 2030 goal of 100 million annual visitors and setting a new target of 150 million by 2030.

Saudi Arabia is becoming an increasingly important part of multinational and regional food producers' MENA strategy, with Brazilian company JBS and Nestle looking to expand their manufacturing capabilities in the country. The country is also making significant investments in developing its halal food manufacturing industry through helping local players expand production and access export opportunities.

Chapter 3: The Global Islamic Economy Indicator

15



Indicator Scores Breakdown for Top 15 Ranking Countries								
		GIEI	HALAL FOOD	ISLAMIC FINANCE	MUSLIM-FRIENDLY TRAVEL	MODEST FASHION	HALAL PHARMA-CEUTICALS & COSMETICS	MEDIA AND RECREATION
1	Malaysia	165.1	117.0	282.6	136.8	76.7	136.1	102.4
2	Saudi Arabia	100.9	59.8	201.6	91.1	32.0	52.6	49.2
3	Indonesia	99.9	78.8	135.9	102.4	106.8	85.8	59.5
4	United Arab Emirates	95.8	84.1	141.9	89.3	50.9	73.1	66.3
5	Bahrain	81.9	59.6	145.4	66.5	30.3	43.6	64.0
6	Jordan	71.4	65.0	121.0	63.3	22.5	43.3	27.4
7	Kuwait	67.0	47.7	139.3	28.5	19.3	33.7	27.4
8	Pakistan	64.1	59.6	115.2	37.6	35.3	28.0	15.4
9	Türkiye	64.0	62.2	66.6	88.5	63.6	55.5	45.7
10	Qatar	60.4	49.2	91.6	48.8	25.1	35.5	72.2
11	Oman	58.0	55.5	95.1	35.7	22.3	34.1	36.4
12	Singapore	57.0	89.8	20.9	55.3	54.1	68.7	60.0
13	Iran	52.3	44.7	92.7	38.4	13.9	32.7	25.4
14	United Kingdom	47.6	63.2	23.2	36.0	52.8	52.1	75.6
15	Bangladesh	45.9	35.6	77.9	34.8	43.6	26.3	14.0

agenda digital Kerajaan Malaysia MADANI, menjadikan proses pengesahan halal lebih cepat, telus dan diyakini. Dalam memperkasa Agenda Halal Negara, JAKIM menggerakkan pelbagai inisiatif berimpak tinggi, kerjasama rentas agensi serta strategi mampan yang menyokong pertumbuhan industri halal sejagat. Usaha ini diyakini dan terus melonjakkan reputasi Malaysia sebagai peneraju industri halal global serta destinasi utama pelancongan Islam yang diyakini dunia.

Pengiktirafan SGIE ini membuktikan bahawa Malaysia bukan sekadar pengguna, tetapi peneraju global dalam membentuk standard dan masa depan industri halal dunia.

Kecemerlangan JAKIM tersebut telah melayakkannya menerima Anugerah *“Institutional Excellence in Halal Governance”* sempena penganjuran *World Islamic Tourism & Trade Award (WITA)* pada 25 Ogos 2025. Anugerah berprestij ini merupakan platform antarabangsa yang diwujudkan bagi meraikan kecemerlangan, inovasi dan kepimpinan dalam sektor pelancongan serta perdagangan Islam. WITA menghimpunkan pelbagai agensi, organisasi, tokoh dan destinasi dari seluruh dunia yang telah memberi sumbangan signifikan dalam pembangunan industri pelancongan halal, pengukuhan budaya Islam, amalan perniagaan beretika serta kelestarian perdagangan Islam sejagat.



Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimi, Ketua Pengarah JAKIM dan Ustaz Muhyidin bin Aziz @ Saari, Pengarah Bahagian Pengurusan Halal JAKIM bersama anugerah *Institutional Excellence in Halal Governance* pada 25 Ogos 2025.

2. Kompetensi Fatwa Global

Selain bidang halal, kecemerlangan dalam membangunkan kompetensi fatwa pada peringkat global yang digerakkan menerusi Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan (JMWP) juga mendapat pengiktirafan antarabangsa. Dalam memperkukuh kredibiliti dan keautoritatifan institusi fatwa di Malaysia, JMWP terus menonjol sebagai antara pusat rujukan hukum Islam yang disegani pada peringkat nasional dan global. Pengiktirafan ini antaranya disumbangkan menerusi usaha berterusan JMWP dalam memperkasa kepakaran pegawai dan memperkukuh jaringan ilmiah dengan institusi fatwa antarabangsa, khususnya Universiti al-Azhar dan Darul Ifta' di Mesir.

Melalui penganjuran Kursus Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Antarabangsa yang dijalankan secara kerjasama dengan *Darul Ifta' al-Misriyyah*, pegawai-pegawai JMWP diberi pendedahan intensif dalam metodologi fatwa kontemporari, disiplin penyelidikan hukum serta mekanisme pentadbiran fatwa yang diamalkan di dunia Islam. Program ini menekankan latihan lapangan, penguasaan kaedah ijtihad moden dan pemahaman konteks Maqasid Syariah dalam situasi semasa, sekaligus menjadikan pegawai fatwa JMWP bukan sekadar pentadbir hukum, tetapi juga sarjana hukum yang profesional.

Hubungan strategik ini turut mengukuhkan kedudukan JMWP sebagai antara agensi fatwa paling aktif di rantau ini yang berjaya melaksanakan latihan berskala antarabangsa secara konsisten. Sehingga kini, pegawai-pegawai JMWP yang telah mengikuti siri latihan dan bengkel bersama pakar daripada negara Mesir dapat dilihat hasilnya melalui peningkatan mutu penyelidikan, ketepatan *sighah* fatwa serta penghasilan kertas hukum yang lebih komprehensif dan kontekstual.

Inisiatif ini bukan sekadar memperkasa kompetensi pegawai, bahkan juga meningkatkan imej Malaysia sebagai hab ilmu fatwa yang mengekalkan kesinambungan tradisi *turath* al-Azhar dengan pendekatan penyelidikan moden. Kejayaan ini menjadikan JMWP rujukan dalam

pelaksanaan latihan dan standardisasi proses fatwa pada peringkat kebangsaan, serta model kepada negeri-negeri lain dalam mengarusperdanakan profesionalisme institusi fatwa.



Sahibus Samahah Tuan Ahmad Fauwaz bin Fadzil, Mufti Wilayah Persekutuan bersama Sahibus Samahah Prof. Dr. Nazir Mohammed 'Ayyad, Mufti Besar Mesir dalam satu perbincangan kolaboratif antara kedua-dua Jabatan Mufti berkenaan.

3. Peneraju Kepakaran Intelektual dan Pakar Rujuk Dasar Negara

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) turut mendapat pengiktirafan nasional dan antarabangsa terutama sebagai peneraju kepakaran dan pakar rujuk dasar-dasar negara terutama dalam aspek pemikiran Islam dan hal ehwal Islam pada peringkat tempatan dan global. Pengiktirafan ini dibuktikan dengan perlantikan pegawai-pegawai IKIM sebagai anggota pelbagai lembaga, majlis atau jawatankuasa akademik dan profesional, seperti Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (Harmoni) 2023–2024, Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI), Majlis Bioetika Negara (MBeN) 2023–2024, Jawatankuasa Blockchain dan Kecerdasan Buatan Negara (NBAIC), Lembaga Penubuhan Akademik Program Baharu Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Profesor Adjung Universiti Teknologi Malaysia (UTM), panel juri pertandingan

Anugerah Seri Angkasa (ASA) 2024, Jawatankuasa Perpustakaan Islam (JKPIM) 2024–2026 dan Jawatankuasa Penasihat Institut Penyelidikan Produk Halal Universiti Putra Malaysia.

Para pakar rujuk IKIM sentiasa terkehadapan dalam mengisi dan memperkayakan wacana ilmu Islam dalam keperluan semasa terutama berkaitan dalam aspek pembangunan kertas dasar berkaitan isu-isu keagamaan dalam era kontemporari, etika dan keharmonian masyarakat.



Imbas QR untuk
laporan penuh
50 Best Malaysian
Titles for International
Rights.

Pada peringkat antarabangsa, IKIM menerima pengiktirafan dalam bidang penerbitan. Dua karya terbitan IKIM bertajuk *Terjemahan Kitab al-Muqaddimat* dan *al-Aqidah al-Wusta al-Imam al-Sanusi ke Arah Pemerkasaan Akidah Islam di Alam Melayu* dan *The Art of Disputation in Islam: An Introduction and Annotated Translation of Risalah Waladiyyah By Sacaqlizade* tersenarai dalam katalog *50 Best Malaysian Titles for International Rights* oleh Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM). Senarai ini menjadi kayu ukur berkaitan mutu penerbitan Malaysia yang berpotensi dipasarkan ke luar negara.

IKIM juga berjaya memenangi Anugerah Perdana: Penerbit Prolifik (Syarikat di bawah Agensi Kerajaan) sempena Majlis Anugerah Buku Negara 2023 yang berlangsung di Universiti Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak pada Disember 2023 yang disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri. Ini merupakan majlis berprestij yang dianjurkan untuk mengiktiraf dan menghargai warga kerja buku di sebalik tabir industri penerbitan buku di Malaysia.



Dr. Muhammad Nur Manuty, mantan Pengerusi IKIM bersama Prof. Madya. Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM menerima Anugerah Penerbit Prolifik daripada Perdana Menteri dalam Majlis Anugerah Buku Negara 2023.

Dalam bidang penyiaran Islam, Radio IKIMfm merangkul pengiktirafan apabila rancangan Podcast Radio *Sit & Seek* dinobatkan sebagai pemenang bagi kategori Radio Podcast Malaysia pada Anugerah Asia Pacific Broadcasting+ Awards 2025 yang berlangsung di Singapura pada Mei 2025. IKIMfm juga memperoleh tempat pertama Anugerah Media Agrobank 2024/2025 kategori Media Radio, Anugerah Apresiasi Media MAIWP 2023, Anugerah Kecemerlangan Media KPKT 2023, Penghargaan Media daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Penghargaan Media daripada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) tahun 2023, Anugerah Media oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) tahun 2023, Anugerah Media Pembinaan CIDB 2024 (AMP 2024), iaitu IKIMfm menerima pencapaian merit bagi kategori Media Penyiaran Radio melalui rancangan Analisis dan Penghargaan Media daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada tahun 2023. Kecemerlangan ini sekaligus telah membuktikan kedudukan IKIM sebagai sebuah institusi penyiaran Islam yang berwibawa.

4. Media Islam Arus Perdana Bertaraf Serantau

Suatu yang amat membanggakan Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) ialah apabila agensi penyiarannya, TV AlHijrah, terus mengukir nama di persada media Islam bukan sahaja di peringkat nasional malah turut diiktiraf di peringkat antarabangsa. Pencapaian luar biasa ini membuktikan bahawa transformasi strategik yang dilaksanakan dalam kandungan, operasi dan pendekatan digital telah menempatkan TV AlHijrah sebagai peneraju utama dalam penyiaran Islam moden.

Pada Ramadan 1447H/2025, buat pertama kalinya sejak penubuhannya, TV AlHijrah berjaya menduduki kedudukan ketiga carta tontonan televisyen nasional, satu kejayaan bersejarah yang menandakan penerimaan meluas masyarakat terhadap kandungan Islam yang segar, moden dan relevan. Kejayaan ini menjadi bukti jelas bahawa stesen televisyen Islam tidak lagi terpinggir daripada arus perdana, sebaliknya mampu berdiri sama tinggi dengan stesen-stesen komersial lain dalam ekosistem penyiaran negara.



Pengerusi TV AlHijrah Tuan Haji Mohd Khair Ngadiron menerima Anugerah World Islamic & Trade Awards (AITEK) 2024 bagi kategori Penerbit Kandungan Islam Terbaik.

Dari sudut global, reputasi TV AlHijrah terus menyerlah melalui pelbagai pengiktirafan antarabangsa yang diperoleh sepanjang tempoh transformasi digitalnya. Antara yang paling membanggakan ialah pengiktirafan sebagai ASEAN Most Promising Islamic TV Station oleh Indonesia Award Magazine pada tahun 2022 serta Corporate Media Company of the Year (Malaysia) oleh The Corporate LiveWire, United Kingdom, pada tahun yang sama. Tahun 2023 menyaksikan TV AlHijrah menerima Asia Achievement Excellence Award dalam kategori Asia Excellence in Islamic and Multicultural Broadcasting di Indonesia, sekali gus memperkukuh kedudukan stesen ini di peringkat serantau sebagai peneraju media Islam moden. Kecemerlangan di pentas antarabangsa diteruskan pada tahun 2024 apabila TV AlHijrah menerima Asia Pacific Broadcasting Awards 2024 di Singapura sebagai pengiktirafan atas kejayaan pelaksanaan platform digital Terrestrial OTT.

Di peringkat nasional, TV AlHijrah turut memperkukuh reputasinya dengan deretan anugerah berprestij yang menandakan pengiktirafan industri terhadap mutu penyiaran dan nilai sosialnya. Antara yang terawal ialah World Halal Strategic Business Partner Brand Awards di bawah kategori The BrandLaureate World Halal BestBrands Awards 2019, diikuti Business Strategic Partner Award oleh The BrandLaureate pada tahun 2021. Tahun 2022 menyaksikan kejayaan besar apabila TV AlHijrah menggondol tiga kemenangan dalam Anugerah

Seri Angkasa menerusi Rancangan Al-Qariah (Rancangan Agama Terbaik), Hijrahkan Laguku (Rancangan Realiti Terbaik) dan Ustadz Kartun dan Robojim (Rancangan Kanak-Kanak Terbaik).

Tahun 2024 pula menyaksikan TV AlHijrah terus gemilang dengan pengiktirafan Anugerah World Islamic and Trade Awards (AITEK) 2024. Kejayaan diteruskan dengan kemenangan dua anugerah dalam Anugerah Seri Angkasa 2024 yang menandakan pengiktirafan lanjut terhadap kualiti kandungannya secara tempatan. Kejayaan berterusan itu turut diterjemahkan melalui Hadiah Kewartawanan MPI Petronas 2023 yang mengiktiraf ketajaman laporan serta keberkesanan mesej dakwah dalam lapangan kewartawanan televisyen.

Kesemua anugerah dan pengiktirafan ini memperlihatkan bahawa TV AlHijrah bukan sahaja berjaya mengekalkan momentum kecemerlangan kandungan Islami malah mampu menyesuaikan diri dalam dunia penyiaran digital yang serba pantas. Pencapaian ini menjadi cerminan kepada keutuhan visi dan komitmen warga kerja TV AlHijrah untuk terus menerajui media Islam moden, memperkasa dakwah secara kreatif serta mengangkat nama Malaysia sebagai pusat rujukan penyiaran Islam berimpak global.



Ketua Pegawai Eksekutif TV AlHijrah, Tuan Haji Namanzee Harris sewaktu Majlis Anugerah 100 Top Young CEO yang dianjurkan oleh Ikon Malaysia. Pengiktirafan ini diberikan atas keupayaan serta komitmen luar biasa beliau dalam memacu pembangunan TV AlHijrah sebagai sebuah stesen penyiaran dakwah yang berinovasi dan kreatif.

5. Pengurusan Haji Bertaraf Dunia

Salah satu kebanggaan umat Islam di Malaysia ialah melihat kecemerlangan Lembaga Tabung Haji (TH) sebagai institusi simpanan dan pengurusan haji terkemuka dikalangan dunia Islam. Transformasi menyeluruh yang dilaksanakan TH telah mempertingkatkan mutu pengurusan jemaah haji negara dan ini diperakui menerusi pelbagai anugerah berprestij yang diterima pada peringkat nasional dan antarabangsa.

Pada tahun 2023, TH telah memenangi dua anugerah iaitu *Best Service Category: Hajj Affairs Office* dan *Best Hajj Guide Service and Programme* dan pada tahun 2024 pula memperoleh anugerah bagi kategori *Best Service Category: Hajj Affairs Office*. Anugerah ini diterima kerana kecemerlangan TH dalam menyediakan perkhidmatan terbaik kepada jemaah haji Malaysia seterusnya menyempurnakan eko-sistem pengurusan haji pada peringkat antarabangsa.

Transformasi menyeluruh dan berterusan terutama dalam aspek pengaplikasian teknologi moden sejak penubuhannya melayakkan TH menerima *Malaysia Technology Excellence Award* bagi kategori Perkhidmatan Dalam Talian pada 2021 apabila inisiatif pendigitalan yang dilaksanakan telah memperkukuh keberkesanan pengurusan dan penyampaian perkhidmatan kepada umat Islam pada tahun-tahun berikutnya hingga kini.

Pencapaian paling ketara TH dalam beberapa tahun kebelakangan ini adalah pengiktirafan oleh Kerajaan Arab Saudi di mana TH telah menerima empat anugerah *Labaytum* berturut-turut dari tahun 2023–2025. Kemuncaknya adalah pada tahun 2025 apabila TH dianugerahkan *Labaytum Diamond Award*, penghormatan tertinggi dalam siri anugerah tersebut. Anugerah ini diberikan berdasarkan penilaian menyeluruh terhadap prestasi unggul TH dalam pelbagai aspek, termasuk operasi, inovasi, kesihatan, dan kepuasan jemaah.

Pengiktirafan dan anugerah diperoleh TH telah mengangkat reputasi TH sebagai organisasi yang berdaya saing dan inovatif, malah meletakkan Malaysia sebagai model rujukan antarabangsa dalam pengurusan haji. Kejayaan tersebut jelas membuktikan bahawa dengan gabungan inovasi, dedikasi, dan perkhidmatan berterusan, sebuah agensi agama mampu mencapai tahap kecemerlangan global.



Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Mokhtar bersama Tan Sri Abdul Rashid Hussain, Pengerusi TH dan Tuan Hj. Mustakim Mohamad, CEO TH menerima anugerah *Labaytum Diamond Award* daripada Kementerian Kerajaan Arab Saudi.

6. Waqf ETF di Bursa Malaysia

Pencapaian Transformasi Al-Falah yang amat membanggakan juga ialah dalam bidang pembangunan wakaf apabila Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) terus menyerlah sebagai peneraju utama dalam memperkukuh ekosistem wakaf negara. Peranan ini bukan sahaja mendapat pengiktirafan pada peringkat nasional, malah turut disanjung pada peringkat serantau, menjadikan YWM sebagai sebuah institusi wakaf ulung yang berwibawa dan berprestij.

Kejayaan terbesar YWM ialah menyenaraikan *Waqf Exchange Traded Fund (ETF)* pertama dunia di Bursa Malaysia Kuala Lumpur pada 2024. Penyenaraian ini meletakkan Malaysia di hadapan negara-negara lain

dalam mengintegrasikan instrumen pasaran modal dengan konsep wakaf. Ini mengangkat wakaf sebagai instrumen yang diiktiraf dalam pasaran modal Islam sekaligus memperkukuh peranannya dalam menyokong pembangunan sosioekonomi Malaysia.

Produk Waqf ETF ini menjadi titik penting dalam sejarah pembangunan wakaf kerana Waqf ETF merupakan dana unit amanah Islamik pertama di dunia yang mengintegrasikan elemen wakaf secara formal dalam pasaran modal. Melalui struktur inovatif ini, 50% daripada pendapatan pelaburan disumbangkan sebagai wakaf, manakala baki 50% dikembalikan kepada pelabur dalam bentuk keuntungan. Dana wakaf yang dikumpulkan pula diagihkan ke sektor-sektor strategik seperti kesihatan, pendidikan, alam sekitar dan pembangunan ekonomi, memastikan manfaatnya dapat dirasakan oleh masyarakat secara holistik.



Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Mokhtar melancarkan Waqf Exchange Traded Fund di Bursa Malaysia.

Kecemerlangan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) melayakkannya juga meraih dua anugerah berprestij, iaitu *Inspirational Brand Award (Financial Services Industry)* di *Asia Pacific Enterprise Awards (APEA) 2025* dan *Industry Outstanding Award (ASEAN Islamic Financial Services)* pada *Malaysia Industry Award (MINDA) 2025*. Pengiktirafan ini merupakan perakuan terhadap komitmen YWM dalam memperkasa kewangan Islam berasaskan wakaf serta peranan berterusan YWM memperkukuh wakaf sebagai instrumen kewangan Islam moden yang berdaya saing pada peringkat nasional dan antarabangsa.



YAB Datuk Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri menyampaikan Industry Outstanding Award (ASEAN Islamic Financial Services) kepada Dr. Ridzwan Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Waqaf Malaysia dalam Majlis Malaysia Industry Award 2025.

7. Koperasi YAPEIM 100 Terbaik di Malaysia

Salah satu segmen penting dalam ekosistem pembangunan ekonomi ummah yang digerakkan oleh JPM-HEA ialah perkhidmatan Mikrokredit Ar Rahnul Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM). Menerusi Koperasi YAPEIM Berhad (KYB) selaku institusi pelaksana, peranan serta khidmat YAPEIM dalam pemeraksanaan Mikrokredit Ar Rahnul telah memberi manfaat yang amat luas kepada umat Islam di seluruh Malaysia terutama kepada masyarakat di luar bandar yang memerlukan sokongan modal bagi tujuan perniagaan atau kesejahteraan hidup.

Sumbangan bermakna YAPEIM dalam bidang ini mendapat pengiktirafan pihak kerajaan. Pada tahun 2024, Koperasi YAPEIM Berhad (KYB) telah tersenarai dalam Profil 100 Koperasi Terbaik Malaysia (Peringkat Wilayah - No. 31). Koperasi Terbaik Malaysia merupakan pengiktirafan berprestij yang dianugerahkan kepada koperasi yang mencapai tahap kecemerlangan dalam pelbagai aspek, termasuk prestasi kewangan, pengurusan dan tadbir urus, pematuhan perundangan serta sumbangan kepada pembangunan sosioekonomi anggota. Penilaian ini dilaksanakan mengikut piawaian Suruhanjaya Koperasi

Malaysia (SKM) dan diselaraskan dengan kriteria antarabangsa yang ditetapkan oleh *International Co-operative Alliance* (ICA).

Sebagai institusi di bawah kawalan YAPEIM, KYB kini memiliki keahlian mencecah hampir 1 juta di seluruh negara. Kedudukan ini menjadi pemangkin semangat KYB untuk terus unggul, stabil dan kompetitif dalam memberi manfaat kepada anggota serta masyarakat.



Koperasi YAPEIM Berhad (KYB) telah menerima Anugerah Pengiktirafan 100 Koperasi Terbaik daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)

Selain itu, YAPEIM juga terlibat memperkasa ekonomi ummah menerusi penglibatan dalam industri logam berharga. Produk emas YAPEIM iaitu YAPEIM Gold secara rasmi telah diiktiraf keahlian dalam *Malaysia Gold Association* (MGA) sepanjang tahun 2025. Sebagai peneraju, YAPEIM Gold komited membantu umat Islam memiliki emas secara patuh Syariah dan menjadi pilihan utama peniaga emas Muslim di Malaysia. Dengan rangkaian pemasaran yang kukuh dan meluas, YAPEIM Gold menawarkan produk emas berkualiti, berdaya saing dan mudah diakses oleh umat Islam.



Ar Rahnū YAPEIM juga telah mencatat kejayaan bersejarah apabila menerima anugerah berprestij Most Preferred Brand, Shariah Financial – Economic Empowerment 2025 pada Majlis The BrandLaureate Awards 2025, Edisi Khas Ulang Tahun Ke-20.

Pengiktirafan ini menjadi simbol kepercayaan tinggi rakyat terhadap peranan institusi kewangan Islam patuh syariah dalam memperkukuh ekonomi ummah di negara ini.

Lebih bermakna, anugerah ini merupakan penghargaan julung kali diterima Ar Rahnū YAPEIM sepanjang 25 tahun penubuhannya, sekaligus memperteguh kedudukannya sebagai peneraju utama dalam memperkasa ekonomi umat Islam melalui perkhidmatan pajak gadai Islam yang berintegriti dan berimpak sosial tinggi.



Tuan Haji Zabidi bin Nasan, Ketua Pengarah YAPEIM, yang mewakili Ar Rahnū YAPEIM menerima anugerah Most Preferred Brand, Shariah Financial – Economic Empowerment 2025.

8. Integriti Tadbir Urus Dana Ummah

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) merupakan salah satu agensi di bawah JPM-HEA yang diberi amanah menguruskan dana ummah terutama daripada sumber zakat dan wakaf. Amanah ini amat



Datuk Syed Kamarulzaman Syed Kabeer, Pengerusi MAIWP bersama Datuk Lt. Kol. (K) Haji Anwar Suri, Ahli MAIWP dan Datuk Mohd Nizam bin Hj. Yahya, CEO MAIWP bergambar bersama Ahli Jawatankuasa Anti-Bribery Management System (ABMS) MAIWP.

besar dan berat. Oleh itu, aspek integriti pengurusanannya serta keberkesanan penggunaannya demi kecemerlangan ummah terutama kesejahteraan warga asnaf menjadi keutamaan MAIWP.

Sehubungan itu, menerusi Pelan Transformasi Al-Falah berteraskan agenda Pentadbiran Islam Mampan dan Kehormatan Institusi Islam, MAIWP memperkukuhkan pengislahan integriti tadbir urus dengan cekap dan telah mencapai reputasi yang membanggakan. Pencapaian tersebut diiktiraf SIRIM Berhad dengan dengan menganugerahkan MAIWP Sijil ISO 37001:2016 *Anti-Bribery Management System* (ABMS) pada tahun 2025. Pensijilan ini sangat bermakna kerana menandakan komitmen MAIWP terhadap budaya integriti dan keazaman menolak amalan rasuah dalam pengurusan dana umat Islam.

Pengiktirafan ini amat penting dan bermakna kerana ia meningkatkan keyakinan masyarakat awam terhadap MAIWP dalam menguruskan setiap sen zakat, wakaf, dan dana kebajikan yang diamanahkan oleh umat Islam. Pensijilan ini juga menjadi model kepada organisasi Islam lain untuk mencontohi MAIWP dalam pelaksanaan amalan tadbir urus terbaik pengurusan dana ummah.

Kecemerlangan tadbir urus berintegriti MAIWP telah melayakkannya menerima beberapa pengiktirafan daripada beberapa institusi lain antaranya Anugerah Integriti Sektor Awam dan Anugerah Sijil Audit Bersih daripada Jabatan Audit Negara bagi Penyata Kewangan Tahun 2023 untuk tahun ke-18 berturut-turut. Pencapaian ini seiring dengan usaha MAIWP untuk memperluaskan peranan mereka dalam membantu golongan asnaf, termasuk melalui program pendidikan, kesihatan, dan pembangunan ekonomi umat Islam khususnya di Wilayah-wilayah Persekutuan.

9. Pemodenan Prasarana Masjid

Pemodenan Prasarana Masjid merupakan salah satu agenda transformasi hal ehwal agama yang diberi penekanan oleh JPM-HEA sepanjang 2023-2025. Dalam konteks ini, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) memainkan peranan khusus dalam merealisasikan agenda ini selaku pihak berkuasa agama di Wilayah Persekutuan.



Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Mokhtar bersama Datuk Hj. Mohd Ajib Ismail, Pengarah JAWI menampal sijil penggredan kebersihan di fasiliti bilik air Masjid Mahmoodiah, Putrajaya setelah menilai tahap kebersihannya.

Dalam rangka meningkatkan kesejahteraan prasarana masjid, JAWI telah melancarkan Kempen Kebersihan Tandas Masjid dan Surau Bertaraf 5 Bintang (BMW). Kempen ini adalah selaras dengan matlamat yang serupa oleh Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Pada tahun 2023, dua institusi Islam di Putrajaya iaitu Surau Jumaat Al-Munawwarah Presint 5 dan Masjid Mahmoodiah Presint 18 menerima penarafan 5 bintang bagi kategori tandas awam "Sangat Bersih" oleh KPKT.

Sempena Sambutan Jubli Emas 50 Tahun JAWI pada tahun 2024, kempen kebersihan ini diteruskan dengan kerjasama SWCorp melalui memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani pada 2023. Ia sekali gus menyokong Pelan Pengimarah Masjid-masjid Wilayah Persekutuan 2021–2024 serta Dasar Kebersihan Negara. Usaha ini juga seiring dengan Teras Transformasi Hal

Ehwal Agama Menuju Malaysia MADANI (Al-Falah) dalam rangka membangun kehormatan institusi Islam. Penarafan bintang tandas masjid dan surau akan dilaksanakan dua kali setahun dengan enam kriteria utama: kebersihan, struktur, sanitasi, papan tanda, aktiviti pembersihan, dan kemudahan tambahan. Inisiatif ini membuktikan kesungguhan JAWI dalam memastikan masjid di Wilayah Persekutuan bukan sahaja sebagai pusat ibadah, malah menjadi contoh institusi Islam moden, mesra komuniti dan berdaya saing.

10. Pemartabatan Bahasa Kebangsaan melalui Hadiah Citra Bahasa 2024

Antara aspek penting dan bermakna juga ialah penglibatan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dalam agenda memartabatkan bahasa Kebangsaan menerusi aktivitinya. Inisiatif murni JAWHAR telah melayakkannya terpilih sebagai salah satu organisasi yang menjalani audit bahasa Melayu oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 2024. Hasil audit tersebut menunjukkan JAWHAR menepati piawaian tertinggi penggunaan bahasa kebangsaan dalam urusan pentadbiran. JAWHAR juga telah menerima Hadiah Citra Bahasa daripada DBP semasa Anugerah Citra Bahasa tahun 2024. Hadiah Citra Bahasa berkenaan merupakan pengiktirafan yang bermakna kerana ini mengesahkan bahawa institusi agama juga mampu menjadi teladan dalam penggunaan bahasa rasmi negara.



Encik Md Ramzi bin Ishak, Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR bersama wakil menerima Hadiah Citra Bahasa Tahun 2024 daripada Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sesungguhnya, pengiktirafan dan anugerah yang diterima oleh agensi-agensi Hal Ehwal Agama amat membanggakan umat Islam. Ini membuktikan wujud suatu penghayatan makna yang mendalam terhadap agenda Membangun Malaysia MADANI yang digagasakan oleh kepemimpinan negara. Budaya dan gerak kerja transformatif yang dilaksanakan oleh warga JPM-HEA telah membawa kepada pencapaian dan pengiktirafan oleh pelbagai pihak di dalam dan luar negara.

INOVASI PERKHIDMATAN HAL EHWAL ISLAM

Inovasi merupakan nadi kepada kemajuan. Dalam konteks Agensi Hal Ehwal Agama, inovasi membuktikan bahawa prinsip agama tidak menghalang kemajuan teknologi, malah Islam mendorong pencarian kaedah baharu untuk meningkatkan keberkesanan pentadbiran.

Sepanjang 2023-2025, agensi-agensi di bawah JPM-HEA telah melaksanakan dan menyumbang sejumlah inovasi perkhidmatan dalam pelbagai skop dan program mencakupi aspek teknologi, dasar, media dan komunikasi bermatlamat meningkatkan tahap kemudahan, keselesaan, kesejahteraan dan pembangunan ummah. Antara inovasi perkhidmatan hal ehwal Islam yang penting adalah:

1. SPPIM 2.0: Khidmat Pengurusan Perkahwinan Islam Dalam Talian

Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia (SPPIM) versi 2.0 telah dibangunkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi memperkemaskan lagi pengurusan nikah, cerai dan rujuk dengan pendekatan digital yang menyeluruh. Antara objektif inovasi ini ialah menyediakan sistem atas talian yang cekap dan mesra pengguna, memudahkan urusan melalui penyampaian perkhidmatan yang cepat, tepat dan telus, mewujudkan pangkalan data berpusat sekaligus meningkatkan mutu perkhidmatan kerajaan melalui transformasi digital dalam pengurusan institusi kekeluargaan Islam.

Hal ini secara langsung mewujudkan kesejahteraan hidup berkeluarga, membina masyarakat harmoni dan menjamin keteraturan sosial yang berlandaskan syariat Islam.



Perasmian SPPIM 2.0 oleh Perdana Menteri YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim pada 13 September 2025.



Imbas QR untuk layari laman sesawang SPPIM.

Melalui SPPIM 2.0, rakyat kini menikmati pelbagai kemudahan baharu yang sebelum ini hanya dapat dilakukan secara manual di kaunter. Antara ciri baharu yang diperkenalkan dalam SPPIM 2.0 adalah:

- Pendaftaran Kursus Pra-Perkahwinan dalam talian yang lebih fleksibel dan mudah diakses oleh pasangan yang bakal berkahwin;
- Permohonan serta pendaftaran nikah secara digital yang menjimatkan masa dan tenaga dengan proses yang lebih pantas dan telus;
- Aplikasi mudah alih MySPPIM dengan menyediakan kemudahan untuk permohonan dan semakan segera di hujung jari;
- Kad Nikah Digital yang lebih selamat, moden dan boleh diakses pada bila-bila masa; dan

- e) Fungsi semakan status perkahwinan bagi membantu meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa agama.

Transformasi ini membuktikan bahawa inovasi teknologi yang digunakan dengan hikmah, mampu menjadi alat pemudah cara yang memperkukuh nilai agama, memelihara kehormatan rumah tangga dan mengangkat martabat umat.

2. Sistem e-Tauliah & Mufti Care: Khidmat Tauliah dan Fatwa


Seiring dengan perkembangan teknologi dan keperluan meningkatkan kecekapan perkhidmatan, JMWP telah memperkenalkan Sistem e-Tauliah pada bulan Mei 2025 sebagai pengganti kaedah manual yang dilihat tidak lagi relevan. Sebelum ini, proses permohonan tauliah dilaksanakan secara fizikal atau e-mel yang tidak tersusun apabila semakan hanya melalui panggilan telefon, dan pengambilan kad tauliah perlu dilakukan di pejabat sehingga menyebabkan kelewatan, risiko kehilangan maklumat serta kos logistik tambahan kepada pengguna.

Sistem e-Tauliah dibangunkan bagi mempercepat dan menambah baik proses pengurusan tauliah selari dengan aspirasi pendigitalan sektor awam. Dalam tempoh singkat selepas pelancarannya, e-Tauliah mencapai kadar penggunaan 80% dengan maklum balas positif daripada pemohon. Antara ciri utamanya ialah permohonan baharu dan lanjutan secara dalam talian, semakan rekod masa nyata, kad tauliah digital, pembayaran atas talian, rekod kehadiran program, serta peringatan automatik tarikh luput. Sistem ini menjimatkan masa dan kos pengguna, di samping membantu JMWP mengurus pentadbiran secara lebih sistematik, telus, dan efisien. Kini, proses yang sebelum ini mengambil masa berminggu-minggu boleh diselesaikan dalam beberapa hari, malah ada yang dalam tempoh 24 jam.



Sistem e-tauliah yang telah dibangunkan untuk kegunaan orang awam khususnya pemegang tauliah mengajar agama Islam Wilayah Persekutuan

Dalam usaha mendekatkan lagi hubungan antara institusi mufti dengan masyarakat, JMWP membangunkan Aplikasi Mudah Alih Mufti Care sebagai salah satu bentuk inovasi perkhidmatan digital. Aplikasi ini direka khas bagi membolehkan masyarakat mengakses maklumat agama, fatwa, dan khidmat nasihat secara terus melalui peranti Android dan iOS. Melalui aplikasi ini juga, pengguna dapat mengemukakan pertanyaan hukum serta mendapatkan respons daripada pihak mufti dengan lebih cepat dan tersusun. Inovasi ini mencerminkan komitmen JMWP untuk memperkukuh penyebaran ilmu dan bimbingan agama dengan menggunakan teknologi moden sebagai jambatan komunikasi efektif antara institusi agama dan masyarakat umum.



3. Penyiaran Digital: tvIKIM & Radio IKIMfm

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) turut menonjol melalui pencapaian dalam inovasi digital, khususnya dalam bidang penyiaran Islam. Kejayaan tvIKIM dalam meluaskan capaian digital membuktikan keupayaannya dalam inovasi seiring perkembangan teknologi penyiaran Islam moden. Melalui pelbagai platform digital seperti laman web rasmi, aplikasi telefon pintar tvIKIM, MYTV Mana-Mana, serta platform Qalbox by Muslim Pro, tvIKIM kini mampu menembusi jaringan tontonan yang lebih luas tanpa batasan geografi. Inovasi ini bukan sahaja memperkukuh kedudukan tvIKIM sebagai medium dakwah bersepadu, tetapi juga mengukuhkan peranannya sebagai peneraju kandungan Islam digital yang relevan dengan gaya hidup masyarakat masa kini.

5.8
juta
tontonan
tvIKIM
2025

10
radio terbaik
2023-2035

238,000
muat turun
aplikasi Radio IKIM
2023-2035

ke-6
radio bahasa Melayu
2023-2035



Dato' Setia Dr. Haji Na'im Mokhtar dan Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil menyantuni Ahli Parlimen yang melawat radio IKIMfm melalui program Jaulah Rasmiyyah Friends of Ministry ke IKIM.

Impak daripada inovasi penyiaran digital ini amat jelas. Bagi tahun 2025, tvIKIM berjaya meraih lebih 5.8 juta tontonan, sekaligus membuktikan penerimaan positif masyarakat terhadap kandungan Islamik berasaskan teknologi serta keupayaan tvIKIM memanfaatkan platform digital bagi memperluas capaian dakwah.

Selain itu, Radio IKIMfm turut mencatat prestasi cemerlang dengan terus kekal berada dalam kalangan 10 radio terbaik tanah air dan tangga ke-6 untuk radio berbahasa Melayu (2023–2025), di samping mencapai lebih 238,000 muat turun aplikasi Radio IKIMfm sejak 2023–2025. Peningkatan jumlah pendengar sebanyak 101,000 orang dalam kalangan usia 40 tahun ke atas (Kajian GFK Wave 2/2023) manakala keseluruhan jumlah pendengar 1.3 juta (kajian GFK Wave 2/2024) turut membuktikan daya tarikan radio ini dalam menyampaikan mesej Islam yang segar dan relevan.

Tranformasi menerusi inovasi digital yang dilaksanakan menerusi gabungan tvIKIM dan Radio IKIM jelas memperlihatkan kemampuan IKIM untuk terus berinovasi dalam dunia penyiaran Islam, sekali gus memastikan mesej dakwah sampai kepada masyarakat dengan lebih meluas dan berkesan.

4. Sistem UPKK dan SIMPENI: Khidmat Pendidikan Islam di Hujung Jari



JAKIM menerima Anugerah Public Service Resilience Champion 2025 sempena Public Sector Day Malaysia.

Sejak tahun 2018, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah melaksanakan transformasi digital dengan memperkenalkan semakan keputusan Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) sepenuhnya melalui platform dalam talian. Langkah progresif ini menandakan permulaan era baharu dalam pendigitalan perkhidmatan JAKIM, meskipun berdepan dengan pelbagai cabaran pada peringkat awal pelaksanaannya.

Antara tahun 2018 hingga 2022, sistem semakan ini sering menerima lonjakan trafik yang amat tinggi setiap kali keputusan diumumkan. Dengan infrastruktur pelayan berpusat serta kapasiti yang terhad, pengguna kadangkala berdepan kesesakan capaian dan terpaksa menunggu lama untuk mendapatkan keputusan, sekali gus menjejaskan kecekapan penyampaian maklumat walaupun sistem kekal berfungsi.

Menyedari cabaran tersebut, pada tahun 2023, JAKIM mengambil langkah strategik dengan beralih kepada perkhidmatan pengkomputeran awam di bawah inisiatif MAMPU, iaitu menggunakan platform Amazon Web Services (AWS) bagi tujuan pengoperasian sistem semakan keputusan UPKK. Pendekatan ini telah meningkatkan keupayaan, daya tahan dan kebolehskalaan sistem tersebut, seiring dengan peningkatan jumlah capaian saban tahun.

Hasilnya terbukti signifikan. Proses semakan keputusan kini lebih pantas, stabil dan mesra pengguna. Walaupun jumlah capaian meningkat setiap tahun, sistem kekal

responsif tanpa sebarang gangguan besar kerana teknologi awan mampu meningkatkan kapasiti capaian secara automatik mengikut keperluan. Kemuncak transformasi digital ini terserlah pada tahun 2025 apabila JAKIM melalui Sistem Maklumat Pendidikan Islam Malaysia (SIMPENI) menerima pengiktirafan berprestij sebagai “Public Service Resilience Champion 2025”. Penganugerahan ini menjadi bukti usaha berterusan JAKIM dalam memperkukuh daya tahan perkhidmatan awam melalui pemodenan sistem digital yang berimpak tinggi, berdaya tahan serta berorientasikan rakyat.

5. THiJARI, e-Bimbingan Haji & Rekod Kesihatan Digital (BRRJH)

Pelancaran Aplikasi THiJARI oleh Lembaga Tabung Haji (TH) berfungsi sebagai “pintu masuk digital” untuk jemaah haji. Melalui inovasi aplikasi ini, jemaah boleh menyemak status pendaftaran, memuat turun tawaran haji serta menguruskan simpanan dengan mudah secara dalam talian. Sistem ini membolehkan pendeposit yang tinggal jauh dari pejabat TH untuk melakukan transaksi TH dengan mudah secara dalam talian.

Selain itu, TH turut membangunkan e-Bimbingan Haji, iaitu aplikasi dan portal digital yang menyediakan modul Kursus Asas Haji, Kursus Perdana Haji, dan pelbagai modul pendidikan lain yang boleh diakses pada bila-bila masa serta di mana sahaja. Inisiatif ini memberi peluang kepada jemaah untuk mengulangkaji dan mendapatkan ilmu haji secara fleksibel. Mulai tahun 2023, TH juga telah memperkenalkan Buku Rekod Rawatan Jemaah Haji (BRRJH) Digital yang menggantikan versi fizikal. Melalui sistem ini, maklumat kesihatan jemaah dapat diakses dengan mudah oleh jemaah sendiri serta petugas perubatan, sekali gus mempercepatkan urusan rawatan di Tanah Suci.



6. Tadbir Urus Zakat Berasaskan Data Masa Nyata

MAIWP memainkan peranan strategik dalam memastikan kelangsungan infrastruktur digital, kecemerlangan sistem maklumat serta kelestarian teknologi bagi memperkukuh tadbir urus dan perkhidmatan kepada asnaf di Wilayah Persekutuan.

i. *Cashless* Agihan

MAIWP melaksanakan sistem pengagihan bantuan tanpa tunai (*cashless*) bagi meningkatkan kecekapan, ketelusan dari keselamatan penyampaian bantuan kepada asnaf. Inisiatif ini berjaya mendigitalkan lebih 90% daripada 60,000 asnaf di Wilayah Persekutuan melalui *e-wallet*. Selain mengurangkan transaksi tunai, sistem ini menyokong ekonomi digital, mempercepatkan penggunaan *fintech* dan membolehkan pemantauan transaksi secara masa nyata untuk memastikan ketelusan agihan dana zakat

ii. *Profiling* Asnaf

Profiling Asnaf menggantikan kaedah *survey* manual dengan teknologi AI dan *big data analytics* untuk memastikan pengagihan zakat lebih tepat dan efisien. Pada tahun 2024, data 15,600 asnaf telah dikumpul dan dianalisis secara automatik, mengurangkan kesilapan manusia serta mempercepatkan proses mengenal pasti keperluan mereka. Inisiatif digital oleh MAIWP ini membantu mengenal pasti potensi asnaf, memastikan bantuan sampai kepada yang benar-benar memerlukan serta membuka peluang untuk asnaf membina kehidupan yang lebih baik.

iii. *Cashless* Terimaan

PERMATA MAIWP kini beralih ke sistem pembayaran tanpa tunai (*cashless*) untuk meningkatkan ketelusan, kecekapan dan keselamatan dalam pengurusan kewangan. Dengan sokongan perbankan dalam talian, transaksi menjadi lebih pantas dan teratur tanpa risiko tunai. Inisiatif ini bukan sekadar memodenkan sistem pembayaran, tetapi juga memastikan tadbir urus kewangan yang lebih telus dengan pemantauan transaksi secara *real-time* serta mengurangkan kesilapan manusia. Langkah ini mengukuhkan

PERMATA MAIWP dalam ekosistem kewangan digital yang semakin berkembang

iv. Sistem Pengurusan Penyelenggaraan Fasiliti Berkomputer (FIXIT)

MAIWP memperkenalkan Sistem Pengurusan Penyelenggaraan Fasiliti Berkomputer (FIXIT) bagi meningkatkan kecekapan dan ketelusan dalam pengurusan fasiliti. Sistem ini menggantikan kaedah manual yang sering menghadapi kelewatan dan kesukaran menjejak aduan. Dengan FIXIT, setiap aduan direkod dan dipantau secara masa nyata (*real-time*), membolehkan penyelenggaraan dilakukan dengan lebih cepat dan sistematik.

v. *Dashboard* MAIWPNow

Dashboard MAIWPNow adalah penambahbaikan daripada *dashboard* sedia ada, menjadikan pengurusan kutipan dan agihan zakat lebih pantas dan efisien. Jika sebelum ini proses paparan data mengambil masa satu hari, kini ia dapat diselesaikan dalam hanya 30 minit. *Dashboard* ini membolehkan pemantauan transaksi secara langsung (*real-time*), analisis data yang lebih tepat, memastikan wang zakat diurus dengan lebih telus, cepat dan sekaligus membina keyakinan orang ramai terhadap MAIWP.



vi. Asnaf Care

Asnaf Care dibangunkan untuk mendigitalisasikan operasi pengurusan bantuan perubatan bagi meningkatkan efisiensi dan kemudahan akses. Selain itu, ia mempercepatkan proses penghantaran serta penerimaan maklumat secara atas talian, sekali gus mengurangkan potensi kesilapan manusia (*human error*) dan penipuan (*fraud*). Dalam usaha menuju pengurusan yang lebih lestari, penggunaan kertas dikurangkan dengan beralih kepada konsep tanpa kertas (*paperless*), sementara simpanan data diperkukuhkan melalui teknologi *cloud storage* yang lebih selamat dan terjamin. Di samping itu, inisiatif ini juga memacu pengguna teknologi selaras dengan matlamat Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) menjadikan sistem lebih moden, cekap dan inovatif.

7. AlHijrah Plus (AH+): Wadah Kandungan Islam Kontemporari



Tuan Haji Namanzee Harris bersama Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Mokhtar meneliti fungsi dan paparan aplikasi AH+ ketika menghadiri Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2025.

Transformasi digital menjadi tonggak utama kejayaan TV AlHijrah. Pelancaran aplikasi AlHijrah Plus menjadi bukti komitmen stesen ini dalam memenuhi kehendak penonton era moden. Dengan lebih daripada 200,000 muat turun, aplikasi ini menyediakan kemudahan *Live TV* serta *Video on Demand* yang membolehkan penonton mengakses rancangan kegemaran mereka pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.

Selain aplikasi, TV AlHijrah turut memanfaatkan kuasa media sosial. Platform Facebook rasmi stesen ini telah mengumpul lebih 2 juta pengikut, menjadikannya saluran utama penyampaian maklumat agama, nilai dakwah serta dasar kerajaan kepada masyarakat. Tidak ketinggalan, kehadiran TikTok Berita AlHijrah juga menjadi fenomena apabila meraih lebih 2 juta pengikut. Kandungan

yang dipaparkan memberi tumpuan kepada isu Palestin, perkembangan umat Islam global serta pentadbiran Islam, sekali gus menarik perhatian khususnya golongan belia yang menjadi pengguna terbesar platform tersebut.

Selain itu, setiap kali tibanya bulan Ramadan, TV AlHijrah mempersembahkan kandungan eksklusif yang bukan sahaja menambah keberkatan suasana, tetapi juga memperkukuh kedudukan stesen ini sebagai peneraju media Islam. Antara kandungan yang paling mendapat perhatian ialah siaran langsung solat Tarawih dari Masjidil Haram, yang memberi peluang kepada penonton di Malaysia merasai pengalaman rohani bersama jutaan umat Islam di seluruh dunia.

Selain itu, rancangan tazkirah kontemporari dan hiburan Islamik yang segar turut disusun bagi menarik minat penonton daripada pelbagai lapisan usia. Interaktiviti dengan khalayak juga dipertingkatkan melalui kuiz dan undian digital, membolehkan penonton terlibat secara langsung dalam program Ramadan yang disiarkan.

Inovasi TV AlHijrah untuk menyesuaikan gaya penyampaian dengan kehendak semasa telah menjadikan stesen ini setanding dengan media arus perdana, sekali gus menepis persepsi bahawa media Islam hanya bersifat tradisional dan terhad. Sebaliknya, TV AlHijrah kini menjadi contoh bagaimana media berteraskan Islam boleh bergerak maju dengan penuh kreativiti tanpa mengabaikan nilai agama.

8. Wakaf *Muaqqat* dan Masjid Hijau

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) terus membuktikan keupayaannya mengangkat wakaf sebagai instrumen pembangunan yang dinamik. Pada 2024, YWM meraih Johan Anugerah Inovasi JPM-Trek Ekonomi melalui pengaplikasian Wakaf *Muaqqat* dalam Program iTEKAD CIMB *Islamic Rider Entrepreneur*, membuktikan potensi wakaf sebagai pemacu ekonomi inklusif. Inovasi YWM ini telah membawanya meraih Tempat Ketiga-Trek Sosial dengan inisiatif Wakaf Masjid Hijau, iaitu pembiayaan alternatif teknologi hijau berasaskan wakaf yang menyokong agenda kelestarian negara.





YWM juara Anugerah Inovasi JPM (Trek Ekonomi) dan tempat ketiga (Trek Sosial) (2024).

9. Inovasi Pendidikan SIRAJ: Juara Drone Edu Challenge (Skymedic)

Dalam bidang pendidikan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) meneroka inovasi pelestarian budaya dan aplikasi STEM dalam pembelajaran. Pada tahun 2023 misalnya, Sekolah Rendah Agama Integrasi JAWI (SIRAJ) Abu Dzar Al-Ghifari mencatat sejarah apabila pasukan SKYLON muncul sebagai Juara Kebangsaan Drone Edu Challenge IR 4.0 (DEC4IR 2023). Kejayaan ini lebih membanggakan apabila ini merupakan kejayaan kali kedua berturut-turut, menewaskan lebih 11,275 pasukan melibatkan 22,550 peserta dari seluruh Malaysia.

Menerusi inovasi Skymedic iaitu sebuah prototaip dron perubatan yang direka untuk membantu operasi menyelamatkan ketika bencana alam, SIRAJ membuktikan keupayaan pelajar JAWI dalam teknologi moden, malah mencerminkan keunikan sistem pendidikan SIRAJ yang menggabungkan kurikulum kebangsaan (KSSR) dengan kurikulum agama (KSRA). Pelajar bukan sahaja dilatih dengan kemahiran teknologi, tetapi turut dibentuk dengan amalan kerohanian seperti solat berjemaah dan dhuha, serta pembelajaran sains yang disandarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Ini telah menjadikan SIRAJ sebagai model pendidikan seimbang dalam melahirkan generasi berilmu, berakhlak, dan berdaya saing global.



Prototaip Drone Skymedic yang direka oleh pelajar Sekolah Rendah Agama Integrasi JAWI (SIRAJ) Abu Dzar Al-Ghifari telah memenangi Juara Kebangsaan Drone Edu Challenge IR 4.0 (DEC4IR 2023).

10. Smart Storage dan SPY: Pendigitalan Data Dakwah

Dalam bidang perkhidmatan dakwah, YADIM telah membangunkan *Smart Storage*, iaitu sistem penyimpanan data bersepadu bagi bahan multimedia seperti audio, video, gambar, dan artikel memudahkan capaian sumber, menjimatkan masa dan kos, serta meningkatkan tahap profesionalisme YADIM. Selain itu, YADIM turut memperkenalkan Sistem Pelaporan YADIM (SPY) iaitu inovasi baharu yang berfungsi menyelesaikan masalah pengumpulan data secara tepat dan sistematik, di samping mempercepat proses penyediaan laporan.



Kumpulan Smart Evolution dan Totally Spies meraikan kejayaan dalam KIK.

SPY merupakan sistem mesra pengguna dan mudah diakses yang mampu menjana laporan serta statistik tepat, dan mampu mengurangkan masa dan tenaga kerja sehingga 93.75%. Inovasi ini berjaya meraih dua anugerah dalam Pertandingan Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Jabatan Perdana Menteri 2024 melalui Anugerah Kategori Inovasi Sosial (Penambahbaikan) dan KIK Harapan, sempena Hari Inovasi dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri Tahun 2024 (HIK JPM).

Kedua-dua inovasi ini memberi impak besar kepada kerja-kerja dakwah YADIM melalui pengumpulan data yang lengkap. Data tersebut membolehkan strategi disusun dengan lebih teratur merangkumi kawasan, kumpulan sasaran, serta rakan kerjasama bagi memastikan usaha dakwah dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

11. Projek Mualaf-Q

Selain itu, YADIM menerusi Kumpulan Inovasi YADIM, SEMAI telah membangunkan aplikasi Mualaf Q yang diumumkan sebagai Johan Kategori Trek Sosial dalam Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri (JPM) 2025. Hadiah disampaikan oleh YBhg. Datuk Dr. Khairus Masnan bin Abdul Khalid, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) JPM.



Kumpulan SEMAI menerima anugerah pengiktirafan Johan Kategori Trek Sosial dalam Anugerah Inovasi JPM.

Mualaf-Q merupakan projek inovasi berteraskan Kecerdasan Buatan (AI) yang berfungsi sebagai “asisten digital Islamik” untuk membantu golongan mualaf serta institusi yang membimbing mereka. Aplikasi ini memudahkan proses pembelajaran, bimbingan, dan penilaian kefahaman Islam secara lebih efisien, mudah, dan berkesan.

KESIMPULAN

Pengiktirafan, anugerah dan inovasi yang dicapai dan dibangunkan oleh agensi-agensi di JPM-HEA sepanjang tahun 2023-2025 amat membanggakan umat Islam. Ini jelas membuktikan agensi-agensi Hal Ehwal Agama merupakan antara sektor yang penting di Malaysia yang terlibat aktif menyumbang terhadap pencapaian kesejahteraan ummah dan merealisasikan pembinaan Malaysia MADANI.

Skop kecemerlangan yang dicapai dalam bidang hal ehwal Islam amat luas apabila khidmat serta inovasi yang diperkenalkan telah memberi kesan dari segi kemudahan dan kesejahteraan masyarakat dengan amat menyeluruh mencakupi aspek fardu ain dan fardhu kifayah umat Islam. Agenda Transformasi Al-Falah yang diperkenalkan JPM-HEA ternyata berjaya memandu ikhtiar, inisiatif dan inovasi baru agensi-agensi Hal Ehwal Agama dalam meningkatkan perkhidmatan masing-masing terhadap kemajuan ummah. Pengiktirafan, anugerah dan inovasi yang diperoleh oleh Agensi Hal Ehwal Agama membuktikan institusi perkhidmatan Islam adalah setanding malah memiliki keupayaan serta potensi besar untuk berdaya saing peringkat nasional dan antarabangsa.

Pencapaian dan kecemerlangan ini menjadi titik tolak penting agensi-agensi di JPM-HEA untuk terus meningkatkan azam, kreativiti dan kesungguhan ke arah menjadi sektor perkhidmatan Islam yang terunggul demi kesejahteraan seluruh ummah – *rahmatan lil 'alamin*.

BAB 3

PENGHAYATAN ISLAM SYUMUL



PENGHAYATAN ISLAM SYUMUL



Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim bergambar bersama penerima Anugerah Tokoh Maulidur Rasul sambil diiringi Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Menteri di JPM-HEA, Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Mokhtar, pada Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1447H/2025 Peringkat Kebangsaan di MAEPS, Serdang.

Dalam kerangka Malaysia MADANI, penghayatan Islam yang syumul dan holistik tidak lagi terbatas hanya dalam ruang ibadah, tetapi sebagai cara hidup yang memupuk kesejahteraan rohani, sosial dan intelektual masyarakat. Hal ini juga menuntut agar ajaran Islam bukan sekadar difahami secara teori, tetapi dihayati melalui sistem pendidikan, kebajikan sosial dan amalan kehidupan seharian rakyat agar memberikan impak.

Pelaksanaan agenda ini diterjemahkan melalui pelbagai usaha yang digerakkan oleh agensi-agensi Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM-HEA). Dalam pembangunan rohani, kesemua agensi ini memainkan peranan yang seiring dalam mengangkat al-Quran dan hadis sebagai panduan hidup sama ada dalam warga kerja mahupun dalam kalangan masyarakat, di samping memperkukuh kefahaman akidah dan hukum-hakam melalui pelbagai wadah dan wasilah. Sementara itu, pembangunan sosial melalui bidang pendidikan,

penyediaan infrastruktur dan latihan kepimpinan turut penting dalam membantu membentuk masyarakat berilmu dan berakhlak. Seiring dengan itu, pembangunan intelektual dan keilmuan diteruskan melalui penerbitan, wacana ilmiah serta penyiaran Islam kontemporari agar mesej dan nilai Islam dapat dihayati oleh semua lapisan masyarakat sepanjang zaman.

PEMBANGUNAN ROHANI

JPM-HEA menerusi Pelan Transformasi Al-Falah meletakkan agenda pembangunan rohani sebagai salah satu keutamaannya. Menerusi Teras Kemuliaan Syariah, semua agensi di bawah JPM-HEA didorong untuk merancang dan melaksanakan program-program yang akan mengukuhkan kerohanian ummah menerusi penghayatan makna syariah yang syumul, pengalaman adab dan akhlak yang mulia serta nilai-nilai MADANI yang unggul dalam segenap aspek kehidupan.

Sepanjang tahun 2023–2025, agensi-agensi Hal Ehwal Agama aktif menjayakan cita-cita dan aspirasi pembangunan rohani ummah menerusi pelbagai program dan pendekatan sesuai dengan keperluan dan kehendak semasa.

1. Memartabatkan Al-Quran sebagai Sumber Petunjuk Sepanjang Zaman

Sebagai peneraju utama hal ehwal Islam di negara ini, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sentiasa komited memperkasa syiar al-Quran melalui pelbagai pendekatan menyeluruh dan progresif. Salah satu inisiatif utamanya ialah Penganjuran Majlis Tilawah dan Hafazan al-Quran Peringkat Kebangsaan (MTHQK) dan Antarabangsa (MTHQA) yang saban tahun menjadi medan mempertontonkan keindahan bacaan kalam Ilahi oleh qari dan qariah terbaik dari seluruh dunia. Program ini bukan sahaja mengangkat martabat al-Quran di mata dunia, malah menyemarakkan rasa cinta terhadap al-Quran dalam kalangan rakyat Malaysia.

Seiring dengan itu, JAKIM telah memperluaskan lagi ruang penghayatan al-Quran melalui penganjuran wadah ilmiah baru bertaraf antarabangsa iaitu Simposium Al-Quran Sedunia atau *World Quran Symposium (WQS)* pada tahun 2024 dan 2025. Simposium ini menampilkan perbahasan dan wacana mendalam oleh cendekiawan Islam dari dalam dan luar negara, membincangkan al-Quran sebagai asas kepada pembinaan insan, kemajuan ummah dan hala tuju negara.

Kini, program seperti WQS turut dijadikan sebagai salah satu program sisipan dalam Majlis Tilawah dan Hafazan Antarabangsa, memperkukuh lagi kesinambungan antara bacaan indah dengan pemahaman mendalam terhadap isi kandungan al-Quran. Hal ini sekaligus mencerminkan kesungguhan JAKIM dalam mengukuhkan usaha agar al-Quran bukan sahaja dibaca, tetapi juga difahami, dihayati dan diamalkan secara holistik.



YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi hadir merasmikan World Quran Symposium 2025 bersempena Majlis Tilawah & Hafazan Al-Quran Peringkat Antarabangsa 2025 di Dewan Merdeka WTC, Kuala Lumpur.



Sekitar penganjuran program Majlis Tilawah dan Hafazan al-Quran Antarabangsa & The World Quran Symposium 2025.



Majlis Sambutan Ketibaan Peserta Program Al-Quran di Mana-Mana KL-Padang Besar-Hatyai di KL Sentral, Kuala Lumpur.

Lebih menarik, pengembangan syiar al-Quran tidak terhenti di ruang institusi formal semata-mata. Melalui program Al-Quran di Mana-Mana, JAKIM memperluas capaian dakwah dan budaya Qurani kepada khalayak umum dengan menjadikan kawasan tumpuan seperti Bukit Bintang, perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan perkhidmatan Transit Aliran Ringan (LRT) oleh RapidKL sebagai medan memperdengarkan bacaan al-Quran dan perkongsian ilmu secara santai namun menyentuh hati. Inisiatif ini mencerminkan pendekatan inklusif dan mesra masyarakat dalam menanamkan kecintaan kepada al-Quran di luar batasan tradisi.



Peserta membacakan al-Quran di dalam tren ETS KTMB.

Selain itu, TV AlHijrah turut terlibat menjayakan pembangunan rohani ummah menerusi penghayatan al-Quran dan hadis. Sebuah program istimewa Quran@114 disiarkan setiap hari dengan memberikan tumpuan kepada ilmu 3T–Tadabbur, Tajwid dan Taranum. Di samping itu, program *Tahsin al-Quran* iaitu memperbaiki, memperelok dan memperindah bacaan al-Quran dari segala aspek seperti tajwid, makhraj huruf dan sebagainya juga dilaksanakan dengan lebih mudah dalam Quran@114 khususnya buat para pemula.

Melalui pendekatan yang menyeluruh, program ini telah berjaya membawa masyarakat untuk mentadabbur (mendalami makna dan isi kandungan) al-Quran dengan lebih mudah dan memahami intipati kitab suci itu agar dapat meningkatkan penghayatan serta khusyuk dalam beribadah. Selain itu, pemahaman terhadap al-Quran juga akan memberikan kesan dan perubahan positif dalam kehidupan seseorang.

Kesedaran ini diperkukuh lagi dengan penerbitan *Catatan Tadabbur Quran@114* sehingga jilid ketujuh, yang menjadi panduan bertulis untuk pencinta para al-Quran mendalami serta mengulangkaji mutiara ilmu yang telah dikongsikan. Dengan adanya naskhah ini, amalan membaca, menelaah dan bersahabat dengan al-Quran boleh terus subur hingga ke akhir hayat.



Sedutan rancangan Quran@114 terbitan TV AlHijrah yang menampilkan sesi tadabbur al-Quran diiringi dengan penterjemahan bahasa isyarat bagi penonton kurang upaya pendengaran.

Keunggulan al-Quran sebagai sumber rohani ummah juga sewajarnya menjangkau sempadan negara. Agenda menyebarluaskan keunggulan al-Quran sebagai sumber rohani masyarakat dunia digerakkan oleh kerajaan Malaysia sendiri menerusi projek pencetakan dan pengedaran sejuta al-Quran yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim. Sehubungan dengan itu, Kempen Solidariti Wakaf Sejuta al-Quran, satu inisiatif global yang menonjolkan usaha besar negara menerbitkan dan menterjemahkan al-Quran ke pelbagai bahasa bagi menyebarkan mesej keindahan Islam ke seluruh dunia diperkenalkan. Kempen ini digerakkan bersama JAKIM, Yayasan Restu dan Yayasan Waqaf Malaysia dengan menyasarkan penerbitan sejuta naskhah al-Quran yang diterjemahkan ke bahasa-bahasa utama dunia seperti bahasa Inggeris, Cina, Rusia dan lain-lain.

Projek ini telah mengharumkan nama Malaysia sebagai antara pusat rujukan, penerbitan, penterjemahan dan penyebaran al-Quran pada peringkat dunia. Projek terjemahan besar-besaran ini memperlihatkan keupayaan Malaysia sebagai hab pembangunan kerohanian ummah menerusi penerbitan al-Quran global. Inisiatif ini bukan sahaja selaras dengan visi Malaysia MADANI yang menekankan nilai-nilai murni, akhlak dan pembentukan insan beradab, malah turut menyebarluaskan mesej sejagat dan universal al-Quran ke seluruh dunia sekaligus mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai antara pengeluar al-Quran terbesar di dunia, sebaris dengan Arab Saudi dan Mesir malah sebagai peneraju utama di rantau ini.



Sekitar Majlis Pelancaran Pencetakan al-Quran dan Terjemahan bahasa Rusia dalam Program Soladiriti Sejuta Al-Quran.

Pelaksanaan Skim Pembiayaan *Huffaz* (SPH) yang diurus tadbir oleh JAKIM juga menjadi wasilah penting pembangunan kerohanian ummah. Kerajaan membuka peluang luas kepada para *huffaz* untuk melanjutkan pengajian tinggi dalam pelbagai bidang profesional dan teknikal. Bagi tahun 2025, seramai 148 pelajar baharu menerima tajaan di bawah skim ini, menjadikan keseluruhan penerima meningkat kepada 1,629 orang. Tajaan ini merangkumi pengajian pada peringkat Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah, sama ada di dalam mahupun luar negara seperti Mesir, Jordan dan Indonesia, sekaligus membuktikan kesungguhan kerajaan dalam melahirkan generasi *huffaz* yang holistik dan berdaya saing. Para *huffaz* yang berjaya ini nanti diharapkan akan berperanan sebagai golongan pendidik dan *murabbi* ummah dalam bidang pengajian al-Quran serta penghayatannya dalam kalangan masyarakat terbanyak.

Menerusi SPH, kerajaan melabur dalam pembinaan generasi *huffaz* profesional dan teknokrat Islam yang mampu memimpin serta bersaing dalam dunia moden. Inisiatif ini akan melahirkan golongan *huffaz* sebagai agen perubahan, yang celik teknologi, berkemahiran tinggi dan berjiwa Qurani, sejajar dengan hasrat menjadikan Malaysia sebagai negara maju yang berpaksikan ilmu, nilai dan akhlak.



YB Menteri di JPM-HEA, Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Naim bin Mokhtar menyampaikan amanat serta penyerahan SPH kepada para penghafal al-Quran di Dewan Datuk Mohd Shahir, ILIM, Bangi.

Keseluruhan usaha ini menjadi manifestasi kepada tekad JAKIM, TV AlHijrah serta Agensi Hal Ehwal Agama umumnya untuk menghidupkan budaya penghayatan al-Quran dalam segenap lapisan masyarakat, seterusnya membangun fikrah Islam yang bersifat syumul sebagaimana diaspirasikan menerusi gagasan Malaysia MADANI.

Bagi memperkukuh pembangunan dan penghayatan ilmu al-Quran di Malaysia, Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah telah bertitah penubuhan Universiti Al-Quran yang bakal melonjakkan martabat pendidikan Islam negara. Ilham penubuhan ini dizahirkan Baginda ketika Majlis Penutup Tilawah al-Quran Peringkat Negeri Pahang 2024.



Dato Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang merasmikan Bengkel Universiti Al-Quran bersama Jawatankuasa Khas Penilaian Cadangan Penubuhan Universiti Al-Quran Siri ke-2 anjuran UniPSAS pada 2 Jun 2025 di Genting Highlands, Pahang.

Bagi menjalankan titah tersebut, UniPSAS berperanan mengendalikan libat urus penubuhan Universiti Al-Quran pertama di Malaysia. Dalam melaksana visi tersebut, Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Mokhtar, telah menubuhkan pasukan khas perunding dan penilai yang diketuai oleh Dr. Muhamad Razak Idris, Setiausaha Politik kepada YB Menteri, bagi membantu pihak UniPSAS ke arah pelaksanaan universiti ini.

Universiti ini akan menjadi pusat pengajian tinggi berteraskan al-Quran dan al-Sunnah, menawarkan program akademik kontemporari dan relevan, serta berperanan sebagai pusat penyelidikan dan rujukan unggul dalam bidang al-Quran. Ia turut membuka peluang pendidikan tinggi kepada pelajar tahfiz, pondok dan madrasah serta menghubungkan ilmu tradisional dengan pendekatan moden.

Penubuhan ini seiring dengan agenda Pelan Transformasi Al-Falah, yang menekankan pembangunan ilmu dan insan, menjadikan Universiti Al-Quran sebagai mercu baharu dalam melahirkan masyarakat MADANI yang berilmu, berakhlak dan berpaksikan wahyu.



Sheikh Dr. Yusri Jabr al-Hasani, ulama Mesir menyampaikan syarahan umum sempena Majlis Pembukaan Sama' Hadis Sahih al-Bukhari Peringkat Antarabangsa 2024, yang diterjemahkan oleh Sheikh Nuruddin Marbu al-Banjari al-Makki, ulama Indonesia.

2. Warisan Ilmu Hadis Diperkasa di Pentas Global

Transformasi Al-Falah dalam bidang pembangunan ilmu hadis amat bermakna dalam era Malaysia MADANI. Penganjuran Majlis Sama' Hadis Sahih al-Bukhari 2024 menjadi sebuah wadah keilmuan Islam baharu dalam rangka mengukuhkan rohani ummah.

Kini, pengajian ilmu hadis serta penghayatan maknanya yang unggul diangkat sebagai salah satu program mercu JPM-HEA. Program ini berjaya mengangkat martabat ilmu hadis dan warisan *turath* Islam. Ini membuktikan bahawa dalam arus kemodenan, nilai-nilai tradisi, keilmuan dan adab tetap menjadi tunjang kekuatan negara dan umat.

Majlis Sama' Hadis tersebut telah berlangsung selama 12 hari bermula 10–21 November 2024 di Masjid Putra,

Putrajaya. Ia dikelolakan bersama oleh JAKIM, YADIM dan At-Taibah Malaysia dan menghimpunkan lebih 1,500 peserta sepanjang program serta dihadiri oleh lebih 10,000 hadirin pada malam khatam, menjadikannya antara majlis ilmu hadis terbesar pernah dianjurkan pada peringkat nasional dan antarabangsa. Bertemakan “Menyemai Ilmu, Mengukuh Perpaduan, Menjulung Negara MADANI,” majlis ini menjadi platform penting dalam menyatukan ummah menerusi kecintaan kepada ilmu dan sunnah Rasulullah SAW.

Program ini juga menjadi platform pertemuan 16 orang ulama dan ilmuan tersohor dari dalam dan luar negara, termasuk tokoh-tokoh dari Indonesia, Syria, Mesir, India, Libya, Tunisia dan Uzbekistan. Antara yang hadir ialah Al-Allamah Sheikh Abu Bakar Ahmad Al-Malibari, Mufti Besar India, yang turut menyampaikan syarahan

dan pengijazahan hadis *Sahih al-Bukhari* bersama sarjana-sarjana antarabangsa lain. Kehadiran mereka memperkukuh lagi hubungan antara institusi keilmuan Islam di Malaysia dengan dunia Islam global, sekaligus memperteguh kedudukan Malaysia sebagai hab ilmu dan rujukan Islam kontemporari. Inisiatif murni ini diperkenalkan bagi mengangkat kembali tradisi *sama'* (pembacaan hadis secara bersanad) yang telah diamalkan sejak zaman awal Islam.



Majlis Perasmian Khatam Hadith Sahih al-Bukhari Peringkat Antarabangsa 2024.

Majlis Sama' Hadis di Malaysia ini dilaksanakan berilhamkan kegemilangan penganjuran Multaqa Ulama Antarabangsa dan Majlis Khatam Kitab *Sahih al-Bukhari* di Kerala, India. Datuk Prof. Madya Dr. Luqman bin Haji Abdullah, mantan Mufti Wilayah Persekutuan yang ke-8 telah mewakili YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim ke Multaqa tersebut pada 2023. Setelah itu, kerjasama ilmiah dalam bidang pembangunan hadis digerakkan bersama dengan matlamat meninggikan syiar dan tradisi ilmu serta sanad ulama yang berakar sejak berabad lamanya. Kehadiran Mufti Besar India, Sheikh Abu Bakar Ahmad ke Majlis Sama' Hadis di Malaysia pada 2024 menjadi tanda kesinambungan hubungan erat antara ilmuwan Nusantara dengan dunia Islam.



Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Mokhtar menyampaikan ucapan pembukaan sempena Majlis Pembukaan Sama' Hadis Sahih Al-Bukhari Peringkat Antarabangsa Tahun 2024.



Datuk Prof. Madya Dr. Luqman bin Haji Abdullah merasmikan Multaqa Ulama Antarabangsa dan Khatam Kitab Sahih Bukhari bertempat di Universiti Markaz, Kerala, India.



Majlis LOI (Surat Minat) antara Jamiah Markaz dan JMWP dimaterai oleh kedua-dua belah pihak berkaitan penyelidikan ilmiah mazhab Syafie.

3. Peneguhan Akidah, Teras Keyakinan Umat

Agenda transformasi ke arah pembangunan Islam syumul juga mencakupi aspek peneguhan akidah Islamiah sebagai teras keyakinan umat. Modul Perundingan Akidah, Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan (JMWP) menjadi salah satu sumber sandaran bagi memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai negara Islam yang beriltizam memelihara kesucian akidah umat. Modul ini dibangunkan bukan sekadar sebagai dokumen rujukan, tetapi sebagai panduan komprehensif dalam membimbing dan memulihkan individu yang terpesong daripada ajaran Islam. Skop modul ini merangkumi pengurusan kes-kes ajaran sesat dan penyelewengan akidah yang semakin berleluasa.

Dengan pendekatan yang berstruktur, modul ini menghimpunkan aspek-aspek penting seperti konsep-konsep akidah, perbandingan agama, pemikiran asing, kaunseling secara syarie, serta peruntukan undang-undang di Wilayah Persekutuan. Pendekatan menyeluruh ini menjadikan modul tersebut sebagai rujukan utama bukan sahaja kepada perunding akidah, malah juga kepada pegawai penguatkuasa dan pihak berautoriti agama dalam melaksanakan tanggungjawab pemulihan akidah secara sistematik dan berkesan.

Modul ini mencerminkan kesungguhan dan ketelitian JMWP dalam memastikan kesahihan kandungannya dari sudut syarak, hukum dan psikologi yang dibangunkan oleh barisan panel pakar pelbagai disiplin yang terdiri daripada ahli akademik universiti, pakar perbandingan agama, kaunselor syarie dan peguam syarie yang berpengalaman luas dalam bidang masing-masing.

Modul Perundingan Akidah ini bukan sekadar dokumen panduan, tetapi satu bentuk intervensi yang berasaskan hikmah dalam usaha menyelamatkan umat daripada anasir ajaran yang menyeleweng dan bertentangan dengan akidah Islamiah yang luhur.



Muka hadapan Modul Perundingan Akidah yang berjaya diterbitkan pada 23 Jun 2025.



Barisan Panel Pakar Perunding Modul seramai 13 orang yang terdiri daripada pakar akidah, kaunseling syarie, undang-undang dan perbandingan agama.

Selain itu, bimbingan asas Islam kepada mualaf juga diusahakan oleh agensi hal ehwal Islam. JAWI, misalnya telah memperkenalkan Kelas Pengajian Agama secara percuma kepada golongan mualaf di lapan buah masjid terpilih di sekitar Kuala Lumpur. Masjid-masjid tersebut ialah Masjid Salahuddin al-Ayubi, Taman Melati Setapak; Masjid Wilayah Persekutuan; Masjid al-Imam al-Ghazali, Manjalara Kepong; Masjid al-Imam al-Shafie, Taman Maluri; Masjid Usamah bin Zaid, Wangsa Maju; Masjid Al-Muqarrabin, Bandar Tasik Selatan; Masjid Ar-Rahman, Jalan Pantai Baru; dan Masjid Mahmoodiah, Presint 18, Putrajaya.

Inisiatif mengadakan kelas pengajian di masjid-masjid ini membuka peluang kepada para mualaf khususnya untuk meningkatkan kefahaman Islam, mengukuhkan

akidah dan berpegang dengan ajaran Islam secara syumul. Inisiatif ini secara langsung memudahkan para mualaf untuk menuntut ilmu fardu ain berdekatan dengan tempat tinggal sekali gus mengurangkan kadar keciciran golongan mualaf dalam mengikuti kelas pengajian Islam.



Majlis Perasmian Kelas Pengajian Mualaf Masjid-Masjid di Wilayah Persekutuan.



Kelas pengajian agama secara percuma kepada golongan mualaf di lapang buah masjid terpilih di sekitar Kuala Lumpur.

4. Memperkukuh Kefahaman Hukum Syarak

Penghayatan Islam syumul juga merangkumi pemahaman ibadah seharian serta hukum fiqah yang perlu diketahui masyarakat dalam kehidupan. Dalam dunia yang semakin kompleks dan pantas berubah, pelbagai persoalan berkaitan hukum Islam sentiasa timbul dalam kalangan masyarakat pelbagai lapisan umur dan latar belakang.

JMWP bertanggungjawab untuk memberikan panduan dan penjelasan secara sahih dan berpanduan prinsip Ahli Sunnah Wal Jamaah terhadap setiap persoalan yang dikemukakan. Peranan ini menjadi semakin mencabar dalam era digital apabila saluran komunikasi semakin meluas dan masyarakat memerlukan jawapan yang pantas, tepat, dan mudah difahami. Antara usaha utama JMWP adalah menjawab persoalan masyarakat melalui penulisan dan penyebaran artikel hukum. Artikel-artikel ini ditulis secara berkala oleh pegawai syariah berpengalaman dan berautoriti dalam bidang masing-masing. Penulisan ini disiarkan melalui laman web rasmi JMWP (www.muftiwp.gov.my) serta pelbagai platform media sosial jabatan.



Imbas QR untuk layari laman sesawang JMWP

Selain pendekatan digital, JMWP turut memperkenalkan Klinik Hukum, iaitu program turun padang yang membolehkan masyarakat berinteraksi secara langsung dengan pegawai syariah. Inisiatif ini menanam keyakinan terhadap ketepatan penjelasan, malah berfungsi sebagai jambatan komunikasi antara institusi fatwa dengan masyarakat umum. Kehadiran Klinik Hukum memberikan kesan besar kerana dapat menyampaikan maklumat agama secara lebih terperinci dan mudah diterima, khususnya oleh warga emas dan masyarakat luar bandar. Dengan itu, akses terhadap penyampaian hukum Islam tidak terhad kepada komuniti digital semata-mata, tetapi mampu menembusi semua lapisan masyarakat.

Inisiatif-inisiatif yang dibangunkan oleh beberapa Agensi Hal Ehwal Agama tersebut adalah dalam rangka pembangunan dan pengukuhan kerohanian ummah di Malaysia secara khusus. Banyak ikhtiar lain dilaksanakan secara berkala menerusi siri-siri pengajian dan kuliah di masjid-masjid di bawah seliaan JAKIM dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) terutamanya. Khutbah yang disampaikan secara mingguan adalah antara wasilah ilmu yang amat berkesan dalam mendidik umat ke arah bersama-sama membangun jiwa dan rohani yang kental dan mantap terutama sebagai benteng dalam berdepan dengan cabaran moden yang serba mencabar.



Klinik Hukum yang diadakan di Masjid Negara.



Klinik dan Ceramah Hukum yang diadakan di Surau Uwais al-Qarni Labuan pada 3 Ogos 2023.

PEMBANGUNAN SOSIAL

Kesejahteraan dalam Islam tidak terhenti pada hubungan manusia dengan Tuhan, tetapi turut terserlah pada cara kita mendidik, berkhidmat dan membangunkan kehidupan seharian. Pembangunan sosial menjadi jambatan yang menghubungkan nilai spiritual dengan realiti masyarakat melalui pendidikan yang membina akal, penaiktarafan infrastruktur serta kemudahan akses kepada pendidikan. Selaras dengan gagasan Malaysia MADANI, usaha membangunkan masyarakat turut menekankan pembinaan kepimpinan berilmu dan berdaya fikir, agar lahir generasi yang memiliki minda terbuka dan berdaya cipta, progresif dan berteraskan nilai Islam. Inilah asas kepada pembinaan Ummah MADANI yang seimbang; yang bukan sahaja beribadah di masjid, tetapi juga menyumbang di medan ilmu, ekonomi dan kemasyarakatan dengan akhlak yang

tinggi serta kesedaran tanggungjawab terhadap negara dan ummah.

JPM-HEA memberikan penekanan yang tinggi terhadap pembangunan sosial menerusi Pelan Transformasi Al-Falah. Teras Kesejahteraan Sosial yang memberikan fokus terhadap kemampunan ekonomi dan kebajikan sosial Islam menjadi panduan dalam perancangan serta gerak kerja Agensi Hal Ehwal Agama.

1. Memperkasa Institusi Pendidikan dan Penghayataan Nilai-nilai Islam

JAKIM adalah agensi pusat Hal Ehwal Agama yang diberi tanggungjawab untuk pemeraksanaan pendidikan Islam di peringkat kebangsaan. Agenda pemeraksanaan ekosistem pendidikan Islam yang lebih menyeluruh dilaksanakan melalui penyelarasan dasar pendidikan Islam kebangsaan yang diterajui oleh Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Islam Kebangsaan (JPPIK). JPPIK merupakan salah satu jawatankuasa daripada lima (5) jawatankuasa di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI). Kewujudan JPPIK adalah hasil keputusan Mesyuarat Majlis Raja-Raja Kali ke-259 yang diadakan pada 30 Jun 2022, yang berkenan untuk menaik taraf Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI), MKI, yang asalnya diperkenalkan penubuhannya pada 24 Februari 1983.

Peranan JPPIK adalah untuk memperkukuh penyelarasan, penambahbaikan dan memberikan bantuan terhadap segala perkara berkaitan pelajaran serta pendidikan agama Islam di negeri-negeri di seluruh Malaysia. Selaras dengan kepesatan perkembangan dunia pendidikan, jawatankuasa ini turut memperkukuh jaringan kerjasama strategik antara agensi-agensi persekutuan dan negeri. Usaha Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) serta semua pemegang taruh yang bertanggungjawab terhadap pengurusan pendidikan di semua peringkat digembling ke arah pembangunan sistem pendidikan Islam yang lebih tersusun, bersepadu dan berimpak tinggi.



Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) bergambar bersama Dato' Seri Anwar Ibrahim, Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Mokhtar serta barisan Ahli MKI ketika mesyuarat MKI kali ke-72 pada 23 Ogos 2024.

Sumber: Bernama

Persidangan JPPIK yang diadakan secara berkala adalah medium penting dalam memperkasa tadbir urus institusi pendidikan Islam di Malaysia. Kini peranan persidangan JPPIK dianjak kepada aspek untuk menentukan hala tuju dan memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran di semua institusi pendidikan Islam berkualiti seiring dengan pendidikan arus perdana bukan sahaja bagi institusi di bawah pengurusan Kerajaan Negeri tetapi juga milik swasta. Persidangan ini dianggotai oleh ahli-ahli yang dilantik oleh MKI dengan perkenan Majlis Raja-Raja, serta wakil daripada setiap negeri yang dilantik oleh Raja Pemerintah Negeri masing-masing. Turut hadir dalam persidangan ialah Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Yayasan Islam Negeri yang bertanggungjawab terhadap pendidikan Islam. Segala keputusan dan ketetapan yang dicapai dalam persidangan ini akan dimaklumkan untuk pertimbangan dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI).

Menerusi JPPIK, input-input amalan pendidikan Islam di seluruh negara diperoleh JAKIM dan ia seterusnya menjadi sandaran terhadap langkah transformasi dan penambahbaikan dari aspek perancangan

dan penyelarasan pelaksanaan pendidikan Islam di peringkat kebangsaan secara berterusan. Syor-syor yang dikemukakan jawatankuasa ini akan menjadi asas pertimbangan di peringkat keputusan dasar membabitkan kepentingan pembangunan pendidikan Islam secara menyeluruh mencakupi kecekapan pentadbiran, kebajikan para pendidik, pelatihan dan peningkatan profesionalisme serta bantuan bersesuaian dengan keperluan dan hak-hak perundangan.

Keperluan penting yang perlu diberi perhatian dalam agenda pemerkasaan pendidikan Islam di peringkat kebangsaan adalah aspek prasarana dan kemudahan di institusi pendidikan Islam. Salah satu inisiatif penting tersebut termasuklah penyediaan peruntukan iaitu Peruntukan Khas Kerajaan Persekutuan Bantuan Selenggara dan Naik Taraf (SNT) Institusi Pendidikan Islam (IPI). Melalui inisiatif ini, kerajaan telah menyediakan dana khusus bagi membantu penyelenggaraan dan penaiktarafan kemudahan IPI agar kekal kondusif, selamat dan relevan dengan keperluan semasa. Pembiayaan kewangan yang disediakan Kementerian Kewangan disalurkan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) selaku agensi pelaksana jelas memperlihatkan komitmen dan kesungguhan kerajaan dalam memastikan

sistem pendidikan Islam terus berkembang dengan tersusun dan profesional. Peningkatan jumlah peruntukan dari RM73 juta pada tahun 2019 kepada RM120 juta pada tahun 2024 dan RM150 juta pada tahun 2025, merupakan bukti jelas keprihatinan kerajaan terhadap cabaran yang dihadapi oleh institusi pendidikan Islam. Pada tahun 2024, sebanyak 1,542 institusi pendidikan Islam di seluruh negeri telah mendapat manfaat daripada peruntukan SNT tersebut manakala jumlah ini meningkat pada tahun 2025 kepada 1,732 buah institusi. Langkah progresif ini adalah usaha dan komitmen untuk memastikan agenda memartabatkan syiar Islam dalam negara sentiasa menjadi keutamaan melalui perhatian yang diberikan kepada Institusi Pendidikan Islam di bawah kepimpinan Kerajaan MADANI.

Pelaksanaan bantuan ini memberikan manfaat langsung kepada pelbagai kategori institusi termasuk pondok, pusat tahfiz, sekolah agama swasta, sekolah agama negeri, sekolah menengah agama negeri serta kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) yang beroperasi di premis bukan kerajaan. Langkah ini bukan sahaja mengatasi kekangan infrastruktur dan kemudahan fizikal, malah memperkukuh fungsi IPI sebagai pusat penyebaran ilmu dan pembentukan akhlak yang seimbang antara duniawi dan ukhrawi.

Usaha penyaluran peruntukan khas ini menggambarkan inisiatif proaktif Kerajaan MADANI dalam menjamin kelestarian pendidikan Islam yang inklusif dan holistik. Ini sejajar dengan matlamat melahirkan generasi muda berilmu, berakhlak mulia serta mampu menghadapi cabaran dunia moden tanpa menjejaskan nilai-nilai Islam. Dengan kemudahan pembelajaran yang lebih baik dan persekitaran yang selamat, para pelajar serta tenaga pengajar dapat melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan. Secara keseluruhannya, inisiatif ini mencerminkan langkah strategik kerajaan untuk meletakkan pendidikan Islam sebagai teras pembangunan insan dan kemajuan negara, sekali gus memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai contoh unggul dalam pembangunan pendidikan Islam pada peringkat serantau dan global.



Yang di-Pertuan Agong ke-16, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan melihat replika bangunan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) ketika merasmikan Menara MAIWP.

Menara MAIWP kini berdiri megah sebagai mercu tanda baharu umat Islam di Wilayah Persekutuan, melambangkan hampir lima dekad perjalanan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dalam mengurus, mengagihkan serta memperkukuh institusi zakat sejak tahun 1974. Dirasmikan oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke XVI, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada 12 Disember 2023, Menara MAIWP dibangunkan sebagai pusat tadbir urus Islam yang moden, efisien dan dekat dengan masyarakat.

Terletak strategik di tengah ibu kota dan mudah diakses melalui pelbagai pengangkutan awam, menara ini direka sebagai kesinambungan antara bangunan lama dan baharu, serta dilengkapi fasiliti yang memudahkan urusan pelanggan dan asnaf. Menara MAIWP bukan sekadar sebuah bangunan, tetapi simbol komitmen berterusan MAIWP untuk memberikan perkhidmatan terbaik, memperluas capaian bantuan dan terus menjadi sandaran umat Islam di Wilayah Persekutuan.

Selain JAKIM, MAIWP juga selaku agensi penting Hal Ehwal Agama merupakan antara penggerak utama pemeraksanaan institusi pendidikan Islam khususnya di Wilayah Persekutuan. Peranan MAIWP amat besar terutama dalam menyediakan kemudahan pendidikan Islam yang terbaik kepada masyarakat menerusi institusi

pendidikan Islam MAIWP bermula pada peringkat prasekolah sehingga pengajian tinggi.

Dari aspek pendidikan, MAIWP mempunyai institusi pendidikan seperti Permata Junior MAIWP, MAIWP Kids, Permata MAIWP, Sekolah Menengah Agama MAIWP (SMA MAIWP), Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz (SMISTA), Universiti Kolej Antarabangsa MAIWP dan Kolej Profesional MAIWP bagi melahirkan generasi berilmu serta berdaya saing.



Majlis Graduasi dan Apresiasi Latihan dan Kerjaya MAIWP kali ke-3.



Bangunan Universiti Kolej Antarabangsa MAIWP (UCMI).

Melalui institusi-institusi ini, MAIWP berperanan melahirkan generasi berilmu, berakhlak mulia dan berdaya saing, sekali gus menyediakan akses pendidikan berkualiti kepada anak-anak asnaf dan masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan. Pendekatan menyeluruh

ini mencerminkan komitmen MAIWP untuk membina masa depan ummah yang lebih cemerlang melalui kecemerlangan pendidikan.

Sesungguhnya, pendidikan merupakan tunjang utama dalam pembinaan tamadun Islam. Melalui pendidikan, nilai dan ilmu disemai sejak awal agar proses transformasi budaya dan kemajuan masyarakat dapat dibangunkan secara teratur dan tertib dalam kehidupan.

Dalam konteks ini, penerapan pendidikan nilai-nilai Islam dalam kalangan masyarakat juga digerakkan oleh Agensi Hal Ehwal Agama. Antara usaha yang bermakna ialah inisiatif Jabatan Pendakwaan Syariah Wilayah Persekutuan (JaPenSWP) dalam pendidikan berkaitan kefahaman batasan hukum Syariah, seterusnya menjauhkan diri daripada perlakuan yang bercanggah dengan prinsip Islam serta meruntuhkan nilai kemasyarakatan. Menyedari kesan sosial akibat kesalahan jenayah syariah seperti khalwat, persetubuhan luar nikah dan pelanggaran moral lain, JaPenSWP telah menyusun dan melaksanakan program-program pendidikan berbentuk program kesedaran kepada golongan sasaran.

Antara aktiviti bagi pemerkasaan pendidikan syariah ini ialah Program di Sini Bermulanya Langkah yang menyasarkan pelajar sekolah menengah di sekitar Wilayah Persekutuan Putrajaya. Program ini menekankan pendekatan awal pencegahan dengan memberikan pendedahan tentang kesalahan jenayah Syariah melalui modul kemotivasi yang dibangunkan secara *in-house*. Modul tersebut bukan sahaja memperkukuh kefahaman peserta terhadap undang-undang Syariah, malah turut membina jati diri dan ketahanan moral dalam menghadapi cabaran sosial semasa.

Selain itu, JaPenSWP turut menganjurkan Seminar Lelaki *Qawwam*, yang memberikan fokus kepada warga pendidik di Kuala Lumpur dan Putrajaya. Seminar berbentuk *Train the Trainers* ini berperanan memperkasa para pendidik dengan ilmu perundangan Syariah agar mereka dapat menjadi ejen penyebar maklumat dan nilai-nilai dakwah kepada pelajar serta komuniti setempat.



Tuan Abd Razak bin Mat Nayan pada Seminar Lelaki Qawwam yang diadakan pada 28 September 2024 di Putrajaya.



Poster hebahan slot radio pakar daripada JaPenSWP di IKIM.fm.

Bagi meluaskan capaian kesedaran, JaPenSWP turut bekerjasama dengan agensi media seperti TV AlHijrah dan IKIM.fm dalam menyampaikan mesej pendidikan berhubung kesalahan jenayah Syariah serta undang-undang keluarga Islam. Siaran televisyen dan radio ini membolehkan maklumat disebar secara lebih meluas dan efektif kepada pelbagai lapisan masyarakat. Inisiatif-inisiatif bersepadu ini mencerminkan transformasi JaPenSWP sebagai institusi yang bukan sahaja menegakkan keadilan melalui pendakwaan, tetapi juga melalui pendidikan dan pembentukan masyarakat berilmu serta berakhlak sekali gus menerapkan nilai-nilai MADANI dalam usaha mengekalkan keharmonian negara.

5. Kemudahan Ibadat: Akses untuk Semua

Pembangunan sosial sejahtera memerlukan ruang yang selesa, mudah serta terbuka kepada semua. Dalam konteks ruang beribadah, transformasi kemudahan beribadah yang dapat memenuhi hak setiap umat Islam, tanpa mengira latar belakang atau keupayaan menjadi keutamaan. Masjid dan surau kini bukan sekadar tempat solat, tetapi ruang kebersamaan yang menzahirkan rahmah dan kesejahteraan.

Usaha memperluaskan akses ini diterjemahkan melalui pelbagai inisiatif oleh Agensi Hal Ehwal Agama. JAWI membangunkan Masjid Mesra OKU dalam memastikan tiada kelompok yang terpinggir, khususnya golongan orang kurang upaya (OKU) dalam menikmati kemudahan beribadah dan mengimarahkan rumah Allah SWT. Antara usaha yang dilaksanakan termasuklah reka bentuk mesra kerusi roda dan laluan akses mudah, kemudahan tandas serta ruang wuduk khas OKU, penyediaan parkir khas berhampiran pintu masuk utama serta penyampaian khutbah dan kuliah dengan sokongan bahasa isyarat bagi jemaah berkeperluan khas. Inisiatif ini bermatlamat memastikan ibadah dapat dilaksanakan dengan mudah, tepat dan penuh hikmah, selaras dengan matlamat membina Ummah MADANI yang sejahtera.



Parkir Khas OKU.



Laluan kerusi roda.

Masjid Mahmoodiah, Presint 18, Putrajaya menjadi masjid contoh yang mengaplikasikan pendekatan masjid inklusif berteraskan nilai rahmah dan kesejahteraan. Pelaksanaan Masjid Mesra OKU ini menekankan nilai kesejahteraan insan, agar masjid bukan sahaja berperanan sebagai tempat ibadah, tetapi juga sebagai pusat pembinaan jiwa, penyatuan masyarakat dan penyubur rasa kebersamaan dalam semangat Malaysia MADANI.

Selain itu, JAWI dengan kerjasama Bank Rakyat telah menggerakkan inisiatif Surau Bergerak sejak tahun 2018 bagi menyediakan kemudahan yang selesa kepada umat Islam menunaikan kewajipan solat terutama ketika menghadiri program-program berskala besar yang dianjurkan di kawasan terbuka dengan kehadiran ramai pengunjung. Susulan sambutan dan permintaan yang menggalakkan daripada pelbagai pihak terhadap perkhidmatan ini, JAWI sekali lagi berkolaborasi dengan syarikat Konsortium E-Mutiara Berhad dan CIMB Islamic Bank Berhad bagi melaksanakan pengubahsuaian sebuah bas dua tingkat untuk dijadikan Surau Bergerak kedua yang bukan sahaja boleh digunakan untuk menunaikan solat tetapi berfungsi sebagai sudut aktiviti keagamaan dan dakwah bergerak.

Bas dua tingkat bernilai RM350,000 disumbangkan oleh syarikat Konsortium E-Mutiara manakala kos pengubahsuaian disumbangkan oleh CIMB Islamic Bank Berhad dan individu melalui zakat wakalah

berjumlah RM200,000. Bas pelbagai guna ini akan menjadi elemen ikonik dalam memperkukuh hubungan JAWI dengan masyarakat di Wilayah Persekutuan. Inisiatif terbaharu tersebut juga dilancarkan bagi menyahut saranan membudayakan inovasi dan kreativiti dalam agenda transformasi pentadbiran Islam Mampuan Agensi Hal Ehwal Agama.



Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Mokhtar, meninjau keadaan di dalam Surau Bergerak.



Bas dua tingkat yang telah diubahsuai menjadi Surau Bergerak.

Surau Bergerak JAWI 2.0 mampu menampung kapasiti seramai 35 orang jemaah dalam satu-satu masa serta memiliki ruang solat dengan kemudahan seperti karpet, sejadah, telekung, pembesar suara, dan penyaman udara. Bahagian penumpang bas berkenaan diubah suai menjadi ruang solat dan aktiviti yang selesa manakala tempat penyimpanan barang diubahsuai bagi penyimpanan bekalan air dan paip untuk mengambil wuduk.

Surau Bergerak ini ditempatkan di beberapa lokasi seperti tapak pasar malam dan bazar yang dikenalpasti sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi kemudahan masyarakat terutama menjelang bulan Ramadan dan Aidilfitri. Selain itu, bas berkenaan juga terlibat dalam aktiviti turun padang bagi menyampaikan bantuan dan sumbangan kepada golongan yang memerlukan melalui program *Musa'adah* dan JAWI Food Bank.



Majlis Pecah Tanah Pembinaan Surau Ibnu Sina Hospital Putrajaya pada 14 Disember 2023 yang disempurnakan oleh Dato' Setia Dr. Mohd Na'im bin Mokhtar dan turut hadir bersama ialah Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, MAIWP YBhg. Datuk Mohd Nizam bin Haji Yahya dan Pengarah Hospital Putrajaya YBhg. Dr. Suraya Amir Husin.

Dalam hubungan ini juga, MAIWP bakal membina sebuah surau di Hospital Putrajaya dengan menggunakan peruntukan Kutipan Dana Wakaf Tunai berjumlah RM4.8 juta. Bangunan Surau Ibnu Sina setinggi dua tingkat berkeluasan 3,856 meter persegi tersebut boleh memuatkan sehingga 1,000 jemaah pada satu-satu masa. Pembinaan Surau Ibnu Sina ini bertujuan menyediakan keselesaan kepada warga kerja, pelawat dan kakitangan Hospital Putrajaya untuk beribadah dan fasiliti surau tersebut juga boleh dimanfaatkan oleh pelawat daripada Institut Kanser Negara yang terletak bersebelahan Hospital Putrajaya. Ini juga menyokong usaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam mengangkat konsep Hospital Mesra Ibadah yang menitikberatkan penjagaan aspek spiritual dan keagamaan pesakit serta kakitangan.

MAIWP melalui Hospital Pakar Pusrawi Kuala Lumpur, yang merupakan anak syarikat MAIWP antara hospital swasta terawal menerima pengiktirafan BFHI sejak tahun 2014. Lebih membanggakan, hospital ini adalah hospital swasta PERTAMA di Malaysia yang menawarkan Program Penyusuan Anak Angkat (Induced Lactation). Program inovatif ini menyokong pembentukan ikatan emosi yang erat antara ibu dan anak angkat, selari dengan aspirasi Hospital Rakan Bayi.

Penyusuan susu ibu bukan sahaja memberi manfaat kesihatan jangka panjang kepada ibu dan anak, malah menyokong matlamat Dasar Pemakanan Negara Malaysia dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030.



Majlis Perasmian Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia (MPSI) peringkat Hospital Swasta KPJ Healthcare dan Hospital Pakar Pusrawi Kuala Lumpur.

Kesejahteraan beribadah umat Islam merupakan keutamaan JPM-HEA. Ibadah yang sempurna mesti dilaksanakan dengan penuh keyakinan. Misalnya, penentuan waktu solat bagi umat Islam mestilah berpandukan peredaran matahari seperti yang digariskan dalam al-Quran dan Sunnah. Namun begitu, perkembangan pesat pembangunan bandar moden dengan kewujudan bangunan pencakar langit telah menimbulkan cabaran baharu terhadap ketepatan dalam menentukan waktu solat. Kedudukan matahari yang berbeza mengikut altitud menyebabkan waktu-waktu solat seperti Subuh, Maghrib dan Syuruk boleh berbeza di antara aras bawah dan aras tinggi sesuatu bangunan. Situasi ini menimbulkan persoalan terhadap ketepatan jadual waktu solat yang dikeluarkan berdasarkan kiraan

di aras laut tanpa mengambil kira faktor ketinggian, sekaligus memberi implikasi terhadap kesahihan ibadah yang dilaksanakan.

Menyedari kepentingan isu ini, JMWP dengan kerjasama JAKIM dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), telah menjalankan kajian penentuan waktu solat di Menara Warisan Merdeka 118. Kajian ini menunjukkan wujud perbezaan antara tiga hingga empat minit bagi waktu Syuruk dan Maghrib antara aras 0 meter dan 600 meter. Penemuan ini membuktikan bahawa faktor ketinggian memainkan peranan penting dalam penetapan waktu solat yang tepat serta memerlukan pendekatan gabungan antara ilmu falak dan fiqh bagi memastikan pelaksanaan ibadah umat Islam kekal menepati kehendak syarak.

Kajian ini menjadi pemangkin kepada transformasi dalam pendekatan penetapan waktu solat di Malaysia, khususnya di kawasan bandar yang mempunyai bangunan bertingkat tinggi. Hasil dapatan ini membuka ruang kepada penyelidikan berterusan bagi memperkemas kaedah penentuan waktu solat yang lebih menyeluruh dan responsif terhadap perkembangan semasa. Ini sekaligus mempamerkan keprihatinan pihak berkuasa agama dalam memastikan setiap ibadah dilaksanakan dengan sah, tepat dan selaras dengan prinsip maqasid syariah, di samping menegaskan bahawa Islam sentiasa relevan dalam menghadapi perubahan zaman dan realiti kehidupan moden.



Pegawai JMWP dan JUPEM sedang melakukan penelitian di atas Menara Warisan Merdeka 118 untuk menentukan waktu solat di menara tersebut.

6. Pembinaan Kepimpinan Ummah Berfikrah MADANI

Pelan Transformasi Al-Falah turut memberikan penekanan terhadap pembinaan kepimpinan ummah berfikrah MADANI sebagai persediaan ke arah menggerakkan perubahan pada pelbagai peringkat komuniti. Pelbagai inisiatif dan libat urus dengan banyak pihak terutama golongan muda mudi telah digerakkan oleh Agensi Hal Ehwal Agama dalam menjayakan matlamat ini.



Dr. Muhammad Razak bin Idris melancarkan buku pemikiran Dr. Yusuf al-Qaradhawi dalam Seminar Fikrah MADANI: Pemikiran Sheikh Dr. Yusuf al-Qaradhawi anjuran bersama IKIM dan WADAH.

Penganjuran Seminar Fikrah MADANI: Pemikiran Sheikh Dr. Yusuf al-Qaradhawi telah diselenggarakan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) dengan kerjasama Agensi Hal Ehwal Agama. Fikrah MADANI yang terkandung dalam wacana pemikiran Sheikh Dr. Yusuf al-Qaradhawi didapati amat sesuai dan selaras dengan gagasan Malaysia MADANI yang menekankan aspek pembinaan masyarakat yang seimbang dan sederhana (wasatiyyah) serta terbuka dan berlapang dalam mendepani persekitaran yang majmuk menerusi konsep *fiqh al-taasyush* (pendekatan hidup damai dalam budaya kepelbagaian). Selain itu, buku khas telah diterbitkan bagi menyebarkan fikrah MADANI kepada masyarakat bersempena seminar tersebut.

Selain itu juga, program Dialog Minda MADANI dan Nadwah Mahasiswa Timur Tengah 2025 yang diselenggarakan oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) berkesan membangunkan kepimpinan muda berfikrah MADANI. Dialog ini menjadi medan penting dalam membentuk cara berfikir dan bertindak yang berpaksikan nilai Islam, ilmu dan kemanusiaan. Melalui siri dialog di pelbagai negeri bersama para imam, bilal, guru takmir, guru KAFA, pemimpin NGO dan pesara, gagasan Malaysia MADANI dijelaskan sebagai dasar nilai yang menuntut kefahaman mendalam terhadap Islam sebagai agama Persekutuan serta asas kepada tadbir urus, perpaduan dan kesejahteraan masyarakat. Program ini bukan sahaja memperkukuh budaya ilmu dan kefahaman dasar, tetapi turut memperlihatkan komitmen terhadap usaha menyatukan pelbagai lapisan masyarakat melalui dialog yang terbuka dan berasaskan hujah yang bernas.



Sesi Wacana dan Dialog Minda MADANI di Program Karisma Pemimpin Muda MADANI (Pentadbir Muda IPT) di AKEPT.

Pada peringkat mahasiswa, Nadwah Mahasiswa Timur Tengah 2025 yang menghimpunkan pelajar daripada tujuh negara telah memperluas ruang latihan kepimpinan Islam dalam konteks global. Program ini menekankan pembinaan jati diri dan kepimpinan berwawasan melalui sesi wacana, dialog pimpinan, bicara tokoh dan slot kerjaya yang memupuk kefahaman terhadap Falsafah MADANI secara menyeluruh. Melalui penglibatan aktif pelajar, timbul kesedaran bahawa kepimpinan bukan sekadar kedudukan, tetapi tanggungjawab moral untuk menjadi agen pencerahan, penghubung antara ilmu dengan amal, serta pelindung nilai keadilan dan rahmah di mana sahaja mereka berada.



Dr. Zulkifli bin Hasan, Timbalan Menteri JPM-HEA, semasa sesi dialog bersama hampir 200 orang pelajar Malaysia yang menuntut di Mesir, Morocco, Arab Saudi, Jordan, UAE, Tunisia dan Turkiye.



Dr. Zulkifli bin Hasan, Timbalan Menteri JPM-HEA sempena kunjungan Persatuan Pelajar Malaysia Arab Saudi (PERSADA) di Pejabat Timbalan Menteri di JPM-HEA.

PEMBANGUNAN INTELEKTUAL DAN KEILMUAN

Keutuhan sesebuah tamadun Islam terletak pada kekuatan ilmunya. Oleh itu, transformasi pembangunan intelektual dan keilmuan menjadi pemangkin utama kepada pembinaan masyarakat berfikir, berakhlak dan berdaya cipta. JPM-HEA yakin bahawa legasi keilmuan Islam yang diwarisi daripada para ulama terdahulu kini diteruskan melalui pelbagai medium, sama ada melalui jaringan ilmiah dan wacana ulama, penerbitan karya-karya ilmiah, mahupun penyiaran Islam kontemporari. Ketiga-tiganya membentuk satu ekosistem intelektual yang saling melengkapi, memperkukuh kesinambungan ilmu Islam dari *turath* ke moden, dan memastikan cahaya hikmah terus terpancar dalam kehidupan masyarakat Malaysia hari ini.

1. Ulama dan Jaringan Ilmiah: Menyambung Warisan, Menyemai Hikmah

Peranan ulama sebagai pewaris para nabi terus diperkukuh melalui pelbagai inisiatif ilmu yang digerakkan oleh Agensi Hal Ehwal Agama. Selaras dengan kerangka Malaysia MADANI yang menekankan aspek pengukuhan nilai keyakinan masyarakat, ulama bukan sahaja dilihat sebagai penjaga hukum dan fatwa, tetapi juga sebagai pemikir, pendidik dan jambatan antara tradisi keilmuan Islam dengan realiti masyarakat moden.

Dalam hubungan ini, JAKIM menjadi institusi peneraju utama pusat keilmuan Islam negara, pemangkin jaringan ilmiah yang merentasi sempadan dan lapisan masyarakat melalui wacana, syarahan dan pertemuan ulama-umara yang dinamik.

Majlis Ilmu MADANI menjadi medan dan wadah unggul dalam menyuburkan keilmuan ummah. YAB Perdana Menteri dan YB Menteri di JPM-HEA telah menjadi pengemudi utama dalam menyantuni serta menggerakkan gelombang kebangkitan ilmu menerusi kehadiran ramai ilmuwan Islam pada peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. Menerusi Majlis Ilmu

MADANI yang dilaksanakan secara berkala di Kompleks Sri Perdana atau di masjid-masjid utama negara, inisiatif ini menghimpunkan fikrah Islam terbaik daripada para ilmuwan ummah bagi menyuntik fikrah kemajuan dan kecemerlangan peradaban di pentas dunia yang serba mencabar.

Antara ulama dan tokoh ternama yang telah menjadi tetamu Majlis Ilmu MADANI termasuklah:

- Al-Allamah Syeikh Prof. Dr. Ali Jum'ah al-Azhari (Mesir)
- Al-Allamah Habib Umar bin Muhammad bin Salim bin Hafidz (Yaman)
- Syeikh Ahmed Mohamed Saad al-Maliki al-Azhari al-Hasani (United Kingdom)
- Syeikh Muhammad Haydara al-Jilani (Gambia)
- Tuan Yang Terutama Prof. Dr. Ahmad Muhammad Ahmad at-Tayyib, Imam Besar al-Azhar (Mesir)
- Dr. Mohammed Yusuf al-Qaradawi
- Sahibus Samahah Tuan Ahmad Fauwaz bin Fadzil (Malaysia)
- Prof. Dr. Jasser Auda (Canada)
- Yusuf Islam (Cat Stevens) (United Kingdom)
- Datuk Seri Hassan Ahmad, Tokoh Maal Hijrah Kebangsaan
- Prof. Dr. Ali Muhyiddin, Tokoh Maal Hijrah Antarabangsa
- Syeikh Dr. Abdal Hakim Murad, Pengasas Cambridge Muslim College (United Kingdom)
- Dr. Ekrima Sa'id Sabri, Imam Masjid al-Aqsa (Palestin)
- Syeikh Dr. Ahmad Aissa Hassan al-Ma'sarawi, mantan Syeikh di Umum al-Maqarii (Mesir)
- Dr. Haifaa Younis, Pengarah Jannah Institute (Amerika Syarikat)

Program Usrah MADANI juga telah menyumbang terhadap pembangunan intelektual ummah. Inisiatif ini dijayakan menerusi Pejabat Timbalan Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Dr. Zulkifli Hasan bagi mendukung agenda transformasi Al-Falah menerusi penerapan nilai MADANI dalam kehidupan masyarakat. Program ini menghimpunkan tokoh-tokoh ilmuwan dan intelektual ternama bagi membincangkan isu-isu besar ummah dengan pendekatan terbuka dan berasaskan ilmu.

Siri-siri Usrah MADANI telah mengetengahkan sarjana antarabangsa seperti Profesor Dr. Syed Muhammad Khairuddin Al-Juneid (National University of Singapore) yang membicarakan tema “*tajdid dan islah*”, berkenaan pentingnya gagasan dan pemikiran besar sebagai asas perubahan. Siri berikutnya menampilkan Syeikh Muhammad Idrissi, Presiden Universiti Islam Sepanyol Al-Andalusia, yang mengupas “Islam Andalusia: Past and Future”, dan mengaitkan gagasan Malaysia MADANI dengan falsafah *madaniyyah* yang diperkenalkan oleh al-Farabi.



Syeikh Muhammad Idrissi, Presiden Universiti Islam Sepanyol al-Andalusia, membentangkan tajuk “Islam Andalusia: Past and Future.”

Siri Usrah MADANI turut memperkukuh budaya tafsir dan *tadabbur* melalui kehadiran ulama tersohor seperti Syeikh Majd Makki dari Syria. Beliau mengupas mendalam *Surah al-Hujurat* secara mendalam sebagai panduan adab beragama dan bermasyarakat. Siri-siri seterusnya menampilkan ilmuwan Barat seperti Prof. Mustapha Syeikh dan Prof. Salman Sayyid dari United Kingdom, yang memperkayakan wacana dengan perspektif global melalui forum “*The Future of Palestine*.” Manakala Syeikh Dr. Muhammad Akram Nadwi, tokoh hadis dan keserjanaan wanita Islam dunia, menjadi pembicara undangan dalam siri bertema “Peranan Wanita dalam Bidang Keilmuan dan Pembangunan Negara”, bagi membincangkan kepentingan memartabatkan

sumbangan ilmuwan wanita dalam pembinaan masyarakat inklusif dan berilmu.

Program ini kini menjadi salah satu platform wacana ilmu berimpak tinggi di Malaysia, dengan hasil wacana dirancang untuk diterbitkan dalam bentuk dokumentasi ilmiah dan rakaman rasmi sebagai rujukan generasi akan datang.



Usrah MADANI bertema “Peranan Wanita dalam Bidang Keilmuan dan Pembangunan Negara” disampaikan oleh Syeikh Dr. Muhammad Akram Nadwi.

Selain itu, inisiatif Jelajah MADANI Ulama dan Umara yang diselaraskan oleh JAKIM juga menjadi antara inisiatif terpenting yang memperkukuh jaringan kepimpinan agama di seluruh negara. Sejak 2023, program ini menghimpunkan para pemimpin agama dan cendekiawan Islam pada peringkat Persekutuan dan Negeri bersama para *murabbi* ummah seperti imam, guru takmir, guru KAFA, Pegawai Pentadbiran Masjid Daerah (PPMD), penyelia KAFA dan pegawai masjid dalam enam siri jelajah tahunan dan diteruskan pada 2024 mengikut zon, termasuk Sabah, Sarawak dan Zon Utara dan Zon Tengah.

Jelajah ini menjadi wasilah perkongsian ilmu, perkembangan dasar Islam semasa serta medan memperkukuh ukhuwah dan perpaduan ummah. Pada 2025, jelajah ini berjaya melibatkan penyertaan melebihi 10,000 peserta dan telah berjaya melahirkan barisan kepimpinan agama yang lebih responsif, berwawasan serta berakar pada nilai rahmah, kasih sayang dan perpaduan.



Jelajah MADANI Ulama Umara yang diadakan di Indera Mahkota, Kuantan, Pahang pada 28 Jun 2025 dan disempurnakan oleh Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Mokhtar, Menteri di JPM-HEA.

Peranan masjid sebagai pusat keilmuan turut diperluas sebagai salah satu program pengimarahannya di bawah Pelan Transformasi Al-Falah melalui program-program utamanya termasuk Zikir Akbar MADANI, Gema Syukur, Majlis Ilmu MADANI dan Daurah Kitab. Kehadiran ulama besar dunia seperti Sheikh Dr. Ahmad al-Tayyib (Sheikh al-Azhar), Sheikh Dr. Salah Muhammad al-Budair (Imam Masjid Nabawi), Mufti Besar India Sheikh Abu Bakar Ahmad, Sheikh Saad

Nomani, dan Sheikh Dr. Ekrima Sa'id Sabr (Imam Masjid al-Aqsa) mengangkat lagi martabat Malaysia sebagai hub keilmuan Islam antarabangsa.



Program Gema Syukur yang dijalankan dengan kehadiran para ulama dalam dan luar negara.

Selain itu, program Duat Al-Falah merupakan antara inisiatif penting di bawah gagasan Malaysia MADANI yang bertujuan memperkasa barisan pendakwah negara agar lebih berwibawa, berilmu dan berpaksikan nilai rahmah. Seramai 250 individu yang terdiri daripada ilmuwan, profesional dan asatizah dipilih sebagai Duat Al-Falah iaitu satu gabungan pendakwah yang membawa pendekatan sederhana berteraskan akidah Ahli Sunnah Waljamaah. Mereka digerakkan untuk membimbing masyarakat memahami enam nilai teras Malaysia MADANI iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Dengan semangat ini, para Duat berperanan menjadi agen perubahan sosial (*muslih*) yang menegakkan keadilan dan membina masyarakat berakhlak serta sejahtera.

Duat Al-Falah adalah madrasah kepimpinan dakwah moden yang membentuk watak pendakwah yang matang, berakhlak dan cerdas melalui latihan berstruktur seperti Seminar Pembimbing Malaysia MADANI, Daurah dan Multaqa Duat Al-Falah. Para peserta dibimbing dengan nilai wasatiyyah, hikmah dan rahmah agar mesej Islam dapat disampaikan dengan penuh kasih sayang dan keinsafan. Melalui jaringan komuniti, akademik dan belia, mereka menjadi jambatan yang menghubungkan ajaran Islam dengan realiti masyarakat hari ini.

Sesungguhnya, pembangunan syiar Islam dalam aspek keilmuan adalah teras bagi kelestarian penghayatan Islam yang syumul. Agenda transformasi menerusi penambahbaikan sistem, institusi, prasarana dan budaya Islam yang syumul mengukuhkan teras-teras kecemerlangan peradaban Islam dalam mendepani cabaran-cabaran yang sedang dihadapi ummah masa kini.

7. Penerbitan Islam: Warisan Ilmu yang Syumul

Penerbitan karya ilmiah menjadi antara sumbangan penting JPM-HEA dalam memperkukuh penghayatan Islam yang syumul. Melalui kolaborasi sepadu antara Agensi-agensi Hal Ehwal Agama, pelbagai penerbitan baharu bertemakan Islam dihasilkan mencakupi bidang akidah, fiqh, tasawuf, ekonomi Islam dan muamalat, sirah, hadis, pendidikan dan pemikiran kontemporari yang disebarkan kepada masyarakat.

Dalam bidang ilmu akidah dan tasawuf, JAKIM menerbitkan edisi terkini *Kitab al-Luma' Fi al-Radd 'Ala Ahl al-Zaygh Wa al-Bida'* dan *Risalat Fi Ihtisn al-Khawd Fi 'Ilm al-Kalam* karya agung Imam al-Imam Abi Hasan al-Asy'ari dan juga karya *Disiplin Ilmu Tasawuf Yang Autentik Wahana Pemantapan Pembangunan Modal Insan*, manakala JMWP pula berjaya menghasilkan versi terjemahan bahasa Melayu *Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah* Sheikh al-Azhar, Prof. Dr. Ahmad al-Tayyib.



Bagi mengkayakan pembacaan masyarakat awam, IKIM dan YADIM masing-masing menerbitkan karya separa ilmiah iaitu *Siri Soal Jawab Kefahaman Islam*

(SiJKI)–*Akidah dan Pemikiran* dan *Akidah dan Tasawuf Ahli Sunnah Wal Jamaah: Pegangan dan Penghayatan*. Buku-buku ini menjelaskan asas keimanan Ahli Sunnah wal Jamaah serta peranan tasawuf dalam membentuk diri insan yang sempurna.

Dalam memperkenalkan bidang fiqh dan syariah, beberapa agebsi menerbitkan buku yang menyentuh pelbagai aspek. JAKIM menterjemah dan menerbitkan semula karya-karya klasik dalam ilmu fiqh seperti *Fiqh Mazhab Asy-Syafi'ie Yang Mu'tamad*, *al-Fiqh al-Manhaji* dan JMWP menerbitkan buku terjemahan *Muqaddimah al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*. Karya Imam al-Nawawi ini merupakan huraian kehidupan Imam al-Syafi'i, penerangan berkaitan bab dan pembahagian ilmu syarak, penjelasan berkenaan hukum-hakam berkaitan mufti dan adab dalam mengeluarkan fatwa, penjelasan sifat dan hukum bagi orang yang meminta fatwa (*mustafti*) serta fasal-fasal penting lain berkaitan kitab *al-Muhazzab*.



Menyentuh aspek bacaan dan panduan umum berkenaan hukum hakam dan syariah, JMWP menerbitkan *Soal Jawab Fiqh Wanita*; disusuli dengan penerbitan JAWHAR berkenaan *Manual Menangani Khurafat di Tanah Suci*, *Manual Pengurusan Umrah Kanak-Kanak* dan *Manual Pengurusan Kesihatan Umrah*.

Manakala JAKIM memperkukuh disiplin hukum melalui penerbitan *Pensijilan Farmaseutikal Halal di Malaysia*. Keseluruhan karya ini menampilkan keseimbangan antara warisan fiqh klasik dengan keperluan masyarakat moden yang berhadapan cabaran hukum dan fatwa kontemporari.

Dalam memperkayakan khazanah ilmu muamalat dan ekonomi Islam, beberapa buah judul telah diterbitkan. Bermula dengan YAPEIM yang tampil dengan *Ensiklopedia Fiqh Muamalat dan Kewangan Islam* sebagai rujukan komprehensif yang menghimpunkan lebih 550 istilah kewangan Islam. Manakala *Mudahnya Wakaf!* terbitan Yayasan Waqaf Malaysia memperkenalkan konsep wakaf secara praktikal kepada masyarakat awam. Kedua-dua karya ini memperkukuh kefahaman ekonomi Islam sebagai teras kesejahteraan ummah dan sumber pembangunan negara.




Bidang polisi dan gagasan MADANI juga turut mendapat perhatian melalui penerbitan Siri Pemerihalan Dasar Kerajaan (SPeeDK) menyentuh dua karya penting iaitu *Sinergi Ilmuwan dengan Pemerintah dalam Merealisasikan Agenda Malaysia MADANI* dan *Piagam Madinah: Model Perpaduan Malaysia MADANI*. Karya terbitan IKIM ini memperkukuh kefahaman masyarakat tentang dasar kerajaan berteraskan Malaysia MADANI, mengukuhkan sinergi ilmuwan-pemerintah dalam membangunkan dasar negara yang inklusif dan menyemai semangat perpaduan berasaskan Piagam Madinah dan Perlembagaan Persekutuan.



Melalui pendekatan yang lebih ringkas dan mudah difahami, *Siri Infografik Hifz al-Mal* diterbitkan oleh IKIM menyuntik kesedaran terhadap kepentingan pengurusan harta menurut syariah. Siri ini meliputi enam tajuk utama seperti *Hibah*, *Wasiat*, *Harta Sepencarian*, *Faraid*, *Pentadbiran Harta Pusaka Kecil di Malaysia* dan *Pengurusan Harta Keluarga Islam*.


Melalui bidang al-Quran dan tafsir, JAKIM menerbitkan beberapa karya seperti *Hikmah Susunan Surah al-Quran*, *Ibrah Surah al-Kahfi* dan *Surah Yusuf*, *Seni Tarannum al-Quran* dan *Manhajnya di Malaysia*, sementara TV AlHijrah memperkaya pengalaman tadabbur melalui *Buku Catatan Tadabbur Quran@114 (Jilid 1–7)*. Karya-karya ini mempamerkan keindahan dan kefahaman al-Quran bukan sekadar pada bacaan, tetapi pada penghayatan makna dan penerapan dalam kehidupan seharian.



Sementara itu, dalam bidang sejarah Islam, JAKIM memperkenalkan *Citra Perjuangan Sahabiah: Inspirasi Sepanjang Zaman* dan *Peta Ilmu & Peta Amal*, manakala YADIM menampilkan karya motivasi *Travelog di Bawah Awan Damai Everton* yang menggambarkan pencarian makna dan kekuatan spiritual dalam konteks moden. Hal ini membuktikan bahawa penerbitan Islam hari ini tidak hanya bersifat akademik, tetapi juga membina jiwa dan semangat masyarakat meskipun dalam bentuk yang lebih santai.

Bidang adab, akhlak dan moral turut diberikan perhatian melalui penerbitan karya bernilai tinggi yang memperkukuh pembinaan peribadi dan peradaban berasaskan nilai Islam. JAKIM telah menerbitkan *Koleksi Hadis Akhlak Terpuji*, menghimpunkan hadis pilihan berkenaan pembentukan akhlak mulia dalam kehidupan seharian.

Dalam masa yang sama, JAKIM turut memperkukuh tradisi keilmuan Islam melalui penerbitan semula *Adab Perbezaan Pendapat dalam Islam* karya Sheikh Dr. Taha Jabir al-Alwani dengan kerjasama Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) menekankan kepentingan adab dan hikmah dalam mengurus perbezaan pandangan demi menjaga perpaduan ummah.



Menyentuh konsep dakwah dan muhibah, JAWI telah menerbitkan buku *Dakwah Tak Usah Lelah!* Manakala YADIM pula mempelbagaikan karya penerbitan dengan kemunculan *Komik Sahabat Misi 3Q*, *Majalah Dakwah* serta *Kerahmatan Islam dan Fenomena Terorisme*. Karya-karya ini bertujuan memartabatkan dakwah sebagai jalan penyebaran keamanan dan kasih sayang sejagat. Melalui pendekatan kreatif dan mesra masyarakat, usaha ini menzahirkan Islam sebagai agama rahmat yang menyeru kepada kedamaian, perpaduan dan kesejahteraan sejagat.



Antara karya yang diangkat, Budaya Damai dalam Sirah Nabi SAW tulisan Prof. Dr. 'Ali Jum'ah menyorot empat model kehidupan harmoni Rasulullah SAW di Mekah, Habsyah dan Madinah sebagai asas hidup bersama yang kekal relevan. Islam Agama Rahmah oleh Prof. Dr. 'Ali al-Qaradaghi pula menegaskan kasih sayang sebagai inti ajaran Islam yang menolak ekstremisme dan kekerasan, manakala Intisari Kesederhanaan Islam oleh Sheikh Dr. Yusuf al-Qaradawi menyeru kepada pendekatan wasatiyyah sebagai jalan tengah dalam membina peradaban berasaskan iman, hikmah dan akhlak. Keseluruhannya, penerbitan ini menjadi wadah memperkasa naratif Islam yang penuh kasih, sederhana dan membawa rahmat kepada seluruh alam.



Dalam usaha memperkukuh tradisi keilmuan Islam dan memperluas penyelidikan ilmiah, agensi-agensi agama turut menerbitkan jurnal akademik dalam talian sebagai wadah penulisan bermutu dan rujukan berautoriti. Antara jurnal yang aktif dan bersifat *open access* ialah *The Journal of Awqaf, Zakat and Hajj* (JAWHAR) (<https://journal.jawhar.gov.my/>) yang diterbitkan oleh JAWHAR dan menumpukan kepada kajian pentadbiran wakaf, zakat, haji dan umrah serta aspek pengurusan awam Islam. Manakala, IKIM pula menerbitkan *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World* (<https://tafhim.ikim.gov.my/index.php/tafhim>) yang membincangkan isu-isu Islam serta persoalan kontemporari pada peringkat tempatan dan antarabangsa dalam kerangka pelbagai disiplin yang berpaksikan pandangan alam Islam.

Sementara itu, JMWP menerbitkan *Journal of Ifta and Islamic Heritage* (JIFTAH) (<https://ejournal.muftiwp.gov.my/index.php/jiftah>) yang mengkhusus kepada bidang fatwa serta warisan keilmuan Islam (*turath*) dalam pelbagai disiplin ilmu Islam. Manakala YADIM turut menerbitkan Jurnal YADIM: *International Journal of Islam and Contemporary Affairs* (<https://www.e-jurnal.yadim.com.my/index.php/jurnal-yadim>) yang memberikan



Imbas QR untuk
layari laman
sesawang Jurnal
JAWHAR



Imbas QR untuk
layari laman
sesawang Jurnal
TaFhIM



Imbas QR untuk
layari laman
sesawang Jurnal
JIFTAH

tumpuan kepada tema-tema dakwah, pengurusan hal ehwal Islam dan pembangunan komuniti berasaskan nilai Islam. Kesemua jurnal ini mencerminkan kesungguhan agensi agama dalam memperkukuh budaya penyelidikan berasaskan ilmu, memperkaya wacana intelektual Islam serta menyediakan platform ilmiah yang terbuka kepada para sarjana, pengkaji dan masyarakat umum.

Secara keseluruhannya, penerbitan Islam sepanjang tiga tahun Transformasi Al-Falah ini menampilkan berpuluh judul baharu yang merentas disiplin ilmu Islam, daripada akidah ke muamalat, daripada adab dan akhlak ke dakwah dan daripada tradisi klasik ke wacana kontemporari. Penerbitan ilmiah yang prolifik menawarkan sumber rujukan yang kaya buat masyarakat dan menjadi sandaran dalam kehidupan beragama serta menggerakkan transformasi dalam pembangunan keilmuan ummah.

Penerbitan Islam yang kaya kini boleh diperoleh dan dapat diakses secara mudah oleh masyarakat menerusi laman sesawang Agensi Hal Ehwal Agama. Pada 2024, transformasi pelestarian karya terbitan Agensi Hal

Ehwal Agama disepadukan melalui Pavilion Al-Falah: Ekspo Buku dan Pameran Agensi Pengurusan Hal Ehwal Islam di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) ke-41. Pavilion Al-Falah menjadi sejarah baharu apabila semua 14 agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) bergabung tenaga di bawah satu bumbung untuk memperkenalkan hasil penerbitan masing-masing kepada rakyat Malaysia.



Imbas QR untuk
layari laman
sesawang Jurnal
YADIM





Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Mokhtar, Dr. Zulkifli bin Hasan Timbalan Menteri JPM-HEA dan Dato' Dr. Sirajuddin Suhaimee, Pengarah JAKIM di Majlis Perasmian Pavilion Al-Falah dan Pelancaran Buku Baharu Tahun 2024.



Reka bentuk Pavilion Al-Falah di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2025.

Pavilion Al-Falah membawa konsep *one-stop centre* yang menggabungkan kepelbagaian bidang ilmu Islam di bawah satu jenama bersama. Ini bukan sahaja memudahkan orang ramai untuk mendapatkan bahan bacaan berautoriti berkaitan hal ehwal Islam, tetapi juga menyerlahkan keseragaman hala tuju dan kekuatan strategik Agensi Hal Ehwal Agama dalam memperkukuh budaya ilmu negara.

Nama *Al-Falah*, yang membawa makna kejayaan, dipilih bagi mencerminkan semangat kesatuan, kerjasama dan kemajuan ummah selaras dengan falsafah Malaysia MADANI serta seruan azan menuju kejayaan dunia dan akhirat.

Sepanjang berlangsungnya PBAKL 2024 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), Pavilion Al-Falah berjaya menarik hampir 17,000 pengunjung, menganjurkan lebih 37 program termasuk pelancaran buku, sesi wacana ilmiah, resensi karya dan bual santai bersama penulis. Kejayaan ini bukan sekadar diukur melalui jualan dan sambutan luar biasa, tetapi juga melalui jalinan strategik yang terbentuk antara Agensi Hal Ehwal Agama dengan pemain industri penerbitan, percetakan dan pengedaran pada peringkat nasional serta antarabangsa. Pavilion ini menjadi bukti bahawa gabungan ilmu, strategi dan kerjasama digabungkan, menghasilkan sinergi yang membawa manfaat besar, bukan sahaja untuk masyarakat pembaca, tetapi juga untuk kesinambungan legasi ilmu Islam di Malaysia.



8. Penyiaran dan Media Islam: Menerobos Sempadan Dakwah Baharu

Dalam era digital masa kini, cabaran utama penyiaran Islam adalah menarik minat generasi muda terhadap kandungan Islamik yang bersifat ilmiah, mendalam dan berasaskan kefahaman yang sah. Di pelbagai platform media sosial yang menjadi saluran utama komunikasi anak muda, kandungan berbentuk hiburan sering kali mendominasi perhatian mereka berbanding mesej keagamaan. Hal ini menimbulkan keperluan satu pendekatan baharu dalam dakwah dan pendidikan Islam yang lebih kreatif, interaktif dan dekat dengan realiti semasa masyarakat majmuk Malaysia.

Dalam konteks ini, IKIM melalui tvIKIM mengambil langkah strategik dengan memperkenalkan Pertandingan Merekacipta Video Pendek Kefahaman Islam (VIPKI)

sebagai wahana dakwah digital yang menampilkan mesej Islam secara segar, inklusif dan bersifat universal. Melalui VIPKI, IKIM bukan sahaja memperluas medan penyiaran Islam dalam bentuk kreatif, malah membuka peluang kepada pelajar IPT, Islam dan bukan Islam, untuk menjadi penyampai mesej Islam menerusi medium visual. Setiap tahun, pertandingan ini mengangkat tema yang seiring dengan nilai Malaysia MADANI: “Jimat Cermat” (2023), “Harmoni” (2024) dan “MADANI” (2025), mencerminkan evolusi kefahaman Islam yang menyentuh aspek kehidupan seharian.

Program ini berjaya membudayakan pendekatan dakwah kreatif yang menekankan nilai-nilai Malaysia MADANI seperti ihsan, hormat dan daya cipta, sekali gus memperkukuh kefahaman Islam yang harmoni dalam masyarakat pelbagai kaum. Impaknya terserlah melalui peningkatan ketara capaian tontonan tvIKIM serta penyertaan aktif anak muda pelbagai latar belakang yang menyumbang kepada penghasilan karya berkualiti tinggi. VIPKI kini menjadi simbol kejayaan IKIM dalam mengarusperdanakan dakwah Islam secara profesional dan inovatif, seterusnya memperkukuh imej IKIM sebagai peneraju penyiaran Islam di Malaysia dan rantau ini.

Selain medium penulisan dan program fizikal, JMWP turut mengorak langkah ke arah dakwah digital melalui penerbitan siri video pendek “*Fas’aluna*,” sebuah inisiatif yang mendekatkan masyarakat dengan ilmu hukum Islam dalam format yang segar dan mudah diakses. Dalam siri ini, Sahibus Samahah Mufti Wilayah Persekutuan sendiri tampil menjawab pelbagai persoalan semasa yang diajukan oleh orang awam, dengan penyampaian yang jelas, tenang dan berautoriti. Durasi video yang singkat dan isi kandungan yang padat menjadikannya sesuai dengan gaya hidup masyarakat moden yang cenderung kepada maklumat cepat dan mudah difahami. Keberkesanan siri ini terletak pada penyampaian lisan mufti sendiri dengan ekspresi, intonasi dan gaya penerangan yang mesra menjadikan mesej hukum lebih hidup dan diyakini. Tambahan pula, format digitalnya membolehkan video ini dikongsi dengan pantas di pelbagai platform media sosial, memperluas jangkauan dakwah ke pelbagai lapisan masyarakat.

Pendekatan *Fas’aluna* membuktikan keupayaan JMWP dalam menyesuaikan diri dengan ekosistem komunikasi moden tanpa mengorbankan ketepatan ilmu dan wibawa institusi fatwa. Hal ini menjadi contoh bahawa



autoriti agama dapat memanfaatkan teknologi untuk menyampaikan ilmu secara lebih inklusif, responsif dan dekat dengan denyut nadi masyarakat.



Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im Mokhtar menyerahkan amanat kepada Datuk Md. Yusof bin Md. Haslam Khan, pengarah filem tersohor yang terlibat dalam projek Layar Dakwah YADIM.



Para tetamu bergambar kenangan bersama YB Menteri di JPM-HEA.

Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM) pula memperkenalkan inisiatif Layar Dakwah YADIM (LDY) sebagai medium alternatif penyampaian dakwah berasaskan filem, dokumentari dan seni visual. Program ini dirancang bagi menyampaikan mesej Islam melalui pendekatan kreatif yang lebih dekat dengan jiwa masyarakat, khususnya golongan muda.

Setiap karya yang dihasilkan disusun dengan teliti, menyelitkan nilai-nilai Islam, mesej moral serta refleksi terhadap isu semasa agar masyarakat melihat Islam sebagai panduan hidup yang relevan dan mesra zaman. Pelaksanaan LDY turut menggalakkan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak termasuk pembikin filem, artis kreatif, universiti serta badan bukan kerajaan (NGO). Kolaborasi ini memastikan kandungan yang dihasilkan bukan sahaja memenuhi aspek teknikal dan estetika yang tinggi, tetapi juga selaras dengan prinsip syariah, sekali gus membuka ruang kepada perkongsian kepakaran dan pemeraksanaan industri hiburan Islam yang lebih progresif.

Pelaksanaan LDY menunjukkan keazaman YADIM yang berusaha untuk menjadi salah satu wadah kepada pembangunan industri kreatif Islam di Malaysia. Program ini telah memberi ruang kepada individu yang berminat untuk berkarya dengan nawaitu untuk mendidik bangsa melalui hiburan yang membentuk jiwa. Malah, LDY telah memberikan pendekatan visual yang segar bersama mesej dakwah yang lebih mudah difahami dan diterima oleh masyarakat, terutama generasi muda yang sangat dekat dengan dunia digital. Melalui LDY, YADIM mahu memperlihatkan bahawa dakwah bukan sekadar dalam bentuk ceramah agama tetapi juga muncul dalam medium seni yang mendidik jiwa. Melalui inisiatif ini, YADIM sentiasa berusaha mempelbagaikan metodologi dakwah agar mudah diterima dan sampai kepada masyarakat akar umbi.



Salah sebuah kumpulan dalam LDY yang membuat penggambaran filem pendek.

KESIMPULAN

Sesungguhnya, konsep Islam yang syumul bukan sekadar agama yang terpahat dalam ritual dan ibadah, tetapi satu sistem kehidupan yang membina insan dari segenap sudut, rohani, sosial dan intelektual. Dalam kerangka Malaysia MADANI, penghayatan Islam yang menyeluruh ini diterjemahkan melalui pelbagai inisiatif bersepadu yang digerakkan oleh Agensi Hal Ehwal Agama di bawah JPM-HEA. Sepanjang 2023–2025, pelbagai ikhtiar dan inisiatif yang digerakkan telah berjaya meninggikan syiar al-Quran dan hadis, memperkukuh akidah dan kefahaman hukum serta menjayakan pembangunan ilmu demi membentuk masyarakat berilmu, berakhlak dan berperadaban.

Penghayatan Islam yang syumul ialah nadi kepada kejayaan transformasi kecemerlangan ummah. Melalui sinergi semua Agensi Hal Ehwal Agama, kesepaduan antara ilmu, amal dan akhlak disatukan dan digembeleng demi membina keupayaan serta membimbing kesejahteraan hidup demi memastikan Islam terus mekar dan unggul di bumi Malaysia seterusnya mengangkat kedudukan negara yang tinggi di dunia Islam seterusnya dihormati di mata dan pentas sejarah dan peradaban dunia yang rencam dan rancak dengan aneka persaingan.



BAB 4

KEUNGGULAN PERUNDANGAN SYARIAH



KEUNGGULAN PERUNDANGAN SYARIAH

Pelan Transformasi Al-Falah sebagai dokumen perancangan strategik di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) (JPM-HEA) telah membuka lembaran baharu dalam sejarah pemerkasaan sistem perundangan dan kehakiman syariah negara. Pelan ini mendorong inisiatif dan ikhtiar terhadap keutamaan mengangkat kemuliaan syariah menerusi reformasi pentadbiran perundangan serta menjayakan perubahan nilai masyarakat berteraskan prinsip keadilan dan ihsan dalam amalan dan kehidupan. Inisiatif transformasi telah menggerakkan sistem kehakiman Islam ke arah yang lebih cekap, telus dan berkesan serta dalam masa yang sama memperkukuh tadbir urus dan profesionalisme kehakiman syariah. Semua usaha ini membuktikan bahawa reformasi syariah bukan sekadar soal teknikal, tetapi gerakan nilai dan pemikiran yang menegaskan keadilan, rahmah dan kesejahteraan sebagai asas kemajuan ke arah merealisasikan keunggulan syariah sejajar dengan kerangka Malaysia MADANI yang menekankan sistem keadilan Islam yang lebih adil, telus dan dihormati, berpaksikan ilmu dan nilai kemanusiaan berpaksikan teras Kemampanan, Keyakinan dan Ihsan dalam pembangunan negara.

PEMERKASAAN INSTITUSI PERUNDANGAN SYARIAH

Komitmen dan langkah terhadap agenda pemerkasaan sistem kehakiman syariah di Malaysia terserlah apabila YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, dalam Konvensyen Memartabatkan Perundangan Syariah di Malaysia pada 15 Julai 2024 di Putrajaya, menggesa agar Akta Saraan Hakim Syarie direalisasikan dengan segera. Dalam ucapannya, beliau menegaskan keperluan mewujudkan struktur saraan yang lebih adil dan eksklusif, memandangkan skim sedia ada masih terikat kepada struktur Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD). Beliau berkata:

Saya juga dimaklumkan tentang Akta Saraan Hakim Syarie, sekarang saraan adalah mengikut skim Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD). Jadi, Insyallah, saya sudah minta Dato' Setia Dr. Hj. Na'im bin Mokhtar menyegerakan untuk kita angkat supaya ada Akta Saraan Hakim-hakim Syarie supaya dapat dipertingkatkan.

Kenyataan beliau bukan sahaja menggambarkan keprihatinan terhadap kebajikan hakim syarie, tetapi juga mencerminkan kesedaran intelektual dan moral bahawa maruah kehakiman Islam perlu disandarkan kepada keadilan dan penghormatan institusi. Seruan ini merupakan satu manifestasi jelas kepada agenda transformasi dalam pentadbiran Islam yang menekankan reformasi struktur dan pengiktirafan profesional bagi memastikan hakim-hakim syarie dapat melaksanakan amanah dengan penuh integriti dan bebas daripada tekanan luar.

Mengiringi komitmen tersebut, YB Menteri di JPM-HEA, Dato' Setia Dr. Hj. Na'im bin Mokhtar, telah mencadangkan supaya diwujudkan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman Syariah. Cadangan ini melengkapi gagasan Perdana Menteri melalui penstrukturan semula mekanisme pelantikan, penilaian dan kenaikan pangkat hakim Syarie secara telus dan profesional. Suruhanjaya ini dijangka menjadi wadah reformasi berasaskan *good governance*, memastikan proses pelantikan hakim tidak dipengaruhi oleh faktor luar, tetapi berpaksikan merit, integriti dan keilmuan. Inisiatif ini turut disambut baik oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) yang kekal komited dalam memperjuangkan penambahbaikan menyeluruh terhadap sistem kehakiman Islam. JKSM telah mengambil langkah proaktif dengan meneliti segala aspek dan dasar secara menyeluruh ke arah penggubalan Akta Saraan Hakim Syarie.

Seruan ini turut mendapat dukungan moral daripada KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ketika itu, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, dalam titah baginda semasa perasmian Mahkamah Syariah Daerah Bera, Pahang pada 23 September 2023 yang menegaskan kepentingan memperkukuh kedudukan hakim dan peguam Syarie. Baginda bertitah bahawa hakim hendaklah bijak menggunakan budi bicara serta berlaku adil dalam semua keputusan, khususnya kes kekeluargaan dan jenayah syariah. Titah baginda ini mengukuhkan prinsip bahawa keadilan Islam bukan sahaja bersumberkan hukum, tetapi juga berpaksikan hikmah dan kebijaksanaan insan yang juga merupakan

suatu bentuk *intellectual motivation* yang berasaskan tanggungjawab spiritual.



Majlis perasmian oleh YAB Perdana Menteri dalam konvensyen memartabatkan Perundangan Syariah di Malaysia, pada 15 Julai 2024 di Putrajaya.

Selaras dengan pendekatan sistemik, usaha memperkukuh tadbir urus kehakiman syariah diterjemahkan melalui pewujudan Jawatankuasa Kehakiman Syariah Kebangsaan (JKSK), Jawatankuasa Perundangan Islam Kebangsaan (JPIK), dan Jawatankuasa Muzakarah MKI di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI). Ketiga-tiga jawatankuasa ini berfungsi sebagai wadah strategik bagi penyelarasan dasar, pengharmonian hukum dan pengukuhan integriti institusi syariah di seluruh negara.

Secara keseluruhannya, usaha memperkenalkan Akta Saraan Hakim Syarie, penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman Syariah, serta peranan MKI dalam membincangkan dasar hukum syarak menzahirkan satu bentuk agenda transformasi yang berasaskan keilmuan dan moral. Ini membuktikan bahawa pembaharuan dalam sistem kehakiman Islam bukan sekadar tentang struktur pentadbiran, tetapi berakar daripada dorongan intelektual dan kesedaran spiritual bahawa keadilan merupakan inti kepada kemuliaan tamadun.

Di samping itu, usaha transformasi sistem perundangan syariah menunjukkan bahawa amalan *Sulh* kini bergerak seiring dan terus diperkasakan yang menekankan keadilan, keterangkuman dan kesejahteraan sosial. Akses kepada keadilan menjadi lebih inklusif dengan wujudnya *Sulh* dalam talian yang mengurangkan halangan jarak dan kos. Profesionalisme pegawai *Sulh* turut meningkat melalui pensijilan mediasi bertaualiah, mewujudkan standard baharu dalam penyelesaian pertikaian kekeluargaan.

Inisiatif seperti *Muhakat Sulh*, *Outreach Sulh* dan *Podcast Cakna Sulh* menjadikan wajah kehakiman syariah lebih mesra rakyat, manakala sinergi antara institusi, universiti dan media memperluas fungsi *Sulh* sebagai wadah pembudayaan perdamaian dalam masyarakat. Pendekatan ini membuktikan bahawa keadilan Islam bukan hanya dalam bentuk hukuman, tetapi juga dalam penyelesaian yang mendamaikan dan membina semula hubungan insani.

Kesemua inisiatif ini adalah untuk memastikan sistem kehakiman Islam di Malaysia terus relevan, progresif, dan dipercayai, bukan sahaja sebagai mekanisme undang-undang tetapi juga sebagai instrumen sosial yang mendamaikan dan membawa rahmah kepada masyarakat.

TADBIR URUS BERINTEGRITI: MENGUKUH KECEKAPAN DAN KETELUSAN

Tadbir urus dalam perundangan merujuk kepada sistem dan amalan yang memastikan proses kehakiman serta pentadbiran undang-undang dijalankan dengan telus, adil dan berintegriti. Kecekapan dalam pelaksanaan dasar, ketelusan dalam membuat keputusan, serta keberkesanan penyampaian perkhidmatan menjadi tunjang kepada kepercayaan awam terhadap sistem pengurusan syariah negara. Oleh itu, pelbagai usaha transformasi telah digerakkan bagi memastikan pengurusan institusi agama dan kehakiman Islam berada pada tahap tertinggi. Usaha-usaha

transformasi oleh jabatan yang terlibat meliputi aspek (1) penambahbaikan dasar serta sistem, (2) penyusunan semula kaedah kerja dan struktur organisasi, (3) pembudayaan nilai integriti dalam pengurusan, serta (4) peningkatan mutu perkhidmatan kepada masyarakat. Pendekatan ini bukan sekadar memperkemas pentadbiran, tetapi juga menanam budaya kerja berasaskan nilai amanah dan ihsan, menjadikan setiap langkah reformasi sebagai sebahagian daripada ibadah dalam mengurus urusan umat.

1. Kit Pendakwa Syarie: Pemantapan Proses Kerja dan Pentadbiran Perundangan Jenayah Syariah

Dalam sistem perundangan syariah, prinsip keadilan merupakan tunjang utama dalam memastikan hak dan tanggungjawab setiap pihak dipelihara. Pendakwa Syarie pula bertanggungjawab untuk melaksanakan pendakwaan secara adil bagi memastikan keadilan dapat ditegakkan dengan menjalankan pendakwaan berdasarkan undang-undang yang sedang berkuat kuasa. Namun, sebelum ini, ketiadaan rujukan lengkap untuk proses pendakwaan sering menimbulkan kekeliruan dalam kalangan Pendakwa Syarie terutamanya Pendakwa Syarie yang baharu.

Proses kerja yang dijalankan oleh Pendakwa Syarie lazimnya melibatkan pengurusan kertas siasatan, prosiding pendakwaan sehingga ke hukuman dijatuhkan kepada pesalah. Ketiadaan manual atau proses kerja yang lengkap ini menimbulkan permasalahan dan menyebabkan pentadbiran perundangan jenayah syariah terjejas.

Mengambil langkah proaktif, pengurusan tertinggi Jabatan Pendakwaan Syariah Wilayah Persekutuan (JaPenSWP) bersetuju untuk menubuhkan satu jawatankuasa bagi menyusun dan mendokumenkan proses kerja pengurusan pendakwaan syariah. Jawatankuasa Kit Pendakwa Syarie JaPenSWP telah diwujudkan dan dipengerusikan oleh Mantan Timbalan Pengarah I JaPenSWP, Tuan Mawardi bin Che Man bermula pada Januari 2023. Selepas lima siri



Bengkel Kit Pendakwaan pada 17–19 Mei 2023 di Ancasa Residence, Port Dickson, Negeri Sembilan.



Bengkel Kit Pendakwaan pada 17–19 April 2024 di Hotel De'la Ferns, Cameron Highland, Pahang.

bengkel yang membincangkan dan memuktamadkan proses kerja pentadbiran perundangan jenayah syariah, Kit Pendakwa Syariah JaPenSWP telah berjaya dilancarkan oleh YB Menteri di JPM-HEA Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Mokhtar pada 6 Jun 2024 bersempena dengan *Al-Liqat Al-Qanuniy* 2024 di The Everly, Putrajaya.

Kini, Kit Pendakwa Syariah ini menjadi rujukan utama Pendakwa Syariah dan warga kerja JaPenSWP dalam pengurusan pendakwaan syariah di JaPenSWP. Sebanyak 12 proses kerja telah didokumenkan bermula daripada proses pengurusan permohonan Perintah untuk Menyiasat (*Order to Investigate*) sehinggalah pengurusan kes perbicaraan. Dengan adanya Kit Pendakwa Syariah tersebut, para Pendakwa Syariah dan



Pelancaran Kit Pendakwa Syariah oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (HEA), Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Mokhtar pada 6 Jun 2024 di The Everly, Putrajaya.

warga kerja JaPenSWP mempunyai rujukan lengkap proses kerja bagi pengurusan pendakwaan syariah di Wilayah Persekutuan. Setiap proses kerja dijelaskan dengan tanggungjawab masing-masing serta masa jangkaan untuk menyelesaikan proses kerja tersebut, termasuk proses menguruskan pra-perbicaraan dan perbicaraan di Mahkamah Syariah. Hasilnya, proses pentadbiran dan pengurusan pendakwaan syariah menjadi cekap dan lebih lancar demi mencapai matlamat keadilan selaras dengan prinsip maqasid syariah.

Dengan adanya kit ini, pengurusan kes menjadi lebih cekap dan seragam, manakala integriti institusi pendakwaan turut diperkukuh. Inisiatif ini menandakan transformasi besar dalam era Kerajaan MADANI yang menekankan prinsip keadilan, keberkesanan pentadbiran, dan kesejahteraan sosial. Kit ini juga telah meningkatkan kecekapan dan profesionalisme pentadbiran pendakwaan syariah kerana setiap pegawai mempunyai rujukan rasmi yang seragam. Di samping itu, hal ini mempercepat proses perbicaraan dengan adanya aliran kerja jelas dan pengurusan pra-perbicaraan yang lebih teratur.

Selain itu, risiko kesilapan atau kelalaian dapat diminimumkan dengan adanya panduan bertulis, yang seterusnya meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap sistem perundangan Islam. Akhir sekali, transformasi ini bukan sahaja melambangkan keseriusan

kerajaan dalam menyelesaikan permasalahan lama yang membelenggu pendakwa Syariah, malah membawa agenda pemodenan perundangan jenayah Syariah seiring aspirasi MADANI yang menekankan aspek kemampunan menyeluruh iaitu memastikan keadilan ditegakkan dengan lebih telus, sistematik, dan berkesan.

2. Pembangunan Kompetensi Pengeluaran Fatwa dalam Kerangka Undang-undang Negara

Institusi fatwa memainkan peranan penting dalam memastikan setiap keputusan hukum yang dikeluarkan berasaskan disiplin ilmu dan garis panduan Syariah yang sahih. Sebagai badan berautoriti, Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan (JMWP) berfungsi bukan sekadar menjawab persoalan hukum semasa, tetapi juga memastikan setiap fatwa yang dikeluarkan memenuhi piawaian undang-undang dan keperluan masyarakat Islam di Malaysia. Fatwa yang dikeluarkan bukan sekadar pandangan hukum, tetapi juga mempunyai kekuatan perundangan apabila diwartakan secara rasmi dan menjadi rujukan sah bagi Mahkamah Syariah serta pentadbiran Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan.

Setiap fatwa yang diterbitkan melalui JMWP berpaksikan kepada prinsip integriti ilmu dan disiplin hukum yang ketat. Sebelum sesuatu draf fatwa dibentangkan kepada Jawatankuasa, draf ini terlebih dahulu melalui beberapa peringkat penyelidikan yang terperinci, termasuk penyediaan kertas fatwa, pra-mesyuarat dalaman dan semakan awal oleh panel penyelidik. Setelah perbincangan selesai dan kertas dimuktamadkan, barulah dibawa ke mesyuarat rasmi Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak untuk dibahas dan disahkan. Proses ini memastikan bahawa setiap fatwa yang dikeluarkan bukan hanya berpaksikan dalil dan maqasid Syariah, tetapi juga mengambil kira realiti sosial, perundangan dan keperluan semasa masyarakat majmuk Malaysia.

Setelah sesuatu fatwa disahkan, proses pewartaan akan dilaksanakan bagi menjadikannya sebagai fatwa warta, iaitu fatwa yang diiktiraf oleh Mahkamah Syariah dan mengikat semua pihak di bawah bidang kuasa

Wilayah-Wilayah Persekutuan. Pewartaan ini dikawal selia mengikut peruntukan Seksyen 34 Akta 505, dengan tatacara yang tersusun dan teratur. Sebelum diwartakan, *sighah* atau teks fatwa disemak terlebih dahulu oleh Jabatan Peguam Negara, diikuti bengkel bersama pihak berkaitan bagi memastikan ketepatan istilah undang-undang serta kesesuaian pelaksanaannya. Hanya setelah mendapat kelulusan akhir daripada Jabatan Mufti dan Jabatan Peguam Negara, barulah fatwa tersebut ditandatangani dan disiarkan dalam Warta Kerajaan.

Dalam memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan fatwa, JMWP turut menitikberatkan pembangunan kompetensi pegawai fatwa melalui pendedahan antarabangsa. Antara inisiatif penting ialah Kursus Fatwa dan Penyelidikan Hukum di Darul Ifta, Mesir, yang disertai oleh pegawai JMWP terpilih. Program ini memberi latihan mendalam dalam bidang *usul al-fiqh*, metodologi ijtihad kontemporari, serta pendekatan komparatif terhadap fatwa di dunia Islam. Pendedahan ini bukan sahaja meningkatkan kefahaman substantif pegawai terhadap hukum-hukum, malah mengukuhkan keupayaan analitikal mereka dalam menilai isu-isu baharu dengan kefahaman yang lebih luas dan berautoriti.



Majlis Perasmian Kursus Pengurusan Fatwa Anjuran JMWP di Darul Ifta' Mesir pada 30 Ogos 2023.



Peserta dari agensi-agensi agama terpilih menyertai Kursus Pengurusan Fatwa Anjuran JMWP.

Seramai 31 orang peserta termasuk 10 orang pegawai PMWP diketuai oleh Sahibus Samahah Tuan Haji Jamali bin Mohd Adnan, Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan dan para peserta dari agensi-agensi agama terpilih menyertai kursus selama dua minggu, dari 26 Ogos 2023 hingga 5 September 2023.

Kesan langsung daripada inisiatif ini ialah penghasilan fatwa yang lebih kukuh, relevan dan dipercayai, berasaskan keseimbangan antara dalil syarak, keperluan semasa dan konteks masyarakat Malaysia. Ini juga memperkukuh reputasi JMWP sebagai institusi fatwa bertaraf antarabangsa yang menghimpunkan tradisi ilmu *turath* dengan disiplin penyelidikan moden.

Pendekatan profesional ini memperlihatkan keunggulan institusi fatwa dalam kerangka perundangan negara, iaitu integriti ilmu, disiplin penyelidikan dan kepatuhan terhadap undang-undang berjalan seiring. Melalui prosedur yang sistematik dan telus ini, JMWP memastikan setiap fatwa yang dikeluarkan bukan sahaja sahih dari segi hukum, tetapi juga mempunyai kekuatan autoriti dalam sistem pentadbiran syariah negara. Hal ini mencerminkan kesepaduan antara ilmu dan undang-undang, antara syariah dan pentadbiran moden, yang menjadikan institusi fatwa sebagai salah satu tonggak utama keadilan dan keutuhan perundangan Islam dalam era Malaysia MADANI.

3. Penubuhan Mahkamah Rendah Syariah Bahagian Nafkah: Kecekapan Pengurusan Kes Nafkah

Pengurusan tuntutan nafkah berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah, yang turut mengendalikan pelbagai jenis kes lain dalam bidang perundangan kekeluargaan Islam. Bidang kuasanya merangkumi kes-kes seperti nafkah anak, nafkah isteri, nafkah idah dan mutaah, termasuk juga kes berbentuk interlokutori seperti permohonan ubah perintah nafkah, pembatalan perintah, penguatkuasaan serta pelaksanaan perintah nafkah dan permohonan lain.

Bagi setiap kes yang didaftarkan, proses perbicaraan biasanya melibatkan beberapa peringkat: bermula dengan prosiding sebutan, diikuti penghujahan dan akhirnya keputusan penghakiman. Prosedur ini tidak termasuk proses pentadbiran awal seperti penyediaan saman dan penyerahan dokumen kepada pihak defendan atau pihak yang dituntut. Dalam kebanyakan kes, satu tuntutan nafkah boleh memerlukan sehingga sembilan kali pendengaran sebelum keputusan muktamad dapat dicapai, mencerminkan beban kerja yang berat pada peringkat mahkamah rendah.

Isu kelewatan penyelesaian kes nafkah telah lama dikenal pasti sebagai cabaran utama dalam sistem kehakiman syariah. Beban kes yang tinggi, prosedur perbicaraan yang panjang serta kesedaran masyarakat yang semakin meningkat terhadap hak kekeluargaan telah menambah tekanan terhadap kapasiti sedia ada. Keadaan ini sering menimbulkan aduan awam mengenai kelewatan penyelesaian dan persepsi terhadap kecekapan perkhidmatan mahkamah. Bertitik tolak daripada cabaran tersebut, satu langkah reformasi dilaksanakan melalui penubuhan Mahkamah Rendah Syariah Bahagian Nafkah, yang berperanan mengurus dan memutuskan kes-kes berkaitan nafkah secara khusus. Langkah pengasingan bidang kuasa ini dilihat sebagai satu bentuk inovasi perundangan yang amat signifikan. Ini merupakan suatu keperluan mendesak bagi memastikan pentadbiran keadilan Syariah menjadi lebih cekap, fokus dan responsif terhadap keperluan rakyat.

Mahkamah Rendah Syariah Bahagian Nafkah mula beroperasi pada 3 September 2019 dengan bidang kuasa penuh untuk mengendalikan kes nafkah isteri, anak, tanggungan, nafkah idah, ubah perintah, tuntutan nafkah tertunggak serta penguatkuasaan perintah nafkah dengan nilai tuntutan di bawah RM50,000. Penubuhan mahkamah ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan pentadbiran, tetapi turut melambangkan keprihatinan sistem kehakiman syariah terhadap keadilan sosial, khususnya bagi golongan wanita dan ibu tunggal yang menjadi penerima utama manfaatnya.

**Statistik Pendaftaran dan Penyelesaian Kes Mahkamah Rendah Syariah Bahagian Nafkah (2021–Jun 2024)*

Status/Tahun	2021	2022	2023	2024 (Jun)
Daftar	3	341	546	418
Selesai	0	208	323	123
Baki	3	133	223	295

Data prestasi menunjukkan peningkatan ketara dalam pengendalian kes di Mahkamah Rendah Syariah Bahagian Nafkah sejak tahun 2022 hingga Jun 2024 berbanding tahun-tahun sebelumnya. Walaupun jumlah baki kes masih wujud, kadar penyelesaian yang tinggi membuktikan kecekapan operasi dan keberkesanan tadbir urus yang dilaksanakan selepas tahun 2021.

Secara kesimpulannya, penubuhan Mahkamah Rendah Syariah Bahagian Nafkah di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah membawa impak besar terhadap kecekapan pengurusan kes nafkah. Proses perbicaraan kini lebih tersusun, masa penyelesaian kes semakin singkat, dan aduan masyarakat terhadap kelewatan semakin berkurangan. Langkah ini turut meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap sistem kehakiman syariah sebagai institusi yang responsif dan prihatin terhadap keperluan sosial.

4. Mahkamah Syariah Laluan Pantas (*Fast Track*): Simbol Perkhidmatan Cepak dan Mesra Rakyat

Seiring dengan aspirasi mempercepat akses keadilan, Mahkamah Syariah Laluan Pantas (*Fast Track*) diwujudkan bagi mempercepatkan penyelesaian kes tanpa menjejaskan prinsip keadilan. Inisiatif ini merupakan antara transformasi terpenting dalam sejarah pentadbiran Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (MSWP). Model *Fast Track* ini bukan sahaja mengurangkan tunggakan kes, tetapi juga menunjukkan bahawa sistem perundangan Islam mampu menyesuaikan diri dengan keperluan zaman moden yang pantas, telus dan responsif. Pelaksanaannya juga selari dengan prinsip *maqasid syariah* yang memastikan keadilan tercapai tanpa beban birokrasi.

Sejak pelaksanaannya, kes laluan pantas yang dikendalikan melalui dua dewan Mahkamah Rendah Syariah (MRS) di Kuala Lumpur mencatatkan peningkatan ketara dari segi pendaftaran dan penyelesaian kes. Kejayaan ini menjadi bukti nyata kepada dorongan intelektual dan agenda transformasi yang digerakkan oleh pentadbiran kehakiman Syariah di bawah prinsip MADANI, iaitu mempercepatkan akses kepada keadilan tanpa mengabaikan kualiti dan ketelusan.

Berdasarkan laporan MSWP 2023, kadar penyelesaian kes laluan pantas mencapai 96.71%, melepasi sasaran 95% yang ditetapkan. Angka ini bukan sekadar statistik teknikal, tetapi gambaran kejayaan falsafah pentadbiran Islam yang berpaksikan amanah dan ihsan. Ini menunjukkan bagaimana inovasi pentadbiran dapat diterjemahkan secara praktikal untuk memudahkan urusan masyarakat dan mengembalikan keyakinan terhadap kecekapan institusi Syariah.

Menelusuri kejayaan itu, MSWP memperluas pelaksanaan Mahkamah Laluan Pantas ke Wilayah Persekutuan Putrajaya bermula Mac 2024 yang melibatkan lima jenis kes utama. Kadar penyelesaian kes dewan laluan pantas MSWP Kuala Lumpur telah mencapai 97.56%, menjadikannya antara unit paling efisien dalam sistem kehakiman Syariah negara. Langkah ini bukan sahaja

memperluas akses kepada keadilan, malah memperkukuh prinsip keterangkuman (*inclusivity*) yang menjadi asas kepada falsafah MADANI. Pelaksanaan Mahkamah Laluan Pantas terbukti meningkatkan kecekapan sistem kehakiman. Setiap kes yang dikategorikan sebagai *fast track* ditangani dengan prosedur dipermudah dan tempoh masa lebih singkat tanpa menjejaskan prinsip keadilan syariah. Pendekatan ini secara langsung menyumbang kepada pengurangan tunggakan kes, peningkatan produktiviti hakim serta pegawai syariah dan kesejahteraan masyarakat yang menerima keputusan kes dalam tempoh yang lebih munasabah.



Majlis perasmian Mahkamah Laluan Pantas Putrajaya.

Majlis Sambutan Jubli Emas 50 Tahun MSWP yang diadakan serentak dengan pelancaran Mahkamah Laluan Pantas Putrajaya bukan sekadar acara simbolik, tetapi peringatan terhadap perjalanan panjang institusi ini sejak penubuhannya pada 1 Februari 1974. Di bawah tema “Syariah Diperkasa, Masyarakat Sejahtera,” MSWP menegaskan empat teras strategik transformasi iaitu pemerkasaan undang-undang, pendigitalan, inovasi perkhidmatan, dan kemudahan infrastruktur. Keempat-empat teras ini merupakan aspek pengisian utama terhadap Pelan Transformasi Al-Falah yang menekankan pelaksanaan keseimbangan antara kemajuan material dan nilai spiritual. Mahkamah Laluan Pantas menjadi lambang nyata kepada keseimbangan ini seiring perkembangan teknologi dan kecekapan diurus bersama nilai amanah, adab dan ihsan yang merupakan asas utama aspirasi

Malaysia MADANI. Transformasi ini menegaskan bahawa Mahkamah Syariah bukan sekadar institusi perundangan, tetapi agen pembangunan sosial dan spiritual ke arah pembinaan negara yang adil, berilmu dan sejahtera.

5. Dewan Khas Jenayah Syariah: Reformasi Menangani Tunggakan Kes


Sistem kehakiman syariah di Wilayah Persekutuan telah lama memikul tanggungjawab mendengar kes-kes jenayah syariah berdasarkan bidang kuasa yang diperuntukkan dalam Akta 505 dan Akta 559. Namun, realitinya, Mahkamah Rendah Syariah (MRS) berdepan dengan masalah lambakan kes jenayah sehingga menjejaskan kelancaran perbicaraan.

Hingga tahun 2021, semua hakim MRS kecuali hakim dewan nafkah dan dewan *fast track* perlu mengendalikan dua jenis kes: kes *mal* dan jenayah. Kekangan ini menyebabkan hakim tidak mempunyai masa mencukupi untuk menyelesaikan kes jenayah kerana keutamaan sering diberikan kepada kes *mal*. Keadaan bertambah parah apabila jumlah kes jenayah meningkat secara mendadak, dengan lebih 4000 kes matrimoni sahaja didaftarkan setiap tahun di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (MSWP). Situasi ini membawa kepada masalah tunggakan kes (*backlog case*). Hakim-hakim MRS mengalami tekanan masa, manakala pendakwa-pendakwa Syarie pula terpaksa bergerak ke pelbagai dewan yang berbeza. Keadaan ini bukan sahaja membebankan warga kerja mahkamah, malah turut menjejaskan imej MSWP sebagai institusi kehakiman Islam yang cekap dan berkesan.

Menangani cabaran ini, satu langkah transformasi telah dilaksanakan iaitu pewujudan Dewan Khas Jenayah Syariah pada peringkat MRS mulai tahun 2022. Melalui penilaian semula keperluan semasa, MSWP memutuskan untuk mengkhususkan dua dewan (MRS 3 dan MRS 7) bagi mendengar kes-kes jenayah dan matrimoni. Setiap dewan dikuatkan dengan seorang hakim MRS dan seorang pembantu syariah.

Langkah ini telah membawa perubahan yang signifikan:

- Pendaftaran kes meningkat drastik—daripada hanya 958 kes pada tahun 2020 kepada 1,164 kes pada 2021, dan melonjak kepada 4,454 kes pada 2022, serta kekal tinggi pada 4,102 kes pada 2023. Peningkatan ini membuktikan keberkesanan pengkhususan dewan khas dalam mengatasi masalah kes tertunggak;
- Pengurusan pendakwaan menjadi lebih lancar, kerana Pendakwa Syarie tidak lagi perlu berulang-alik antara dewan, sebaliknya hanya beroperasi di MRS 3 dan MRS 7; dan
- Fasiliti tambahan turut disediakan, termasuk kaunter kewangan khas bagi memudahkan pesalah membayar denda, sekali gus mempercepat urusan selepas hukuman dijatuhkan.



Carta 1: Pendaftaran Kes Jenayah Syariah di Mahkamah Rendah Syariah tahun 2020–2023

Pewujudan Dewan Khas Jenayah Syariah menzahirkan semangat reformasi era MADANI yang menekankan keadilan, keberkesanan, dan kesejahteraan sosial. Pertama, inisiatif ini berjaya mengurangkan masalah tunggakan dengan memastikan kes jenayah diberi ruang perbicaraan tersendiri tanpa perlu bersaing dengan kes mal. Kedua, hal ini meningkatkan kecekapan

kerja hakim dan pendakwa, kerana tugas lebih terfokus dan tersusun.

Ketiga, transformasi ini membawa manfaat langsung kepada masyarakat: pihak-pihak yang terlibat dalam kes jenayah mendapat kepastian tarikh perbicaraan lebih cepat, manakala pesalah pula dapat menyelesaikan urusan denda secara sistematik. Keempat, pencapaian statistik yang menunjukkan lonjakan pendaftaran kes selepas 2022 mencerminkan keberkesanan pembaharuan ini.

Dalam konteks jangka panjang, model Dewan Khas Jenayah Syariah ini boleh dijadikan contoh untuk diperluaskan ke mahkamah syariah di negeri-negeri lain. Ini bukan sahaja menyelesaikan isu teknikal pengurusan kes, tetapi juga memperkukuh kedudukan institusi kehakiman syariah sebagai wadah keadilan yang selari dengan aspirasi MADANI iaitu adil, cekap, dan responsif terhadap keperluan rakyat.

6. Inisiatif *Pliding* DIY (*Do-It-Yourself*): Akses Perkhidmatan Keadilan untuk Semua

Proses penyediaan *pliding* merupakan salah satu elemen penting dalam perjalanan kes di Mahkamah Syariah kerana proses ini menjadi asas kepada Hakim untuk menilai fakta, isu dan tuntutan pihak-pihak yang menuntut. Namun, dalam praktiknya, banyak masalah timbul yang menjejaskan kelancaran prosiding. Pertama, terdapat pihak yang gagal menyediakan *pliding* secara lengkap dan menepati kehendak undang-undang, menyebabkan hakim terpaksa menangguhkan perbicaraan atau menolak dokumen yang dikemukakan. Kedua, kos penyediaan *pliding* melalui jurutulis swasta membebankan pihak-pihak, khususnya mereka daripada golongan B40, yang terpaksa membayar caj tinggi untuk setiap dokumen. Masalah ini berlarutan apabila ada pihak yang hadir ke mahkamah tanpa *pliding* lengkap, lalu menjejaskan keberkesanan prosiding serta melambatkan penyelesaian kes. Dalam jangka masa panjang, situasi ini boleh merosakkan imej institusi kehakiman syariah sebagai institusi yang cekap dan mesra rakyat.

Bagi menangani isu ini, bermula tahun 2016, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (MSWP) melalui Badan Kebajikan MSWP (BAKSWIP) memperkenalkan inisiatif *DIY Printing Center @ MSWP*. Inisiatif ini membawa pendekatan baharu dengan membolehkan pihak-pihak yang berkenaan menyediakan sendiri *pliding* mereka dengan kos yang lebih rendah serta dibimbing oleh panduan yang jelas. Seterusnya pada tahun 2022, projek ini telah dikembangkan dengan membuka kios yang lebih besar dan selesa serta penambahan peralatan seperti empat set komputer meja, perkhidmatan fotostat dan kemudahan melayari internet kepada pelanggan. BAKSWIP juga menggaji pekerja tetap bagi membantu pihak-pihak yang berkenaan dalam penyediaan *pliding*.

DIY Printing Center ini dilengkapi dengan komputer, pencetak dan templat dokumen yang sah, membolehkan pelanggan menghasilkan dokumen seperti Permohonan Penceraian, Permohonan Pengesahan Rujuk, atau Wakalah Peguam Syarie dengan lebih cepat dan mudah. Caj perkhidmatan pula sangat berpatutan, contohnya RM5.00 untuk setiap set dokumen lengkap, jauh lebih rendah berbanding caj jurutulis swasta. Inisiatif ini turut diperkukuh dengan konsep mobiliti melalui DIY Printing Center Bergerak, yang dilancarkan pada 2023 bagi memperluas capaian kepada masyarakat di luar Kuala Lumpur. Pendekatan ini melambangkan keseriusan MSWP dalam menjadikan keadilan syariah lebih inklusif dan mudah diakses oleh rakyat.

Pelaksanaan projek DIY Printing Center @ MSWP menandakan satu anjakan besar dalam usaha menambah baik akses kepada keadilan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan. Inisiatif ini memperlihatkan keberkesanan yang nyata bukan sahaja dari segi kos, malah dalam memperkukuh keberkesanan proses perundangan serta imej institusi kehakiman syariah di mata masyarakat.

Dari sudut akses dan penggunaan, statistik menunjukkan sambutan yang amat menggalakkan. Sepanjang tahun 2023 sahaja, seramai 1,635 pelanggan menggunakan perkhidmatan ini. Bulan Ogos mencatatkan jumlah tertinggi dengan 146 pelanggan, manakala April

merekodkan jumlah terendah dengan 45 pelanggan. Data ini memperlihatkan trend penggunaan yang konsisten, mencerminkan keyakinan dan kebergantungan masyarakat terhadap fasiliti baharu ini.

Bilangan Pelanggan yang Menggunakan Perkhidmatan di D.I.Y Printing Center @ MSWP pada tahun 2023.

Bil	Bulan	Jumlah Pelanggan
1	Januari	180
2	Februari	193
3	Mac	201
4	April	45
5	Mei	90
6	Jun	131
7	Julai	120
8	Ogos	146
9	September	87
10	Oktober	151
11	November	139
12	Disember	153
Jumlah Keseluruhan (tahun 2023)		1635

Dari segi kos, projek ini memberikan penjimatan yang sangat signifikan. Sebelum kewujudan DIY Printing Center, pihak-pihak berkenaan terpaksa membayar caj jurutulis swasta antara RM100.00 hingga RM300.00 bagi setiap dokumen *pliding*. Kini, dengan hanya serendah RM5.00 untuk satu set dokumen lengkap, pihak-pihak ini dapat mengurus sendiri dokumen mereka dengan lebih mudah dan murah. Penjimatan ini mencecah sehingga 95%, memberi kelegaan besar kepada golongan B40 yang sering terhimpit dengan kos sara hidup. Kesan projek ini turut dirasai dalam penambahbaikan proses kehakiman. Dengan *pliding* yang lebih lengkap dan teratur, hakim syarie dapat mengendalikan kes dengan lebih lancar tanpa penangguhan akibat dokumen tidak sempurna.

Ini sekali gus meningkatkan keberkesanan perbicaraan, mengurangkan kelewatan, serta mempercepatkan proses penyelesaian kes.



Gambar Pelancaran DIY Printing Center @ MSWP.

Selain itu, terdapat juga impak sosio-ekonomi. Projek ini mengurangkan beban kewangan masyarakat, memperkukuh imej MSWP sebagai institusi mesra rakyat, serta menjana ekonomi dalaman melalui pengurusan kios DIY yang melibatkan BAKSWIP dan pelajar praktikal. Usaha ini bukan sahaja menyelesaikan masalah teknikal, malah membina ekosistem yang lebih inklusif, telus, dan berorientasikan rakyat.

Secara keseluruhannya, projek Pliding DIY membuktikan bahawa inovasi yang sederhana tetapi berfokus mampu membawa perubahan besar. Dengan lebih 1,600 pelanggan memanfaatkannya dalam tempoh setahun serta penjimatan kos yang ketara, inisiatif ini telah menjadi contoh nyata kejayaan transformasi dalam era Kerajaan MADANI yang menekankan prinsip inklusiviti, keberkesanan, dan kesejahteraan sosial.

7. Manual Prosedur Pengurusan Wang Khairat: Penguatkuasaan dan Integriti Awam

Memberi sumbangan sebagai infak merupakan amalan mulia di sisi agama Islam dan akan dianugerahi ganjaran pahala kepada penyumbang. Walaupun demikian, malangnya terdapat pihak-pihak yang memanipulasi perbuatan mulia ini dengan meminta sumbangan daripada orang awam tanpa melalui prosedur yang telah digariskan oleh pihak berkuasa ataupun pihak berautoriti. Terdapat pelbagai bentuk sumbangan yang “diminta” daripada orang awam oleh pihak-pihak tertentu, cuma dalam konteks ini lebih menumpu pada isu kutipan wang khairat. Walaupun tujuan kutipan ini jelas tetapi sesuatu matlamat itu tidak mengharuskan sebarang tindakan yang menyalahi prosedur atau undang-undang yang telah ditetapkan. Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] secara jelas menyatakan bahawa kutipan khairat tanpa kebenaran merupakan satu kesalahan, dan jika disabitkan seseorang itu boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau didenda tidak melebihi satu ribu ringgit, atau kedua-duanya iaitu hukuman penjara dan denda.

Sekalipun masyarakat telah dilindungi oleh undang-undang melalui peruntukan yang jelas, tetapi aktiviti yang melibatkan wang orang awam ini perlulah dipantau agar manipulasi tidak terus berlaku secara sewenang-wenangnya terhadap ihsan pihak penyumbang atau pencarum. Isu atau permasalahan lain yang boleh berlaku dalam hal kutipan wang khairat ini adalah seperti; individu atau pihak dari sesebuah negeri tetapi membuat kutipan di sebuah negeri yang lain tanpa autoriti negeri berkenaan. Sekiranya salah laku ini dibuat secara fizikal, adalah mudah untuk pihak berkuasa melakukan tangkapan terhadap individu terbabit. Sebaliknya, jika kesalahan ini dibuat secara dalam talian, maka ini lebih sukar untuk diambil tindakan. Dalam hal ini, peruntukan semata-mata adalah tidak memadai untuk membanteras perbuatan (kesalahan) terbabit, penguatkuasaan memerlukan prosedur yang kemas dan seragam untuk menyokong pegawai-pegawai penguatkuasa menjalankan tugas mereka dengan

cepat, bersistem dan efektif. Sebaliknya, prosedur penguatkuasaan yang tidak seragam boleh mendorong para penguatkuasa untuk melaksanakan tugas mereka dengan pendekatan yang berbeza-beza sekalipun mengurus atau menangani kes yang sama. Hal ini menimbulkan kekeliruan dalam pelaksanaan tugas. Ini juga boleh membuka ruang pertikaian tentang keadilan oleh mana-mana pihak dalam tindakan penguatkuasaan undang-undang syariah.



Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Mokhtar merasmikan Manual Prosedur Operasi Standard Penguatkuasaan JAWI.

Rentetan daripada permasalahan yang timbul, maka Manual Prosedur Operasi Standard Penguatkuasaan JAWI dihasilkan untuk dijadikan sebagai rujukan dan panduan kepada pihak penguatkuasaan dalam menjalankan tanggungjawab mereka. Transformasi ini menjadikan setiap kes akan ditangani dengan standard yang sama. Seterusnya pelaksanaan tanggungjawab akan lebih terpinpin, terarah dan lebih kemas.

Masalah pengurusan wang khairat termasuklah isu kutipan tanpa izin, salah guna dan ketiadaan audit telah menyebabkan keperluan kepada satu garis panduan penguatkuasaan yang profesional dan sistematik. Manual SOP Penguatkuasaan JAWI diwujudkan untuk menyelaraskan tindakan dengan lebih adil dan saksama, beretika dan selari dengan peruntukan undang-undang yang ada.

ISLAH PERUNDANGAN: ADAPTIF, DIGITAL DAN PROGRESIF

Perkembangan sistem kehakiman syariah dalam era MADANI menuntut inovasi yang bukan sekadar menambah baik prosedur, tetapi mentransformasikan cara keadilan dilaksanakan. Pendekatan adaptif dan digital menjadi tunjang kepada usaha pemodenan ini melalui pindaan undang-undang, pelaksanaan sistem digital seperti Sistem Penamaan dan Pelantikan Hakim (SPHM), penubuhan Akademi Kehakiman Syariah Malaysia (AKSM) serta pengenalan mekanisme baharu seperti Pusat Sulh ATM dan Bicara Dalam Talian. Kesemua inisiatif ini mencerminkan keupayaan institusi kehakiman Islam untuk berkembang secara progresif tanpa meninggalkan nilai asas Syariah, menjadikan Malaysia antara peneraju reformasi perundangan Islam moden di rantau ini.

1. Pengukuhan Struktur Institusi Agama Melalui Pindaan Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505)

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505) merupakan suatu kerangka utama pentadbiran hal ehwal Islam di Wilayah Persekutuan termasuk berkaitan kuasa mahkamah syariah, jawatankuasa fatwa, kewangan zakat, wakaf, baitulmal serta pentadbiran masjid.

Pindaan terkini Akta 505 adalah melalui Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2025 atau Akta A1749 yang mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2025 melalui pemberitahuan dalam Warta Kerajaan Persekutuan [P.U.(B) 250/2025]. Pindaan 2025 (Akta A1749) dilakukan bagi menambah baik struktur, memperkukuh kuasa perundangan dan menyesuaikan pentadbiran dengan cabaran semasa. Terdapat sekurang-kurangnya lima intipati utama terhadap Pindaan 2025 (Akta A1749), iaitu:



- a) Pengukuhan Peranan Jawatankuasa Fatwa: Memperkemas kuasa Jawatankuasa Fatwa Wilayah-wilayah Persekutuan dalam mengeluarkan fatwa dan memastikan keseragaman fatwa serta pelaksanaan yang lebih tersusun;
- b) Bidang Kuasa Mahkamah Syariah: Pelarasan kuasa mahkamah syariah berkaitan bidang kesalahan jenayah syariah, status perkahwinan, perceraian, dan pewarisan serta penyelarasan dengan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 2023;
- c) Pentadbiran Masjid dan Surau: Menambah baik peruntukan berkenaan dengan pelantikan, peranan serta tanggung jawab imam, pegawai masjid dan ahli jawatankuasa kariah serta memastikan tadbir urus lebih telus dan berkesan;
- d) Pengurusan Zakat, Fitrah dan Wakaf: Pindaan ini telah memberi kuasa tambahan kepada Majlis Agama Islam Negeri iaitu MAIWP untuk memperkukuh pengurusan zakat, wakaf dan baitulmal. Hal ini termasuklah peruntukan berkaitan dengan pendaftaran, kawalan dan ketelusan laporan kewangan; dan
- e) Aspek Tadbir Urus & Integriti: Pindaan berkenaan telah memperkenalkan mekanisme penguatkuasaan dalaman terhadap pegawai yang melanggar etika pentadbiran Islam serta dapat meningkatkan kualiti ketelusan dalam pengurusan dana dan harta agama.

Pindaan ini bukan sekadar perubahan teks undang-undang, tetapi simbol kematangan sistem syariah negara yang progresif, relevan dan menyeluruh. Ini membuktikan bahawa Malaysia terus mengarusperdanakan syariah dalam struktur pentadbiran moden, tanpa menjejaskan asas hukum Islam yang murni.



2. Pusat Sulh Angkatan Tentera Malaysia (ATM): Membudayakan Perdamaian Dalam Komuniti Beruniform

Langkah penubuhan Pusat Sulh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) merupakan inisiatif kerjasama strategik antara Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT), Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (MSWP) dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM).

Komuniti Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berhadapan dengan cabaran unik dalam urusan kekeluargaan dan perkahwinan. Tugas ketenteraan yang ketat, penempatan jauh dari pusat bandar serta jadual operasi yang tidak menentu menyukarkan anggota hadir ke Mahkamah Syariah apabila dipanggil untuk sesi Sulh. Dalam banyak kes, anggota tentera sukar mendapatkan cuti rasmi, lebih-lebih lagi bagi mereka yang sedang bertugas di lapangan operasi.

Tahap literasi undang-undang syariah dalam kalangan anggota juga masih rendah. Ramai yang tidak menyedari bahawa Sulh ialah mekanisme perdamaian yang membolehkan pertikaian rumah tangga diselesaikan secara damai tanpa perlu melalui perbicaraan panjang. Kelewatan penyelesaian kes akhirnya memberi kesan terhadap kestabilan emosi, kesejahteraan keluarga dan kecekapan tugas anggota tentera di lapangan. Isu-isu inilah yang menjadi asas kepada langkah reformasi MADANI bahawa keadilan syariah mesti bersifat inklusif, mudah diakses dan sesuai dengan realiti kehidupan masyarakat.

Pada 11 Mac 2024, perbincangan rasmi antara KAGAT dengan MSWP telah diadakan bagi merintis penubuhan Pusat Sulh ATM. Pusat ini dicadangkan beroperasi di bawah KAGAT dengan sokongan teknikal dan bimbingan profesional daripada MSWP dan JKSM. Pusat ini berfungsi sebagai ruang alternatif bagi anggota tentera dan pasangan mereka menyelesaikan pertikaian kekeluargaan melalui Sulh, tanpa perlu ke Mahkamah Syariah secara fizikal di bandar utama.

Walaupun masih pada peringkat awal dan belum mengendalikan kes secara rasmi, inisiatif ini menandakan langkah strategik dalam memperluas capaian keadilan syariah kepada komuniti beruniform. Ini mencerminkan agenda transformasi era MADANI dalam memperkukuh sistem kehakiman Islam agar lebih responsif, inklusif dan berpaksikan kesejahteraan rakyat. Langkah ini juga diiringi dorongan intelektual yang tinggi daripada kepimpinan KAGAT dan MSWP dengan kesedaran bahawa pengurusan konflik kekeluargaan dalam kalangan tentera memerlukan pendekatan psikososial dan spiritual yang seimbang.

Sebagai kesinambungan inisiatif tersebut, MSWP telah menerima sembilan pegawai KAGAT ATM pada bulan Ogos 2025 untuk menjalani Program Latihan Sambil Kerja (LSK) di Seksyen Sulh MSWP. Program ini bertujuan memberi pendedahan amali dan kemahiran teknikal kepada pegawai KAGAT sebelum mereka mengendalikan sesi Sulh secara rasmi di bawah pentadbiran ATM. Program LSK ini disusun secara komprehensif iaitu

pegawai diberi peluang mengikuti sesi Majlis Sulh sebenar, meneliti pengurusan kes dari kaunter pendaftaran hingga peringkat rekod perintah persetujuan serta berinteraksi dengan pegawai sulh dan hakim syarie.



Sesi perbincangan modul latihan Sulh pegawai KAGAT.

Sebelum itu, pada tahun 2023 lagi, pegawai Sulh MSWP telah dilibatkan sebagai fasilitator dalam Kursus Pensijilan Sulh Mediasi KAGAT yang dianjurkan oleh JKSM dengan kerjasama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Kursus ini melahirkan tenaga profesional bertauliah dalam bidang mediasi, sekaligus mengiktiraf pegawai Sulh sebagai mediator profesional setaraf amalan antarabangsa. Ini bukan sahaja mempercepat penyelesaian kes, tetapi juga membina budaya perdamaian, musyawarah dan ihsan dalam kalangan komuniti beruniform.

Pelaksanaan inisiatif ini dijangka membawa transformasi besar dalam landskap perundangan Syariah negara. Pertama, ini akan meningkatkan akses keadilan bagi anggota ATM yang selama ini terhalang oleh jarak dan masa. Kedua, inisiatif ini memperkukuh kesejahteraan keluarga tentera dengan mempercepat penyelesaian konflik secara damai. Ketiga, hal ini membudayakan perdamaian dalam komuniti beruniform, memperkenalkan nilai-nilai Sulh seperti sabar, musyawarah dan ihsan sebagai asas penyelesaian pertikaian. Lebih penting, inisiatif ini memperluas agenda

cakna syariah dalam kalangan anggota tentera sekaligus menjadikan pemahaman tentang undang-undang Islam dan keadilan sosial sebagai sebahagian daripada disiplin ketenteraan moden.

Jika berjaya direalisasikan sepenuhnya, Pusat Sulh ATM berpotensi menjadi model kerjasama strategik antara Mahkamah Syariah dan institusi beruniform lain, termasuk Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), serta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Ini seiring dengan aspirasi Kerajaan MADANI untuk membina masyarakat inklusif, harmoni dan adil melalui inovasi kehakiman syariah yang berpaksikan rakyat.



YAA Tuan Haji Mohd Asri bin Haji Tahir, Ketua Hakim Syarie menyampaikan cenderamata kenangan.

Keseluruhannya, inisiatif penubuhan Pusat Sulh ATM dan pelaksanaan Program LSK Pegawai Sulh-Mediasi ATM mencerminkan pelaksanaan prinsip MADANI dalam bentuk paling praktikal iaitu menzahirkan keadilan, kebajikan dan ihsan melalui mekanisme kehakiman Islam yang progresif. Ia juga menandakan keberhasilan agenda transformatif yang tidak hanya menumpukan kepada reformasi struktur pentadbiran, tetapi juga kepada pembangunan insan sebagai agen kedamaian. Melalui sinergi antara MSWP, JKSM, KAGAT dan USIM, Malaysia kini berada di landasan kukuh untuk menjadi model rujukan dunia Islam dalam inovasi kehakiman Syariah berasaskan kesejahteraan sosial dan kemanusiaan.



Sesi bergambar bersama YBM di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) sempena Majlis Perasmian AKSM pada 30 Oktober, 2025.

3. Penubuhan Akademi Kehakiman Syariah Malaysia (AKSM) (Interim)

Penubuhan Akademi Kehakiman Syariah Malaysia (AKSM) di Menara PJH, Putrajaya pada 25 April 2025 membuka lembaran baharu dalam latihan kehakiman Islam negara. Akademi ini diwujudkan berasaskan Inisiatif Belanjawan 2024 dengan peruntukan RM20 juta untuk memperkasa latihan dan profesionalisme hakim-hakim syarie di seluruh negara. Kewujudan Akademi secara interim ini amat penting bagi melancarkan pelaksanaan program latihan dan peningkatan kompetensi para pegawai. Seiring dengan penubuhan ini, pihak JKSM sentiasa cakna dan konsisten mengambil serius saranan Menteri di JPM-HEA yang berhasrat agar AKSM membangun dan berkembang dengan pesat sebagai hub rujukan perundangan dan kehakiman syariah, yang bukan hanya berperanan di rantau Nusantara, malah menjadi rujukan pada peringkat global.

AKSM juga membuktikan bahawa inisiatifnya bertepatan dengan agenda Transformasi Al-Falah

berteraskan matlamat mengangkat Kemuliaan Islam menerusi langkah Memartabat Perundangan dan Kehakiman Syariah bagi mencapai keadilan dan kemuliaan insan.

4. Sistem Penamaan dan Pelantikan Hakam (SPHM) di MSWP

Dalam era digitalisasi, MSWP memperkenalkan Sistem Penamaan dan Pelantikan Hakam (SPHM) sebagai inovasi penting dalam pengurusan kes perceraian. Sebelum ini, proses pelantikan Hakam di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (MSWP) berdepan dengan pelbagai kekangan. Antara isu paling ketara ialah ketidakseragaman dalam pengendalian borang penamaan secara manual. Borang bercetak yang digunakan kerap hilang, lambat diterima atau tidak sampai kepada pihak Hakam, sekali gus melambatkan perjalanan prosiding. Selain itu, kaedah manual ini juga menyukarkan pengesanan rekod kerana data tidak disimpan dalam sistem berpusat yang mudah diakses.

Percubaan awal untuk memperbaiki keadaan melalui penggunaan platform digital sedia ada seperti *Google Form* turut menemui jalan buntu. Walaupun lebih efisien daripada borang fizikal, kaedah ini mendedahkan mahkamah kepada risiko keselamatan data serta ketidakseragaman format tarikh automatik yang menjejaskan kredibiliti rekod rasmi. Tambahan pula, keseluruhan proses manual yang melibatkan ramai pegawai telah meningkatkan kos operasi, selain menjejaskan imej keberkesanan perkhidmatan kehakiman Islam.

Menyedari cabaran tersebut, Kumpulan El-Hakam tampil dengan pendekatan inovatif berasaskan kaedah *Design Thinking*. Langkah pertama adalah mengenal pasti isu teras menggunakan analisis SMART dan kaedah 5W1H. Setelah itu, beberapa prototaip dibangunkan secara berperingkat untuk menguji keberkesanan idea baharu. Prototaip pertama, yang berbentuk borang digitalisasi, gagal mengatasi masalah kerana masih bergantung pada kaedah manual. Prototaip kedua, iaitu *Google Form*, walaupun lebih moden, tetap tidak sesuai kerana risiko teknikal dan keselamatan. Akhirnya, prototaip ketiga yang dikenali sebagai SPHM dibangunkan secara menyeluruh dengan integrasi kepada platform e-Syariah Versi 3 (ESV3).

SPHM hadir dengan tiga modul utama iaitu Modul Pendaftar, Modul Pembantu Dewan, dan Modul Hakam. Setiap modul dilengkapi submodul khusus yang mengawal fungsi berbeza, termasuk penyimpanan rekod digital, kawalan akses terhadap mengikut peranan, dan paparan proses kerja secara automatik. Dengan sistem ini, penamaan dan pelantikan Hakam dapat dilakukan secara lebih tersusun, telus, serta terjamin keselamatannya.



1. Modul Pendaftar
2. Modul Pembantu Dewan
3. Modul Hakam

Pelaksanaan rasmi SPHM bermula pada April 2024 selepas diluluskan oleh Pengurusan Tertinggi MSWP.

Pada Mei hingga Jun 2024, sistem ini diperluas penggunaannya ke semua Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan termasuk Putrajaya dan Labuan. Latihan intensif diberikan kepada pendaftar, pembantu dewan serta Hakam bagi memastikan kefahaman menyeluruh dalam penggunaan sistem ini. Transformasi yang dibawa oleh SPHM jelas memberikan impak besar kepada kualiti perkhidmatan kehakiman syariah. Proses pelantikan Hakam yang dahulunya mengambil masa panjang kini dapat diselesaikan dengan lebih cepat, bahkan penjimatan masa dianggarkan sekitar 40 minit bagi setiap kes. Risiko kehilangan dokumen hampir sifar, manakala pengurusan rekod menjadi lebih telus dan mudah dijejaki. Dari sudut kos operasi, penggunaan borang digital telah mengurangkan kebergantungan kepada bahan bercetak dan tenaga kerja tambahan, sekali gus menjimatkan perbelanjaan. Lebih penting, keberkesanan sistem ini turut meningkatkan kepuasan pihak berkepentingan sama ada pegawai mahkamah mahupun para pihak yang terlibat dalam kes perceraian.



Kejayaan Kumpulan El-Hakam di Hari Inovasi JPM Tahun 2024 pada 30 Oktober 2024.

Kejayaan SPHM oleh Kumpulan El-Hakam turut diiktiraf pada peringkat nasional apabila SPHM dinobatkan sebagai Naib Juara Pertandingan Horizon Baharu KIK anjuran Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2024. Pencapaian ini bukan sahaja mengangkat martabat MSWP sebagai institusi perintis, tetapi juga meletakkan Malaysia di hadapan dalam usaha mendigitalkan proses kehakiman syariah.

Ke hadapan, SPHM berpotensi untuk diperluaskan penggunaannya ke seluruh Mahkamah Syariah di Malaysia. Jika direalisasikan, SPHM akan menjadi titik tolak kepada sebuah ekosistem kehakiman Islam yang lebih moden, cekap dan selari dengan aspirasi pendigitalan sektor awam negara.

5. **Bicara Online: Inovasi Pendigitalan Proses Kehakiman**

Penggubalan dan Pindaan Undang-undang Tatacara Mal Syariah Berkaitan Bicara *Online* merupakan satu transformasi yang berimpak tinggi dan penting dalam perundangan negara kita. Transformasi ini melibatkan penggubalan dan pindaan terhadap Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) yang memasukkan peruntukan berkaitan dengan bicara dalam talian (*online hearing*). Inisiatif ini menandakan perubahan yang amat memberi kesan dalam sejarah kehakiman syariah negara khususnya di Wilayah-wilayah Persekutuan kerana buat pertama kalinya, prosiding mahkamah syariah boleh dijalankan secara maya dengan asas undang-undang yang kukuh dan tersusun.

Cadangan pindaan ini telah dibincangkan secara menyeluruh dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Penggubalan Undang-undang Mahkamah Syariah pada 25–27 April 2025, diikuti beberapa siri libat urus bersama-sama Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan pada Mei dan Jun 2025. Akhirnya, Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024 [Akta A1747] telah diluluskan dan diwartakan pada 30 Jun 2025, dengan tarikh kuat kuasa berkuat pada 1 Julai 2025.

Pindaan ini telah membawa impak yang sangat signifikan terhadap sistem kehakiman syariah. Ini memastikan kelangsungan perjalanan mahkamah walaupun berdepan cabaran luar jangka seperti pandemik, bencana atau logistik (kekangan jarak geografi). Prosiding bicara secara maya atau dalam talian bukan sahaja dapat menjimatkan kos, masa dan sumber pihak-pihak berperkara, malah meningkatkan akses kepada keadilan dengan lebih

cepat, mudah dan inklusif tanpa menjejaskan integriti proses kehakiman. Transformasi ini turut mengukuhkan keyakinan masyarakat terhadap keupayaan mahkamah syariah dalam melaksanakan inovasi undang-undang bersifat kontemporari, selanjutnya menjadikan Malaysia antara peneraju di rantau ini dalam usaha pendigitalan kehakiman syariah.



Kejayaan Rang Undang-Undang (RUU) diluluskan di Parlimen pada 19 Disember 2024.

6. **Pelaksanaan Sulh di MSWP**

Pelaksanaan Sulh di MSWP sejak 2001 telah menjadi antara mekanisme utama penyelesaian pertikaian kekeluargaan. Namun, selepas lebih dua dekad, beberapa isu kekal membelenggu keberkesannya. Pertama, wujud masalah kes tertunggak dan kelewatan penyelesaian kerana ada pihak yang enggan hadir atau gagal memberi kerjasama, sekali gus menjejaskan keberhasilan majlis Sulh. Statistik pengendalian kes jelas menunjukkan kadar penyelesaian sekitar 70–80% sahaja, menandakan ruang penambahbaikan masih luas.

Selain itu, pegawai Sulh berdepan beban tugas berat dengan bilangan yang terhad, manakala fasiliti fizikal untuk melaksanakan sesi Sulh juga tidak mencukupi. Keadaan ini menyebabkan prosiding kerap mengambil masa panjang. Tambahan pula, cabaran teknologi seperti gangguan e-Syariah dan ketiadaan platform digital khusus sebelum 2022 telah mengekang keberkesanan Sulh dalam era moden. Selaras dengan itu, beberapa langkah tambah baik dilaksanakan. Pertama,

Pendigitalan dan Pemodenan Sistem: Bermula pada September 2022, pelaksanaan e-Syariah Versi 3 (ESV3) telah diperkenalkan bagi menyediakan sistem yang lebih stabil, mesra pengguna dan integrasi perkhidmatan serta sistem pengurusan kes bersepadu yang lebih efektif. Ini juga menjimatkan masa dan kos pelbagai pihak. Kedua, Majlis Sulh Secara Dalam Talian: Langkah ini diperkukuh selepas pandemik apabila platform seperti Google Meet digunakan bagi mengadakan majlis Sulh jarak jauh. Inovasi ini membuka ruang akses lebih luas, termasuk kepada pihak-pihak yang berada di luar wilayah perbicaraan.

LITERASI SYARIAH DAN LIBAT URUS UMMAH

Dalam memastikan keadilan syariah benar-benar difahami dan dihayati, usaha memperkukuh literasi undang-undang Islam menjadi keutamaan. Melalui kerjasama strategik, latihan profesional, dan program kesedaran masyarakat seperti Program Sulh MADANI, Muhakat Sulh, Rakan Komuniti Sulh dan Cakna Syariah Lestari MADANI, institusi kehakiman syariah tampil lebih dekat dengan rakyat. Pendekatan libat urus ini bukan sahaja memperluas kefahaman masyarakat terhadap undang-undang Islam, tetapi turut membina keyakinan bahawa sistem perundangan syariah adalah inklusif, berperanan mendidik dan mendamaikan.

1. Kerjasama Antarabangsa dan Pembangunan Kompetensi

Hubungan dua hala antara institusi kehakiman Islam Malaysia dan dunia luar terus diperluas melalui beberapa perjanjian penting. Antara yang utama ialah Memorandum Persefahaman dalam bidang kehakiman syariah antara JKSM dan Kerajaan Brunei Darussalam. Objektif memorandum ini adalah untuk memperkuat kerjasama dua hala dalam bidang kehakiman syariah dan impaknya merealisasikan persefahaman secara rasmi bagi memperkukuh pelaksanaan undang-undang syariah.

Selain itu, lawatan delegasi Kehakiman Oman ke Malaysia di JKSM telah mengeratkan hubungan kerjasama kehakiman antara Malaysia dan Oman. Kedua-dua negara dapat saling berkongsi pengalaman dan amalan terbaik dalam bidang kehakiman syariah melalui lawatan ini.



Lawatan rasmi delegasi pegawai kehakiman Negara Oman yang diketuai oleh His Hon. Nasser bin Salem bin Ahmed al-Jabri, Supreme Court Judge, Sultanate of Oman ke JKSM pada 25 Oktober 2024.



Pertemuan bersama 39 orang Pegawai Syariah yang akan menyertai Kursus Kehakiman Jangka Pendek di Universiti Islam Imam Muhammad Ibn Saud, Riyadh, Arab Saudi.

Bagi meningkatkan kecekapan pegawai kehakiman, JKSM telah melaksanakan pelbagai program latihan dan kolaborasi antarabangsa. Antaranya ialah Program Sulh MADANI dan Kursus Kehakiman di Universiti Islam Imam Muhammad Ibnu Saud, Riyadh, yang memberi pendedahan terhadap sistem kehakiman syariah Arab Saudi. Latihan seperti ini bukan sahaja meningkatkan kemahiran teknikal dan etika pegawai, tetapi juga membina hubungan strategik antara institusi kehakiman Malaysia dan dunia Islam, meletakkan JKSM di barisan hadapan diplomasi undang-undang syariah global.

Di samping itu, Sesi Amanat YB Menteri di JPM-HEA bersama Jawatankuasa Kehakiman Syariah Kebangsaan telah diadakan sebagai platform menyampaikan amanat dan hala tuju strategik kehakiman syariah peringkat Persekutuan dan Negeri serta memperkukuh jaringan kerjasama dalam memperkasakan institusi kehakiman Islam di Malaysia.

2. Cakna Syariah dan Pengupayaan Komuniti

Selaras dengan matlamat untuk membina masyarakat celik undang-undang, Jabatan Perdana Menteri (Hal EHWAL Agama) telah memperkenalkan Program Cakna Syariah Lestari MADANI (CSLM) pada tahun 2025 sebagai Pelan Literasi Perundangan Syariah Kebangsaan yang bertujuan memperkukuh kefahaman masyarakat tentang undang-undang syariah dalam aspek pelaksanaan dan penghayatannya.

JKSM dan MSWP merupakan sebahagian daripada agensi peneraju di bawah inisiatif CSLM dan kini giat dalam usaha merealisasikan program Rakan Sulh Komuniti (RSK) pada peringkat kebangsaan dalam kalangan pemimpin komuniti sebagai ejen perundingan awal isu-isu kekeluargaan Islam. Ini bertujuan menjadikan kaedah sulh sebagai pilihan utama dalam menangani pertikaian seterusnya dapat mengurangkan kebergantungan pada proses mahkamah yang panjang. Kaedah pelaksanaannya adalah dengan melatih individu terpilih daripada kalangan pemimpin masyarakat seperti imam, ketua kampung/penduduk setempat dan jurunika dengan kemahiran rundingan dan penyelesaian

konflik supaya mereka dapat berfungsi sebagai pemudah cara yang efektif dalam komuniti.

Di sisi yang lain, tahap literasi undang-undang masyarakat yang masih rendah menyebabkan ramai yang tidak memahami kepentingan Sulh. Ada pihak menganggapnya sekadar prosedur tambahan, bukan instrumen perdamaian. Hal ini mewujudkan jurang persepsi antara matlamat institusi kehakiman dengan kefahaman orang awam.

Salah satu transformasi penting yang diperkenalkan ialah Program Muhakat Sulh. Melalui kerjasama dengan JKSM, JAWI, dan TV AlHijrah, MSWP memperkenalkan simulasi majlis Sulh yang ditayangkan kepada khalayak umum. Program ini bukan sahaja menjadi medium pendidikan, tetapi juga platform kesedaran sosial.

Dari sudut keberkesanan, Muhakat Sulh berfungsi sebagai alat literasi syariah yang berimpak besar. Ini membantu masyarakat memahami bahawa Sulh bukan sekadar formaliti, tetapi instrumen kehakiman Islam yang mementingkan keadilan, perdamaian, dan kesejahteraan keluarga. Pendedahan secara visual melalui televisyen membolehkan orang ramai melihat sendiri proses perbincangan, peranan pegawai Sulh, serta bagaimana penyelesaian dicapai tanpa perlu melalui perbicaraan penuh.

Program ini juga memperkukuh agenda cakna syariah, iaitu usaha mendekatkan institusi kehakiman Islam dengan masyarakat. Melalui Muhakat Sulh, mesej keadilan Islam disampaikan dalam bentuk yang mudah difahami, telus, dan praktikal. Kesannya, tahap literasi undang-undang syariah dalam kalangan masyarakat meningkat, manakala keyakinan mereka terhadap sistem kehakiman syariah turut bertambah.

Muhakat Sulh berjaya membentuk amalan transformasi dengan membina jambatan komunikasi antara mahkamah dan rakyat yang menampilkan wajah mahkamah syariah yang lebih mesra rakyat, progresif, dan berorientasikan pendidikan, seiring aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan keterangkuman serta kesejahteraan sosial.



Program Wacana Kehakiman Syariah Tahun 2023 di Auditorium JAKIM, Putrajaya.

Pada tahun 2023, Program Wacana Kehakiman Syariah telah diadakan yang melibatkan aktiviti-aktiviti meningkatkan pemahaman terhadap isu semasa dalam bidang kehakiman syariah dan impaknya menjadi platform perkongsian ilmu dan pengalaman antara pengamal undang-undang syariah.

Kemudian, Program Komuniti Sulh Peringkat Negeri Johor Tahun 2024 merupakan program literasi undang-undang turut diletakkan sebagai platform oleh JKSM untuk memberi penerangan kepada masyarakat mengenai perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh mahkamah syariah termasuk Sulh yang bertepatan dengan tema program iaitu “Kemuliaan Syariah: Al-Sulh Khair, Pemangkin Masyarakat dan Keluarga Bahagia MADANI”.

Manakala pada tahun 2025, Program Komuniti Sulh 2025 telah diadakan dengan kerjasama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Objektif program ini adalah untuk memperkenalkan konsep dan amalan Sulh kepada masyarakat umum sebagai kaedah penyelesaian pertikaian secara damai dan berakhlak dalam sistem kehakiman syariah dan impaknya dapat memberi pendedahan dan latihan asas kepada komuniti tentang kaedah pelaksanaan Sulh dalam konteks kekeluargaan Islam dan pertikaian sivil syariah.



Program Komuniti Sulh Tahun 2025 dengan kerjasama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada 27 Mei 2025.

Di samping itu, Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) di bawah pentadbiran JKSM telah menjalankan pelbagai aktiviti dan program serta menjadi lebih agresif bermula hujung tahun 2022. Bahagian ini ditubuhkan setelah pihak kerajaan melalui Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam Malaysia (MKI) memutuskan bahawa JKSM perlu mengambil tindakan segera untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan nafkah.

Program dan aktiviti ini boleh merangkumi aspek Literasi Undang-undang BSK, Pengupayaan pemahaman fungsi BSK, Pembukaan Booth Pertanyaan dan Edaran Risalah, Ceramah/Penerangan tentang BSK, dan Program Pemantapan Kekeluargaan. Tujuan program-program ini terutamanya adalah untuk memberi dan memantapkan kefahaman orang awam berkenaan tanggungjawab kekeluargaan agar mereka mempunyai kesedaran untuk melaksanakan tanggungjawab masing-masing sehingga rumah tangga sentiasa dalam keadaan harmoni dan tidak

membuka ruang kepada pengabaian dan culas dalam pelaksanaan nafkah.

Selain itu, BSK memainkan peranan penting dalam:

- Memberi khidmat nasihat perundangan syariah kepada pihak-pihak secara khusus berkaitan tuntutan nafkah dan mutaah serta tatacara penguatkuasaan dan pelaksanaan penghakiman, atau perintah selepas suatu penghakiman atau perintah dibuat oleh mahkamah syariah;
- Melaksanakan tugas sebagai peguam syarie dan bailiff dalam penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah di mahkamah syariah berkaitan dengan nafkah dan mutaah bagi memastikan sesuatu perintah dapat dipatuhi dan dilaksanakan oleh semua pihak;
- Melaksanakan pengurusan pentadbiran yang berkaitan dengan penguatkuasaan dan pelaksanaan penghakiman atau perintah mahkamah syariah antara negeri-negeri berjalan dengan lancar tanpa sebarang halangan;
- Menguruskan bantuan kewangan sementara dalam bentuk pendahuluan nafkah kepada pemiutang penghakiman (bekas isteri dan anak-anak) yang menjadi mangsa kegagalan pembayaran nafkah oleh penghutang penghakiman (bekas suami atau bapa); dan
- Menjadi perantara antara plaintif dan defendan bagi menyelesaikan hutang yang tertunggak daripada suatu perintah yang telah dikeluarkan oleh mahkamah syariah.

Program-program yang dilaksanakan BSK bukan berbentuk responsif semata-mata. Ini juga sebagai respons kepada permasalahan masyarakat, bahkan terdapat aktiviti secara proaktif iaitu dengan menyasarkan target peserta yang masih belum berada dalam alam perkahwinan. Pelaksanaan program sebegini boleh dianggap sebagai proses transformasi berterusan untuk memantapkan fungsi BSK, pada masa yang sama berjaya mempertingkatkan kesedaran orang awam berkenaan kepentingan nafkah yang peranannya amat penting memelihara kesejahteraan dalam kehidupan berkeluarga dan kehidupan selepas pembubaran perkahwinan.



Kaunter perkhidmatan BSK.

Akhir sekali, pelancaran buku Prinsip Undang-undang dalam Penghakiman di Mahkamah Atasan Syariah (PUUMAS), Khazanah Intelktual Perundangan Syariah sebagai sumber rujukan ilmiah dan praktikal dalam bidang kehakiman syariah di Malaysia. Impaknya dapat menghimpunkan prinsip-prinsip penting undang-undang syariah yang telah diaplikasikan oleh Mahkamah Atasan Syariah dalam penghakiman mereka. Pengkayaan khazanah ilmu perundangan syariah merupakan wasilah ilmiah yang akan menjadi sandaran penting terhadap keutuhan bidang kehakiman seterusnya membina keyakinan masyarakat terhadap keunggulan perundangan syariah dalam memelihara prinsip keadilan Islam dalam berdepan dengan liku-liku kehidupan dan peradaban moden pada hari ini.



Majlis Pelancaran Buku Prinsip Undang-undang dalam Penghakiman di Mahkamah Atasan Syariah (PUUMAS), Khazanah Intelktual Perundangan Syariah pada 17 April 2024.

KESIMPULAN

Keunggulan sistem perundangan syariah era MADANI tidak hanya diukur melalui keberkesanan pentadbiran, tetapi melalui keupayaannya membentuk keadilan yang hidup iaitu keadilan yang berpaksikan ilmu, rahmah dan integriti. Jelas, inisiatif dan ikhtiar transformasi dalam aspek perundangan dan kehakiman syariah sepanjang 2023–2025 telah memperlihatkan suatu pencapaian bermakna dalam aspek reformasi kehakiman hingga inovasi digital dan dalam penggubalan undang-undang hingga pembudayaan literasi. Setiap langkah transformasi ini membuktikan bahawa undang-undang Islam mampu beradaptasi tanpa kehilangan roh Syariahnya.

Sesungguhnya, Transformasi Al-Falah sebagai pelaksanaan strategik pengisian gagasan Malaysia MADANI telah mengubah wajah institusi perundangan syariah daripada sistem tradisional kepada satu ekosistem kehakiman Islam yang moden, efisien, dan berorientasikan rakyat. Hal ini menegaskan bahawa reformasi syariah bukan hanya persoalan teknikal atau birokrasi, tetapi satu gerakan nilai dan pemikiran yang mengangkat prinsip MADANI menerusi penghayatan dan penzahiran nilai keyakinan, keadilan dan rahmah menerusi landasan perundangan dan kehakiman Syariah sebagai asas kepada kemajuan negara.

BAB 5

KELESTARIAN EKONOMI UMMAH



KELESTARIAN EKONOMI UMMAH

Kemampuan dan kelestarian ekonomi ummah merupakan salah satu tonggak utama dalam kerangka Malaysia MADANI. Ia menuntut pendekatan menyeluruh yang tidak hanya melihat pembangunan dari sudut material, tetapi turut mengambil kira keadilan sosial, pemerkasaan komuniti serta pengagihan kekayaan yang seimbang. Dalam konteks ini, instrumen ekonomi Islam seperti halal, zakat, wakaf dan infak menjadi pemacu penting yang bukan sahaja memenuhi tuntutan Syariah, tetapi juga memberi nilai tambah kepada ekonomi negara.

Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) menerusi Pelan Transformasi Al-Falah menekankan misi mengangkat kelestarian ekonomi ummah sebagai agenda pengisian strategik bagi mencapai cita-cita pembinaan Malaysia MADANI. Sepanjang tiga tahun lalu, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi memperkukuh ekosistem ekonomi Islam. Daripada usaha memperkukuh industri halal sebagai hab global, reformasi sistem zakat agar lebih telus dan berdaya saing, peluasan fungsi wakaf kepada sektor strategik, sehingga pengukuhan budaya infak dalam kalangan masyarakat, kesemuanya membuktikan bahawa ekonomi Islam mampu menjadi asas pembangunan mampan.

HALAL SEBAGAI TERAS EKONOMI UMMAH

Bidang halal diberikan perhatian serius kerana ia bukan sahaja melibatkan tuntutan agama, tetapi juga berkait rapat dengan daya saing ekonomi negara. Malaysia telah lama dikenali sebagai peneraju industri halal dunia. Pengiktirafan ini merupakan hasil usaha jangka masa panjang dalam membina rangka kerja halal yang menyeluruh bermula daripada pembuatan dasar, piawaian, penyelidikan, pembangunan, penguatkuasaan, sehingga jaringan antarabangsa.

Penekanan ini sejajar dengan cabaran baharu negara dalam bidang persaingan ekonomi dunia, tambahan pula pada fasa baharu pasca-pandemik. Persaingan dalam bidang industri halal juga didapati sengit. Negara lain juga turut memperkenalkan piawaian halal masing-masing, manakala permintaan global terhadap produk halal pula melonjak dengan nilai melebihi USD 2.4 trilion.



YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah ketika menyampaikan ucapan di Forum Ekonomi Halal 2023 pada 13 september 2023 di Malaysia International Trade & Exhibition Center (MITEC)

Oleh itu, Malaysia mengambil langkah ke hadapan dalam memperkasakan piawaian halal yang merupakan sebahagian daripada ekosistem penting industri halal agar negara kekal sebagai pusat rujukan bagi kecemerlangan halal global. Agenda pemeraksanaan piawaian halal adalah lebih daripada sekadar label pematuhan agama. JPMHEA menerusi JAKIM selaku agensi peneraju melihat aspek ini sebagai tonggak penting dalam memainkan peranan terhadap pembangunan ekonomi negara. Usaha ini merangkumi penjanaaan peluang pekerjaan, peningkatan eksport, pengukuhan imej negara serta penyampaian mesej Islam sebagai agama yang membawa rahmah kepada seluruh manusia.

Sehubungan itu, beberapa langkah transformasi pembangunan industri halal telah dilaksanakan JAKIM dan pada masa yang sama turut mengatasi beberapa

isu dan cabaran berbangkit dari aspek ketangkasan, pengembangan pasaran baru serta kecekapan menerusi inovasi teknologi dan daya cipta. Antara inisiatif utamanya termasuk:

1. Sijil Halal Malaysia sebagai Pengiktirafan Dunia

Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) telah lama menjadi lambang kepercayaan. Di era Malaysia MADANI, kedudukannya terus diperkukuh melalui usaha mendaftarkan SPHM sebagai tanda dagangan pada peringkat antarabangsa. Ini bermakna, SPHM kini dilindungi sebagai harta intelek negara. Langkah ini penting kerana ia menghalang sebarang cubaan pihak tidak bertanggungjawab menggunakan logo halal Malaysia tanpa kebenaran.

Perlindungan tanda halal di luar negara membawa dua kesan utama. Pertama, ia menjaga maruah Malaysia sebagai negara yang serius dalam menguruskan halal. Kedua, ia memberi keyakinan tambahan kepada pengguna antarabangsa bahawa produk yang membawa logo halal Malaysia benar-benar sah dan mematuhi piawaian ketat.

Dalam usaha memacu pengiktirafan Sijil Halal pada peringkat dunia, JAKIM telah melaksanakan inisiatif mencakupi langkah Pendigitalan Sistem Pensijilan Halal. Ia dilaksanakan menerusi pengenalan Sijil Pengesahan Halal Malaysia secara elektronik (*e-Cert*). Melalui sistem ini, keseluruhan proses permohonan, semakan, dan kelulusan sijil halal dapat dilakukan secara dalam talian. Usahawan tidak lagi perlu menunggu lama atau berulang-alik ke pejabat. Semua maklumat permohonan juga boleh dijejaki secara telus dan masa nyata melalui sistem ini, menjadikan pengurusan pensijilan halal lebih cekap dan berintegriti.

Pada masa sama, JAKIM memperkenalkan MyHALALINGREDIENTS, iaitu pangkalan data ramuan halal. Sebelum ini, ramai pengusaha keliru tentang status sesuatu ramuan, terutamanya bahan tambahan makanan, perisa, atau bahan kimia tertentu. Melalui MyHALALINGREDIENTS, pengusaha boleh membuat semakan terus sama ada sesuatu bahan telah diluluskan mengikut piawaian halal Malaysia.

Pendigitalan ini memberi manfaat besar, terutama kepada PKS. Jika sebelum ini mereka sering ketinggalan kerana kekangan masa dan kos, kini mereka boleh mengakses maklumat dengan lebih mudah.

Kini, industri halal tidak lagi terbatas kepada makanan dan minuman. Sebanyak 17 piawaian halal telah dibangunkan merentas pelbagai sektor. Ini termasuk farmaseutikal, kosmetik, logistik, pergudangan, peruncitan, dan barangan guna.

Pengembangan piawaian ini membuktikan bahawa Malaysia melihat halal secara menyeluruh, bukan hanya dari sudut pemakanan. Sebagai contoh, logistik halal

memastikan produk tidak bercampur dengan bahan haram sepanjang proses penghantaran. Kosmetik halal pula memberi keyakinan bahawa produk kecantikan bebas daripada bahan terlarang. Piawaian ini bukan sahaja mematuhi Syariah, tetapi juga seiring dengan standard antarabangsa seperti ISO dan HACCP.

Usaha Malaysia memperkukuh kedudukan sebagai pusat halal dunia juga dizahirkan melalui hubungan dengan badan pensijilan luar negara. Sehingga kini, 92 Badan Pensijilan Halal Luar Negara dari 47 buah negara telah diiktiraf oleh JAKIM. Pengiktirafan ini amat penting kerana ia membolehkan sijil halal Malaysia digunakan sebagai rujukan global.

Dengan adanya jaringan antarabangsa ini, produk halal Malaysia lebih mudah diterima di luar negara. Pada masa sama, pengusaha asing juga yakin untuk bekerjasama dengan Malaysia kerana mereka tahu sistem halal negara ini kukuh dan diyakini.

2. Halal Sebagai Pemacu Ekonomi MADANI

Perubahan yang berlaku dalam tempoh tiga tahun ini memberi kesan langsung kepada ekonomi negara. Halal kini dilihat sebagai salah satu pemacu utama Ekonomi MADANI. Transformasi bidang pengurusan oleh JAKIM antaranya telah membuka peluang pengembangan keusahawanan tempatan. Dengan sistem pensijilan yang lebih cekap, semakin ramai pengusaha tempatan, termasuk PKS, berjaya menembusi pasaran antarabangsa. Mereka tidak lagi bimbang tentang lambakan dokumen atau kelewatan proses. Keadaan ini melahirkan lebih banyak usahawan yang yakin untuk memperkenalkan produk mereka ke pasaran luar negara.

Seterusnya, produk halal Malaysia semakin diterima di pasaran dunia. Dengan nilai ekonomi halal global yang besar, Malaysia berpotensi meningkatkan eksport dalam pelbagai sektor. Pada masa sama, pelabur luar melihat Malaysia sebagai destinasi yang strategik untuk membangunkan industri halal kerana sistemnya yang diyakini.

Pertumbuhan industri halal mencipta banyak pekerjaan baharu, khususnya dalam bidang pengeluaran, logistik, teknologi makanan, dan penyelidikan. Dalam jangka masa panjang, ia merangsang inovasi kerana pengusaha sentiasa mencari cara baharu untuk memenuhi piawaian halal dengan pendekatan yang lebih efisien.

Sesungguhnya, penglibatan negara dalam menawarkan khidmat dalam industri halal menjadi jambatan memperkayakan diplomasi dan hubungan dua hala pada peringkat antarabangsa. Apabila Malaysia dilihat dunia sebagai peneraju halal, ia secara tidak langsung menonjolkan kedudukan negara di mata dunia yang bercitra telus, bersih dan berintegriti. Pencapaian ini secara langsung mendorong kepada terbentuk kesejahteraan dan kemakmuran ekonomi negara dan kesejahteraan hidup rakyat keseluruhannya. Hal ini memberi imej positif bukan sahaja kepada Malaysia, tetapi juga kepada Islam di mata dunia.

ZAKAT SEBAGAI TULANG BELAKANG KESEJAHTERAAN EKONOMI UMMAH

Selain bidang halal, kecemerlangan pengurusan zakat juga menjadi aspek terpenting dalam agenda transformasi Hal Ehwat Agama. Zakat ialah rukun Islam ketiga yang diwajibkan kepada setiap Muslim yang memenuhi syarat. Dari sudut agama, zakat membersihkan harta dan jiwa. Dari sudut sosial, zakat adalah mekanisme pengagihan kekayaan untuk menghapuskan ketidakadilan dan mengurangkan jurang antara kaya dan miskin. Dari sudut ekonomi pula, zakat merupakan suatu enjin pemberdayaan yang memacu kitaran baharu dalam kehidupan penerima, daripada golongan yang memerlukan kepada golongan yang berupaya menyumbang kembali.

Dalam kerangka Malaysia MADANI, zakat tidak dilihat sebagai sekadar kewajipan agama individu semata-mata, tetapi ia menjadi tulang belakang kepada kesejahteraan ekosistem sosial negara. Ia menjadi alat untuk menamatkan kemiskinan tegar, memperkukuh

kesejahteraan ummah dan pada masa yang sama memacu pembangunan ekonomi inklusif.

Dalam hubungan ini, JPM-HEA melalui agensi-agensi penerajunya iaitu Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), serta Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) telah melaksanakan langkah besar dalam memperbaharui sistem zakat agar lebih cekap, telus dan berimpak.

Transformasi ini tidak hanya tertumpu pada aspek kutipan dan agihan, tetapi turut menumpukan kepada pendigitalan, penyelarasan data serta pembangunan sistem baharu yang memperkukuh kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat negara. Sepanjang tiga tahun lalu, pencapaian transformasi juga terzahir dengan peningkatan ketelusan dan keterbukaan maklumat dan penambahbaikan keberkesanan sistem kutipan, agihan serta pengupayaan manfaatnya yang selari dengan Maqasid Syariah serta objektif pengukuhan keyakinan masyarakat terhadap integriti institusinya.

Dalam hubungan ini, antara inisiatif transformasi penting termasuklah:

1. Perkongsian Data dan Pendigitalan

JAWHAR selaku agensi penyelarasan induk pembangunan zakat telah menggerakkan inovasi pengurusan menerusi pengenalan aplikasi teknologi bagi menghubungkan data penerima zakat dengan agensi kerajaan lain.



Kunjungan hormat Pengurusan JAWHAR ke Pejabat Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara.

i. Sistem ALiS (Agency Link-Up System)

Sistem ini membolehkan MAIN dan agensi zakat negeri menyemak maklumat penerima secara langsung dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Jika sebelum ini setiap semakan dikenakan caj antara RM0.50 hingga RM1.00, selepas rundingan antara JAWHAR dengan JPN pada tahun 2023, caj tersebut dihapuskan dan capaian diberi secara percuma. Langkah ini bukan sahaja menjimatkan kos, tetapi juga mempercepatkan proses semakan kelayakan penerima serta mengurangkan risiko bantuan yang berulang.

ii. Penyelarasan Data eKasih ICU JPM

Pada Mei 2023, JAWHAR menyelaraskan pangkalan data miskin tegar daripada sistem eKasih di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri. Ketika itu, seramai 113,757 orang miskin tegar direkodkan, dengan 70% daripadanya (79,752 orang) merupakan umat Islam. Data ini disemak silang dengan rekod asnaf negeri bagi memastikan tiada keluarga Islam yang layak tercicir daripada senarai penerima.

Selain JAWHAR, MAIWP tampil sebagai pelaksana utama transformasi digital zakat pada peringkat Wilayah Persekutuan. Beberapa inisiatif utama yang diperkenalkan membuktikan kesungguhan agensi ini dalam membawa zakat ke arah pengurusan moden dan mesra masyarakat:

iii. Aplikasi myZakat

Pusat Pungutan Zakat (PPZ-MAIWP) telah membangunkan aplikasi mudah alih myZakat untuk memudahkan umat Islam menunaikan zakat dan berwakaf secara dalam talian. Aplikasi ini membolehkan pengguna membuat pembayaran melalui pelbagai saluran seperti FPX, kad kredit dan e-dompot, serta menyemak semula rekod pembayaran mereka dengan mudah. Dengan adanya aplikasi ini, urusan zakat tidak lagi terikat pada waktu pejabat atau lokasi kaunter. Pendek kata, ia boleh dilakukan di mana sahaja, pada bila-bila masa. Pendekatan ini meningkatkan

ketelusan dan kecekapan kutipan zakat serta membuka akses lebih luas kepada masyarakat bandar yang serba sibuk.

iv. Dashboard MAIWPNow

Sebagai inisiatif ketelusan, MAIWP membangunkan *dashboard* MAIWPNow, yang memaparkan maklumat kutipan dan agihan zakat secara masa nyata (*real time*). Portal ini boleh diakses oleh orang awam melalui pautan maiwpnow.maiwp.gov.my. Melalui portal ini, masyarakat boleh melihat sendiri jumlah zakat yang diterima, jumlah yang diagihkan, serta statistik bantuan mengikut kategori asnaf. Inovasi ini menjadikan MAIWP antara agensi zakat paling terbuka dan berakauntabiliti di negara ini.

v. Sistem iZakat

Bagi memperkemas pengurusan agihan, MAIWP memperkenalkan Sistem *iZakat*, satu sistem berasaskan web yang menyelaraskan keseluruhan proses permohonan, semakan dan pembayaran zakat di cawangan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Sistem ini menjadikan setiap peringkat pengurusan, daripada penerimaan permohonan asnaf sehingga ke proses kelulusan dan pembayaran, menjadi lebih cepat, tersusun dan dapat dijejaki secara dalam talian.

Pendigitalan yang dilaksanakan ini telah mengubah persepsi masyarakat terhadap institusi zakat. Portal serta aplikasi digital membolehkan masyarakat memantau permohonan dan agihan secara terbuka, sekali gus meningkatkan keyakinan pembayar terhadap integriti pengurusan zakat. Pada masa sama, sistem data bersepadu yang diwujudkan membolehkan pelbagai agensi merancang dasar kebajikan berasaskan bukti dengan lebih tepat dan menyeluruh.

2. Pemerkasaan Pendidikan Zakat

Selain pembaikan teknikal, pendekatan dakwah dan pendidikan zakat giat dijayakan bagi memastikan kesedaran tanggungjawab terhadap kewajipan dan

kepentingan institusinya terus diperkasakan pada jiwa dan fikiran ummah.

Inovasi dalam program promosi dan pendidikan zakat pada peringkat komuniti diperkenalkan. Agensi Hal Ehwal Agama pada peringkat Persekutuan dan Negeri telah bekerjasama menganjurkan Ijtimak Duat dan Asatizah Zakat (IjDAZ) 2025. Pada Julai 2025, buat julung kali, pakar-pakar zakat dalam bidang Syariah dan dakwah berhimpun di Bangi, Selangor bagi berkongsi amalan terbaik dalam pengurusan dan amalan zakat pada peringkat nasional dan antarabangsa. Penubuhan Sekretariat IjDAZ Kebangsaan disyorkan bagi kelestarian pendidikan zakat pada segenap peringkat masyarakat.



Dato' Selamat bin Paigo, Ketua Pengarah JAWHAR bersama-sama peserta IjDAZ 2025.



Poster drama pendek "Bersama" kerjasama antara JAWHAR dan RTM yang mendapat sentuhan Encik Wan Mohd Afzam Wan Daud, seorang Award Winning Director.

Bersempena Bulan Zakat Kebangsaan 2024, inovasi dalam pendidikan zakat juga diterapkan menerusi penerbitan drama pendek "Bersama" yang diterbitkan dengan kerjasama Radio dan TV Malaysia (RTM). Drama ini mengetengahkan mesej zakat melalui jalan cerita menyentuh emosi. Ia menampilkan kisah sederhana tentang seorang bapa yang mengajar anak erti memberi walaupun hidup dalam keadaan yang serba kekurangan.



Poster Rasmi SiPZ25 yang menampilkan Ketua Pengarah JAWHAR, Dato' Selamat bin Paigo sebagai salah seorang pembentang.

Selain itu, Simposium Zakat 2025 (SiPZ25) telah dianjurkan di Melaka pada Mei 2025 membincangkan isu tadbir urus zakat secara menyeluruh. Pelbagai cadangan dasar dirumus untuk memperkukuh ketelusan dan meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap institusi zakat.

Sesungguhnya, pelbagai inisiatif dan inovasi pelbagai oleh Agensi Hal Ehwal Agama berjaya melonjakkan kecemerlangan institusi zakat sebagai tulang belakang kesejahteraan ekonomi ummah.

3. Pendekatan Pemberdayaan Ekonomi

Menerusi Pelan Transformasi Al-Falah, penekanan juga tertumpu terhadap langkah mengembangkan keupayaan zakat yang kebiasaannya terhad pada aspek pengagihan bantuan kebajikan kepada pemberdayaan ekonomi asnaf. Transformasi nilai tambah pendekatan

pengupayaan fungsi zakat ini memberi kesan langsung ke arah menjayakan matlamat atau maqasid Syariah dalam konteks pembasmian kemiskinan ilmu dan harta. ini menjadikan instrumen zakat sebagai wasilah pengembangan atau mobiliti sosial ummah secara menyeluruh seterusnya mengangkat martabat umat dalam kemandirian ekonomi serta pembangunan taraf hidup.

MAIWP berjaya melahirkan seramai 148 usahawan asnaf yang kini telah menjadi pembayar zakat bagi tempoh tahun 2023 hingga 2025 — satu pencapaian membanggakan hasil pelaksanaan program pembangunan yang berfokus dan berkesan. Sepanjang tempoh tersebut, pelaksanaan program di bawah empat unit utama MAIWP menunjukkan perkembangan yang positif serta berimpak tinggi. Unit Kerohanian dan Pendidikan mencatat peningkatan ketara daripada lima program dengan 1,837 peserta pada tahun 2023 kepada 12 program melibatkan 7,416 peserta pada tahun 2025. Unit Latihan Kerjaya turut menunjukkan pertumbuhan stabil apabila bilangan program meningkat daripada lapan pada tahun 2023 kepada 14 pada tahun 2025. Kedua-dua unit ini menjadi tunjang dalam memperkukuh pembangunan ilmu, sahsiah dan kemahiran dalam kalangan asnaf.



Dalam masa yang sama, Unit Pembangunan Usahawan serta Unit Pengurusan Agro terus memainkan peranan penting dalam memperkasa ekonomi asnaf. Pelbagai program latihan dan bimbingan keusahawanan dilaksanakan saban tahun, melibatkan ratusan peserta yang berpotensi untuk berdikari dan menjana pendapatan sendiri. Secara keseluruhannya, peningkatan jumlah program dan peserta sepanjang tiga tahun ini menggambarkan komitmen berterusan MAIWP dalam memperkukuh agenda pembangunan insan serta memastikan kesejahteraan masyarakat asnaf di Wilayah Persekutuan terus terjamin.

MAIWP turut melaksanakan program pemberdayaan ekonomi seperti Program Latihan dan Bimbingan bagi membantu penerima zakat menjana pendapatan sendiri. Antaranya Program Train And Place, Bimbingan Keusahawanan, Agropreneur dan Pembangunan Kerohanian yang melibatkan peserta di bawah Bahagian Pembangunan Asnaf MAIWP. Program ini membantu penerima zakat menjana pendapatan sendiri dan keluar daripada kitaran kemiskinan.

4. Pengembangan Zakat Korporat

Salah satu dimensi zakat yang diteroka oleh JPM-HEA menerusi Pelan Transformasi Al-Falah termasuklah agenda pengembangan sektor zakat korporat. Lembaga Tabung Haji (TH) ialah agensi utama yang telah menunjukkan keupayaan dimensi ini dalam melengkapkan ekosistem kesejahteraan ekonomi ummah secara menyeluruh.

Hakikatnya, TH bukan sahaja sebagai pengurus ibadah haji, tetapi juga sebagai institusi simpanan dan pelaburan umat Islam yang berasaskan prinsip Syariah. Dalam tempoh 2023–2025, TH kekal berdaya saing meskipun berdepan cabaran ekonomi global. Pada tahun 2023, TH mengagihkan keuntungan berjumlah RM2.71 bilion kepada lebih sembilan juta pendeposit, manakala pada tahun 2024 jumlah itu meningkat kepada RM2.92 bilion hasil pelaburan dalam sektor hartanah, ekuiti patuh Syariah dan instrumen kewangan Islam.

Selaras dengan fungsinya sebagai institusi Islam yang berperanan sosial, TH juga konsisten menunaikan tanggungjawab zakat korporat. Sebanyak RM103 juta pada 2023 dan RM99 juta pada 2024 disalurkan kepada Majlis Agama Islam Negeri bagi membantu sektor pendidikan, pembangunan asnaf dan kebajikan masyarakat. Melalui mekanisme zakat wakalah, sebahagian hasil zakat turut diagihkan terus kepada penerima yang layak, memberi manfaat kepada lebih 600,000 penerima di seluruh negara.

Kejayaan ini membuktikan bahawa TH bukan sahaja mengurus dana dengan berhemah, tetapi turut menzahirkan nilai Islam dalam pembangunan ekonomi

dan sosial. Gabungan antara keuntungan dan zakat menjadikan TH lambang keseimbangan antara kemakmuran dan keberkatan, sekali gus memperkukuh peranannya sebagai institusi unggul yang mendukung aspirasi membangun kesejahteraan negara berpandukan gagasan Malaysia MADANI.

Agenda pengembangan zakat korporat demi kesejahteraan ekonomi dan sosial ummah mesti terus diperkasakan kerana keupayaannya yang terserlah dalam mendokong inisiatif berimpak tinggi ini boleh menjadi pembolehubah terhadap faktor-faktor penghambat kemajuan ummah terutama kemiskinan pemikiran dan harta serta kerendahan budaya hidup yang berkemajuan yang dihadapi oleh sebahagian umat Islam. Menerusi pengembelengan zakat korporat, akan melengkapkan agenda transformasi ke arah mencapai kesejahteraan ekonomi ummah dalam erti yang menyeluruh.



Penyampaian sumbangan Program Iqra' IPTA TH bagi membantu golongan asnaf dari kalangan pelajar IPTA.

WAKAF SEBAGAI PENGEMBELENG HARTA MAL ISLAM

Wakaf berperanan sebagai instrumen pembangunan sosioekonomi Islam yang berteraskan kesukarelaan, kebersamaan dan kelestarian. Dalam konteks Malaysia, wakaf berpotensi besar menjadi pemacu kesejahteraan ekonomi ummah kerana ia menggembeleng harta umat Islam ke arah manfaat kolektif. Melalui pengurusan yang cekap dan inovatif, aset wakaf boleh membiayai

pelbagai inisiatif dalam bidang pendidikan, kesihatan, perumahan mampu milik, ekonomi, penjagaan alam sekitar dan pembangunan sosial. Usaha ini bukan sahaja memperkukuh jaringan keselamatan sosial tetapi juga menyokong agenda pengurangan jurang ekonomi dan pembasmian kemiskinan. Selain itu, pengintegrasian wakaf dengan instrumen kewangan Islam moden seperti sukuk wakaf dan dana pelaburan turut memberi ruang kepada masyarakat untuk menyertai pembangunan ekonomi negara secara lebih inklusif.

1. Kempen Kesedaran Amalan Berwakaf



Sambutan Bulan Wakaf Kebangsaan 2025.

Bagi menghidupkan dan membudayakan kesedaran serta amalan berwakaf di Malaysia secara lestari, usaha ke arah mempromosi agenda wakaf telah dilaksanakan oleh Agensi Hal Ehwal Agama. JAWHAR berperanan sebagai agensi penyelaras pada peringkat persekutuan dalam memperkukuh pengurusan wakaf telah bekerjasama dengan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) melaksanakan inisiatif Program Bulan Wakaf Kebangsaan (BWK) bermatlamat meningkatkan kesedaran dan mempromosikan budaya dan amalan berwakaf sebagai instrumen kewangan sosial Islam di kalangan umat Islam di Malaysia.

Penganjuran BWK telah mendapat sokongan menyeluruh daripada semua Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaku pemegang amanah tunggal wakaf di Malaysia. Sokongan orang ramai terhadap amalan berwakaf bertambah tinggi dan meluas pada masa kini terutama dalam kalangan masyarakat awam.

2. Transformasi Aplikasi Wakaf

Usaha menyuburkan amalan berwakaf seterusnya perlu seiring dengan integrasi dan teknologi semasa. Pemusatan maklumat berkaitan aset wakaf penting kerana ia membantu agensi wakaf untuk mengurus maklumat dengan lebih berkesan bagi tujuan merangka pelbagai pelan dan inisiatif strategik. Dalam aspek ini, masih terdapat jurang pengurusan dan perkongsian maklumat antara agensi yang perlu ditambah baik supaya harta wakaf yang didaftarkan dapat dimanfaatkan secara optimum. Berdasarkan data JAWHAR sehingga Julai 2024, terdapat 25,047 hektar tanah wakaf berdaftar di bawah MAIN di seluruh Malaysia dengan kira-kira 83 peratus atau 20,782 daripadanya telah dimanfaatkan.

Pelan Transformasi Al-Falah memberi penekanan dalam mengatasi jurang ini di mana JAWHAR telah mengambil langkah proaktif melaksanakan kerjasama dengan Pusat Geospasial Negara (PGN), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam untuk memanfaatkan Aplikasi Geospasial Tanah Wakaf JAWHAR (J-GIS) bermula tahun 2015. Sistem maklumat geospasial (*Geographic Information System—GIS*) oleh PGN ini telah membolehkan MAIN memplot dan memeta maklumat tanah wakaf secara lebih berkesan dan mudah dalam persekitaran teknologi yang selamat.

Integrasi data daripada pelbagai sumber menjadi cabaran yang besar dalam pelaksanaan J-GIS bagi memastikan keserasian dan standardisasi data yang lengkap. Kekurangan latihan dan pembangunan kemahiran dalam penggunaan data geospasial ini juga menyumbang kepada cabaran untuk mengumpulkan maklumat tanah wakaf ke dalam J-GIS.

Oleh itu, bermula tahun 2022 sehingga kini, J-GIS telah melalui beberapa transformasi dan penambahbaikan, selaras dengan kemajuan teknologi terkini bertujuan untuk mengatasi masalah dan cabaran yang dihadapi. Antara penambahbaikan dan penaiktarafan yang dilaksanakan adalah seperti infografik berikut:

J-GIS

01 PEMBANGUNAN PAPAN PEMUKA (DASHBOARD) BAGI MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI (MAIN)

Papan Pemuka merupakan sebahagian daripada model geomaklumat ArcGIS. Fungsi Papan Pemuka Aplikasi Geospasial Tanah Wakaf adalah bagi membolehkan maklumat-maklumat penting tanah wakaf dapat dipaparkan dalam bentuk visual seperti carta dan graf.

02 INTEGRASI DATA

Bagi memudahkan kemasukan data geospasial tanah wakaf oleh MAIN kepada J-GIS, integrasi juga telah dirancang untuk dilaksanakan. MAIN yang mempunyai sistem sedia ada, boleh menggunakan kemudahan ini bagi memudahkan proses kemasukan data.

03 PEMBANGUNAN SITES DAN STORY MAP

Penambahbaikan J-GIS juga melibatkan pembangunan dua (2) ciri tambahan iaitu *Sites* dan *Story Map*. Ianya dibangunkan bagi tujuan persembahan data geospasial yang teratur dan kemas beserta naratif dalam bentuk grafik yang lebih menarik bagi projek-projek pembangunan wakaf JAWHAR.

04 NAIK TARAF

Pusat Geospasial Negara (PGN), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam telah melakukan kerja-kerja naik taraf aplikasi ArcGIS ke versi terkini pada awal tahun 2025, bagi memastikan sistem geospasial menggunakan teknologi terkini dalam memudahkan cerapan maklumat geospasial di samping mewujudkan persekitaran aplikasi yang serasi (*compatible*).

J-GIS berperanan meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian kerajaan dengan mengelakkan pertindihan usaha dalam pengumpulan dan penghasilan maklumat geospasial. Melalui *dashboard* tanah wakaf, MAIN berupaya membuat keputusan dengan lebih cepat dan tepat berdasarkan paparan maklumat yang jelas, di samping melakukan analisis melalui visualisasi dalam bentuk carta dan graf. Secara tidak langsung, langkah ini dapat meningkatkan kecekapan pengurusan serta memaksimumkan potensi penggunaan tanah wakaf di Malaysia.

3. Hotel Wakaf Taiping

Selain membangunkan J-GIS melalui kerjasama dengan Pusat Geospatial Negara (PGN), JAWHAR terus memacu kecemerlangan dalam transformasi menjana pendapatan melalui pembangunan wakaf ekonomi. Projek Pembangunan Fasa 2 Hotel Wakaf Taiping dengan usahasama Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) dilaksanakan di atas tanah wakaf berkeluasan 1,049.6517 meter persegi milik MAIPk selaku pemegang amanah tunggal wakaf di Negeri Perak dengan kos sebanyak RM25 juta.

Pembangunan fasa tambahan ini adalah pelengkap kepada Hotel Seri Warisan sedia ada yang juga merupakan projek pembangunan di atas tanah wakaf oleh JAWHAR, telah berjaya disiapkan pada 29 Januari 2025. Operasi hotel ini menawarkan sejumlah 99 buah bilik tetamu, bilik mesyuarat, bilik seminar, kolam renang serta lain-lain kelengkapan di dua blok bangunan hotel yang meliputi empat tingkat di blok lama dan enam tingkat di blok baharu. Kemudahan yang lengkap dan selesa ini juga diunjurkan menjadi antara penginapan patuh syariah yang moden dan kondusif di Negeri Perak. Pembangunan Hotel Wakaf Taiping ini telah menjana pendapatan kepada MAIPk dalam bentuk hasil operasi dan seterusnya dimanfaatkan untuk masyarakat setempat melalui kegiatan ekonomi di sekitarnya. Selain itu, sebahagian pendapatan hotel juga disalurkan untuk tujuan aktiviti Masjid Melayu Taiping yang terletak di seberang hotel secara langsung membantu mengimarah pengurusan masjid tersebut.



Hotel Wakaf Taiping Fasa 2.

4. Tabung Dana Wakaf IKIM

Agenda transformasi wakaf turut subur dalam kalangan agensi agama yang tidak mengkhusus dalam pengurusan wakaf. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) misalnya, ditubuhkan dengan matlamat untuk meningkatkan kefahaman Islam yang tepat melalui pelbagai saluran seperti penyelidikan, seminar, bengkel, forum, perundingan, latihan dan penerbitan telah mengorak langkah melancarkan Tabung Dana Wakaf IKIM pada 16 Julai 2024. Projek wakaf IKIM ini mendapat kerjasama daripada MAIWP dengan IKIM dilantik sebagai *mutawalli* atau pentadbir aset wakaf.



Majlis Pra-pelancaran Tabung Dana Wakaf IKIM pada 16 Julai 2024.

Objektif penubuhan Tabung Dana Wakaf IKIM ini bertujuan untuk memperkasakan fungsi Pusat Media IKIM serta langkah pengantarabangsaan program penyelidikan ilmiah dan akademiknya. Perkembangan fungsi IKIM ini memerlukan suntikan dana yang besar bagi menjayakan setiap usaha meningkatkan kefahaman Islam kepada masyarakat. Atas kapasiti tersebut, IKIM telah memperkenalkan dua produk wakaf iaitu Wakaf Media dan Wakaf Ilmu sebagai pilihan untuk orang awam menyumbang bagi pembangunan Pusat Media IKIM, projek-projek penyelidikan, program-program akademik, pembangunan fasiliti dan pembelian bahan-bahan ilmiah. Kewujudan Tabung Dana Wakaf IKIM ini adalah satu langkah transformasi IKIM dalam memperluas kaedah terimaan dana untuk memenuhi fungsi dan matlamat penubuhannya sebagai sebuah pusat atau tangki pemikir (*think tank*) kerajaan dalam bidang pembangunan ummah yang semakin berkembang.

5. Yayasan Waqaf Malaysia Lestari Produk Wakaf Ummah

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) merupakan agensi khusus di peringkat Persekutuan yang diamanahkan untuk melaksanakan projek dan program pembangunan wakaf berimpak tinggi demi kesejahteraan ekonomi dan sosial ummah. Kemampunan dana wakaf amat penting dalam memastikan kelestarian pengagihan manfaat kebajikan kepada masyarakat yang memerlukan.

Sepanjang tiga tahun pelaksanaan transformasi pembangunan wakaf, YWM telah berjaya mengurus kutipan wakaf berjumlah RM30.38 juta (2023–Jun 2025). Ia juga memperkenalkan pelbagai produk wakaf yang merekodkan jumlah keseluruhan terimaan RM42.14 juta. Dari segi pertumbuhan kutipan wakaf, YWM mencatatkan kutipan luar biasa pada tahun 2023 iaitu berjumlah RM15.36 juta yang didorong oleh sokongan Kerajaan Persekutuan melalui geran khas bagi melaksanakan tiga inisiatif projek wakaf iaitu Wakaf Bencana, Wakaf Halal PKS dan Wakaf Pertanian Bersepadu (WATANI).

Pada tahun 2024 pula, jumlah kutipan wakaf oleh YWM direkodkan sebanyak RM9.98 juta. Angka ini mencerminkan fasa pemantapan selepas suntikan geran khas tahun sebelumnya. Walaupun lebih rendah secara relatif, ia menggambarkan kestabilan dan usaha YWM memperkukuh asas pengurusan wakaf, memperluas jaringan rakan strategik serta memastikan agihan lebih tersasar kepada sektor kesihatan, pendidikan, alam sekitar dan pembangunan ekonomi.



Sehingga Jun 2025, jumlah kutipan wakaf telah mencecah RM5.04 juta. Prestasi separuh tahun ini memberi isyarat positif bahawa kutipannya berpotensi menyamai malah melebihi pencapaian pada 2024. Ia turut didorong oleh pewujudan produk wakaf baharu dan kerjasama antarabangsa. Lonjakan dan kelestarian kutipan ini menjadi titik tolak kepada pelaksanaan projek wakaf berimpak tinggi yang memberi manfaat langsung kepada rakyat antaranya seperti berikut:

a. Bantuan Kesihatan Pesakit Kronik

Sejak 2023, YWM komited memperkukuh kesejahteraan masyarakat melalui sumbangan peralatan perubatan, bantuan rawatan dan sokongan pesakit hospital. Inisiatif ini diteruskan dengan memberi fokus kepada pesakit kronik serta kebajikan hospital, selaras dengan Maqasid Syariah yang menekankan penjagaan nyawa.



Sumbangan bagi membaikpulih Rumah Persatuan Kanser Network (KanWork) kepada Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor selaku Penaung Rumah KanWork (2023).



Sumbangan kerusi roda khas kepada adik Siti Nur Ain Maisarah yang mengalami penyakit tulang rapuh (2024).

b. Inisiatif myWaqafPTPTN

YWM memperluas akses pendidikan kepada anak yatim, miskin dan pelajar berkeperluan melalui instrumen wakaf. Memasuki tahun 2025, inisiatif ini akan terus memberi penumpuan terhadap pembangunan modal insan dengan menukarkan pinjaman kepada biasiswa.



Penyerahan biasiswa Al-Falah MADANI di bawah myWaqafPTPTN kepada mahasiswa terpilih (2024).

c. Wakaf Masjid Hijau, Wakaf Air dan Wakaf Hutan

Seiring agenda kelestarian, YWM melaksanakan inisiatif teknologi hijau, pemuliharaan sumber semula jadi, penghijauan komuniti dan pemeliharaan hutan melalui projek Wakaf Masjid Hijau, Wakaf Air dan Wakaf Hutan. Langkah ini membuktikan wakaf turut berperanan dalam menjaga alam sekitar untuk generasi masa hadapan.



Pemasangan sistem solar PV di atas bumbung Masjid Nurul Iman, Nibong, Pulau Pinang (2023).

d. Wakaf Halal PKS

Bagi mengukuhkan daya tahan ekonomi ummah, YWM menyalurkan bantuan usahawan mikro, modal pusingan dan program PKS halal. Melalui Wakaf Halal PKS dan program *iTEKAD CIMB Islamic Rider Entrepreneur 2.0*, YWM membantu pengembangan perniagaan serta komuniti produktif dan menekankan pembangunan usahawan, pertanian moden dan kerjasama strategik dengan institusi kewangan Islam.



Penyerahan motosikal kepada 22 peserta Program iTEKAD 2.0 CIMB Islamic Rider Entrepreneur Special Edition melalui konsep Wakaf Muaqqat (2024).

Program transformasi pengurusan, inovasi dan pelestarian produk dan manfaat wakaf nyata telah membina keyakinan baharu terhadap keupayaan dan keunggulan wakaf sebagai instrumen kesejahteraan ekonomi dan pembangunan ummah. Agensi Hal Ehwal Agama telah memainkan peranan amat bermakna terhadap agenda pemeraksanaan wakaf dalam kalangan umat Islam di Malaysia khususnya. Usaha transformasi berterusan perlu terus digerakkan demi menjadikan wakaf antara salah satu tonggak yang akan memacu kemajuan ekonomi Malaysia MADANI seterusnya mengukuhkan kegemilangan peradaban ummah pada masa hadapan.

INFAK MEMANGKIN PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI UMMAH

Selanjutnya, dimensi infak juga diberi penekanan dalam agenda transformasi hal ehwal agama menuju Malaysia MADANI. Sebagai pelengkap terhadap kesejahteraan ekonomi ummah menerusi instrumen zakat dan wakaf, peranan infak dalam bentuk sumbangan dan sedekah penting diperkasakan. Berinfak merupakan amalan mulia dalam Islam yang mendekatkan diri kepada Allah SWT, juga pemangkin pembangunan sosioekonomi ummah.

1. Transformasi Kaedah Kutipan Infak

Bagi mencapai kelestarian dana untuk tujuan memperkukuh jaringan sosial masyarakat, transformasi kaedah kutipan infak perlu dilaksanakan seiring dengan perkembangan teknologi semasa. Dalam hal ini, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) sebagai agensi peneraju dalam bidang ini telah memperkenalkan pelbagai kaedah dan produk ke arah pemerkasaan dana infak ummah ini.

Bermula Mei 2024, YAPEIM telah memperkenalkan Direct Debit YAPEIM sebagai saluran kutipan sumbangan bulanan yang baharu, melengkapi Skim Infak Gaji (SIG) sedia ada. Inisiatif ini diperkenalkan bagi mengatasi beberapa kekangan kaedah terdahulu, antaranya capaian yang terhad hanya kepada organisasi kerajaan, kutipan yang tidak konsisten akibat persaraan atau pemberhentian potongan gaji, serta kos operasi manual yang tinggi. Melalui kerjasama dengan InfaqPay selaku penyedia platform pembayaran atas talian patuh Syariah, YAPEIM menawarkan kaedah sumbangan berkala automatik yang lebih mudah dipantau, fleksibel dan selari dengan gaya hidup digital masyarakat masa kini.

Sejak dilancarkan secara rasmi pada 3 Mei 2024 dan diperluaskan ke seluruh 12 Pejabat Pengurusan YAPEIM Negeri (PPYN), Direct Debit YAPEIM telah menunjukkan impak positif yang cukup memberangsangkan. Sehingga Ogos 2025, seramai 4,944 penyumbang telah mendaftar

dengan anggaran sumbangan bulanan serendah RM10 seorang, menjana kutipan berjumlah hampir RM359,000. Kaedah ini dilihat berjaya mewujudkan aliran dana yang lebih stabil, mengurangkan kos operasi melalui penyediaan laporan automatik serta memperkukuh imej YAPEIM sebagai sebuah institusi progresif yang responsif terhadap perkembangan teknologi semasa.




Pelancaran Direct Debit YAPEIM oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) YB Senator Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Haji Mokhtar.

YAPEIM juga telah melancarkan Portal Inspirasi Qaseh yang merupakan sebuah platform dalam talian untuk kutipan sumbangan dan infak secara mudah dan selamat. Inisiatif ini membolehkan masyarakat menyumbang kepada program kebajikan dan pembangunan ummah secara lebih efisien. Dengan sumber dana yang lebih kukuh, YAPEIM berupaya memperluas bantuan meliputi bidang pendidikan, kediaman, keusahawanan dan bencana, sekali gus memastikan lebih ramai penerima manfaat mendapat sokongan secara berterusan.

RM48.78j
3 tahun
Transformasi Al-Falah

2.6j
penerima



Dalam tempoh tiga tahun pelaksanaan Transformasi Al-Falah, YAPEIM telah berjaya mengagihkan RM48.78 juta kepada 2.6 juta penerima manfaat menerusi program-program yang komited terhadap pembangunan sosioekonomi, pendidikan dan sosial ummah. Agihan yang dilaksanakan ini adalah hasil daripada sumbangan masyarakat menerusi kutipan sumbangan/sedekah/infak melalui platform yang disediakan oleh YAPEIM.

2. Infak Lestari Pembangunan Ekonomi
Isi Rumah Dan Komuniti


Kesejahteraan isi rumah adalah asas kepada kekuatan ekonomi negara kerana mencerminkan tahap kestabilan pendapatan, kemampuan berbelanja, serta kualiti hidup masyarakat. Usaha memperkuat ekonomi isi rumah dan komuniti melalui akses pendidikan, peluang pekerjaan, kemudahan kesihatan dan perumahan mampu milik dapat meningkatkan daya tahan keluarga dan komuniti mendepani cabaran semasa. Pembangunan komuniti yang berteraskan nilai kebersamaan dan keusahawanan sosial berpotensi memperluas jaringan ekonomi setempat serta melahirkan

ekosistem yang saling menyokong antara satu sama lain. Sekali gus, mengurangkan kebergantungan kepada bantuan kerajaan dan memperkuat daya tahan ekonomi negara.

Bagi merealisasikan agenda transformasi ini, beberapa langkah dan inisiatif telah digerakkan oleh Agensi Hal Ehwat Agama, antaranya:

a. Kemudahan Pembiayaan Kredit

Dalam konteks membangunkan aspirasi keusahawanan sosial, pembiayaan kredit memberi peluang kepada individu atau usahawan kecil untuk mendapatkan modal dengan cepat dan mudah. Inisiatif ini dapat menyantuni golongan *non-bankable* (tidak berkelayakan mendapatkan khidmat pinjaman bank) memulakan atau mengembangkan perniagaan kecil, sekali gus meningkatkan pendapatan keluarga dan masyarakat serta mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan. Demi melestarikan transformasi ini, YAPEIM meningkatkan perkhidmatan pembiayaan kredit Ar-Rahnu yang diperkenalkan sejak tahun 1993 melalui



kerjasama dengan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad. Ia menawarkan kemudahan pembiayaan mudah dan patuh syariah kepada golongan berpendapatan rendah yang menyokong aktiviti keusahawanan kecil-kecilan. Pada tahun 2000, pembiayaan kredit Ar Rahn YAPEIM telah dilaksanakan melalui Koperasi YAPEIM Berhad yang menawarkan kemudahan pembiayaan kredit bagi kegiatan produktif seperti modal perniagaan, pendidikan dan sebagainya.

Jumlah pembiayaan kredit Ar Rahn YAPEIM sehingga Julai 2025 telah mencecah RM18 bilion dengan sejuta penggada. Daripada angka ini, produk Ar Rahn Bisnes telah mencatatkan sebanyak RM588.3 juta kemudahan pembiayaan dikeluarkan dan dimanfaatkan oleh 14,015 orang usahawan. Lebih membanggakan, produk Ar Rahn Biznita yang mengkhusus kepada golongan wanita yang terbabit dalam bidang keusahawanan mencatatkan jumlah pembiayaan sebanyak RM348.1 juta.

b. Program Keusahawanan Komuniti dan Kerjaya MAIWP

Pemeriksaan ekonomi isi rumah dan komuniti turut menjadi agenda Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Bahagian Pembangunan Asnaf MAIWP diwujudkan dengan tujuan melahirkan golongan asnaf yang beriman dan beramal soleh, berakhlak mulia, berilmu, berdaya saing, produktif serta sejahtera. Sebanyak empat program utama dirangka iaitu Pembangunan Usahawan; Latihan dan Kerjaya; Pengurusan Agro; dan, Pembangunan Kerohanian untuk memperkasa ekonomi isi rumah golongan kurang berkemampuan ini.

Menerusi inisiatif yang dijalankan sepanjang tempoh 2023–2025, seramai 4,423 orang peserta telah terlibat dalam Program Bimbingan Keusahawanan dengan 148 usahawan berjaya menjadi pembayar zakat. Seterusnya, Program Latihan dan Kerjaya dengan penyertaan 843 orang peserta telah berjaya menempatkan 429 orang peserta dalam pekerjaan dengan pendapatan lebih RM1,500 sebulan. Program Agropreneur pula melibatkan 1,639 orang peserta dan memberi impak peningkatan pendapatan asnaf. Selain itu, 30 Program Kerohanian

4 Program Utama



Pembangunan Usahawan



Latihan & Kerjaya



Pengurusan Agro



Pembangunan Kerohanian

dan Pendidikan disertai 13,594 orang peserta memberi tumpuan kepada ketua keluarga, pasangan, murid sekolah rendah, pelajar sekolah menengah dan mahasiswa.

Hasil keseluruhan pelaksanaan program ini telah meningkatkan tahap sosio ekonomi, memperkukuh sahsiah, serta melahirkan asnaf yang berdaya maju dan mampu menyumbang kembali kepada masyarakat.



Program Bimbingan Keusahawanan.



Program Latihan & Kerjaya.



Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Mokhtar melawat Tapak Urban Farming MAIWP: Fertigasi Cili bersama YBhg. Datuk Mohd Nizam bin Haji Yahya, Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP di Batu Muda, Kuala Lumpur.



Program Agroprenuer.

Selain itu, MAIWP turut melaksanakan inisiatif membuka peluang kerjaya kepada asnaf dalam meningkatkan status sosio ekonomi dan keupayaan sara hidup melalui projek Agroprenuer Fertigasi Cili di atas tanah MAIWP seluas

5 ekar. Projek ini merupakan satu kerjasama strategik antara MAIWP dengan Syarikat GrasiCili untuk membangunkan usahawan asnaf MAIWP.

Menerusi usahasama ini, Syarikat GrasiCili telah melatih 10 orang peserta dalam kalangan penerima bantuan kewangan bulanan MAIWP. Peserta diberikan ilmu secara teori dan amali di tapak selama tempoh 2 tahun serta diberikan elaun bulanan bagi setiap peserta sebagai sara hidup.

Dengan bertemakan “*empowering and enterprising*,” MAIWP berusaha mengagihkan wang kutipan zakat pembayar di Wilayah Persekutuan kepada asnaf. Sekali gus, meningkatkan tahap keterjaminan makanan negara selaras dengan hasrat kerajaan untuk menoktahkan kemiskinan tegar di Wilayah Persekutuan.

c. Projek Pembangunan Komuniti YAPEIM (PPKY)


YAPEIM turut giat memperkasakan komuniti setempat dengan membangunkan Projek Pembangunan Komuniti YAPEIM (PPKY). Program yang merangkumi aspek pembangunan ekonomi, pendidikan dan kebajikan ini dirancang secara setempat agar dapat memberi impak dan menjana kelestarian kepada komuniti di kawasan tersebut. Antara objektif program ini adalah membuka peluang pekerjaan dalam komuniti, meningkatkan pendapatan individu, memperkasa kemahiran serta pengetahuan ahli masyarakat melalui program pendidikan dan latihan.

Impak pelaksanaan PPKY akan diukur dan dinilai agar setiap program tersebut kekal relevan dan memberi manfaat kepada golongan sasaran yang terdiri daripada golongan rentan seperti wanita, OKU, warga emas,

kanak-kanak, belia, asnaf dan B40, individu yang ditimpa musibah, individu hilang mata pencarian sama ada usahawan atau pelajar.

Perancangan PPKY yang berstruktur ini dijangka mampu memberi impak positif dengan 20% daripada ahli komuniti dianggarkan akan mendapat manfaat. Beberapa indikator telah dikenal pasti bagi mengukur pencapaian projek ini dari segi impak secara langsung dan tidak langsung kepada pihak yang berkepentingan iaitu latihan dan kemahiran, pembangunan usahawan, peningkatan pendapatan, logistik dan pengangkutan, dan lain-lain indikator yang terkait dengan *spillover effect*.

Sehingga bulan Ogos 2025, PPKY telah menyantuni 54,221 penerima manfaat dengan perbelanjaan sebanyak RM3.65 juta. Pelaksanaan projek ini telah dilaksanakan di 13 lokasi seperti berikut:



d. **Tabung Rahmah MADANI (TRM) JAWI**

Kebanyakan Agensi Hal Ehwal Agama telah memanfaatkan instrumen infak dalam merealisasikan beberapa matlamat berkaitan program kesejahteraan sosial ummah. Cabaran peningkatan kos sara hidup hari ini merupakan antara permasalahan ummah semasa. Fenomena 'miskin bandar' adalah realiti yang mesti ditangani bersama terutama oleh Agensi Hal Ehwal Agama. Kebanyakannya terdiri daripada mereka yang berpendapatan isi rumah bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK 2022) RM2,589 dan termasuk juga yang berada dalam kategori miskin relatif iaitu pendapatan isi rumah bawah separuh pendapatan penengah nasional, RM3,169.



YB Menteri Melancarkan Tabung Rahmah MADANI (TRM).

Antara inisiatif pemeraksanaan infak sebagai wahana kesejahteraan ekonomi ummah ialah penubuhan Tabung Rahmah MADANI (TRM) di Masjid-masjid Wilayah Persekutuan anjuran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dengan kerjasama MAIWP. Ia dilancarkan pada 1 November 2023 bertujuan untuk menyalurkan sumbangan segera kepada golongan asnaf yang memerlukan bantuan kecemasan. Sehingga kini, keseluruhan dana disumbangkan oleh MAIWP berjumlah RM3.94 juta bagi menjayakan inisiatif tersebut melalui agihan peruntukan yang disalurkan kepada 40 buah masjid meliputi 6 zon di sekitar Wilayah Persekutuan.

Program JAWI Food Bank dengan Kedutaan China turut diperkenalkan yang menyaksikan sumbangan berjumlah RM 100,000 kepada Tabung Musaadah JAWI. Sehingga 2024, keseluruhan sumbangan mencatatkan jumlah sebanyak RM700,000. Usaha ini bermatlamat

meringankan beban kos sara hidup golongan rentan seperti asnaf, gelandangan, orang kurang upaya (OKU), warga emas, wanita dan kanak-kanak termasuk bukan Islam. Selain itu, agihan sumbangan turut diperluas kepada bantuan kemanusiaan, bencana dan musibah seperti kebakaran dan banjir di dalam dan luar negara. Sebagai timbal balas, kerjasama strategik ini meneroka peluang menarik lebih ramai pelancong China ke Malaysia mengunjungi masjid-masjid khususnya sekitar Wilayah Persekutuan sebagai usaha menggalakkan budaya persefahaman dan keharmonian.

Sesungguhnya infak sebagai wahana kesejahteraan ekonomi dan sosial ummah memainkan peranan penting dan bermakna dalam memacu kecemerlangan masyarakat yang memerlukan. Dana infak ummah yang kukuh dapat dimanfaatkan pada pemeraksanaan tajaan dan keperluan pendidikan komuniti, pemberdayaan modal perniagaan, pembangunan latihan dan modal insan, ketrampilan keusahawanan serta jaringan baru. Kelestarian manfaat dana infak ummah ini secara langsung meninggikan martabat hidup ummah menerusi pembasmian kemiskinan, pengurangan kos sara hidup serta memperluaskan keutuhan jaringan keselamatan sosial.

Transformasi Al-Falah yang digerakkan oleh agensi-agensi Hal Ehwal Agama dalam pemeraksanaan dana infak ummah berjaya mendorong penglibatan sektor awam dan swasta untuk turut serta dalam melestarikan wahana kewangan sosial Islam demi memacu kesejahteraan ekonomi dan pembangunan ummah secara menyeluruh.



KESIMPULAN

Sesungguhnya pemeraksanaan sumber dana ummah menerusi pembangunan halal, zakat, wakaf, dan infak menuntut proses pembelajaran berterusan mesti terus digalakkan. Gandingan kerjasama strategik yang luas antara pelbagai sektor serta keberanian dalam membangun produk dan inisiatif baharu yang inovatif dan kreatif akan memacu kecemerlangannya dalam membangun kegemilangan peradaban ummah.

Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) menerusi Pelan Transformasi Al-Falah mendapati sumber dana ummah mesti terus diperkasakan sehingga menjadi tonggak-tonggak utama yang akan melonjakkan keunggulannya seterusnya memastikan manfaatnya dapat dikongsi secara adil dan saksama dalam kalangan ummah sejajar aspirasi Malaysia MADANI.

Sesungguhnya ikhtiar dan usaha ini juga menuntut gabungan komitmen yang luhur serta perjuangan yang istiqamah demi memaksimumkan sumber dan wasilah ekonomi ummah secara teratur dan profesional. Kesepaduan tonggak akan pasti melonjakkan kemampuannya dalam menjayakan cita-cita mencapai kesejahteraan ummah yang menyeluruh, kehormatan institusi Islam seterusnya memacu kedudukan negara di mata masyarakat dunia.



BAB 6

KESEJAHTERAAN SOSIAL UMMAH



KESEJAHTERAAN SOSIAL UMMAH

Kesejahteraan sosial merupakan asas utama dalam membina masyarakat yang seimbang, inklusif dan berdaya tahan. Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) menerusi Pelan Transformasi Al-Falah menggariskan kemampunan ekonomi dan kebajikan sosial Islam sebagai salah satu fokus strategik dan utama demi mencapai kesejahteraan ummah selanjutnya merealisasikan agenda menuju Malaysia MADANI.

Sepanjang 2023–2025, agensi-agensi Hal Ehwal Agama telah menggerakkan pelbagai inisiatif serta program kebajikan masyarakat ke arah menjayakan kesejahteraan ummah di Malaysia. Semua ini dilaksanakan menerusi kerjasama banyak pihak daripada kalangan sektor awam, korporat, institusi masjid dan komuniti termasuk pertubuhan bukan kerajaan.

Program-program kebajikan ummah yang diperkenalkan pula meliputi penyediaan bantuan asas kepada golongan rentan, memperkukuh pendidikan anak-anak asnaf, melindungi keluarga daripada musibah hingga memperkasa institusi kekeluargaan, belia serta komuniti pedalaman. Usaha dan ikhtiar tersebut merupakan sebahagian langkah transformasi kesejahteraan sosial demi membina keupayaan ummah untuk memperoleh

asas-asas kehidupan terbaik dan menikmati anugerah Ilahi yang dikurniakan di muka bumi yang kaya ini secara saksama serta keinsafahan kepada keesaan Allah SWT.

SANTUNI AL-FALAH MADANI

Agensi Hal Ehwal Agama telah menjadikan agenda kebajikan sosial ummah suatu keutamaan dalam perancangan gerak kerja pada peringkat agensi masing-masing. Ruang kebajikan yang luas telah dimanfaatkan sepenuhnya bagi memperkasa kesejahteraan, menanam sikap peduli serta melestarikan nilai ihsan dalam pembangunan negara sebagaimana dianjurkan menerusi falsafah Malaysia MADANI.

Program Santuni Al-Falah MADANI telah diperkenalkan oleh Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) sebagai payung transformasi kebajikan sosial ummah merentasi sempadan kelompok dan golongan yang layak dan memerlukan. Program ini menekankan pendekatan lebih berstruktur dan berteraskan pemberdayaan insan. Di samping kebajikan material, program ini juga mengutamakan penyantunan komuniti melalui pendidikan, keagamaan, kebajikan dan pembangunan

infrastruktur sosial. Program-program Santuni Al-Falah dilaksanakan di pelbagai lokasi di seluruh Malaysia, termasuk kawasan-kawasan pedalaman, pulau-pulau dan bandar-bandar besar.

1. Program Ziarah Asnaf dan Kampung Angkat MADANI

Program Ziarah Asnaf telah diperkenalkan oleh YB Menteri di JPM-HEA Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Mokhtar. Selaku seorang pemimpin yang amat prihatin terhadap kebajikan dan masa depan golongan asnaf, beliau telah menjadikan program ini sebagai rutin berkala. Perancangan lokasi ziarah disusun dan ditentukan oleh agensi-agensi Hal Ehwal Agama, terutamanya Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan YAPEIM, yang merupakan agensi-agensi peneraju pembangunan kebajikan dan kesejahteraan sosial ummah di peringkat JPM-HEA. Di setiap lokasi yang dikenal pasti, YB Menteri menyantuni para asnaf dengan bertanya hal ehwal keperluan harian dan keluarga, masalah-masalah yang dihadapi serta perancangan masa depan masing-masing.

Bantuan segera pelbagai bentuk seperti tunai, makanan dan peralatan disediakan untuk keperluan asnaf. Setelah itu, agensi-agensi berkaitan akan ditugaskan untuk membuat tindakan susulan dari input-input yang diperoleh hasil program ziarah tersebut. Program ini amat berkesan kerana YB Menteri dan agensi-agensi Hal Ehwal Agama dapat memperoleh input langsung daripada pihak berkenaan serta penyelesaian dapat disempurnakan secara segera dan tepat.

Antara program bantuan Agensi Hal Ehwal Agama yang amat berkesan ialah program Ziarah Mangsa Kebakaran Paip Gas Putra Heights. Bagi membantu mengurangkan kesedihan akibat musibah yang terjadi, menerusi Yayasan Taqwa MAIWP, YB Menteri di JPM-HEA telah menyantuni mereka yang terlibat dengan jumlah sumbangan sebanyak RM200,000 kepada mangsa.



Penyerahan sumbangan YB Menteri JPM-HEA kepada komuniti Program Ziarah Asnaf.

Selain itu, program Kampung Angkat MADANI YB Menteri Agama di Kampung Bharu, Kuala Lumpur memberikan kesan positif dalam memupuk nilai ihsan dalam kalangan masyarakat. Menerusi kerjasama MAIWP, TV AlHijrah, JAWHAR dan YWM, pelbagai aktiviti dianjurkan bagi mendekati masyarakat.

Antara aktiviti yang dijalankan termasuk Kayuhan Prihatin Wakaf, pengagihan bakul makanan, kit persekolahan serta kit musibah. Program ini menekankan aspek kebajikan pendidikan dan keperluan asas, di samping memperkukuh hubungan pemimpin dengan masyarakat. Anak-anak daripada keluarga asnaf juga mendapat sokongan pendidikan dan bantuan kebajikan.



YB Menteri JPM-HEA bersama komuniti dalam Program Kayuhan Prihatin Wakaf.

2. Tabung Musa'adah JAKIM-YWM

Bagi tujuan melancarkan program pemerkasaan Kebajikan dan kesejahteraan sosial ummah, JAKIM dan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) telah menubuhkan Tabung Musa'adah JAKIM-YWM bermula tahun 2020. Antara tujuan awal penubuhannya adalah menangani krisis pandemik COVID-19 di mana ribuan keluarga kehilangan sumber pendapatan dan akses kepada keperluan asas.

Inisiatif yang digerakkan melalui Tabung Musa'adah JAKIM-YWM diteruskan sehingga kini sebagai salah satu sumber pendanaan kebajikan ummah. Melalui penyelarasan bantuan yang cekap dan telus, tabung ini menyalurkan pelbagai bentuk sumbangan, termasuk bantuan tunai kecemasan, bakul makanan dan keperluan

asas, peralatan kesihatan dan kebersihan, sokongan psikososial dan moral, serta bantuan persekolahan kepada anak-anak daripada keluarga yang memerlukan.




Lebih daripada sekadar sumbangan, Tabung Musa'adah JAKIM-YWM menjadi simbol harapan bagi mereka yang diuji, serta menyemai nilai ihsan berlandaskan semangat solidariti ummah. Seiring dengan keberkesannya, Tabung Musa'adah JAKIM-YWM kini tidak lagi terhad kepada misi kecemasan semata-mata. Ia telah berkembang sebagai sebuah platform kebajikan dan kemanusiaan yang melaksanakan pelbagai inisiatif berimpak tinggi sepanjang tahun, termasuk bantuan bencana alam serta program kebajikan untuk mereka yang terkesan.

Tahun 2023 menyaksikan satu lembaran baharu dalam sejarah Tabung Musa'adah JAKIM-YWM apabila ia diperkasa menjadi platform bantuan antarabangsa. Dengan pelancaran rasmi Tabung Musa'adah Misi Bantuan Kemanusiaan Palestin oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, JAKIM dan YWM Bersama rakan-rakan strategik membantu rakyat Palestin dan bantuan disalurkan secara terus ke medan krisis. Inisiatif ini membawa mesej jelas bahawa keprihatinan umat Islam Malaysia melangkaui sempadan geografi. Malaysia, melalui Agensi JPM-HEA, tidak hanya menjadi penyumbang, tetapi pemimpin suara umat Islam dalam isu kemanusiaan global. Tabung Musa'adah JAKIM-YWM kini bukan hanya milik rakyat Malaysia, tetapi simbol kebersamaan ummah sejagat.

3. YAPEIM Didik dan Prihatin

Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) melaksanakan program “YAPEIM Didik” untuk pelajar dan “YAPEIM Prihatin” untuk keluarga memerlukan. Bantuan ini adalah untuk memupuk semangat daya saing dalam kalangan pelajar, memberikan kebajikan asas kepada keluarga yang terkesan serta sokongan komuniti berpusatkan masjid. Pada Februari 2025, majlis Santuni MADANI YAPEIM telah diadakan di Dewan Serbaguna Majlis Daerah Labis, Johor. Melalui program YAPEIM Didik, RM20,000 bantuan kewangan telah disumbangkan kepada 200 orang pelajar sekolah. Dalam program tersebut juga, para pemandu pengangkutan awam diberikan bantuan kebajikan. Para pemandu memainkan peranan penting dalam sektor pengangkutan awam negara yang mesti sentiasa disantuni dan diperkasakan kebajikan serta kesejahteraan hidup mereka.

Program YAPEIM Prihatin pula menyalurkan bantuan kebajikan kepada penduduk di Labis dalam bentuk bantuan kit makanan dan wang tunai. Menerusi program Sinar Lestari YAPEIM, aktiviti kebajikan menumpukan kepada peningkatan taraf sosioekonomi golongan asnaf, eKasih, B40 dan golongan kurang bernasib baik menerusi peningkatan kualiti hidup secara fizikal dan spiritual melalui penyediaan kediaman yang lebih kondusif serta penekanan kerohanian dan kesedaran sivik, sokongan pendidikan anak dan penjaan pendapatan melalui perniagaan kepada isi rumah agar pembangunan seimbang dapat dikecapi. Sehingga September 2025, 254 buah rumah telah siap dibina dan 40 buah masih dalam proses pembinaan melibatkan keseluruhan nilai projek berjumlah RM13.59 juta.



4. Program Ehsan dan Iqra' TH

Sebagai antara penyumbang zakat terbesar negara, Lembaga Tabung Haji (TH) telah melaksanakan pelbagai program berimpak tinggi seperti Program Ehsan, Iqra', Mobiliti dan Ikhtiar. Program Ehsan menyediakan bantuan kewangan kepada asnaf sepanjang bulan Ramadan, manakala Program Iqra' menyokong pelajar asnaf melalui bantuan yuran dan elaun pendidikan. Program Mobiliti pula membekalkan kenderaan pelbagai guna kepada institusi agama dan komuniti, sementara Program Ikhtiar memberi modal serta bimbingan kepada usahawan asnaf. Kesemua inisiatif ini menghasilkan impak yang ketara dalam meningkatkan taraf hidup asnaf, khususnya dari segi akses kepada pendidikan, kesihatan, peluang ekonomi dan kesejahteraan sosial.



Sumbangan kepada para asnaf dalam Program Ehsan TH.

Selain itu, TH turut giat melaksanakan program kemasyarakatan bagi membantu golongan yang memerlukan seperti bantuan segera kepada mangsa bencana alam seperti banjir, kebakaran dan tanah runtuh, penganjuran program kesihatan masyarakat yang menawarkan pemeriksaan percuma, kempen derma darah serta rawatan asas di kawasan-kawasan luar bandar. Terdapat juga Program MADANI Rakyat yang dilaksanakan melalui kaunter bergerak "TH Gerak" yang menyediakan perkhidmatan pendaftaran akaun, skim khairat, kemas kini data dan khidmat rundingan simpanan.

Keberkesanan program kesejahteraan yang digerakkan oleh TH dapat dilihat melalui manfaat langsung kepada pelbagai lapisan masyarakat. Pendeposit dan waris mendapat perlindungan sosial menerusi skim TH Khairat manakala asnaf serta golongan miskin menerima bantuan zakat untuk meneruskan kehidupan dengan lebih baik. Pada masa yang sama, masyarakat mendapat pendedahan yang lebih luas berkenaan kepentingan literasi kewangan, kesihatan dan tanggungjawab sosial demi mencapai kesejahteraan ummah secara menyeluruh.



Sukarelawan TH menjalankan aktiviti kitar semula bersama komuniti setempat.

5. Bantuan AI-Falah MADANI Komuniti Nelayan dan Orang Asli

Agensi Hal Ehwal Agama mengerti bahawa pendapatan nelayan yang tidak menentu dan kos sara hidup yang tinggi memberikan cabaran kepada nelayan. Justeru itu, Bantuan AI-Falah MADANI menerusi dana CSR Prihatin YWM telah menyantuni para nelayan di Pantai Pelindung, Beserah dalam sebuah program di mana seramai 100 orang nelayan diberi bantuan tunai yang berjumlah RM20,000. Sumbangan ini bukan sahaja bertujuan meringankan beban sara hidup, tetapi juga mengiktiraf peranan nelayan sebagai penyumbang penting kepada ekonomi tempatan.



YB Menteri JPM-HEA menyerahkan sumbangan kepada komuniti nelayan.

Bantuan Al-Falah MADANI juga disampaikan menerusi ziarah ke kawasan-kawasan kampung bertujuan menyantuni para penduduk termasuk pelajar-pelajar di institusi pendidikan. Kembara ini memuatkan sesi ceramah yang menyentuh pelbagai perkara khususnya yang menyentuh tonggak dalam gagasan Malaysia MADANI.

Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM) mempergiat usaha memupuk sikap peduli terhadap komuniti orang asli menerusi Karnival Komuniti Orang Asli MADANI yang dikelola bersama pelbagai agensi seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di Kampung Orang Asli Bumiputera Dalam, Johor. Karnival ini memberi manfaat kepada masyarakat memerlukan menerusi sumbangan ibadah korban dan keperluan asas. Penglibatan komuniti Orang Asli memeriahkan lagi aktiviti di samping berjaya memupuk hubungan erat antara kerajaan dengan masyarakat.



Sukarelawan menziarahi komuniti dalam program Kembara MADANI di Sarawak.



Sukarelawan membantu komuniti dalam program Kembara MADANI di Johor.

Agensi Hal Ehwal Agama turut menggerakkan inisiatif kebajikan komuniti di Sabah. Ia bertujuan memperkukuh jaringan sosial dan pembangunan komuniti rentas kaum dan agama. YADIM Program Santunan Asnaf di Rumah Putera Harapan (RPH) dijalankan di Ranau dengan menghulurkan bantuan kepada anak-anak yatim dan asnaf serta menyediakan sokongan pendidikan dengan kerjasama Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS). Manakala di Surau Nur Iman, Kampung Pinawantai, aktiviti ziarah dan sumbangan kepada penduduk uzur telah dilaksanakan untuk memperkukuh kesedaran agama. Gotong-royong bubur lambuk di PPR Jalan Lintas Sibuga, Sandakan menyerlahkan perpaduan dengan penyertaan masyarakat bukan Islam.



YB Menteri JPM-HEA menyantuni dan menziarahi komuniti asnaf menerusi Program Singgah Sahur.



YB Timbalan Menteri JPM-HEA menyerahkan sumbangan kepada komuniti di Kampung Pinawantai, Ranau, Sabah.

Lawatan ke Home Tuaran (Rumah Anak Yatim & Maahad Tahfiz) memperkenalkan model pengurusan kebajikan yang berdaya maju dan sesuai dijadikan contoh nasional. Di Politeknik Kota Kinabalu, peninjauan pembinaan masjid baharu sebagai pusat keilmuan dan ibadah telah dijalankan. Program Majlis Penutup Dakwah Lapangan USIM-ABIM di RPH Ranau pula disertai pelancaran Kelas Muallaf, membuka peluang pendidikan agama kepada masyarakat pedalaman. Akhir sekali, ziarah ke Kampung Pulau Berhala dan Kampung Tanjung Aru, Sandakan menunjukkan komitmen mendekati komuniti maritim serta kepelbagaian budaya etnik Bajau dan Melayu Brunei.

Antara sumbangan bermakna ialah pembelian alat siar raya dan menaik taraf masjid oleh Yayasan Waqaf Malaysia (YWM). Inisiatif ini bukan sahaja memperbaiki infrastruktur keagamaan tetapi juga mendekatkan kerajaan dengan masyarakat luar bandar dan kepulauan.

6. Program “Mereka Tidak Dipinggir”

Golongan pelajar juga tidak terpinggir dalam agenda pemerkasaan kebajikan dan kesejahteraan ummah. Jabatan Pendakwaan Syariah Wilayah Persekutuan (JaPenSWP) melalui Kelab Kebajikan dan Rekreasi (KKDR) melaksanakan program khidmat masyarakat bagi menyantuni pelbagai golongan sasaran khususnya di Wilayah Persekutuan bersama para pelajar Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) di Chow Kit Kuala Lumpur. Semangat kebersamaan dan penerapan nilai-nilai murni diperkukuhkan menerusi slot-slot pengisian dan perkongsian. Anak-anak pelajar SBJK telah diberi pendedahan berkaitan fardu ain serta slot motivasi bagi menaikkan semangat untuk menuntut ilmu. Program ini juga merupakan titik mula hubungan erat KKDR JaPenSWP dengan pentadbir sekolah dalam membantu pelajar-pelajar yang terdiri daripada anak-anak tanpa dokumen pengenalan diri dan yang tercicir daripada arus perdana.



Pelajar-pelajar SBJK tekun mendengar penjelasan daripada fasilitator.

JaPenSWP juga menyantuni seramai 100 keluarga di Chow Kit melalui program Jalinan Kasih Komuniti Chow Kit yang diadakan pada 11 Julai 2025. Mereka dibantu dengan makanan asas seperti beras, gula, garam, susu, dan biskut. Selain itu, mereka turut disantuni dengan khidmat nasihat perundangan syariah.



YB Timbalan Menteri di JPM (HEA) menyampaikan sumbangan kepada penerima.

Inisiatif lawatan Ketua Hakim Syarie ke kawasan bencana banjir di Pasir Puteh telah menzahirkan kepimpinan berjiwa rakyat apabila pimpinan tertinggi JKSM turut turun padang menyantuni mangsa banjir. Kehadiran ini bukan sekadar memberikan sokongan moral, tetapi juga membolehkan penilaian keadaan mangsa agar bantuan susulan dapat dirancang secara strategik.



Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM meninjau kawasan bencana banjir dan menyantuni Mangsa di Pasir Puteh, Kelantan pada 30 November 2024.

Selain itu Ketua Hakim Syarie JKSM juga telah melancarkan program Santuni MADANI yang menjadi wadah untuk mengenal pasti dan menangani isu sosioekonomi masyarakat seperti kemiskinan, keciciran pendidikan, masalah kesihatan, pengangguran dan kekurangan infrastruktur. Pendekatan menyeluruh ini memperkukuh peranan JKSM sebagai institusi yang cakna dengan realiti hidup rakyat.



Majlis Pelancaran Program Santuni MADANI oleh Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM pada 19 Januari 2025.

Melalui program ini, JKSM menzahirkan keprihatinan sosialnya dengan mengagihkan sumbangan pada bulan Syawal berupa wang tunai, barangan asas dan kit makanan. Program ini memperlihatkan tanggungjawab sosial JKSM yang melangkaui fungsi kehakiman, sekali gus memperkukuh kesejahteraan komuniti yang disantuni.



Penyerahan Sumbangan Syawal kepada komuniti Santuni MADANI oleh Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM pada 23 Mac, 2025.

7. Hijrah Prihatin

TV AlHijrah turut menyantuni pelbagai lapisan masyarakat menerusi program “Hijrah Prihatin”, mendekati pelbagai golongan dalam kalangan masyarakat. Semenjak tahun 2018, seramai 18,607 orang telah menerima manfaat dalam pelbagai bentuk bantuan bagi meringankan beban dan cabaran hidup. Hijrah Prihatin memberikan tumpuan kepada golongan rentan, termasuk keluarga asnaf, B40, anak yatim, warga emas, orang kelainan upaya (OKU), ibu tunggal, muafak serta komuniti yang terkesan dengan cabaran ekonomi serta bencana.



Tuan Haji Namanzee Harris, Ketua Pegawai Eksekutif TV AlHijrah bersama Encik Saifulizan Sidek, Pengurus Besar Kumpulan Integrasi Media & Hal Ehwal Korporat sempena program Hijrah Prihatin, Kampung Angkat Santuni MADANI menyampaikan sumbangan.

8. Literasi MADANI dan Santuni Golongan Istimewa OKU

Di samping itu, program Literasi MADANI bersama Orang Kurang Upaya (OKU) Pendengaran yang diadakan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) menawarkan akses kepada komuniti OKU pendengaran untuk memahami ilmu dan maklumat berteraskan nilai MADANI. Ini bukan sahaja meningkatkan tahap celik ilmu dalam kalangan mereka, bahkan memupuk kesedaran inklusif dalam masyarakat agar lebih peka terhadap keperluan golongan istimewa ini.



Majlis Perasmian Program BSK JKSM Santuni Komuniti Cacat Penglihatan pada 27 September, 2025.



Majlis Perasmian Program Literasi MADANI Bersama Orang Kurang Upaya (Pendengaran) 2023 pada 28 Oktober 2023.

Bahagian Sokongan Keluarga (BSK), JKSM dengan kerjasama Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (MSWP), Masjid Wilayah Persekutuan dan Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) telah menganjurkan Program Sejahtera Keluarga MADANI BSK JKSM-Santuni Komuniti Cacat Penglihatan pada 27 September 2025 bertempat di Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Menerusi ceramah dan forum khas yang dianjurkan, komuniti ini diberikan pendedahan tentang hak dan tanggungjawab mereka di bawah undang-undang keluarga Islam serta perkhidmatan yang disediakan oleh agensi yang berkaitan. Akses kepada perundangan syariah akan terus diperkasa bagi memastikan penyampaian perkhidmatan berkaitan perundangan syariah mesra terhadap komuniti Orang Kurang Upaya Cacat Penglihatan Islam.



YB Menteri JPM-HEA beramah mesra bersama pelajar di Langkawi Autism Care Centre (LACC).

Selain itu, Sambutan Hari OKU peringkat Universiti Teknologi Mara (UiTM) 2024 yang berlangsung di Hotel Wyndham Acmar, Klang juga amat mengesankan. Sambutan ini telah menghimpunkan peserta dari seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. UiTM, yang mempunyai jumlah pelajar OKU tertinggi di universiti awam, menegaskan komitmen terhadap akses pendidikan dan kemudahan beribadah bagi OKU Islam selaras dengan Pelan Tindakan Agensi Agama Bagi OKU Muslim 2024–2028. Program ini turut mencadangkan pembangunan *Fiqh OKU* bagi mengatasi cabaran pendidikan agama dan keperluan spiritual golongan tersebut.

Lawatan Kerja Sehari ke Hulu Selangor pada 20 Disember 2024 pula melibatkan kunjungan ke Darul Quran JAKIM. Tinjauan ke kelas hafazan al-Quran pelajar OKU penglihatan yang belajar menggunakan tulisan braille memperlihatkan kecekalan mereka dalam menuntut ilmu. Lawatan ini memperkukuh sokongan kerajaan terhadap institusi tahfiz serta peranan pendidikan Islam dalam membentuk insan berdaya saing.

Latihan Kepimpinan Inklusif & Kesaksamaan OKU untuk AJK Masjid telah diadakan di Wadi Budi, UIAM Gombak. Program ini menjadi langkah awal ke arah penyediaan Garis Panduan Mesra OKU untuk Masjid. Para peserta didedahkan melalui simulasi kepada pengalaman menjadi OKU bagi meningkatkan empati dan kefahaman dalam pengurusan masjid yang lebih inklusif.

Selain itu, beberapa pertemuan penting bersama Pengarah JAWI dan JAKIM berkenaan pendidikan khas agama untuk anak-anak OKU, serta sesi bersama Majlis Belia OKU Malaysia telah diadakan bagi memperkasa projek belia melalui pelan tindakan #UpayaOKU. Kolaborasi bersama SWA TV dan Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan (JMWP) ini turut melancarkan logo serta rancangan “OKU & Ustadz” membincangkan fiqh dan kehidupan OKU dari perspektif Islam.



Pertemuan bersama Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) berfokus menyediakan inisiatif pendidikan khas di sekolah agama untuk anak-anak OKU.

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) turut memberikan perhatian kepada kelompok rentan seperti warga emas dan OKU. Bantuan berupa katil pesakit, kerusi roda khas, barangan kebajikan serta sokongan kewangan telah disalurkan bagi membantu mengurangkan beban golongan ini. Ini membuktikan bahawa wakaf berfungsi memelihara maruah dan kebajikan semua lapisan masyarakat tanpa mengira usia atau keupayaan fizikal.

9. Program Sehari Bersama Komuniti MADANI (SEBATI)

Program Sehari Bersama Komuniti MADANI (SEBATI) merupakan program peringkat komuniti dengan pelbagai pengisian untuk warga tempatan di daerah-daerah terpilih. Melalui program ini komuniti disantuni tanpa mengira latar belakang dengan pengisian aktiviti kerohanian dan gotong-royong seperti seminar, jualan rahmah, aktiviti kanak-kanak dan program untuk Orang Kelainan Upaya (OKU).



SEBATI MADANI di Pulau Perhentian.

Program-program yang dijalankan tersebut merupakan sebahagian daripada mekanisme yang telah digunakan oleh Agensi Hal Ehwal Agama dalam memperkasa kebajikan demi menjayakan kesejahteraan sosial ummah. Pendekatan yang digunakan bersifat inklusif dan menyeluruh di mana transformasi ini menekankan kesepaduan santunan komuniti menerusi sumbangan keperluan asas tunai dan makanan serta penerapan elemen pendidikan, literasi, perpaduan dan pembaikan prasarana yang memberikan impak kesejahteraan menyeluruh dan bersifat jangka panjang.

10. Program Santuni MADANI dan Jelajah Peduli Ummah

JAWI dengan kerjasama Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIIM) telah menganjurkan Program Santuni MADANI dan Jelajah Peduli Ummah bertempat di Masjid As-Syukriah, Parit 8 Gambut, Sabak Bernam pada Jun 2025.

Program selama dua hari ini bertujuan menyantuni masyarakat secara langsung, memperkukuh kerjasama antara agensi, menyampaikan bantuan kepada golongan memerlukan serta menyemarakkan nilai Malaysia MADANI dalam kalangan komuniti setempat.

Pelbagai aktiviti turut memeriahkan program seperti sukan rakyat, Liga Futsal Santuni MADANI, Forum Perdana MADANI, pemeriksaan kesihatan percuma, serta kenduri kampung bersama penduduk.

Menerusi program ini, pelbagai bantuan telah disampaikan termasuk sumbangan tunai dan bakul makanan kepada 253 asnaf dan penyerahan cek cura berjumlah RM80,000.00 oleh PPZ-MAIWP kepada masjid, surau dan KAFA terpilih.



Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan, Pengarah JAWI dan Tuan Haji Kamaldin bin Mohd Damin, Timbalan Pengarah (Operasi) JAWI menyampaikan sumbangan kepada penduduk setempat sempena Ziarah Mahabbah MADANI.

KELUARGA SAKINAH ASAS KESEJAHTERAAN NEGARA

Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) menyedari asas kesejahteraan negara yang symul mesti berlandaskan keutuhan keluarga yang sakinah. Agensi Hal Ehwal Agama terus memperkukuh agenda pembangunan keluarga Islam bagi melahirkan masyarakat yang sejahtera dan berdaya tahan. Inisiatif seperti KSKCareCentre, 'Ilaj Home, penambahbaikan perkhidmatan JAWI, serta program latihan dan seminar kekeluargaan dilaksanakan dengan pendekatan holistik berasaskan nilai Islam. Usaha ini mencerminkan komitmen kerajaan dalam membina institusi keluarga yang harmoni, inklusif dan lestari demi kesejahteraan ummah.

1. KSKCareCentre–Pusat Sokongan Keluarga

Dalam menghadapi cabaran sosial dan tekanan kehidupan moden, kerajaan melalui JAKIM tampil proaktif dengan mewujudkan KSKCareCentre,



sebuah inisiatif di bawah Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti (KSK) yang berfungsi sebagai pusat rujukan komuniti dalam bidang kaunseling Syarie, terapi psikospiritual Islam serta bimbingan kerohanian secara menyeluruh dan profesional.

Berteraskan konsep “Tangan Dihulur, Bimbingan Disalur” KSKCareCentre diwujudkan sebagai pusat bimbingan komuniti percuma yang menyediakan perkhidmatan kaunseling Syarie dan kekeluargaan, terapi psikospiritual Islam, ‘Ilaj Syarie (rawatan berteraskan Islam) serta khidmat runding cara sosial dan komuniti.

Pusat ini menyediakan ruang yang selamat, inklusif dan berhemah kepada individu atau keluarga yang sedang menghadapi cabaran seperti konflik rumah tangga, tekanan mental, krisis identiti, masalah remaja, isu kehamilan luar nikah serta pelbagai kemelut sosial semasa. Pendekatan bersepadu yang menggabungkan kaunselor terlatih, fasilitator komuniti dan pakar terapi psikospiritual menjadikan KSKCareCentre sebagai sebuah pusat perkhidmatan yang mesra ummah, cekap dan berkesan.

Dengan gabungan pendekatan agama, psikologi dan sokongan komuniti, pusat ini mampu membantu

individu meningkatkan ketahanan mental dan emosi, menyelesaikan konflik keluarga dengan hikmah, menemui semula makna diri dan tujuan hidup, mendapatkan bimbingan rohani dalam menghadapi ujian hidup dan memelihara hubungan sosial dan komuniti yang sihat. Inisiatif ini amat selari dengan gagasan Malaysia MADANI yang mengangkat nilai kesejahteraan, ihsan, keadilan dan kemampunan. KSKCareCentre menjadi contoh terbaik bagaimana nilai-nilai Islam boleh diterjemahkan ke dalam bentuk sistem sokongan sosial yang moden, inklusif dan memperkasakan ummah.



Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Mokhtar melancarkan Manual Psikospiritual Islam, sebuah panduan komprehensif berteraskan pendekatan Islam.

2. 'Ilaj Home–Pusat Pemulihan Komuniti

Sejak lebih sedekad lalu, Malaysia berdepan dengan cabaran serius dalam bentuk peningkatan kes HIV. Setiap tahun, dianggarkan antara 2,500 hingga 3,000 kes baharu direkodkan. Lebih membimbangkan, kebanyakan mereka yang dijangkiti merupakan golongan muda berusia 20 hingga 39 tahun. Situasi ini membuka mata banyak pihak termasuk JAWI tentang perlunya pendekatan lebih menyeluruh yang tidak hanya tertumpu pada rawatan perubatan moden semata-mata, tetapi juga aspek kerohanian dan sokongan sosial.



'Ilaj Home beroperasi di sebuah bangunan enam tingkat dengan kapasiti 100 penghuni dalam satu-satu masa.

Daripada keperluan inilah lahirnya 'Ilaj Home, sebuah rumah pemulihan bagi Muslim yang hidup dengan HIV/AIDS. Ini bertujuan menyediakan persekitaran yang baik bagi kesejahteraan rohani, mental serta membina semula kehidupan mereka dalam masyarakat dengan nilai-nilai Islam. Di 'Ilaj Home mereka bukan sahaja mendapat tempat perlindungan percuma antara sembilan hingga 12 bulan, malah turut menerima rawatan moden di hospital kerajaan, rawatan Islam daripada pakar perubatan Islam, sesi kaunseling syarie serta pengisian rohani melalui kelas fardu ain. Lebih menarik lagi, penghuni juga diberi latihan kemahiran supaya lebih bersedia apabila kembali ke masyarakat. Pendekatan ini menjadikan 'Ilaj Home pusat rawatan yang menyeluruh yang memulihkan tubuh, jiwa dan keyakinan diri.

Beberapa aktiviti dan program yang dilaksanakan ialah Majlis Khatam Al-Quran dan Iftar Jamaie pada bulan Ramadan serta program psikososial “Keluarga Penguat Masa Depan Cemerlang.” Bukan itu sahaja, kakitangan yang bertugas di 'Ilaj Home juga disokong melalui bengkel persediaan psikologi dan pemantapan kesihatan agar dapat melaksanakan tugas mereka dengan lebih cekap.

3. Tadbir Urus Perkahwinan

Pihak JAWI juga cakna dengan keperluan untuk meningkatkan tahap kecekapan pengurusan dan perkhidmatan di kaunter Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga (BPPK). Antara perkhidmatan yang diberikan di kaunter ialah permohonan kebenaran berkahwin, pendaftaran nikah, cerai dan rujuk serta permohonan kad pintar perakuan nikah. Selain itu BPPK turut menyediakan perkhidmatan runding cara dan khidmat nasihat kekeluargaan serta khidmat nasihat sosial atau remaja. Justeru itu, JAWI telah mengambil langkah menambah baik perkhidmatan dengan pengubahsuaian yang memberikan nafas baharu kepada suasana perkhidmatan di kaunter.

Bermula 23 Jun 2025, kaunter BPPK mula beroperasi di lokasi baharu dengan suasana lebih selesa. Ruang menunggu yang luas, kaunter moden dan layanan mesra pelanggan menjadikan semua urusan daripada pendaftaran perkahwinan, khidmat nasihat keluarga kepada program pembangunan keluarga Islam dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik dan cekap.



Ruang menunggu yang lebih luas dan selesa.

4. Cakna Hak Keluarga Islam

Seminar Pengukuhan Institusi Kekeluargaan, sebuah inisiatif Mahkamah Syariah bagi memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang hak-hak mereka, proses perbicaraan kes kekeluargaan Islam, serta fungsi institusi kehakiman Syariah dalam membantu masyarakat. Program Siri 1/2023 telah dianjurkan pada Februari 2023 oleh Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) Wilayah Persekutuan, Seksyen Sulh MSWP dan MAIWP. Program ini turut mendapat kerjasama daripada DBKL, JAWI, JaPenSWP, JBG, serta beberapa NGO seperti Pertubuhan Kebajikan Darul Saadah Malaysia (PERDASA) dan Persatuan Penduduk PPR Seri Malaysia.

Seminar ini membincangkan isu-isu penting berkaitan institusi kekeluargaan dan perundangan Syariah. Para peserta menunjukkan komitmen tinggi melalui sesi soal jawab interaktif. Program berakhir dengan harapan agar ia dapat memberikan manfaat besar kepada masyarakat dalam membentuk keluarga sakinah, meningkatkan kesedaran tentang peranan institusi Syariah serta memperkukuh hubungan antara agensi agama dengan komuniti di Wilayah Persekutuan.

GENERASI AL-FALAH MADANI

Dalam usaha memperkukuh kesejahteraan sosial ummah, Agensi Hal Ehwal Agama menekankan aspek pembinaan Generasi Al-Falah MADANI sebagai tonggak teras pembinaan negara yang mampan dan makmur. Dalam hubungan ini, pelbagai inisiatif bersepadu dilaksanakan bagi menjayakan agenda transformasi ini mencakupi tiga aspek utama iaitu kesejahteraan warga kerja, pembangunan pelapis daie atau pendakwah muda dan pembimbing masyarakat di kawasan berpendapatan rendah. Setiap inisiatif digerakkan dengan semangat transformasi dakwah yang holistik bagi menyelesaikan cabaran semasa ummah serta membina impak positif yang berkekalan.

1. Rakan Siswa YADIM (RSY): Penggerak Dai Belia

Rakan Siswa YADIM merupakan platform penglibatan mahasiswa di institusi pengajian tinggi sebagai penggerak dakwah dan sukarelawan kampus. Melalui RSY, mahasiswa dilatih untuk menganjurkan program keilmuan, kerohanian, dan kesukarelawan, diperkasa dengan kemahiran kepimpinan, komunikasi serta pengurusan organisasi serta didorong untuk menjadi contoh teladan dalam menzahirkan gaya hidup Islam yang syumul. RSY bukan sahaja mengukuhkan peranan mahasiswa sebagai ejen perubahan di kampus, malah menghubungkan golongan muda dengan masyarakat melalui aktiviti kemasyarakatan dan jaringan kerjasama strategik bersama YADIM.



Barisan pimpinan RSY Korea dalam program Pemukiman Dakwah di All Date Ansan Camping Room, Seoul.



Kem Pemantapan Rakan Siswa YADIM (RSY) Zon Selatan.



RSY Korea Selatan membuka gerai makanan dalam sebuah program Ramadan anjuran Kedutaan Besar Malaysia di Seoul, Korea.

2. Akademi Dai Muda YADIM (ADMY): Melahirkan Dai Rabbani Era Digital

Dalam konteks semasa, dunia dakwah berdepan dengan cabaran kekurangan barisan pelapis dai muda yang mampu bergerak secara kreatif dan relevan dengan tuntutan masyarakat kini. Justeru, YADIM memperkenalkan Akademi Dai Muda YADIM (ADMY) dengan memberikan fokus kepada penyediaan modul latihan yang bertepatan dengan perkembangan semasa. Modul ini bukan sahaja menyentuh aspek tradisi ilmu dakwah, bahkan turut digarap dengan pendekatan moden yang melibatkan elemen penguasaan teknologi digital dan komunikasi kreatif.

Program ini menekankan aspek latihan berfokus (*focused training*), yang memberikan penekanan khusus terhadap keupayaan para dai, pendakwah untuk menguasai pelbagai medium dakwah seperti penulisan kreatif, penggunaan platform media sosial, produksi kandungan digital serta aplikasi teknologi baharu. Pelaksanaan ADMY mampu melahirkan pendakwah yang berkemahiran menggunakan teknologi serta berpengetahuan dalam ilmu pengurusan, komunikasi, psikologi dan sosiologi. Ini akan menjadikan mereka lebih berstrategi dalam menyampaikan dakwah kepada pelbagai lapisan masyarakat.

Program ini menyasarkan latihan kepada sekurang-kurangnya 70 orang pendakwah muda setiap tahun, menjadikan ia satu usaha yang terancang dan berterusan dalam memastikan kesinambungan dakwah di Malaysia dapat diperkasakan melalui golongan muda.



Akademi Daie Muda YADIM Adalah inisiatif pengkaderan YADIM bagi melahirkan pelapis pendakwah negara.

3. Dakwah Lapangan: Menyantuni Masyarakat Pedalaman

Dakwah lapangan merupakan salah satu lagi pendekatan YADIM untuk melahirkan pendakwah yang berkualiti dalam kalangan kakitangan YADIM. Staf baharu termasuk Dai Muda YADIM ditempatkan di negeri yang memerlukan perhatian, khususnya di lokasi strategik seperti perkampungan orang asli di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Usaha ini membolehkan YADIM mendekati komuniti dengan lebih baik serta melaksanakan program secara lebih komprehensif. Di samping mewujudkan rangkaian dengan pihak berkepentingan seperti jabatan agama negeri, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan lain-lain. Sehingga kini, seramai 52 orang pegawai dan kakitangan baharu gred 9 yang terdiri daripada DMY ke 11 telah ditempatkan di kawasan perkampungan orang asli seluruh Malaysia selama 3 minggu bagi menjalani pelbagai aktiviti khidmat masyarakat.



Antara aktiviti dalam Program Kembara Dakwah di Rumah Panjang Kampung Gayau Jasa Pantu, Sri Aman, Sarawak.

4. Dai Komuniti: Dakwah Berakar di PPR dan PA

Kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) sering berdepan dengan isu sosial seperti ponteng sekolah, penyalahgunaan bahan terlarang serta pengabaian pendidikan agama. Kajian yang dijalankan oleh Institut Kesihatan Umum (IKU) Kementerian Kesihatan Malaysia (2022) mendapati 1 daripada 4 remaja (25.6%) pernah ponteng sekolah, manakala statistik Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) menunjukkan lebih 65% penagih dadah baharu pada tahun 2023 merupakan golongan belia berusia 15–39 tahun. Keadaan ini membuktikan perlunya intervensi dakwah yang dekat dengan komuniti bandar berpendapatan rendah dengan holistik.

Sebagai langkah penyelesaian, YADIM memperkenalkan inisiatif Penempatan Daie Komuniti secara tetap di kawasan PPR dan PA. Setakat ini, lebih 30 Dai Komuniti telah ditempatkan, termasuk 17 orang di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor, manakala 13 orang lagi pada peringkat negeri seperti Johor, Kelantan, Terengganu, Melaka dan Sarawak. Mereka bukan sekadar penyampai ilmu agama, tetapi juga berperanan

sebagai pembimbing rohani, fasilitator sosial dan rakan sokongan masyarakat.

Impak pelaksanaan ini amat memberangsangkan. Masalah sosial dalam kalangan remaja semakin berkurangan, nilai kekeluargaan kembali diperkukuh dan ukhuwah antara komuniti semakin erat. Pendekatan ini melahirkan komuniti bandar yang lebih berdaya tahan, harmoni, serta dekat dengan ajaran Islam.

Penempatan 30 Dai Komuniti di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) ini merupakan inisiatif YADIM dalam menyumbang kepada pengurangan isu sosial, peningkatan produktiviti organisasi serta memperkukuh penghayatan Islam dalam masyarakat. Transformasi ini selari dengan aspirasi kerajaan MADANI untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang sejahtera, berdaya tahan dan sentiasa dekat dengan Allah SWT.

Penempatan Dai Komuniti (*community-based dakwah*) secara tetap di kawasan PPR dan PA menekankan interaksi harian dan keterlibatan langsung bersama penduduk. Strategi ini memberikan ruang kepada dai untuk memahami konteks sosial masyarakat PPR dengan lebih mendalam.



MoU bersama dengan Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor (PKPJ) bagi penempatan DAI Komuniti di PPR terpilih.



Kelas pengurusan jenazah kepada Orang Asli Lubuk Lengong, Baling.

5. Dai Orang Asli: Santuni Masyarakat Orang Asal

Dai Orang Asli merupakan golongan belia Orang Asli yang dilantik oleh YADIM bagi melaksanakan tugas menyebarkan dakwah dan pendidikan Islam kepada masyarakat setempat. Mereka memainkan peranan penting sebagai pengajar, pembimbing, dan rakan strategik kepada komuniti sendiri kerana mereka lebih memahami budaya, bahasa, dan cara hidup masyarakat Orang Asli. Jumlah Dai Orang Asli sehingga Oktober 2025 ialah seramai 11 orang.



Dakwah lapangan di Perkampungan Orang Asli di Kampung Terisu, Cameron Highlands yang diwajibkan kepada para pegawai gred 9 yang baharu dilantik.

6. Dai di Sabah dan Sarawak: Peluasan Dakwah di Pedalaman

Gerak kerja dakwah turut diperkasa melalui pendekatan yang lebih inklusif dengan meluaskan penempatan para daie di Sabah dan Sarawak. Penambahan bilangan dai di Sabah dan Sarawak membolehkan YADIM mendekati pelbagai lapisan masyarakat dengan lebih berkesan, khususnya di kawasan pedalaman dan komuniti minoriti Muslim yang sebelum ini kurang mendapat akses kepada bimbingan dakwah.

Terdapat 30 orang daie di Sabah, 46 orang daie di Sarawak yang dilihat mampu memberikan kesan positif dari segi penambahan program yang dilaksanakan, di samping menarik lebih ramai peserta untuk menyertai program-program YADIM.

7. Sekretariat Dakwah Korporat (SDK)

Dalam usaha memperkukuh agenda dakwah di Malaysia, JAKIM telah melangkah lebih jauh dengan menubuhkan Sekretariat Dakwah Korporat (SDK), sebuah inisiatif strategik yang berperanan sebagai jambatan antara institusi agama dan sektor korporat. Sejak penubuhannya pada tahun 2014, SDK telah membuktikan keupayaannya sebagai pemangkin perubahan dalam menyelaraskan usaha dakwah yang inklusif dan relevan dengan persekitaran kerja moden masa kini.

SDK JAKIM lahir daripada keperluan untuk merapatkan jurang antara agenda dakwah nasional dan realiti dunia korporat. Dengan memperkenalkan Modul Dakwah Korporat (MDK), SDK menggariskan panduan kepada syarikat swasta dan syarikat milik kerajaan (GLC) untuk membina budaya kerja berteraskan nilai-nilai Islam, bukan sahaja melalui ceramah atau pengisian rohani, malah melalui pendekatan pembangunan sahsiah, etika kerja, tanggungjawab sosial dan kebajikan. Antara inisiatif yang dilaksanakan termasuk program Ziarah Musaadah ke hospital dan pusat Kebajikan; seminar pembangunan sahsiah pekerja yang menekankan nilai integriti dan amanah; kempen gaya hidup sihat dan beretika dalam kalangan warga korporat; serta program kebajikan

komuniti setempat, yang menyatukan tenaga profesional dan sumber syarikat untuk manfaat masyarakat.

Inisiatif ini secara langsung menyokong usaha kerajaan dalam membina “*Khaira Ummah*” iaitu masyarakat ideal yang bukan sahaja maju dalam pembangunan material tetapi teguh dari segi akidah dan akhlak. Ia membuktikan bahawa dakwah tidak lagi hanya terbatas di masjid, surau atau institusi pengajian, tetapi juga telah meresap ke dalam dunia profesional, industri dan perniagaan. Apabila sektor korporat memainkan peranan aktif dalam pembangunan nilai Islam, ini memberikan kesan langsung kepada peningkatan etika kerja, dan kesejahteraan pekerja. Ia menjadi platform penting untuk melahirkan generasi pekerja Muslim yang berjiwa ummah, sekaligus menyumbang kepada pengukuhan sosioekonomi negara berlandaskan syariat Islam.



Yayasan Taqwa yang merupakan ahli SDK menyampaikan sumbangan kepada sekolah agama di Hatyai, Thailand.

8. Program Dakwah Negara: Hubbul Watan Memacu Malaysia MADANI

Pada tahun 2024, YADIM memperkukuh pelaksanaan Program Dakwah Negara dengan tema Hubbul Watan Memacu Malaysia Madani menerusi pelaksanaan 2,011 program dengan melibatkan 233,420 peserta dalam tempoh 2 bulan.

Objektif program ini adalah untuk meningkatkan kefahaman masyarakat amalan dan penghayatan ajaran Islam secara komprehensif, menyemarakkan amalan Rukun MADANI dalam kehidupan masyarakat dan menjalin dan mengukuhkan hubungan rakan strategik di antara agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri.

Pelbagai aktiviti kemasyarakatan telah diadakan melibatkan kerjasama strategik daripada pelbagai agensi kerajaan/swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO) sama ada di peringkat Pusat/Negeri. Antara program yang diadakan ialah Forum Malaysia MADANI, Kembara Dakwah Harmoni, Kem Jati Diri Sahsiah Remaja MADANI, Program Mahabbah Silang Budaya dan Anugerah Pendakwah Negara. PDN ini merupakan acara tahunan yang merupakan kesinambungan gerak kerja dakwah yang dilaksanakan oleh YADIM sejak awal penubuhannya.



Program YADIM Peduli Jalinan Ukhuwah bersama warga emas di Pulau Pinang.



Yang Dipertua YADIM, Datuk Dr. Hasan Bahrom bersama dengan masyarakat Terengganu bersempena dengan Program Dakwah Negara 2025.



Program Kalam MADANI bersempena Karnival Kesihatan Komuniti di Masjid Nur Bakti, Kuala Nerus.

Manakala Seminar Kenegaraan MADANI pula merupakan salah satu inisiatif YADIM dalam usaha memberi kefahaman dan mengukuhkan kecintaan kepada negara dalam kalangan komuniti pelajar melalui aspirasi Malaysia MADANI. Sebanyak 16 siri telah diadakan dengan jumlah peserta seramai 6,290 orang pada tahun 2023. Manakala pada tahun 2024, 17 siri telah dilaksanakan dan melibatkan 5,266 orang peserta.



Menyantuni komuniti penjara, YADIM telah mengadakan Projek Nadi Ilmu Amalan Membaca (Nilam) yang menggalakkan mereka menyemai amalan membaca.



Seminar Kenegaraan MADANI bersama dengan anggota Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Pangkalan Udara Subang.



Seminar Kenegaraan MADANI bersama dengan pelajar sekolah menengah di Kelantan.



Seminar Kenegaraan MADANI Negeri Sarawak yang melibatkan penuntut Institut Pendidikan Guru (IPG) Malaysia Kampus Kota Batu Lintang.

9. Program Riadah MADANI-Lahirkan Belia Sihat dan Cergas

Program Riadah MADANI membawa mesej bahawa akal yang sihat perlu bermula dengan badan yang sihat supaya ibadah menjadi selesa. Antara program utama yang telah diadakan ialah Perlawanan Persahabatan Timbalan Menteri Agama *Football Club* (TMA FC) dan Mufti Wilayah Persekutuan *Football Club* di Putrajaya yang turut disertai oleh Sahibus Samahah Ustaz Ahmad Fauwaz Fadil serta beberapa tokoh seperti YB Adam Adli, Mat Luthfi dan Bunyamin Umar. Acara ini melancarkan kempen gaya hidup sihat bertemakan “*Jom Riadah; Barulah Selesa Nak Beribadah.*” Kebanyakan pemain dalam kedua-dua pasukan kalangan belia.

Selain itu, Perlawanan Futsal Persahabatan antara TMA FC, Anak Muda Ranau dan YADIM Sabah diadakan bagi memupuk semangat kesukanan serta menjalin hubungan baik antara agensi dan komuniti. Peserta diingatkan bahawa riadah bukan sekadar aktiviti fizikal, tetapi juga

saranan untuk mengukuhkan ukhuwah dan menyuburkan semangat ihsan. Dalam satu lagi inisiatif, Siri Riadah MADANI Futsal di Sandakan, Sabah, mempertemukan pasukan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, Persatuan Guru Pendidikan Islam dan Pertubuhan Islam Seluruh Sabah. Aktiviti ini menekankan kepentingan kesihatan jasmani untuk ibadah yang sempurna. Antara acara penting lain ialah perlawanan bola sepak antara TMA FC dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) yang berjaya mengeratkan hubungan antara agensi kerajaan melalui sukan serta perlawanan sempena Hari Kebangsaan antara TMA FC dan KNKV FC yang diserikan dengan kehadiran tokoh sukan dan selebriti.

Kemuncak program ini ialah Misi Menawan Gunung Angsi di Negeri Sembilan bersama YADIM Melaka, YADIM Negeri Sembilan, ABIM Kuala Pilah dan komuniti setempat. Misi ini menanam semangat cintakan tanah air, memerdekakan minda daripada pengaruh luar, menjaga kebersihan alam sekitar dan memperkukuh ukhuwah sesama peserta.

Secara keseluruhan, Riadah MADANI bukan sekadar aktiviti fizikal, tetapi platform menyemai nilai-nilai ukhuwah, kemampunan, kesihatan dan spiritualitas, menuju masyarakat belia Al-Falah yang seimbang dan harmoni selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.



YB Timbalan Menteri JPM-HEA bersama peserta dalam Perlawanan Futsal Persahabatan.

KESIMPULAN

Pelan Transformasi Al-Falah memberikan penekanan terhadap pemeraksanaan kesejahteraan sosial ummah menerusi pendekatan yang syumul dan holistik. Penekanan utama adalah menerusi kelestarian inisiatif kebajikan menerusi wahana Santuni Al-Falah MADANI, pembinaan Keluarga SAKINAH sebagai teras kesejahteraan negara dan pembangunan Generasi Al-Falah sebagai tonggak kecemerlangan Malaysia MADANI.

Kelestarian kebajikan ummah telah membawa impak besar terhadap kesejahteraan pelbagai lapisan komuniti rakyat daripada kalangan nelayan, pemandu teksi dan pelajar, sehinggalah ke mangsa bencana, pesakit HIV, komuniti asnaf serta belia bandar. Inisiatif kesejahteraan sosial ummah yang direalisasikan oleh Agensi Hal Ehwal Agama menerusi pelbagai ikhtiar dan wahana yang dinamik telah membuka ruang penglibatan pelbagai sektor terutama sektor swasta dan pergerakan sukarela Islam.

Aspirasi Malaysia MADANI merupakan cita-cita unggul dan merupakan sebuah perjuangan bersama demi mengangkat martabat umat terutama masyarakat yang terpinggir daripada arus kesejahteraan negara. Penghayatan nilai ihsan, kepedulian dan semangat kesukarelawan akan dapat mengukuhkan gerak kerja menyeluruh terhadap perancangan dan gerak kerja menjayakan transformasi komuniti seterusnya membangun keutuhan negara dalam mencapai kecemerlangan di pentas ketamadunan dunia yang dinamik pada masa kini.



BAB 7

AGENDA KEMANUSIAAN DAN PERPADUAN UMAT



AGENDA KEMANUSIAAN DAN PERPADUAN UMAT

Agenda memperkukuh teras dan nilai kemanusiaan sejagat serta perpaduan umat merupakan amanah keagamaan. Junjungan Nabi Muhammad SAW merupakan Rasul utusan Allah SWT sebagai rahmah buat seluruh alam (rahmatan lil 'alamin). Tanggungjawab membina peradaban dunia yang sejahtera mesti dilaksanakan oleh semua pihak terutama umat Islam.

Pelan Transformasi Al-Falah yang digubal Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) sebagai dokumen induk perancangan strategik ke arah mencapai Malaysia MADANI meletakkan agenda perpaduan ummah dan kehormatan tamadun sebagai salah satu fokus kerja yang mesti diutamakan oleh agensi-agensi Hal Ehwal Agama.

Sepanjang 2023–2025, banyak inisiatif telah dilaksanakan oleh agensi Hal Ehwal agama ke arah memperkasa teras dan landasan bagi menyemarakkan cita-cita kemanusiaan seterusnya mewujudkan perpaduan ummah yang lebih kukuh terutama di dunia Islam. Usaha ini diharap akan meningkatkan penglibatan umat Islam di Malaysia dalam pembangunan kemanusiaan sejagat seterusnya mengukuhkan kedudukan negara sebagai model dan teladan yang menyumbang kepada keamanan, kesejahteraan dan kemajuan tamadun Islam secara menyeluruh.

SOLIDARITI PALESTIN SATUKAN JIWA PERJUANGAN UMMAH

Krisis kemanusiaan Palestin terutamanya di Gaza menyentuh sanubari dan jiwa insaniah umat Islam dan rakyat Malaysia. Dari bilik darjah hingga kampus, dari mimbar masjid hingga garis masa media sosial, kisah penderitaan rakyat Gaza dan perjuangan Bebas Palestin telah menyatukan seluruh ummah.

1. Tabung Kemanusiaan Palestin

Bagi mengukuhkan solidariti ummah, pada 13 Oktober 2023, Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah melancarkan Tabung Kecemasan Misi Bantuan Kemanusiaan Palestin yang digerakkan oleh JAKIM bersama Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) dan berjaya mengumpulkan kira-kira RM15 juta dalam masa singkat. Pelancaran tabung tersebut telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Sehubungan itu, YB Menteri di JPM-HEA telah mengarahkan agar masjid-masjid utama di bawah seliaan JAKIM mengadakan solat hajat dan bacaan qunut nazilah

secara berterusan mendoakan kesejahteraan rakyat Gaza dan pembebasan Palestin.



Pelaksanaan solat hajat dan bacaan qunut nazilah.

2. Jawatankuasa Pembangunan Gaza

Sebagai langkah lebih konkrit solidariti negara terhadap perjuangan rakyat Palestin, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan komitmen kerajaan terhadap usaha pembangunan semula Gaza pada 29 Januari 2025. Rententan itu, YB Menteri di JPM-HEA mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Penyelaras di peringkat agensi-agensi Hal Ehwal Agama pada 6 Februari 2025 sebagai persediaan bagi usaha-usaha susulan terhadap pembangunan semula selepas perdamaian dicapai.

Gerakan kesedaran dan mobilisasi perjuangan Palestin telah digerakkan oleh JPM-HEA dengan memberikan sokongan terhadap penganjuran Muktamar Masjid Se-Malaysia untuk Al-Aqsa dan Palestin yang menghimpunkan hampir 1,000 orang perwakilan masjid di peringkat serantau bagi menzahirkan peranan masjid dalam perjuangan perpaduan ummah dan kesejahteraan rakyat Palestin.



Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, menyampaikan Syarahan Perdana dan mengumumkan dana bantuan rakyat Gaza sebanyak 100 juta di program Malam Himpunan dan Selawat Malaysiaku Bersama Gaza sempena Karnival Sumud Nusantara pada 24 Ogos 2025 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.



Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) dan Cinta Gaza Malaysia menganjurkan Karnival Solidariti Palestin sebagai tanda solidariti di samping menyampaikan mesej kepada dunia bahawa Malaysia menentang kezaliman terhadap rakyat Palestin.

Selain itu, Agensi Hal Ehwal Agama juga turut memberikan sokongan terhadap inisiatif oleh pertubuhan Islam yang menganjurkan pelbagai acara bagi memobilisasi umat dalam memperjuangkan nilai-nilai kemanusiaan sejagat seterusnya mengukuhkan solidariti ummah. Beberapa himpunan solidariti bersama Palestin di Stadium Axiata, Bukit Jalil, Selangor telah mendapat sokongan luas dan padu daripada rakyat Malaysia berbilang agama dan kaum yang menyatakan sokongan tidak berbelah bahagi terhadap pendirian kerajaan dalam membela nasib dan perjuangan rakyat Palestin.

3. Bicara Ilmu dan Perpaduan Ummah

Pejuangan terhadap mencapai perpaduan ummah ialah tanggungjawab berterusan. Umat Islam mesti terus meningkatkan kesedaran dan penghayatan terhadap kepentingan perpaduan ummah serta menanam nilai kemanusiaan sejagat dalam kalangan rakyat seluruhnya. Sehubungan itu, JAKIM telah memanfaatkan pelbagai wadah dan wahana ilmu bagi menerapkan nilai serta cita unggul umat Islam, antaranya menerusi majlis-majlis Ilmu MADANI yang diserikan dengan kehadiran tokoh-tokoh ilmuwan dunia Islam.

Majlis Ilmu MADANI bersama Sheikh Dr. Ekrima Sa'id Sabri, Imam Masjid al-Aqsa dan bekas Mufti Besar Jerusalem dianjurkan pada 29 September 2025 di Masjid Putra amat menyedarkan jiwa dan rohani umat Islam di Malaysia terhadap kepentingan perpaduan ummah dan pembelaan rakyat Palestin. Kehadiran Sheikh Dr. Ekrima membawa mesej perjuangan agar menghidupkan kembali kesedaran umat tentang tanggungjawab kolektif terhadap Masjid al-Aqsa. Majlis turut disertai oleh YAB Perdana Menteri serta para cendekiawan, pelajar dan aktivis kemanusiaan.

Dalam majlis tersebut, Sheikh Dr. Ekrima menegaskan kekuatan umat bukan hanya pada kuasa material, tetapi pada keutuhan ilmu dan perpaduan ummah. Beliau juga menghargai kepimpinan Malaysia sebagai antara pelopor suara Islam sederhana dan berprinsip di dunia Muslim.

“Rakyat Malaysia juga merupakan antara masyarakat Islam yang paling konsisten dan berpegang teguh dalam memperjuangkan isu Palestin dan Masjid al-Aqsa. Saya berterima kasih kepada semua,” ujar Sheikh Dr. Ekrima penuh takzim.

Penghargaan tersebut membuktikan bahawa peranan dan sumbangan rakyat Malaysia dalam menyokong perjuangan rakyat Palestin selama ini diiktiraf oleh pimpinan agama dan rakyat Palestin seluruhnya.



Perdana Menteri YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Mokhtar di Majlis Ilmu MADANI.

4. Perpaduan Ummah Menerusi Media AlHijrah

Agensi media di bawah JPM-HEA turut memainkan peranan penting dalam menyemarakkan nilai kemanusiaan sejagat dan perpaduan ummah termasuk membangkitkan kesedaran massa terhadap perjuangan rakyat Palestin.



Sejak Oktober 2023, ketika krisis di Gaza memuncak, TV AlHijrah menjadi antara medium utama di Malaysia yang konsisten membuat liputan sahih dan menyeluruh berkenaan perkembangan di bumi Palestin. Di saat banyak media antarabangsa menapis atau memesongkan fakta, TV AlHijrah menegakkan prinsip *tabayyun*—menyemak, menilai dan melapor dengan adil serta beretika. Antara program teras yang mengupas isu Palestin termasuk *Berita AlHijrah*, *Assalamualaikum*, *Dakwah Live*, *Analisis* dan *Glob AlHijrah* yang menampilkan wartawan lapangan, pakar antarabangsa dan pendakwah bagi menawarkan prespektif Islam terhadap isu semasa.

Pendekatan penyiaran ini bukan sekadar melaporkan penderitaan, tetapi juga membina kefahaman dan sikap prihatin serta peduli dalam kalangan masyarakat. Dalam tempoh dua minggu kempen *#PalestinKembali* dijalankan, capaian TV AlHijrah melonjak secara mendadak dengan lebih 115 juta tontonan video di media sosial, selain peningkatan rating yang menempatkannya di tangga kelima daripada 25 saluran Melayu teratas pada minggu kedua Oktober 2023. Statistik ini bukan sekadar angka kejayaan komersial, tetapi tanda bahawa masyarakat

Malaysia dahagakan maklumat yang benar dan naratif yang berpaksikan nilai kemanusiaan serta keadilan.

Transformasi yang digerakkan oleh TV AlHijrah sejak 2023 menandakan perubahan menyeluruh dalam sistem penyiaran dakwah nasional. Daripada pendekatan linear kepada penyiaran multiplatform, TV AlHijrah memperkukuh kehadirannya di ruang digital melalui penstriman langsung, interaksi masa nyata dan kandungan pendek di platform seperti YouTube, TikTok dan Instagram. Model kerja baharu ini meningkatkan kecekapan penyampaian mesej Islam sejagat kepada pelbagai lapisan masyarakat, khususnya generasi muda yang lebih aktif di ruang digital. Ia juga mencerminkan budaya kerja baharu berasaskan kolaborasi rentas jabatan, inovasi kreatif dan kepekaan terhadap keperluan penonton moden.

Keberanian editorial TV AlHijrah terserlah melalui liputan misi kemanusiaan Global Sumud Flotilla ke Gaza, di mana wartawannya turut terlibat sebagai saksi lapangan. Laporan eksklusif ini menampilkan sisi manusiawi dalam penderitaan yang sering diabaikan oleh media arus perdana global. Dengan prinsip beretika,

TV AlHijrah menegaskan bahawa misi flotilla ini merupakan misi kemanusiaan yang membawa bantuan makanan, ubat-ubatan dan keperluan asas, bukannya tindakan politik atau militan. Penjelasan terbuka seperti ini membantu menangkis stereotaip negatif terhadap usaha kemanusiaan umat Islam dan menunjukkan bahawa Malaysia berdiri teguh di pihak keadilan tanpa kompromi terhadap keamanan sejagat.


Dokumentari khas seperti “Dari Gaza ke Hati Kita” yang menghimpun doa dan empati menjadi komitmen. Inisiatif ini menunjukkan bahawa solidariti tidak hanya terhad dalam bentuk tabung derma atau ucapan di pentas, tetapi mampu diterjemahkan melalui pengaruh media yang membangkitkan kesedaran sosial dan spiritual.

Impak positif pendekatan ini amat ketara. Pertama, kesedaran awam terhadap isu kemanusiaan antarabangsa meningkat secara mendadak; ramai rakyat Malaysia mula mengikuti perkembangan Gaza dengan kefahaman yang lebih mendalam dan bersikap lebih kritikal terhadap sumber berita luar. Kedua, reputasi Malaysia sebagai negara Islam berprinsip dan berperikemanusiaan diperkukuh pada peringkat antarabangsa melalui liputan global TV AlHijrah yang dikongsi oleh rangkaian media Islam serantau. Ketiga, media ini berjaya menghubungkan semula peranan dakwah dengan advokasi kemanusiaan, menjadikan Islam bukan hanya wacana moral, tetapi sistem nilai yang hidup dan relevan.

Melangkah ke hadapan, TV AlHijrah bertekad meneruskan amanah sebagai suara ummah dan rakan strategik penerangan negara—mengangkat kebenaran dengan fakta, memperjuangkan keadilan dengan ilmu dan menyalakan obor kemanusiaan melalui cahaya media Islam yang berwibawa. Seperti mana kata seorang wartawannya dalam liputan khas: Kami tidak membawa senjata ke Gaza, tetapi membawa kamera, mikrofon dan niat untuk menyampaikan kebenaran.



Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Mokhtar bersama Tuan Haji Namanzee Harris, Dato' Dr. Sani Araby serta Tuan Nadir Al-Nuri sewaktu siaran langsung rancangan Analisis: Malaysiaku Bersama Gaza.



KESATUAN UMMAH SERANTAU

Cita-cita perpaduan ummah menuntut penglibatan umat Islam pada peringkat nasional dan serantau. Oleh itu, usaha memupuk persefahaman dan kerjasama pada pelbagai peringkat komuniti Islam serantau akan menjamin perpaduan ummah yang bermakna.

1. MAIM Perkukuh Jaringan Badan Islam Nasional

Peranan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Islam adalah antara nadi yang akan menggerakkan usaha kerjasama dan perpaduan ummah. Menerusi kerjasama badan-badan Islam dalam menjayakan misi dan gerak kerja yang disepakati bersama dalam bentuk bantuan sosial, pendidikan, ekonomi dan dakwah akan merencanakan penghayatan dan semangat kesatuan ummah.

Dalam hal ini, peranan YADIM dalam menyelaraskan kerjasama badan-badan amal Islam pada peringkat nasional, serantau dan antarabangsa memupuk keyakinan terhadap perpaduan ummah. Menerusi Majlis Amal Islami Malaysia (MAIM), YADIM melaksanakan banyak sesi libat urus ke arah pengukuhan persefahaman bersama. Ia juga termasuk Konvensyen Perpaduan NGO-NGO Islam 2023 yang berperanan menghimpunkan NGO Islam daripada pelbagai latar belakang bagi membincangkan agenda yang disepakati bersama. Melalui konvensyen ini, NGO diperuntukkan ruang untuk berkongsi pengalaman, bertukar pandangan dan membina jaringan strategik.

Selain itu, konvensyen ini menjadi medium penting dalam membentuk rangka tindakan bersama, khususnya berkaitan isu-isu utama seperti pembangunan ekonomi umat Islam, pengukuhan sosial masyarakat dan pendidikan anak muda. Proses perbincangan melibatkan pelbagai bentuk wacana termasuk bengkel, forum, dan pembentangan kertas kerja yang memberikan peluang kepada NGO untuk membina kapasiti mereka dari sudut tatakelola, strategi pengurusan dan keberkesanan

intervensi. Pendekatan berstruktur ini memastikan ia tidak lagi bergerak dalam silo tetapi bergandingan dan sederap mencapai cita-cita bersama.



Para panel Konvensyen Perpaduan NGO-NGO Islam 2023 yang membahas tentang isu anak muda dan pendidikan.



Salah seorang perwakilan NGO membangkitkan isu anak muda dan pendidikan kepada ahli panel.



Barisan NGO Islam bergambar kenangan bersama dengan tetamu kehormat.



Forum Perdana Ehwal Islam menampilkan empat Menteri Agama MABIMS.

2. MABIMS Kukuhkan Perpaduan Umat Serantau

MABIMS atau Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura merupakan satu wadah serantau bagi membincangkan hal ehwal pembangunan dan perpaduan ummah serta kepentingan bersama umat Islam di Asia Tenggara khususnya.

Dalam menjayakan peranannya, MABIMS memberikan fokus kepada aspek pendidikan dan penghayatan beragama, kesejahteraan sosial, potensi belia dan keharmonian serantau. Malaysia diamanahkan untuk menerajui agenda kesejahteraan sosial. Tanggungjawab ini menuntut kejelasan visi dan ketekunan pelaksanaan: penjelmaan sistem ekonomi halal yang tulen, ekosistem wakaf yang lestari serta pemeraksanaan keusahawanan Muslim yang inklusif.

Sumbangan JPM-HEA dalam pemeraksanaan kesejahteraan sosial serantau juga boleh dilihat menerusi usaha pembangunan pendidikan Islam merentas negara. Anjuran Simposium Pengajian Tinggi Islam Serantau (SIPTIS) mempertemukan para ilmuwan dari MABIMS untuk menilai kurikulum, metodologi dan hala tuju pendidikan dan penyelidikan. Muzakarah Falak MABIMS pula memastikan ilmu falak terus segar dan selaras di peringkat serantau.

Demi memperkukuh jaringan pendidikan Islam serantau, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah membiayai pengajian sejumlah pelajar dari Kemboja dan beberapa negara Asia Tenggara di institusi pengajian tinggi Islam terpilih di Malaysia. Sebanyak RM4.5 juta dana zakat diperuntukkan bagi menampung keseluruhan kos termasuk yuran, asrama, wang saku dan keperluan sepanjang tempoh pengajian. Ia bukan sekadar bantuan kewangan, tetapi satu bentuk pelaburan insan yang mencerminkan semangat ukhuwah Islamiah yang merentasi sempadan negara. Inisiatif ini lahir daripada kerjasama strategik antara MAIWP dan Yayasan Pembangunan Islam Kemboja bagi memperkasa pendidikan serta pembangunan sosioekonomi komuniti Islam serantau. Program ini membuka peluang kepada anak muda dari Kemboja untuk menimba ilmu di Kolej Profesional MAIWP, Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP (UCMI) dan Kolej Dar al-Hikmah



Majlis Menandatangani MoU antara MAIWP dan Yayasan Pembangunan Islam Kemboja.

Selain itu juga, Himpunan Sukarelawan Dakwah MABIMS (HiSDAM) juga diselaraskan oleh YADIM bertujuan mengukuhkan kerjasama dakwah serantau. Aktiviti Qur'an Hour Belia MABIM dan Perkaderan Syabab membuka peluang ke arah pembinaan kepimpinan beradab, berilmu dan berkemahiran membangunkan komuniti di pelbagai lapangan.



Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Mokhtar merasmikan program Himpunan Sukarelawan Dakwah MABIMS (HiSDAM) di Putrajaya.

DIPLOMASI PERADABAN ISLAM

Gerak kerja perpaduan ummah serantau juga diperkukuh dengan penubuhan Majlis Ulama Asia pada 2023. Inisiatif ini yang diselaraskan melalui JAKIM dengan dukungan Liga Dunia Muslim (Rabitah Alam Islami) menghimpunkan para pemimpin agama, cendekiawan dan pengkaji dari pelbagai negara untuk meneguhkan suara Islam yang *wasatiyyah*, terbuka dan berkemajuan. Di sinilah wacana menentang ekstremisme dibangunkan secara ilmiah dan jambatan persefahaman antara mazhab serta budaya dijalin dengan matang. Hasilnya bukan sekadar deklarasi, tetapi rangka tindakan yang mengarus-perdanakan adab, *tasamuh* dan dialog.



Majlis Ulama Asia 2024.

Seiring itu, IKIM menyumbang ke arah perpaduan ummah serantau menerusi penganjuran Forum Global MADANI, Simposium ASEAN dan Majlis Cendekiawan Malaysia-Indonesia (Malindo MADANI) yang dikelolakan bersama beberapa rakan strategik tempatan dan antarabangsa.






Perdana Menteri YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Menteri JPM-HEA Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Mokhtar dan Timbalan Menteri JPM-HEA Dr. Zulkifli bin Hasan semasa di Simposium Kepimpinan MADANI-Asia Tenggara.

Pertemuan ini telah mendorong penubuhan Majlis Cendekiawan Malaysia-Indonesia (Malindo MADANI 2025) yang akan menjadi wadah ke arah memperkukuh hubungan ilmiah dan budaya antara Malaysia dengan Indonesia. Menerusi majlis ini, gerakan perpaduan ummah menerusi jaringan pendidikan, kebudayaan dan kemanusiaan diperkasakan seterusnya mencapai kecemerlangan peradaban Asia Tenggara yang makmur dan sejahtera.

KESIMPULAN

Sesungguhnya cita-cita pembangunan ummah dan kecemerlangan peradaban di masa hadapan menuntut penglibatan bersama oleh semua pihak bukan sahaja peringkat tempatan malah pada peringkat serantau dan antarabangsa. Cabaran semasa dunia Islam hari ini menuntut kerjasama yang lebih utuh dalam kalangan ummah. Persoalan Palestin misalnya merupakan isu kemanusiaan dan peradaban yang memerlukan sokongan dan dukungan menyeluruh daripada segenap lapisan komuniti dalam kalangan ummah.

Menerusi Pelan Transformasi Al-Falah yang jelas terhadap komitmen perpaduan ummah, Agensi Hal Ehwal Agama telah memainkan peranan yang amat bermakna bagi memacu nilai-nilai kemanusiaan sejagat menerusi wadah kependidikan, belia dan media. Wahana baru pertemuan dan perkongsian persefahaman diwujudkan menerusi MAIM, MABIMS dan Majlis Ulama Asia. Pengisian yang konstruktif menerusi wahana kesatuan dan perpaduan ini akan menjajikan kesan yang besar terhadap pembangunan dan kesejahteraan ummah pada masa akan datang. Perpaduan ummah yang utuh di dunia Islam akan menyumbang terhadap kesejahteraan tamadun insan sejagat dan keharmonian tamadun dunia yang makmur, adil dan saksama.




BAB 8

KEHARMONIAN TAMADUN INSAN



KEHARMONIAN TAMADUN INSAN



Keharmonian merupakan asas pembinaan tamadun insan yang berdaya tahan. Sejarah dunia memperlihatkan bahawa tamadun yang berjaya bukan sahaja dibina atas kemajuan ekonomi atau ketenteraan tetapi pada kemampuan masyarakatnya menguruskan perbezaan agama, budaya dan etnik dengan adil dan berhemah. Dalam konteks Malaysia, realiti masyarakat majmuk telah meletakkan keharmonian sebagai pra-syarat kelangsungan negara. Malaysia merupakan sebuah ekosistem sosial yang menghimpunkan pelbagai latar sejarah, agama, bahasa dan budaya. Keupayaan negara menguruskan kepelbagaian ini menjadi kayu ukur kepada tahap kematangan tamadun yang dibina.

Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) (JPM-HEA) menyedari bahawa cabaran ini memerlukan penyelesaian berasaskan pendekatan menyeluruh. Menerusi Pelan Transformasi Al-Falah, fokus terhadap pencapaian keharmonian tamadun diberi penekanan khusus. Justeru, pelbagai inisiatif diperkenalkan untuk mengukuhkan keharmonian sebagai nilai teras. Contohnya, penubuhan Jawatankuasa Harmoni sebagai wadah penyelarasan dasar selari dengan nilai kemampanan, penggubalan Piagam Harmoni Malaysia (PHM) sebagai garis panduan nasional melambangkan keyakinan terhadap keadilan

sosial, penganjuran wacana dan dialog antara agama pada peringkat tempatan serta antarabangsa mencerminkan nilai hormat dan pelaksanaan program berbentuk inklusif seperti Santuni Harmoni yang menyantuni muafaf menzahirkan nilai ihsan dan kesejahteraan.

Pada masa yang sama, Malaysia turut mengangkat suara keharmonian ke pentas global melalui penganjuran *International Summit of Religious Leaders*, yang menunjukkan daya cipta negara dalam memperkenalkan pendekatan dialog kontemporari. Inisiatif-inisiatif yang diperkenal dan digerakkan ini diyakini mampu menyumbang dan mengisi cita-cita Membangun Malaysia MADANI yang mampan di mana kemajmukan dan kepelbagaian berkembang dengan seimbang dan harmoni dalam sebuah ekosistem peradaban insan makmur dan sejahtera.



Mesyuarat Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) Bilangan 1 Tahun 2024.

JAWATANKUASA HARMONI PUKUP KEHARMONIAN TAMADUN

Kehidupan beragama di Malaysia tidak terlepas daripada cabaran. Sebagai sebuah negara majmuk, wujud pelbagai titik rawan yang boleh mencetuskan ketegangan, antaranya isu penggunaan istilah agama tertentu, pertikaian berkaitan rumah ibadat serta penularan maklumat palsu di media sosial yang menghasut kebencian. Ketegangan seperti ini biasanya bermula daripada salah faham kecil namun mampu merebak menjadi konflik besar jika tidak ditangani secara berhemah.

Menyedari hakikat ini, kerajaan melalui JPM-HEA mengambil langkah mendokong institusi dan kegiatan oleh Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) bersama-sama Kementerian Perpaduan Negara. Jawatankuasa ini berperanan sebagai mekanisme penyelarasan dalam pengurusan hubungan antara agama di Malaysia. Jawatankuasa ini menghimpunkan wakil pelbagai kementerian, agensi kerajaan, institusi agama, pertubuhan masyarakat sivil serta tokoh akademik yang berautoriti.

Antara fungsi utama HARMONI adalah menjadi wadah tetap bagi dialog antara pemimpin pelbagai agama, di samping berperanan memberi nasihat dasar kepada kerajaan dalam menangani isu-isu sensitif berkaitan agama. Melalui platform ini, pertikaian atau salah faham dapat diselesaikan dengan pendekatan rundingan dan mediasi, bukan konfrontasi. HARMONI juga berperanan sebagai penganjur kepada pelbagai program kesedaran dan pendidikan antara agama, yang bertujuan membina kefahaman bersama serta memupuk rasa hormat antara penganut agama yang berbeza. Pada masa yang sama, HARMONI turut menjadi jambatan penting dalam membina rangka kerja kerjasama antara institusi agama dan kerajaan, agar segala dasar dan tindakan yang melibatkan agama dapat dilaksanakan secara inklusif, berhemah dan berasaskan kepercayaan.

Keunikan HARMONI adalah pendekatannya yang inklusif merangkumi semua agama besar di Malaysia. Ini melambangkan semangat Rukun Negara dan prinsip Perlembagaan Persekutuan yang mengiktiraf kebebasan beragama.

Penubuhan HARMONI menandakan perubahan besar dalam cara Malaysia mengurus isu agama. Jika dahulu

pendekatannya lebih reaktif, hanya bertindak selepas konflik berlaku, kini HARMONI bersifat proaktif, mencegah ketegangan melalui dialog berterusan dan komunikasi terbuka. Dari segi dasar pula, pendekatan pentadbiran yang bersifat sehalu kini diganti dengan dasar inklusif dan konsultatif, melibatkan pemimpin agama, masyarakat sivil serta pakar bagi mencari jalan tengah yang adil dan berimbang.

Kerjasama antara agama juga kini lebih tersusun dan berstruktur, tidak lagi bergantung pada hubungan tidak rasmi. HARMONI mempunyai terma rujukan yang jelas, jadual mesyuarat tetap dan sistem pelaporan kepada kerajaan, menjadikannya sebuah platform yang berfungsi dan berkesan. Pendekatan ini memastikan keputusan yang dibuat dapat diukur keberkesanannya dan diselaraskan dengan semua pihak berkepentingan.

Yang paling penting, HARMONI berjaya mengubah persepsi terhadap agama. Daripada dianggap punca konflik, agama kini dilihat sebagai jambatan perpaduan. Program-program anjurannya menonjolkan nilai sejagat yang dikongsi semua agama seperti kasih sayang, keadilan dan saling menghormati sebagai asas kepada keharmonian sosial. Melalui pendekatan ini, HARMONI menzahirkan bahawa agama bukan sekadar sistem kepercayaan, tetapi kekuatan moral yang menyatukan masyarakat dalam semangat Malaysia MADANI.

Transformasi ini mewujudkan budaya baharu dalam hubungan antara agama di Malaysia. Selain itu, turut membina keyakinan bahawa konflik boleh diselesaikan secara damai tanpa perlu melibatkan konfrontasi atau tindakan undang-undang semata-mata.

Selepas beberapa siri mesyuarat dan program di bawah HARMONI, perubahan ketara mula dirasai. Pertama, isu-isu sensitif dapat ditangani lebih cepat kerana terdapat saluran rasmi untuk aduan dan dialog. Kedua, masyarakat mula melihat bahawa kerajaan benar-benar serius dalam menjadikan keharmonian sebagai agenda nasional, bukan sekadar retorik. Ketiga, wujud suasana lebih terbuka antara pemimpin agama. Mereka

mempunyai ruang tetap untuk bertemu, berkongsi kebimbangan dan mencari titik persamaan.

Selain itu, HARMONI turut menjadi pemangkin kepada penghasilan Piagam Harmoni Malaysia (PHM). Piagam ini tidak mungkin dapat digubal tanpa platform konsultasi yang disediakan oleh HARMONI. Ini membuktikan bahawa jawatankuasa tersebut bukan sahaja menyelesaikan isu jangka pendek tetapi juga mencorak dasar jangka panjang.

Kewujudan HARMONI telah membawa kesan yang besar dalam memperkukuh keharmonian antara agama dan kaum di Malaysia. Impak paling ketara adalah peningkatan keyakinan masyarakat terhadap keupayaan kerajaan mengurus isu sensitif secara adil dan berhemah. Rakyat kini berasa lebih tenang kerana adanya sebuah badan rasmi yang boleh dirujuk apabila timbul pertikaian melibatkan sensitiviti agama atau budaya. Melalui pelbagai sesi dialog dan rundingan yang dianjurkan, banyak isu yang berpotensi mencetuskan konflik berjaya ditangani lebih awal sebelum menular menjadi polemik terbuka. Langkah ini bukan sahaja mengurangkan ketegangan sosial, tetapi juga menyemai kefahaman dan rasa saling hormat antara penganut pelbagai agama.

Selain itu, HARMONI turut menyuburkan budaya perundingan dalam kalangan pemimpin agama dan masyarakat. Jika sebelum ini pendekatan defensif sering diambil apabila wujud perbezaan pandangan, kini suasana lebih terbuka untuk berbincang dan mencari titik persamaan. Keadaan ini memperkukuh imej Malaysia pada peringkat antarabangsa sebagai model unggul pengurusan hubungan agama dalam masyarakat majmuk. Malah, kejayaan HARMONI telah melahirkan kesinambungan positif melalui Piagam Harmoni Malaysia dan pelbagai inisiatif perpaduan lain yang menjadi asas kepada transformasi sosial negara berteraskan nilai ihsan, toleransi dan kemanusiaan.

Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) telah membawa dimensi baharu dalam pengurusan kepelbagaian agama di Malaysia. Perkara ini membuktikan bahawa konflik bukanlah takdir yang tidak

dapat dielakkan, sebaliknya boleh dicegah melalui dialog, pendidikan dan kerjasama. Transformasi yang dibawa bukan sahaja memperkukuh perpaduan dalam negara, tetapi turut mengangkat imej Malaysia sebagai contoh negara yang berjaya menguruskan perbezaan secara damai.

Selain berfungsi sebagai jambatan antara kerajaan, institusi agama dan masyarakat, HARMONI melengkapkan kerangka Malaysia MADANI yang menekankan nilai ihsan, adil, dan hormat terhadap kepelbagaian.

PIAGAM HARMONI MALAYSIA

Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah menubuhkan Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI). Salah satu hasil penting daripada jawatankuasa ini ialah penggubalan Piagam Harmoni Malaysia (PHM) yang dilancarkan pada 8 Ogos 2024.

PHM digubal oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) bersama Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya (UM) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS). Proses penggubalannya melibatkan pakar agama daripada pelbagai tradisi: Islam, Kristian, Buddha, Hindu dan Sikh. Ini memastikan piagam tersebut benar-benar mencerminkan realiti masyarakat majmuk di Malaysia.

Kandungan PHM disusun secara menyeluruh dengan:

- 6** prinsip utama sebagai asas keharmonian.
- 12** nilai bersama yang merangkumi keadilan, hormat, kasih sayang, dan toleransi.
- 30** panduan berbentuk saranan dan larangan untuk menangani isu sensitif.
- 9** hala tuju jangka panjang bagi memperkukuh persefahaman antara penganut agama.

Piagam ini juga digarap sebagai dokumen pelengkap kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara khususnya dalam aspek perpaduan dan kehidupan beragama.

Pelaksanaan Piagam Harmoni Malaysia (PHM) telah membawa anjakan besar dalam landskap sosial dan dasar keagamaan negara. Proses penggubalannya yang melibatkan pelbagai pihak termasuk pemimpin agama, pertubuhan masyarakat sivil dan institusi kerajaan, melambangkan peralihan daripada pendekatan eksklusif kepada pendekatan yang lebih inklusif dan partisipatif. PHM juga menandakan perubahan paradigma daripada pendekatan reaktif kepada proaktif, di mana ia berperanan sebagai panduan pencegahan bagi mengelakkan konflik sebelum tercetus. Langkah ini menzahirkan kematangan dasar agama di Malaysia yang kini menumpukan kepada pengukuhan kefahaman dan pencegahan awal, bukannya menunggu krisis untuk diselesaikan.



Lebih penting, PHM telah menjadikan program antara agama seperti Hari Rumah Ibadat Terbuka sebagai aktiviti tahunan yang berterusan, bukan lagi acara simbolik yang terpisah daripada dasar negara. Kerjasama antara Pejabat Menteri Hal Ehwal Agama, JAKIM, IKIM dan Kementerian Perpaduan Negara kini bergerak dalam rangka kerja yang lebih tersusun dan saling melengkapi. Hasilnya, persepsi masyarakat terhadap kepelbagaian agama turut berubah, daripada dilihat sebagai ancaman kepada diiktiraf sebagai kekuatan nasional yang memperkayakan identiti Malaysia. Transformasi ini mencerminkan kesungguhan kerajaan menjadikan keharmonian bukan sekadar slogan perpaduan, tetapi satu dasar hidup yang membentuk jati diri bangsa MADANI.

Selepas pengenalan PHM, wujud saluran rasmi yang lebih jelas untuk menangani isu sensitif. Sebagai contoh, jika berlaku salah faham berkaitan istilah agama, rujukan boleh dibuat kepada prinsip dan panduan dalam PHM sebelum mengambil tindakan lain.

Program kesedaran antara agama juga mula diterima lebih baik oleh masyarakat. Kehadiran penganut agama lain dalam aktiviti lawatan rumah ibadat bukan sahaja menambah kefahaman, malah mengurangkan stereotaip. Pihak media turut menjadikan PHM sebagai rujukan ketika melaporkan isu sensitif, sekali gus membantu mengawal naratif awam.

Penerimaan masyarakat terhadap PHM menunjukkan perubahan yang ketara dalam cara rakyat memahami peranan agama dalam kehidupan bernegara. Jika dahulu agama sering dilihat sebagai titik perbezaan yang berpotensi mencetuskan konflik, kini ia semakin diterima sebagai asas kerjasama dan persefahaman. Pelaksanaan PHM telah memperkukuh interaksi antara agama melalui program seperti lawatan rumah ibadat, dialog dan seminar yang meningkatkan tahap kesedaran serta toleransi dalam kalangan rakyat. Langkah-langkah ini membantu membina jambatan kepercayaan antara komuniti, menjadikan perbezaan sebagai ruang untuk mengenal dan menghormati antara satu sama lain.

Selain itu, PHM turut berfungsi sebagai mekanisme pencegahan konflik yang berkesan. Dengan adanya garis panduan yang jelas, isu sensitif dapat ditangani secara cepat dan damai sebelum berlarutan menjadi polemik. Keberkesanan ini juga meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap kerajaan, khususnya melalui peranan proaktif Pejabat Menteri Hal Ehwal Agama dalam memelihara keharmonian nasional. Di samping itu, pendekatan digital PHM melalui kempen kesedaran dan media sosial telah memberdayakan rakyat untuk menangkis naratif kebencian, menjadikan mereka agen perpaduan yang aktif. Kesannya, PHM bukan sahaja memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap institusi agama dan kerajaan, tetapi juga membentuk masyarakat yang lebih matang, terbuka dan berjiwa MADANI.

Piagam Harmoni Malaysia telah muncul sebagai dokumen rujukan penting dalam menguruskan kepelbagaian agama di negara ini. Dengan pendekatan yang inklusif, berstruktur dan berpandangan jauh, PHM berjaya membawa transformasi menyeluruh terhadap cara Malaysia menangani isu keharmonian.

PHM tidak hanya meredakan konflik tetapi juga membina asas jangka panjang untuk perpaduan yang lebih kukuh. Impaknya bukan sahaja dirasai di dalam negara, malah boleh menjadikan Malaysia contoh kepada dunia tentang bagaimana sebuah masyarakat majmuk dapat hidup harmoni dengan berpandukan nilai agama dan kemanusiaan.

WACANA DAN DIALOG HARMONI

Persekitaran global telah menyumbang kepada cabaran jurang kefahaman yang besar dalam kalangan masyarakat dan akademik. Polarisasi ideologi, kebangkitan populisme berasaskan identiti serta konflik antarabangsa yang berakar daripada perbezaan agama, mudah mempengaruhi wacana domestik melalui media sosial. Tanpa wacana yang sihat, naratif kebencian berpotensi menguasai ruang awam.

Menyedari kepentingan wacana sebagai instrumen pembinaan tamadun, beberapa inisiatif berskala besar telah dianjurkan oleh IKIM. Antara yang menonjol ialah:

1. Global MADANI Forum 2024

Program ini menandakan aspirasi bersama untuk memangkin kebangkitan tamadun berakar dalam tradisi Islam dan Asia. Usaha ini tidak hanya untuk kepentingan umat Islam, tetapi turut memberi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia dan masyarakat Asia yang lebih luas. Dengan menyebarkan kefahaman Islam yang sebenar, umat Islam dapat menjelmakan potensi penuh mereka sebagai kuasa ketamadunan yang positif.

Pada masa yang sama, apabila masyarakat Asia menghargai khazanah kebijaksanaan pemikir dan tokoh mereka, kapasiti rantau ini meningkat sebagai kuasa ketamadunan. Kesedaran ini membolehkan umat Islam dan masyarakat Asia menyumbang secara bermakna kepada dunia, menawarkan penyelesaian terhadap cabaran global yang mendesak.

Forum ini menghimpunkan tokoh antarabangsa untuk membincangkan kebangkitan tamadun berasaskan nilai Islam dan Asia. Resolusi yang dihasilkan menegaskan peranan Malaysia sebagai pemain utama dalam wacana global.



YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim Perdana Menteri bersama Prof Dato' Dr. Muhammad Nur bin Manuty selaku Pengerusi IKIM dan Prof Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil.



Sekitar seminar berlangsung. Turut hadir Profesor Emeritus Dato Dr. Osman Bakar, Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Dato' Ahamd Azam bin Ab Rahman, Presiden Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH).

2. Seminar Fiqh Ta'ayush

Seminar ini membincangkan konsep *fiqh ta'ayush* (fiqh hidup bersama) sebagai asas dalam pembinaan Malaysia MADANI. Perbincangan menekankan pentingnya keharmonian hidup antara masyarakat pelbagai agama dan budaya, serta bagaimana prinsip Islam dapat diterapkan untuk membina masyarakat yang inklusif dan

sejahtera. Dalam konteks ini, Islam dilihat bukan hanya sebagai agama ritual, tetapi sistem nilai yang mendorong keterbukaan, dialog dan penghormatan terhadap kepelbagaian, bagi membina masyarakat yang inklusif dan saling memahami.



YB Senator Dr. Zulkifli bin Hasan selaku Timbalan Menteri Hal Ehwat Agama Bersama Prof Dato' Dr. Muhammad Nur bin Manuty (Pengerusi IKIM) dan Prof Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil (Ketua Pengarah IKIM) berfoto bersama para ahli panel dan peserta.

Teras utama yang diketengahkan adalah pembinaan kesefahaman melalui budi, adab dan akhlak sebagai landasan hubungan sosial; peneguhan jati diri Muslim yang berperanan membuka ruang dakwah melalui contoh kebenaran dan ketinggian akhlak; serta usaha menzahirkan kemaslahatan bersama dalam semua aspek kehidupan bermasyarakat. Seminar ini menegaskan bahawa adab dan akhlak bukan hanya nilai peribadi, tetapi asas moral bagi pembangunan masyarakat harmoni. Dengan pendekatan *fiqh ta'ayush*, Malaysia berpotensi menjadi model negara yang mempamerkan wajah Islam yang seimbang—tegas dalam prinsip, namun lembut dalam pendekatan, menzahirkan keindahan Islam dalam kehidupan bersama.

3. Dialog MADANI di United Kingdom

Program ini disasarkan kepada pimpinan pelajar Malaysia di United Kingdom dengan objektif memperjelas konsep dan gagasan Malaysia MADANI dalam kerangka wacana kontemporari, meneliti kecenderungan pemikiran serta tahap kefahaman mereka terhadap persoalan

agama dan proses pembinaan negara, di samping memperkukuh jaringan strategik bersama institusi Islam di United Kingdom bagi memperluas jaringan pengantarabangsaan IKIM serta memperteguh gagasan Malaysia MADANI sebagai wacana berdaya saing di pentas global.



Bersama Pesuruhjaya Tinggi di London dan Diaspora Malaysia.



Prof Dato' Dr. Muhammad Nur bin Manuty memberikan ucapan dan pengisian kepada Diaspora Malaysia.

Dialog pertama berlangsung pada 27 Januari 2024 di Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, London, melibatkan hampir 30 pelajar dari universiti terkemuka seperti UCL, Imperial College, LSE, King's College, SOAS, Warwick, dan Sussex. Pengerusi IKIM membentangkan topik *"Malaysia MADANI: An Insider's Perspective"*, manakala Ketua Pengarah IKIM membicarakan *"Fiqh al-Ta'ayush and National Unity in Malaysia"*. Turut hadir ialah TYT Dato' Zakri Jaafar, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke UK.

Dialog kedua diadakan pada 28 Januari 2024 di University of Manchester dengan kehadiran hampir 30 pelajar dari Manchester, Leeds, dan Cardiff. Perbincangan menampilkan topik *"Malaysia MADANI: An Insider's Perspective"* serta *"The Constitution of Madinah as the Model for Fiqh al-Ta'ayush"*. Majlis turut disertai kepimpinan UKEC yang menekankan peranan belia Malaysia dalam mempromosi keharmonian.

Program ini mengetengahkan tema Fiqh Ta'ayush, Piagam Madinah, dan gagasan Malaysia MADANI dalam konteks global sekaligus memberi ruang kepada pelajar Malaysia di luar negara untuk memahami nilai harmoni serta menjadi duta kepada imej positif negara.

Pelaksanaan siri wacana ini telah membawa perubahan besar dalam cara masyarakat mendekati dialog dan perbincangan antara agama serta budaya di Malaysia. Daripada sekadar seminar akademik bersifat teori, wacana kini berkembang menjadi platform strategik yang menghimpunkan pemimpin kerajaan, belia dan masyarakat umum untuk bersama-sama membincangkan isu kemanusiaan dan perpaduan. Pendekatan ini memperluas capaian dan meningkatkan kesedaran awam tentang pentingnya memahami perbezaan sebagai peluang untuk saling belajar dan menghormati. Program seperti *Global MADANI Forum* turut mengangkat Malaysia ke peringkat antarabangsa, manakala *Dialog MADANI UK* memperkukuh jalinan antara belia Malaysia di luar negara dengan wacana intelektual Islam kontemporari.

Transformasi ini juga menandakan peralihan daripada pendekatan formal kepada interaksi yang lebih inklusif dan berjiwa rakyat. Inisiatif seperti Hari Rumah Ibadat Terbuka menjadikan dialog antara agama lebih mesra dan mudah diterima masyarakat pelbagai latar. Lebih penting, hasil perbincangan dalam siri wacana ini tidak berhenti di pentas wacana semata-mata, tetapi diteruskan melalui penerbitan, liputan media dan cadangan dasar yang berimpak jangka panjang. Secara keseluruhannya, inisiatif ini mengubah persepsi masyarakat bahawa dialog bukan lagi simbolik, tetapi merupakan instrumen konkrit dalam membina perpaduan nasional dan memperkukuh identiti Malaysia MADANI di mata dunia.

Selepas beberapa siri wacana dan dialog dilaksanakan, masyarakat mula lebih terbuka terhadap perbezaan. Belia Malaysia yang terlibat dalam Dialog MADANI UK, misalnya, menunjukkan peningkatan kefahaman tentang gagasan Malaysia MADANI dan peranan agama dalam perpaduan.

Di dalam negara, seminar dan forum anjuran IKIM dan JAKIM memperkaya wacana akademik dengan perspektif kontemporari. Masyarakat awam pula mula terdedah kepada pengalaman langsung melalui aktiviti lawatan rumah ibadat dan sesi dialog komuniti. Keadaan ini jauh berbeza daripada sebelumnya, di mana dialog antara agama lebih bersifat formal dan terbatas. Kini, perbincangan antara agama bukan lagi tertumpu kepada kelompok akademik atau pemimpin agama sahaja, tetapi turut disertai oleh pelbagai lapisan masyarakat, termasuk belia dan pelajar universiti. Pendekatan ini menjadikan konsep keharmonian bukan sekadar teori ideal, tetapi suatu pengalaman sosial yang dapat dirasai bersama.

Impak daripada pelbagai program wacana dan dialog ini semakin ketara apabila kefahaman masyarakat terhadap kepelbagaian agama dan budaya meningkat secara berterusan. Dialog berstruktur yang dianjurkan secara berkala berjaya mengurangkan stereotaip dan prejudis, di samping memperkukuh konsep *fiqh ta'ayush* (hidup bersama secara harmoni) sebagai sebahagian daripada dasar awam. Malaysia juga mula diiktiraf pada peringkat antarabangsa sebagai hab wacana Islam moderat dan inklusif, hasil daripada penglibatan aktif agensi agama dalam pelbagai forum global. Melalui pengiktirafan ini, pendekatan Malaysia MADANI semakin mendapat tempat sebagai model perpaduan berasaskan nilai keagamaan dan kemanusiaan sejagat.

Di samping itu, pendayaan belia menjadi antara hasil paling signifikan. Pelajar dan belia Malaysia, khususnya di luar negara, dilatih untuk menjadi duta nilai harmoni melalui program pertukaran, simposium, dan platform dialog antarabangsa. Mereka membawa mesej Islam sebagai agama rahmah serta imej Malaysia sebagai negara yang menghargai perbezaan dan menolak ekstremisme. Kesenambungan program ini turut diterjemahkan melalui

penerbitan, bahan pendidikan dan cadangan dasar yang berasaskan hasil forum. Dengan cara ini, wacana dan dialog antara agama tidak berhenti pada pentas perbincangan, tetapi terus hidup dalam dasar, pendidikan, dan budaya masyarakat Malaysia yang harmoni.

Wacana dan dialog harmoni memainkan peranan penting dalam membina masyarakat yang inklusif dan berdaya tahan. Melalui program berskala tempatan dan antarabangsa, Malaysia berjaya mewujudkan ruang interaksi yang sihat, memupuk kefahaman, dan memperkukuh nilai toleransi.

Transformasi yang dicapai jelas di mana wacana kini lebih inklusif, strategik, dan berkesan dalam menjawab cabaran polarisasi sosial. Impaknya bukan sahaja meningkatkan perpaduan domestik, tetapi turut meletakkan Malaysia di persada global sebagai contoh negara yang mengurus kepelbagaian melalui dialog.

SANTUNI HARMONI ERATKAN KOMUNITI SERANTAU

Golongan muallaf sering berdepan pelbagai kesukaran dalam proses integrasi sosial dan agama. Ada yang kehilangan sokongan keluarga, terpinggir daripada masyarakat serta berhadapan kekangan pendidikan agama, ekonomi dan psikologi. Situasi ini menimbulkan rasa terasing.



Aktivis NGO menunjukkan seni kaligrafi Cina kepada pengunjung.

Selain itu, masih wujud persepsi bahawa masjid hanyalah pusat ritual umat Islam. Pandangan sempit ini mengehadkan peranan masjid sebagai ruang interaksi inklusif dan menghalang mesej Islam sebagai agama rahmah daripada difahami masyarakat bukan Islam.

Bagi menangani cabaran tersebut, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) memperkenalkan Karnival Harmoni MADANI sempena Bulan Menyantuni Mualaf. Karnival berkonsepkan didik hibur ini menggabungkan pendidikan dan hiburan dalam suasana santai dan mesra masyarakat. Pendekatan ini memperlihatkan kematangan institusi agama dalam menyampaikan dakwah dan mesej perpaduan melalui cara yang lebih kreatif, santai, dan inklusif. Ia juga selaras dengan prinsip Malaysia MADANI yang menekankan nilai kasih sayang, hormat dan keterangkuman sebagai asas pembangunan masyarakat.



Pemuda daripada kaum India ditunjukkan senaskah al-Quran.

Antara pengisian utama yang menarik perhatian pengunjung ialah Dialog Harmoni antara penganut agama berbeza, program Masjid Tour yang memperkenalkan fungsi sebenar masjid kepada masyarakat bukan Islam, serta pameran kesenian dan persembahan kebudayaan dengan penglibatan aktif para mualaf. Selain itu, pelbagai aktiviti pengimaran masjid turut dianjurkan seperti forum, bengkel dan khidmat komuniti. Inisiatif ini bukan sahaja memperkukuh peranan masjid sebagai pusat ilmu dan interaksi sosial, tetapi juga menonjolkan Islam sebagai agama yang terbuka, berbudaya dan mendukung keharmonian sejagat. Melalui pendekatan ini, JAWI berjaya meletakkan asas dakwah yang lebih

progresif, bukan dengan retorik, tetapi dengan tindakan yang menyatukan masyarakat dalam semangat *rahmatan lil 'alamin*.



Turut di adakan persembahan gendang cina di perkarangan masjid.

Objektif utama program adalah ialah menyebarkan keindahan ajaran Islam secara praktikal, di samping memberi sokongan sosial kepada mualaf dengan menyediakan ruang penglibatan aktif. Program ini juga berperanan menjadikan masjid sebagai pusat penyatuan masyarakat majmuk serta mengukuhkan kerjasama strategik antara agensi kerajaan, NGO, badan korporat, dan masyarakat awam.

Program ini telah mengembangkan peranan masjid daripada sekadar pusat ibadah ritual kepada pusat komuniti, pendidikan dan dialog. Pendekatan dakwah juga menjadi lebih mesra, bergerak daripada ceramah formal kepada kaedah interaktif yang mudah diterima. Mualaf tidak lagi hanya sebagai penerima bantuan, sebaliknya tampil sebagai subjek aktif yang berperanan sebagai penganjur dan penggerak. Pada masa yang sama, kolaborasi pelbagai pihak seperti kerajaan, NGO, korporat dan masyarakat setempat semakin diperkukuh. Nilai harmoni pula dipraktikkan secara nyata, bukan sekadar slogan, melalui pengalaman langsung seperti lawatan masjid dan persembahan budaya.

Selepas pelaksanaan program, mualaf menjadi lebih yakin dengan identiti Islam dan merasai sokongan komuniti. Masyarakat Islam pula semakin sedar tentang peranan mereka dalam menyantuni mualaf. Pada masa yang

sama, masyarakat bukan Islam memperoleh kefahaman baharu mengenai Islam sehingga prasangka yang wujud semakin berkurangan. Masjid kini dilihat sebagai pusat interaksi budaya dan agama, bukan semata-mata ruang ibadah.



YB Senator Dato' Setia Dr. Hj Mohamed Na'im bin Mokhtar, Menteri Hal Ehwal Agama menyerahkan bantuan kepada Muallaf.

Antara impak positif yang dapat dicapai daripada pelaksanaan Karnival Harmoni MADANI adalah peningkatan penerimaan masyarakat terhadap Islam melalui pengalaman langsung dan interaksi terbuka yang menyentuh hati. Kedudukan muallaf juga semakin kukuh apabila mereka terlibat secara aktif dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan, sekaligus mempercepatkan proses integrasi sosial. Masjid pula diangkat sebagai simbol perpaduan yang merangkul semua lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang agama atau budaya. Nilai toleransi dan saling menghormati turut dipupuk melalui persembahan seni, kebudayaan dan sesi dialog yang

memperlihatkan keindahan Islam dalam kepelbagaian. Lebih penting lagi, pelaksanaan program ini memperluas jaringan kerjasama antara institusi kerajaan, pertubuhan agama dan komuniti, membuktikan bahawa keharmonian hanya dapat dicapai melalui usaha kolektif yang berterusan.

Pelaksanaan Santuni Harmoni melengkapkan usaha pada peringkat nasional seperti Program Jalinan Muhibah MADANI yang diterajui JAKIM. Program ini menekankan kasih sayang, silaturrahim dan nilai murni sebagai asas perpaduan. Pengisiannya termasuk Lawatan Rahmah, Santunan Mesra dan program turun padang yang menyantuni rakyat secara langsung. Seterusnya bersempena Tahun Baharu Cina, program ini turut menampilkan Dialog Harmoni: "Memupuk Keharmonian Agama Asas Perpaduan Masyarakat MADANI" dan membuka ruang ilmu dan perbincangan rentas agama dan budaya.

Tidak ketinggalan, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) turut melaksanakan program silang budaya dan UNITY Friendly Outreach oleh pelatih ADMY sekitar Dataran Merdeka sebagai inisiatif penting bagi memperkukuh keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia. Dalam era globalisasi dan kepelbagaian, masyarakat berhadapan dengan jurang persefahaman antara kaum, stereotaip serta prasangka yang berpotensi menjejaskan hubungan sosial.



UNITY Friendly Outreach oleh pelatih ADMY sekitar Dataran Merdeka.

Melalui program silang budaya, pelbagai bentuk aktiviti seperti pertukaran pengalaman, bengkel seni, dialog antara komuniti, serta aktiviti kemasyarakatan dianjurkan bagi membuka ruang interaksi yang lebih sihat. Kesannya, masyarakat bukan sahaja dapat meningkatkan pengetahuan tentang kepelbagaian adat dan tradisi, malah dapat membina rasa saling menghormati serta empati antara satu sama lain.



Dialog Silang Budaya di Masjid Sultan Iskandar, Johor.

Program yang telah dilaksanakan ialah Ziarah Kasih bersempena dengan Jamuan Muhibbah Tahun Baru Cina, Salam Persaudaraan Sambutan Tahun Baru Cina, Forum Dialog Harmoni dan siri Ziarah Kasih yang menyantuni masyarakat pelbagai latar.



Peserta silang budaya ditunjukkan cara-cara berwuduk secara teori dan praktikal.

Santuni Harmoni JAKIM bersama inisiatif silang budaya YADIM membuktikan bahawa keharmonian bukan sekadar hasil dasar kerajaan, tetapi mesti diterjemahkan

dalam bentuk program mesra komuniti. Dengan menjadikan masjid sebagai pusat interaksi, mualaf sebagai agen perubahan dan program silang budaya sebagai jambatan kefahaman, pendekatan ini berjaya menzahirkan Islam sebagai agama rahmah.



Wakil NGO memberikan sumbangan kepada mualaf di kediamannya.

Transformasi yang dicapai jelas: mualaf tidak lagi terpinggir, masjid berfungsi sebagai pusat komuniti dan masyarakat majmuk lebih memahami nilai harmoni. Impaknya adalah peningkatan perpaduan sosial dan imej positif Islam.

Keseluruhan usaha ini selaras dengan nilai-nilai MADANI. Ia menzahirkan kemampunan melalui pengukuhan institusi komuniti, membina kesejahteraan dengan sokongan menyeluruh kepada mualaf, serta menggalakkan daya cipta menerusi pendekatan dakwah kreatif seperti didik hibur. Pada masa yang sama, ia menegakkan hormat terhadap kepelbagaian budaya dan agama, mengamalkan ihsan dalam menyantuni golongan rentan, dan memperkukuh keyakinan dalam menghayati Islam sebagai rahmatan lil-'alamin. Inilah wajah Malaysia MADANI yang berteraskan perpaduan, kasih sayang dan ihsan demi kemakmuran negara.



Dato' Setia Dr. Hj. Na'im bin Mokhtar, Menteri Hal Ehwal Agama sedang beramah mesra.

WORLD INTER RELIGIOUS CONFERENCE

Dunia kontemporari sedang berdepan krisis yang berpunca daripada kegagalan menguruskan perbezaan agama dan identiti. Konflik di Asia Barat, serangan Islamofobia di Barat serta kebangkitan ekstremisme agama dalam pelbagai bentuk membuktikan bahawa agama sering dimanipulasi untuk kepentingan peribadi dan politik serta kekuasaan. Media sosial pula menjadi wadah penyebaran kebencian malah menyebabkan ketegangan semakin parah.

Malaysia sebagai negara majmuk yang mengangkat kepelbagaian agama, turut merasai tempias isu global ini. Sentimen luar kadangkala masuk ke ruang awam domestik, mempengaruhi hubungan antara kaum dan agama di dalam negara. Tanpa intervensi bersepadu, risiko polarisasi sosial akan semakin meningkat.

Kerajaan Malaysia melalui gagasan Malaysia MADANI mengambil langkah proaktif dengan menganjurkan *International Summit of Religious Leaders*, sebuah persidangan antarabangsa yang menghimpunkan pemimpin agama dari lebih 30 buah negara. Persidangan ini menjadi platform penting yang bermatlamat untuk menjadikan agama sebagai jambatan perpaduan, bukannya alat konflik, sambil menolak ekstremisme dan politik kebencian yang menggugat keamanan sejagat. Lebih daripada sekadar wacana, sidang ini membuka ruang kerjasama antara agama dalam menangani cabaran global seperti kemiskinan, ketidakadilan sosial dan krisis kemanusiaan. Pendekatan ini menonjolkan Malaysia sebagai peneraju diplomasi antara agama yang berpaksikan nilai rahmah, keadilan dan kemanusiaan sejagat, seiring dengan prinsip MADANI yang mengangkat agama sebagai asas keamanan dunia.

Sehubungan itu, YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, dalam ucapan dasar beliau menegaskan bahawa dunia sedang mengalami defisit nilai. Beliau mengingatkan bahawa ulama, pendeta, sami, rahib, dan pemimpin agama adalah benteng terakhir dalam



Pemandangan daripada atas antara ketua-ketua agama dari pelbagai negara.

mempertahankan martabat manusia daripada dicemari oleh politik kebencian. Ucapan ini menggariskan tanggungjawab moral para pemimpin agama untuk mengangkat kembali nilai keadilan, kedamaian dan kemanusiaan sejagat.

Persidangan International Summit of Religious Leaders telah mencetuskan perubahan besar dalam wacana global apabila diplomasi politik mula berganjak kepada diplomasi nilai. Malaysia menggunakan pendekatan berteraskan agama dan kemanusiaan sebagai instrumen diplomasi yang menghubungkan pelbagai negara dan budaya. Melalui sidang ini, naratif agama turut berubah daripada sering dianggap sebagai punca konflik kepada agen penyatuan sejagat, dengan agama ditampilkan sebagai sumber etika dan nilai bersama dalam membina keamanan global yang lestari.

Selain itu, Malaysia diiktiraf sebagai platform antarabangsa dalam menguruskan masyarakat majmuk secara harmoni, membuktikan kemampuan negara memimpin wacana agama dengan pendekatan inklusif dan berpandangan jauh. Hasil daripada persidangan ini, beberapa jaringan kerjasama merentas sempadan berjaya diwujudkan, melibatkan pelbagai institusi agama, pertubuhan kemanusiaan dan organisasi antarabangsa. Pengiktirafan terhadap gagasan Malaysia MADANI turut terserlah apabila prinsip *wasatiyyah*, *rahmatan lil 'alamin* dan maqasid syariah dijadikan asas penyelesaian global terhadap isu kemanusiaan, sekali gus memperkukuh imej Malaysia sebagai suara moderasi dan keamanan di pentas dunia.



YAB Perdana Menteri menyampaikan ucapan dasar dan ucapan perasmian.



YAB Perdana menteri sedang beramah mesra dengan ketua agama yang menghadiri program ini.

Transformasi ini menandakan peralihan besar iaitu Malaysia bukan lagi hanya peserta dalam wacana antarabangsa, tetapi pemimpin yang membawa pendekatan damai berasaskan agama.

Selepas persidangan ini, Malaysia dilihat lebih aktif dalam diplomasi agama antarabangsa. Negara mula dirujuk sebagai model masyarakat harmoni yang berjaya mengurus kepelbagaian agama. Beberapa negara sahabat menyatakan minat untuk menjalin kerjasama dalam bidang dialog agama, pendidikan dan pembangunan berasaskan nilai.

Pada peringkat domestik, persidangan ini mengangkat semula keyakinan rakyat bahawa Malaysia mempunyai kekuatan moral untuk memainkan peranan besar pada peringkat antarabangsa. Ini juga merupakan dorongan

kepada institusi agama tempatan untuk lebih proaktif dalam mempromosikan dialog dan kerjasama antara agama.

Beberapa impak utama hasil daripada *World Inter Religious Conference* dapat dilihat dengan jelas. Pertama, imej Malaysia semakin meningkat apabila negara dikenali sebagai pusat global dialog agama yang seiring dengan aspirasi Malaysia MADANI. Kedua, suara pemimpin agama dunia berjaya disatukan dengan menekankan bahawa nilai kemanusiaan sejagat perlu menjadi asas dalam menghadapi cabaran global. Ketiga, Malaysia dapat mengukuhkan jaringan antarabangsa melalui hubungan strategik dengan tokoh agama dan institusi luar negara. Keempat, persepsi negatif terhadap Islam semakin berkurangan kerana Islam ditampilkan sebagai agama yang membawa rahmat dan bukannya konflik.

Akhir sekali, masyarakat domestik turut mendapat inspirasi dengan keyakinan bahawa harmoni yang dikecapi di dalam negara boleh menjadi sumbangan bermakna kepada dunia.

World Inter Religious Conference yang dianjurkan di bawah kerangka Malaysia MADANI membuktikan bahawa diplomasi agama adalah jalan ke hadapan dalam menangani krisis global. Dengan meletakkan agama sebagai jambatan perpaduan, persidangan ini mengubah naratif antarabangsa bahawa kepelbagaian agama adalah ancaman.

Malaysia berjaya menampilkan diri sebagai pusat global bagi dialog dan kerjasama antara agama. Transformasi ini bukan sahaja mengangkat nama negara di mata dunia, tetapi juga memberi inspirasi kepada rakyat tempatan untuk terus memelihara keharmonian. Impaknya melangkaui batas politik, kerana ia meneguhkan semula tamadun insan yang berasaskan keadilan, kasih sayang, dan kedamaian sejagat.



Foto bersama ketua-ketua agama dari pelbagai negara.



Foto bersama ketua-ketua agama dari pelbagai negara.

KESIMPULAN


Keharmonian tamadun insan menuntut lebih daripada sekadar retorik. Usaha ini menuntut kesungguhan politik, keberanian moral dan kesedaran masyarakat bahawa kepelbagaian adalah amanah yang perlu diurus dengan hikmah. Malaysia tidak boleh hanya bergantung kepada pengalaman lampau, sebaliknya perlu memperkuat dasar, institusi dan budaya masyarakat yang menolak diskriminasi serta menyanjung keadilan. Transformasi Al-Falah yang menekankan konsep keharmonian tamadun insan adalah landasan kukuh bagi merealisasikan cita-cita Malaysia MADANI yang mengimpikan sebuah kehidupan bangsa dan umat yang saling hormat menghormati berasaskan prinsip kemuliaan setiap insan (*karamah insaniah*) yang dijadikan Allah SWT di muka bumi ini.

Peranan agensi Hal Ehwal Agama bersama-sama sektor awam, swasta dan pergerakan sukarela telah meniupkan semangat serta keyakinan seluruh rakyat dan umat iaitu kehidupan majmuk yang damai dan harmoni adalah sebuah realiti yang boleh direalisasikan. Menerusi kesedaran kolektif, sokongan institusi dan keberanian mempraktikkan nilai yang disepakati, keharmonian mampu diperkukuh sebagai asas tamadun antara umat manusia. Pencapaian keharmonian tamadun insan merupakan suatu sumbangan besar negara kepada peradaban dunia iaitu masyarakat majmuk dan pelbagai mampu hidup secara saksama dan harmoni menerusi asas semangat kehormatan bersama, bertasamuh dan saling menghargai. Sesungguhnya mencapai keharmonian tamadun insan adalah wawasan dan cita-cita keagamaan Islam yang menganjurkan umat manusia untuk saling kenal mengenali (*taaruf*) iaitu kehidupan majmuk yang bersama-sama berkongsi, ikhlas dan jujur serta saling hormat-menghormati.



BAB 9

JALAN KE HADAPAN MENUJU KHAYRA UMMAH



JALAN KE HADAPAN MENUJU KHAYRA UMMAH

Jalan Ke Hadapan ialah tanggapan terhadap langkah-langkah yang wajar diberi keutamaan oleh agensi-agensi di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) (JPM-HEA) demi menjayakan cita-cita memacu kemajuan Malaysia MADANI. Ia juga menanggapi ruang dan potensi baharu pada masa hadapan yang wajar diteroka dan digembeling secara saksama ke arah kecemerlangan Tamadun Ummah.

Mencapai Khayra Ummah (Umat Terbaik) merupakan cita-cita bersama seluruh umat Islam pada masa kini. Bangun dan jatuh peradaban Islam di pentas tamadun dunia mengandungi banyak iktibar. Kegemilangan masa lalu dan kemunduran yang dihadapi ummah hari ini adalah pengajaran bermakna. Usaha memacu kegemilangan ummah pada masa depan merupakan tanggungjawab keagamaan dan tamadun yang mesti dipikul bersama. Selaku umat yang tergolong dalam kalangan Khayra Ummah, umat Islam di Malaysia mesti dibangunkan sebagai masyarakat contoh dalam segenap segi kehidupannya. Ia secara langsung akan menyumbang terhadap langkah mengangkat kehormatan negara sebagai tauladan terbaik di persada peradaban dunia. Firman Allah SWT:

Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasik.

Ali-'Imran 3:110

Perjuangan besar membina tamadun Khayra Ummah menuntut persiapan rapi. Agensi Hal Ehwal Agama didapati merupakan 'enjin' penjana utama pada perjuangan mulia ini. Kecemerlangan yang ditunjukkan menerusi pelaksanaan Transformasi Al-Falah Hal Ehwal Islam sejak tiga tahun lalu membuktikan keupayaannya sebagai sebuah jentera besar yang berkesan, efektif dan berdaya saing bagi menyahut cabaran dan tanggungjawab besar keagamaan dalam memacu kegemilangan negara dan kecemerlangan peradaban ummah pada hari ini dan masa hadapan.



PENGUKUHAN TERAS EKOSISTEM HAL EHWAL ISLAM

Pelan Transformasi Al-Falah (2023–2027) yang dibangunkan JPM-HEA mengandungi teras-teras utama ekosistem kecemerlangan hal ehwal Islam di Malaysia. Oleh itu, ia wajar terus dijadikan panduan oleh agensi-agensi Hal Ehwal Agama dalam memacu perancangan dan pelaksanaannya pada masa hadapan. Teras-teras tersebut ialah, Pentadbiran Islam Mampan, Kesejahteraan Insan, Kemuliaan Syariah, Kepimpinan Berdaya Cipta dan Kehormatan Institusi Islam – menggariskan suatu cakupan luas sejajar tonggak-tonggak nilai Malaysia MADANI yang menekankan dimesni-dimensi Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan, iaitu enam landasan nilai bagi memacu kegemilangan negara.

Teras-teras ekosistem pembangunan hal ehwal Islam ini mencakupi aspek keberkesanan pelaksanaan dasar, keselarasan bersama pemegang taruh yang

luas, skop perkhidmatan yang dinamik serta potensi penggembleran sumber yang kaya demi mencapai kemakmuran dan kesejahteraan bersama seluruh ummah. Agensi Hal Ehwal Agama adalah taruh induk terhadap dimensi-dimensi ekosistem yang dinamik ini. Oleh itu, kepemimpinan, perancangan strategik serta keberkesanan pelaksanaan merupakan prasyarat kecemerlangan dan transformasi yang digagaskan. Jalan ke hadapan dalam kerangka dan ekosistem ini adalah langkah-langkah pembaikan dan pembaharuan berterusan (islah dan tajdid) yang syumul meliputi inovasi dan daya cipta serta kreativiti dan keterbukaan bagi mendepani cabaran semasa serta potensi baharu yang rencam dan sentiasa berkembang.

1. Kecekapan Tadbir Urus Mampan

Pentadbiran yang cekap dan mampan ialah landasan mencapai kecemerlangan. Seajar sebagai institusi induk, Agensi Hal Ehwal Agama yang berkesan menjadi keberkesanan perancangan dan pelaksanaannya. Cabaran ini menuntut program penambakan berterusan.

Kecekapan adalah natijah daripada proses pembelajaran berpanjangan di samping kemudahan dan prasarana lengkap. Pentadbiran melibatkan pembangunan sumber insan berdaya saing. Para kakitangan terlatih, profesional dan berhemah menjamin tadbir urus yang mesra dan berkualiti.

Penghayatan Fikrah MADANI oleh warga agensi asas kesatuan amal dan gerak kerja. Gagasan Malaysia MADANI adalah wacana berkenaan falsafah dan pendekatan kerja yang holistik. Dari sudut Fikrah MADANI, kemajuan institusi meliputi kesan yang menyeluruh dari segi ketangkasan, keanjalan serta ukhuwah dan nilai insaniah. *Kalimah Tayyibah* adalah dasar etika dan akhlak perkhidmatan Hal Ehwal Agama yang profesional dan rahmah. Kepemimpinan agensi, bahagian dan unit mesti mencapai tingkat integriti tertinggi. Pemimpin hendaklah meneladani, berperancangan dan berkemampuan mentadbir pelaksanaan serta susulannya supaya ia mencapai tujuan yang tersurat juga tersirat. Pemimpin juga merupakan penyelesaian masalah (*problem solver*), bukan sebaliknya.

Kecekapan dalam pembangunan dan pengurusan bidang wakaf pada masa hadapan merupakan keutamaan kerana ia sumber penandaan kesejahteraan ekonomi dan sosial ummah. Wakaf *muaqqat* dan *end-financing* perlu dipandu oleh garis panduan risiko-pulangan yang jelas, termasuk penilaian projek, tadbir urus pelaburan, dan mekanisme keluar yang melindungi dana pewakaf. Transformasi digital pengumpulan dan agihan wajar dipadankan dengan "*traceability to impact*" di mana setiap sumbangan boleh di jejak sehingga hasil sosialnya (contoh: katil hospital, biasiswa, modal mikro).

Hospital Pakar Patuh Syariah Bercirikan Wakaf perlu beroperasi dengan model hibrid iaitu perkhidmatan kos sosial disilang biyai oleh segmen komersial, kolaborasi GLC/institusi kewangan Islam dan tadbir urus klinikal berasaskan data. Permodalan Wakaf Berhad (PWB) pula disasar sebagai payung produk pelaburan wakaf dengan penanda aras impak dan laporan suku tahunan yang memudahkan pelabur sosial menilai prestasi.

Dalam agenda mengangkat dan memartabatkan perundangan Syariah pada masa hadapan, semakan akta teras (Akta 560/561 dan berkaitan) perlu menyeimbangkan ketegasan perundangan dengan perlindungan hak asasi berpandukan Maqasid Syariah. Perbicaraan dalam talian dan kerjasama rentas negeri hendaklah disokong standard bukti digital, keselamatan siber, dan keseragaman tatacara.

CRT perlu dikembangkan kepada analitik prosiding yang mewujudkan indeks masa pendengaran, masa keputusan, dan "*bottleneck*" pentadbiran untuk tindakan pembaikan. Penubuhan Sulh Centre sebagai model nasional pula menuntut piawaian fasiliti, kemahiran mediator bertauliah, dan pangkalan data kes yang membolehkan pembelajaran berterusan merentas negeri.

2. Memacu Khidmat Ummah

Ummah mendambakan khidmat terbaik daripada Agensi Hal Ehwal Agama. Kecemerlangan dicapai sebelumnya mesti terus dipacu dan dikembangkan. Jalan ke hadapan adalah langkah memacu perkhidmatan ummah dalam segala segi keperluan dan kemajuannya pada segi keselesaan, kemudahan, pengupayaan dan sokongan. Pemacuan khidmat yang cemerlang akan mengurangkan jurang, melebarkan manfaat seterusnya meninggikan kehormatan.

Sumbangan Agensi Hal Ehwal Agama dalam memberi perkhidmatan ibadah haji yang kini diiktiraf dunia adalah contoh kecemerlangan khidmat ummah yang mesti diteladani. Kemajuan bidang halal kini juga amat membanggakan. Perkhidmatan perundangan dan kehakiman juga sedang menjadi rujukan, termasuk kemajuan dalam khidmat pengurusan dana ummah iaitu zakat, wakaf dan infaq, termasuk juga pentadbiran dan pembangunan pendidikan Islam yang dinamik.

Bidang khidmat ummah ini mesti terus dipacu dengan kukuh dan gemilang. Ruang-ruang tambah baik hendaklah terus disusuli secara dalaman, juga menerusi pembelajaran berterusan dan perbandingan. Aspek pembangunan penyelidikan Islam, pengurusan dakwah jaring



institusi, pembangunan generasi muda, kepemimpinan belia dan kesukarelaan serta pengurusan masjid dan pembangunan kesejahteraan komuniti setempat yang berkesan merupakan bidang-bidang khidmat ummah yang mesti terus diperkasakan. Permasalahan masyarakat muhajirin (melarikan diri ke Malaysia kerana faktor berperangan dan kemiskinan) adalah isu-isu semasa ummah pada era globalisasi yang juga mesti diberi perhatian dengan penuh peduli dan prihatin.

Khidmat Ummah Agensi Hal Ehwal Agama masa kini mencakupi perkhidmatan perundangan. Rakan Sulh perlu berevolusi sebagai rangkaian nasional mediator komuniti dengan modul pensijilan berlapis (asas–pertengahan–lanjutan) dan protokol peningkatan kes ke mahkamah hanya apabila perlu. Ini mengurangkan kos sosial, mempercepat perdamaian, dan melatih komuniti mengurus konflik secara beradab.

Pada masa hadapan, IFIC di TRX berpotensi menjadi “living lab” literasi kewangan Islam global. Bengkel interaktif, simulasi produk (zakat, wakaf, takaful, pelaburan patuh Syariah), dan talian bimbingan bagi isi rumah. Klinik Mufti JMWP pula digiatkan secara hibrid, dengan

pangkalan Q&A terindeks dan integrasi rujukan fatwa semasa yang mempercepat akses nasihat yang sahih.

Dalam kaitan yang sama, IKIM mesti mengukuhkan peranan sebagai pusat ilmu dan media: geran penyelidikan bertema MADANI, pangkalan data pengetahuan terbuka, serta rakan strategik global. Ke hadapan, indikator kejayaan tidak hanya pada capaian dan tontonan, tetapi pada perubahan tingkah laku (*behavioural outcomes*) hasil intervensi ilmu yang menyatukan wacana dengan kesan nyata.

Matlamat terakhir daripada pemacuan khidmat ini adalah pelestarian kesejahteraan ekonomi dan sosial demi mengatasi kemiskinan, membasmi kejahilan dan membina masyarakat yang harmoni, cergas dan bersatu padu. Khidmat ummah pada masa hadapan adalah merentas sempadan mencakupi kepentingan ummah pada peringkat serantau dan antarabangsa. Tanggungjawab ini adalah besar dan berat, namun gandingan bersama dengan saksama warga Agensi Hal Ehwal Agama pasti meringankan dan melancarkan usaha menjayakan amanah keagamaan seterusnya memacu kegemilangan Khayra Ummah.

3. Penggembleran Bakat, Potensi dan Kecekapan Baharu

Dunia kini pesat berubah. Revolusi Industri 5.0 menjadi landasan baharu memacu kemajuan. Agensi Hal Ehwal Agama tidak harus ketinggalan. Malah, mesti memanfaatkan kemudahan moden demi menjayakan agenda transformasi membina negara MADANI. Langkah permulaan adalah membentuk sikap terbuka dalam kalangan kepimpinan dan warga terdapat perubahan zaman dan aneka teknologi baharu yang berkembang sebagai mekanisme peningkatan pencapaian. Pertumbuhan teknologi Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence*) atau AI sebagai contoh adalah perubahan baharu yang akan mempengaruhi zaman. Teknologi maklumat, robotik dan aplikasi media sosial kini dan bakal menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat dan membentuk corak berfikir dan bertindak. Ia bakal mempengaruhi corak nilai dan budaya dalam kehidupan individu, keluarga, pekerjaan dan kemasyarakatan.

Cabaran ini mesti ditempuh. Langkah ke hadapan menuntut perancangan bagi penggembleran bakat, ilmu, penerokaan potensi, jaringan serta kecekapan baharu demi mempertingkatkan keupayaan sumber insan, memanfaatkan ruang persekitaran dengan maksimum serta mencipta peluang dan kreativiti baharu.

Sejak tiga tahun lalu, inovasi perkhidmatan hal ehwal Islam telah membantu dalam mempermudah urusan kehidupan ummah. Aplikasi serta pengurusan teknologi maklumat sepadu menerusi khidmat dalam talian amat membanggakan dan mendapat pelbagai pujian. Penerokaan inovasi baharu memanfaatkan teknologi terkini mesti diutamakan sejajar perkembangan nilai dan budaya baharu kehidupan.

Misalnya, dalam memperkasa kesejahteraan kelompok OKU, SOP mesra-akses perlu ditambah kepada garis masa dan bajet, ruang fizikal, bahan mudah baca, penterjemah bahasa isyarat diakreditasi, serta borang digital mesra pembaca skrin. Sementara itu, Modul Literasi Kewangan Islam patut diintegrasikan ke

dalam ekosistem bantuan (zakat/infaq) supaya intervensi kewangan disandarkan pada bimbingan belanjawan, perlindungan takaful mikro, dan rujukan kaunseling hutang demi mengubah bantuan sementara kepada daya tahan jangka panjang.

Dalam memperluaskan literasi perundangan dalam kalangan ummah pada masa hadapan, program Cakna Syariah Lestari MADANI (CSLM) wajar menyampaikan naratif Syariah sebagai sistem nilai: mendidik, memelihara dan memperelok. Konvensyen & Rakan Sulh menjadi platform melatih pemimpin komuniti; Karnival Sakinah menyatukan intervensi keluarga (kaunseling, kewangan, kesihatan mental) di bawah satu bumbung; Jendela Cakna Syariah memperluas kandungan multimedia yang ringkas, sahih dan mudah dikongsi. Ke hadapan juga, pengukuran literasi Syariah perlu distandardkan (indeks literasi tahunan). Data ini memandu fokus intervensi mengikut lokaliti misalnya isu nafkah, hutang keluarga, atau adab media sosial, agar program bersifat responsif.

MAIWP melalui inisiatif Asnaf Profiling telah melaksanakan transformasi digital dalam kaedah pengumpulan dan analisis data asnaf. Inisiatif ini menggantikan kaedah tinjauan manual kepada penggunaan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dan analitik data raya (big data analytics) bagi memastikan pengagihan zakat dilakukan dengan lebih tepat, efisien dan berimpak tinggi. JKSM pula meneroka AI bertanggungjawab untuk carian kes, templat *pliding* dan pengurusan jadual, dengan pagar etika dan semakan manusia mandatori. Manakala Pusat Falak JMWP (Labuan) dan Darul Kalam 2 menzahirkan ekosistem ilmu: penyelidikan, pencerapan, pemeliharaan mushaf dan rantaian pendidikan awam. Semua ini menuntut pelan penyelenggaraan aset, latihan kakitangan, dan kerjasama universiti supaya infrastruktur bukan sekadar megah, tetapi produktif.

Langkah pelaburan dalam pembangunan bakat dan potensi mesti diberi keutamaan di samping keterbukaan menerima inisiatif baharu daripada jaringan nasional dan antarabangsa. Proses pendidikan dan

perpindahan teknologi mesti digerakkan menerusi pelan kerja jangka pendek dan panjang. Penggembleran yang dilaksanakan secara teratur menerusi panduan pakar rujuk yang berwibawa akan melonjakkan mutu dan khidmat Agensi Hal Ehwal Agama seterusnya melonjakkan kedudukan agama dan negara pada mata dan pandangan masyarakat dunia.

4. Memperkukuh Jaringan Kerjasama Kesejahteraan Ummah

Wadah jaringan kerjasama pembangunan kesejahteraan ummah yang kukuh adalah jaminan pencapaian kegemilangan negara MADANI dan keutuhan tamadun Khayra Ummah. Transformasi Al-Falah yang memberi penekanan terhadap perpaduan ummah digerakkan menerusi wahana MABIMS yang berwibawa dan diperakui. Penggembleran kekuatan MABIMS adalah antara langkah ke hadapan yang wajar diberi keutamaan. Ia mewakili institusi yang mentadbir keperluan dan kesejahteraan ratusan juta umat di peringkat Asia Tenggara. Penerokaan potensi dan kelebihannya akan merancakkan lagi kegiatan yang memangkin

pembangunan ummah yang menyeluruh pada peringkat serantau dan antarabangsa.

Kesejahteraan ummah serantau memerlukan dokongan padu daripada perkumpulan sukarela Islam, badan-badan dakwah serantau yang dihormati. Kerjasama cendekiawan Malaysia-Indonesia (MALINDO) misalnya yang dipupuk perlu terus diperkasakan sebagai enjin pendidikan dan pencerahan ummah dalam pelbagai segi dan sudut. Begitu juga Majlis Ulama Asia menerusi dokongan Rabitah Alam Islami atau Liga Arab Sedunia yang diasaskan pada era Malaysia MADANI.

Penglibatan menyeluruh sektor awam, swasta, badan sukarela dan antarabangsa dalam sebuah jaringan kerja yang saksama bagi mencapai cita-cita bersama memacu Khayra Ummah adalah langkah ke hadapan yang mesti dipergiatkan. Urusan perkhidmatan ummah yang luas memerlukan jaringan kerjasama yang seimbang antara negara-negara di dunia Islam. Kekuatan dan potensi dunia Islam yang ramai dan kaya merupakan sumber kemajuan sebenar. Cabarannya adalah melaksanakan keselarasan fikrah dan amal.





YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri hadir dan memberikan ucapan seterusnya merasmikan Persidangan The Third Edition of Southeast Asia Ulama Conference 2025 pada 29 Ogos 2025 (Jumaat), di Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Contohnya, gerakan membina kesejahteraan dan keharmonian ummah serantau perlu menjadi kesepakatan bersama kerana perkongsian persekitaran majmuk yang serupa. Pelan Literasi Keharmonian Kebangsaan (2026–2030) boleh menjadi wadah pemersatuan gerak kerja serantau dan antarabangsa. Pelan ini wajar bergerak di tiga gelanggang: sekolah, tempat kerja, dan komuniti digital. Kurikulum nilai harmoni disokong modul latihan fasilitator, kit aktiviti rentas agama/budaya, serta pengukuran sikap tahunan.

Penginstitusian Piagam Harmoni Malaysia sebagai dokumen negara memerlukan pelan komunikasi awam, pelaporan kemajuan antara kementerian, dan “audit harmoni” pada projek-projek berimpak tinggi. Jawatankuasa HARMONI hendaklah menjadi enjin koordinasi yang menghubungkan penyelidikan IKIM, dasar JPM-HEA, dan program Kementerian Perpaduan agar mesej harmoni tidak bersifat istiadat, tetapi hidup dalam polisi. Pada masa depan, piagam yang dikemukakan perlu diadaptasi dan diterap pada peringkat serantau dan global.

Program Daie Muda YADIM (PMDY) boleh ditingkatkan taraf sebagai rintis “akademi lapangan” modul dakwah berakar tradisi pondok, disulam kemahiran abad ke-21 (retorik, reka bentuk kandungan, sains data asas, etika AI). Graduan disalurkan ke ekosistem

NGO, masjid, sekolah dan media untuk misi komuniti berfasa 6–12 bulan. Simposium Kefahaman Malaysia MADANI untuk anggota beruniform diperkukuh dengan latihan senario (*scenario-based learning*) dan bimbingan mentor. Di media, AlHijrah Plus dan OTT IKIM memacu kerjasama kandungan global, menubuhkan “*writers’ room*” rentas negara dan memanfaatkan analitik tontonan bagi memperhalus mesej dakwah agar segar namun tertib.

Agensi Hal Ehwal Agama di Malaysia dihormati dan berwibawa sebagai induk penyelarasan utama. Peranan ke hadapan yang dimainkan nanti akan memberi kesan yang besar bermakna terhadap perubahan dan pembaharuan. Kepimpinan Agensi Hal Ehwal Agama pada peringkat serantau dan antarabangsa mesti dipersiapkan. Ia termasuk pelan kemajuan hal ehwal Islam pada peringkat global dan mengadakan kerjasama dengan rakan strategik berwibawa dalam bidang yang akan diterokai terutama dalam aspek pembangunan dakwah, sosial dan keutuhan ekonomi ummah.

5. Pusat Perkongsian Kecemerlangan Ummah

Langkah ke hadapan yang perlu diberi keutamaan pada masa akan datang adalah kesediaan ruang bagi memperluaskan perkongsian produk-produk kecemerlangan hal ehwal Islam ke dunia Islam. Agensi Hal Ehwal Agama kini merupakan rujukan global dalam beberapa aspek perkhidmatannya. Program persijilan halal, pengurusan haji, pendidikan Islam, pengurusan zakat, wakaf dan infaq telah memperoleh pelbagai pelbagai anugerah dan pengiktirafan.

Sudah tiba masanya, pencapaian dan pengalaman agensi Hal Ehwal Agama dalam perancangan, pembinaan dan pengembangannya dikongsikan di peringkat global terutama di dunia Islam. Agensi Hal Ehwal Agama wajar menyediakan khidmat perundingan khusus bagi mengembangkan pencapaian yang diperakui dalam bentuk sistem, amalan dan produk terbaik untuk diadaptasi sebagai berperingkat. Masyarakat Muslim minoriti khususnya yang tinggal di negara-negara Asia, Afrika dan Eropah misalnya amat memerlukan

perkongsian pengalaman terhadap pencapaian pelbagai produk hal ehwal Islam di Malaysia.

Misalnya, produk Waqf Global dan Kewangan Sosial Islam Antarabangsa tidak hanya perlu terus diperkasa pada masa hadapan, malah menuntut Waqf ETF menembusi pasaran serantau melalui rakan bursa, sambil mengekalkan syarat Syariah dan pendedahan risiko yang telus. Inovasi seperti sukuk wakaf dan REIT wakaf wajar memfokus kepada aset berpendapatan stabil (kesihatan, pendidikan, sewaan sosial) dengan kerangka tadbir urus bebas konflik.

Pada masa hadapan, produk khidmat seperti wakaf perlu penyelarasan dengan SDGs yang memerlukan indikator impak yang boleh diaudit (contoh: jumlah pesakit B40 dirawat, tan CO₂ dikurang, kadar tamat sekolah). Jaringan antarabangsa melalui pusat kecemerlangan dan perjanjian teknikal, boleh menempatkan Malaysia sebagai rujukan global di mana kita bukan sekadar mengumpul dana, tetapi demonstrasi model kewangan sosial Islam yang terbukti dan boleh diguna semula.



Perkara ini hakikatnya bukan tradisi asing. Misalnya, Malaysia ke hadapan berkongsi model pendidikan tinggi Islam menerusi pengalaman pengurusan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Malah, dalam bidang kewangan Islam, Malaysia merupakan pusat rujukan. Peranan yang serupa boleh dimainkan oleh Agensi Hal Ehwal Agama menerusi produk dan modelnya yang telah mencapai tahap pengiktirafan global untuk dimanfaatkan oleh ummah di dunia Islam khususnya.

6. Transformasi Institusi (Projek Najah)



Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar melancarkan Pelan Transformasi dan Perubahan YAPEIM pada 5 Disember 2023, bertempat di Pusat Pameran dan Konvensyen MATRADE (MECC), Kuala Lumpur.

Menginjak ke usia 40 tahun pada tahun 2024, YAPEIM telah mengorak langkah perubahan melalui Rancangan Transformasi dan Perubahan YAPEIM (Projek Najah). Ia dilaksanakan dengan mengambil aspirasi Kerajaan Malaysia MADANI yang digagaskan oleh Perdana Menteri, yang juga merupakan Pengasas YAPEIM. Transformasi Najah merupakan langkah strategik YAPEIM dalam memperkukuh kedudukan sebagai institusi pembangunan ekonomi Islam yang unggul, berdaya saing dan relevan dengan keperluan semasa. Pelan ini bukan sahaja memperkasa struktur dalaman YAPEIM, malah memperluas impak sosial dan ekonomi kepada masyarakat secara menyeluruh bagi mencapai matlamat YAPEIM untuk menjadi Institusi Rujukan Global dalam Ekosistem Pembangunan Ekonomi Islam menjelang tahun 2027.

PENUTUP

Kelima-lima langkah masa depan yang dikemukakan adalah sebahagian daripada olahan dapatan ringkasan pencapaian Transformasi Al-Falah sepanjang tiga tahun lalu dan bagaimana ia boleh menjadi asas pemacuan ke arah kecemerlangan Agensi Hal Ehwal Agama pada masa depan. Sekurang-kurangnya, rumusan ini menjadi landasan titik tolak terhadap proses islah dan tajdid institusi untuk melonjak lebih laju, luas dan tangkas pada dekad-dekad masa depan merealisasikan Khayra Ummah.

Cita-cita dan misi transformasi, perubahan, pembaikan dan pembaharuan ini menuntut kepimpinan yang tekal pada ilmu, integriti dan ihsan, serta disiplin pelaksanaan yang diukur, dinilai dan diperbaiki. Jika digabungkan secara organik, antara dasar, data dan manusia, Transformasi Al-Falah akan melangkah daripada kejayaan sistematik kepada keteguhan ekosistem: keadilan yang berfungsi, ekonomi ummah yang berdaya, serta masyarakat yang harmoni dan beradab. Inilah jalan ke hadapan yang realistik dan dengan harapan dalam menjadikan Malaysia rujukan bukan hanya pada struktur, tetapi pada akhlak pentadbirannya.

Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah melaksanakan ikhtiar terbaik dalam menjayakan Malaysia MADANI sepanjang tiga tahun berlalu. Sememangnya, Islam Mekar Bersama Malaysia MADANI sebagaimana dizahirkan dalam rangkuman pencapaian buku yang bermakna ini. Buku ini menafikan dakwaan dan tohmahan sesetengah pihak tidak bertanggungjawab iaitu syiar Islam dan masa depannya di negara ini dalam keadaan terancam dan tercabar.

Hakikatnya, era Malaysia MADANI membuka ruang luas dan terbuka, menyediakan landasan utuh serta dokongan menyeluruh kepada individu dan institusi mempraktikkan kefahaman dan amalan Islam yang sebenar dalam segenap aspek kehidupan dan ketamadunan insan. Langkah ke hadapan adalah menjayakan pembinaan Negara MADANI dan memacu kecemerlangan Tamadun Khayra Ummah seutuhnya seterusnya menjayakan misi keagamaan Islam sebagai rahmah ke sekian alam – *rahmatan lil 'alamin*.

SIDANG REDAKSI

- Ketua Editor

Dr. Muhammad Razak Idris
Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam
Mohamed Adil

- Editor Kandungan

Dr. Mohd Zaidi Ismail
Ketua Editor Kandungan

Dr. Mohd Farid Mohd Shahrar
Timbalan Ketua Editor Kandungan

Cik Syamilah Heng Kamal Koh
Mohamad Daniel Syafiq Mohamad Sulaiman

- Editor Naskhah

Mohammad A'sim Ismail
Mastura Mohd Zain

- Pengarang

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
Dr Mohd Zaidi Ismail
Dr. Mohd Farid Mohd Shahrar
Dr. Muhammad Syafiq Borhannuddin
Nik Hasnah Ismail
Mohd Noor Omar
Siti Shamsiah Md Supi
Nur Syahidah Abdul Jalil
Syamilah Heng Kamal Koh
Sri Sarina Dewi Suhaimin
Dr. Najwa Abd. Ghafar
Muhammad Azizul Hakeem Johari Affandi
Muhammad Nur Akmal Adib Abdul Samad
Muhammad Khairi Zainal
Mohamad Daniel Syafiq Mohamad Sulaiman

- Pereka Letak & Visual

Mohd Hasrul Said

- Penyelaras Pentadbiran

Nik Hasnah Ismail

- Penyelaras Penerbitan

Sri Sarina Dewi Suhaimin

...SIDANG REDAKSI

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Nursyazrin Nazee Mudeen

Rashidi Salleh

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)

Wan Mohd Najib Wan Hamat

Zurina Musa

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

Rosmiena Che Mat

Sae'dah Md Saleh

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)

Mohd Haniff Salim

Nurul Aida Sazali

Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan (JMWP)

Nurunnafisah Muhammad Asrak

Khairul Anuar Abdul Khalid

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)

Norzaidan Hamad

Khairunnisa Bakri

Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (MSWP)

Mohd Sohibul Kahfi Hussin

Dr. Ahmad Mukhlis Mansor

Jabatan Pendakwaan Syariah Wilayah Persekutuan
(JaPenSWP)

Muhamad Yusro Borhan Nordin

Ahmad Husaini Othman

Lembaga Tabung Haji (TH)

Ahmad Shahrman Johari

Mohamad Naser Jaffar

AlHijrah Media Corporation (TV AlHijrah)

Muhammad Sazri Abd Sani

Norhaniza Mat Husain

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)

Zalilah Bahari

Siti Suhafzan Sheikh Ibrahim

Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM)

Adawiah Abdul Samad

Dayana Itri Amran

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM)

Haidatul Azia Husin

Nurain Hasri

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ
عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ
خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾

Surah Ali 'Imran 3:110

Kamu adalah umat terbaik yang dilahirkan untuk manusia, kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah, serta beriman kepada Allah. Sekiranya ahli kitab beriman, tentulah itu lebih baik bagi mereka; (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasik.



Malaysia MADANI akan menjadi satu gagasan baharu yang memeta hala tuju Malaysia menuju sebuah negara bangsa yang maju dan sejahtera. Di atas semangat itu, kejituan hasrat dan kesungguhan azam, maka saya ingin membawa gagasan baharu Malaysia MADANI ini sebagai mantra yang akan kita dukung bersama”.

Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri bersempena amanat
“Membangun Malaysia MADANI” pada 19 Januari 2023.



Menerusi tema Islam Mekar di Bumi Malaysia, kita ingin mengajak seluruh warga kerja agensi meningkatkan usaha, berganding bahu bekerjasama dan menumpukan fokus bagi menjayakan usaha meninggikan syiar Islam seterusnya meningkatkan kemajuan ummah.

Marilah bersama-sama menyuburkan kegiatan dakwah, meninggikan budi dan akhlak masyarakat seterusnya membela sebahagian umat Islam yang masih terpinggir dalam pelbagai bidang kehidupan.

Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)
sempena amanat tahun 2025 pada 23 Januari 2025.



Terbitan



Dengan kerjasama



Sila imbas
QR kod untuk
muat turun PDF.

ISBN 978-967-0044-36-1

